

DR 19.7.2004

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 26	Isnin	19 Julai 2004
----------------	--------------	----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004

Jadual:-

Jawatankuasa:-

Maksud B.18	(Halaman 77)
Maksud B.20	(Halaman 99)
Maksud B.24	(Halaman 121)
Maksud B.28 B.30 & B.31	(Halaman 163)
Maksud B.33	(Halaman 173)
Maksud B.34	(Halaman 197)
Maksud B.35	(Halaman 214)
Maksud B.38	(Halaman 227)
Maksud B.40	(Halaman 247)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No.2) 2003

Jawatankuasa:-

Maksud P.17	(Halaman 26)
Maksud P.19	(Halaman 86)
Maksud P.20	(Halaman 99)
Maksud P.26	(Halaman 129)
Maksud P.28 & P.31	(Halaman 163)
Maksud P.33	(Halaman 173)
Maksud P.34	(Halaman 197)
Maksud P.35	(Halaman 214)
Maksud P.36	(Halaman 226)
Maksud P.37	(Halaman 226)
Maksud P.38	(Halaman 227)
Maksud P.39	(Halaman 246)
Maksud P.42	(Halaman 259)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 66)
---	--------------

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 263)
---	---------------

DR 19.7.2004

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan ubat tradisional dari segi penggunaannya dalam pasaran tempatan dan adakah pihak kerajaan berniat menjadikan ubat tradisional sebahagian daripada sistem kesihatan negara kita dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya mengadakan pelbagai aktiviti bagi memastikan perkembangan Perubatan Tradisional dan Komplimentari (TCM) dapat terus dipertingkatkan agar ianya lebih profesional dan mempunyai pelbagai bukti kesahihan dan keselamatan penggunaannya demi memenuhi hasrat kerajaan untuk mengintegrasikan TCM ke dalam Sistem Perubatan Kebangsaan. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Polisi Perubatan Tradisional dan Komplimentari Kebangsaan yang telah dilancarkan pada tahun 2000. Polisi tersebut menggariskan dasar dan pendekatan kerajaan yang memberikan penekanan terhadap pelbagai aspek TCM dan ia termasuklah bagi menyelia kawal pelbagai amalan, latihan, produk dan Penyelidikan Perubatan Tradisional dan Komplimentari. Sekian.

Tuan Wong Nai Chee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pakaian hari ini ada berlainan sedikit. *[Disampuk]* Baiklah Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee: Tuan Yang di-Pertua, sebab pagi ini saya dah lupa *neck-tie*, jadi saya pinjam daripada *waiter* dari sana.

[Dewan gamat dengan ketawa]

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua,

salah satu faktor utama yang dapat memajukan industri yang melibatkan ubat tradisional dalam negara kita ialah dari segi pengekalan kualiti ubat-ubat itu. Jadi ada sesetengah pengeluar yang mana apabila mereka disuruh oleh pihak kementerian untuk memberikan sampel untuk diuji sebelum pendaftaran ubat, jadi mereka akan memberi sampel-sampel yang tulen tetapi apabila setelah pendaftaran dibuat, kelulusan diperolehi, mereka dalam proses *manufacturing* akan mengeluarkan pula produk-produk yang tidak tulen kerana mereka ingin menjimatkan kos. Jadi, soalan tambahan saya ialah, adakah apa-apa rancangan dari pihak kementerian untuk menangani masalah ini dari segi penguatkuasaan undang-undang? Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia memang selalu mengadakan *raids* atau serbuan ke atas tempat penjualan ubat-ubat tradisional ini untuk memastikan ubat-ubat yang dijual itu adalah sama seperti yang telah dihantar untuk diuji oleh kementerian. Selalunya serbuan itu dibuat dan kita juga sering mengadakan aktiviti-aktiviti perisikan iaitu *surveillance* dan juga mengintip atau *spying on all these* keadaan ini. Sekian.

Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berbalik juga berkaitan dengan penguatkuasaan, didapati bahawa banyak ubat-ubat tradisional ini yang dijual mengandungi tahap steroid dan juga *mercury*, dengan izin, yang berlebihan yang mana kita dapati ini boleh memberi kesan yang buruk kepada orang-orang yang menggunakannya.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Seperti yang dikatakan tadi, kita memang selalunya mengadakan serbuan dan juga mengambil sampel dari kedai-kedai ubat yang ada di Malaysia ini.

Sebagai penunjuk, kita telah mengadakan banyak aktiviti penguatkuasaan seperti kalau kita bandingkan berkaitan dengan ubat-ubat tradisional yang telah dirampas, angka yang kita telah dapat balik semua ubat tradisional ini yang tidak didaftarkan kalau kita ikut nilainya adalah sebanyak RM12.5 juta untuk tiga bulan pertama tahun ini. Kalau dibandingkan untuk keseluruhan tahun 2003, kita telah berjaya merampas sebanyak RM6.5 juta. So, kalau kita bandingkan untuk keseluruhan tahun 2003, kita telah dapat merampas RM6.5 juta dibandingkan dengan

tiga bulan pertama tahun 2004, kita telah berjaya merampas RM12.5 juta ubat-ubat tradisional ini yang tidak didaftarkan. Sekian.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] tidak hadir].

3. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah laporan dan Garis Panduan Jawatankuasa Kabinet mengenai Penyelarasan Penggunaan Tanah Tinggi yang diwujudkan pada tahun 2001.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa peka dan memandang serius terhadap kesan ke atas alam sekitar yang berlaku akibat dari aktiviti pembangunan di kawasan tanah-tanah tinggi dan lereng-lereng bukit di negara ini. Justeru itu, satu Jawatankuasa Kabinet Penyelarasan Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau-pulau telah ditubuhkan pada 7 Disember 2000. Antara lain ialah untuk:-

- (i) menggubal dasar serta hala tuju dan strategi bagi pembangunan kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau;
- (ii) menyelaras dan memantau pelaksanaan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau; dan
- (iii) membuat perakuan kepada Jemaah Menteri mengenai perundangan atau peraturan ataupun garis panduan yang bersesuaian bagi pembangunan di kawasan-kawasan tersebut.

Di antara laporan dan garis panduan mengenai tanah tinggi yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kabinet ini adalah seperti berikut:-

- (i) mengedarkan Garis Panduan Pembangunan Tanah Tinggi pada Jun 2002 kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri untuk diguna pakai oleh pihak kerajaan negeri yang memberi garis panduan mengenai klasifikasi kawasan bercerun di mana pembangunan fizikal dan pertanian boleh dibenarkan dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi;
- (ii) mengadakan Kajian Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air sungai-sungai di Cameron Highlands yang telah dan

sedang dilaksanakan oleh Jabatan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar;

- (iii) kajian pemetaan teren ke atas keseluruhan Cameron Highlands telah disiapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains pada Januari 2003 dan hasil kajian ini adalah amat penting untuk dijadikan panduan oleh kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan di dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan dan pertanian di kawasan ini; dan
- (iv) gambar-gambar dari udara, dengan izin, *arial photography* untuk keseluruhan Cameron Highlands telah diambil dengan tumpuan ke atas projek-projek pembangunan yang dikenal pasti dan gambar-gambar ini akan dapat memberi gambaran yang jelas tentang kesan pembangunan projek-projek berkenaan ke atas alam sekitar di Cameron Highlands.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Peristiwa yang berlaku pada awal tahun 20-an iaitu penggondolan berlaku berleluasa di kawasan tanah tinggi oleh pemaju-pemaju perumahan, oleh penanam-penanam sayur, oleh pembalok-pembalok dan perkara ini disedari secara langsung oleh Perdana Menteri waktu itu, yang menyebabkan Perdana Menteri mengamuk sehingga Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan untuk memantau dan membuat garis panduan terhadap aktiviti-aktiviti yang melampaui batas terhadap tanah tinggi yang seperti ini.

Apa yang saya hendak tanya di sini ialah setelah membuat penyelarasan dan pemantauan, serta setelah dibuat garis panduan dan dihantar kepada setiap negeri pada Jun 2002 seperti yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi, apakah logiknya dalam garis panduan tersebut dilarang sama sekali penebangan hutan ini kepada balak di tanah-tanah tinggi yang berada lebih daripada 1,000 meter ke atas, apa logiknya? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, di antara garis panduan yang telah ditetapkan ialah pembinaan untuk mentafsirkan kawasan yang lebih tinggi daripada 300 meter ke atas, jadi ini termasuklah untuk kecerunan yang tidak boleh

dibangunkan ialah kawasan tanah tinggi yang mempunyai kecerunan yang melebihi 35 darjah kecerunan.

Jadi, saya rasa tidak ada di dalam peraturan kita yang mengkategorikan tidak boleh dipotong pokok mengikut ketinggian 1,000 meter ke atas. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah di Cameron Highlands, untuk perhatian Yang Berhormat, Jabatan Hutan telah pun memberi kebenaran untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan juga aktiviti-aktiviti pembinaan di kawasan-kawasan yang telah dikategorikan sebagai kawasan hutan simpanan. Soalan dan saya minta penjelasan, walaupun kita sudah ada garis panduan, mengapakah Jabatan Hutan membenarkan pembangunan di kawasan-kawasan yang sudah digazet sebagai hutan simpanan dan saya mengkhawatiri keupayaan pemantauan dan juga kekuatan penguatkuasaan terhadap garis panduan yang sedia ada.

Apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Cameron Highlands. Jabatan Hutan kebiasaannya, jenis hutan ini Yang Berhormat, kita ada banyak jenis hutan. Satu, hutan yang telah diserahkan kepada Persekutuan, iaitu terletak di bawah penjagaan dan kawal selia kementerian ini dan ada juga hutan-hutan kekal yang digazetkan atau diwartakan di bawah hutan kerajaan negeri, kita cuma mengeluarkan garis panduan.

Dari segi pemantauan dan juga mengambil tindakan terhadap pencerobohan dan sebagainya adalah diletakkan di bawah penguatkuasaan kerajaan negeri. Mengenai pembangunan, kita telah mengeluarkan garis panduan kepada kerajaan-kerajaan negeri, penguatkuasaan dan sebagainya ini adalah di bawah kerajaan tempatan. Kita tidak ada penguatkuasaan dari segi untuk menguatkuasakan garis panduan yang telah kita keluarkan, kecuali hanya memerlukan laporan EIA dikeluarkan kepada Jabatan Alam Sekitar.

Jadi, melalui garis panduan pembangunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan untuk pembangunan di kawasan bukit 1997 dan juga garis panduan Kawalan Hakisan dan Lodakan 1996 yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Jadi, masalahnya sekarang kita di peringkat kementerian, hanya mengeluarkan garis panduan dan penguatkuasaannya, kebanyakannya di bawah kerajaan tempatan dan negeri. Terima kasih.

4. Tuan Haji Mohd. Said bin Haji Yusof [Jasin] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah kajian dibuat tentang keberkesanan pusat-pusat serenti di mana masalah dadah sentiasa merebak dengan cepat dan didapati penagih yang sama berulang kali dipulihkan dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempertingkatkan usaha pencegahan dan pemulihan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memberi perhatian yang berat terhadap keberkesanan pendekatan rawatan dan pemulihan yang dijalankan di pusat-pusat serenti untuk memulihkan penagih-penagih dadah. Usaha-usaha telah dibuat untuk menilai dan mengkaji semula keberkesanan pendekatan rawatan dan pemulihan yang dijalankan.

Di samping kurangnya penerimaan keluarga, rejeksi sosial, stigma negatif masyarakat dan pengaruh negatif rakan sebaya, salah satu daripada faktor utama yang menyebabkan kadar penagihan semula yang tinggi di kalangan bekas-bekas penagih dadah yang telah keluar dari pusat serenti ialah kurangnya keberkesanan program rawatan dan pemulihan akibat daripada keperluan kepulihan secara total klien (*total recovery needs*) yang tidak dapat disediakan sepenuhnya.

Menyedari hakikat ini, satu program rawatan dan pemulihan yang lebih komprehensif dan bersepadu telah dirangka dan disusun semula dengan mengambil kira kategori dan tahap keparahan yang dialami oleh seseorang penagih.

Umpamanya, program rawatan dan pemulihan yang khususnya telah disediakan mengikut kategori penagih tertentu iaitu penagih remaja, penagih wanita, penagih sukarela, penagih bermotivasi tinggi dan penagih tegar. Strategi ini adalah untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan program rawatan dan pemulihan mengikut keperluan kepulihan kategori penagih tertentu.

Di samping itu, Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) juga sedang meningkatkan kapasiti untuk mewujudkan iaitu sebuah Pusat Khidmat bagi setiap daerah. Langkah-langkah ini adalah sejajar dengan usaha-usaha untuk membantu bekas-bekas penagih

yang telah keluar dari pusat serenti dan menjalani program pengawasan dalam komuniti terus dibantu untuk mengekalkan kepulihan dan tidak menagih semula.

ADK juga sedang mempertingkatkan usaha untuk memantapkan sistem sokongan dalam komuniti iaitu dengan merancang, menggerakkan dan mengkoordinasikan terutamanya program dan aktiviti-aktiviti pemulihan dadah dalam komuniti seperti yang dijalankan Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah, ALUMNI, Pembimbing Rakan Sebaya, Kumpulan Sokong Bantu Keluarga, PEMADAM, Pengasih dan pertubuhan badan-badan bukan kerajaan yang lain.

Usaha-usaha juga sedang giat dijalankan untuk memberi latihan secara profesional kepada pegawai-pegawai Agensi Dadah Kebangsaan dengan kerjasama institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Said bin Haji Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sama ada kementerian sedar atau tidak, mengikut cerita-cerita daripada bekas-bekas pusat serenti, mereka mengatakan bahawa lebih mudah mendapat dadah di pusat serenti daripada di luar. Jadi, apakah kaedah ini, bagaimana kita hendak mengubah penagih-penagih dadah sekiranya di pusat serenti lebih senang mendapat dadah? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jasin. Saya pun dengar cerita ini. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya sendiri pergi ke Dengkil, saya pergi ke Pusat Serenti Dengkil dan saya telah membuat *random*, saya pilih sepuluh orang, yang saya sendiri pilih, saya terus buat *spot check* sama ada betul ataupun tidak, ada *urine testnya*, boleh merasakan keputusan yang positif. Tetapi mungkin orang yang saya pilih itu saya tidak tahu tetapi pilihan telah saya buat sendiri, dan daripada sepuluh yang saya pilih, sepuluh-sepuluhnya memang negatif.

Jadi, saya tidak nafikan apa Yang Berhormat nyatakan, sebab itu saya sendiri telah turun dan saya sendiri buat *spot check*. Tetapi mungkin seperti yang saya katakan daripada sepuluh nampak semuanya negatif, namun demikian, kita akan terus membuat pemantauan, sebab itu kita lihat keadaan pusat serenti itu sendiri memang harus kita pulihkan kerana daripada tembok pagarnya hanya menggunakan dawai dan hari ini sudah sampai masa kita tidak boleh lagi menggunakan dawai kerana

dengan menggunakan pagar dawai ini, ia mudah dipotong dan memang mereka mudah keluar masuk.

Saya ingin menyatakan bukan sahaja dakwaan yang dinyatakan ada dadah di dalam pusat serenti yang saya sendiri periksa, tetapi juga penagih ataupun penghuni pusat serenti ini mereka mudah keluar masuk dan boleh dikatakan setiap bulan memang ada penghuni yang lari keluar daripada pusat serenti.

Saya pergi di Pahang tahun lepas, saya terkejut hampir 1,183 orang lari daripada pusat pemulihan dadah. Saya pergi ke Dengkil enam bulan yang pertama ini, 132 orang sudah lari daripada pusat pemulihan dadah.

Jadi, memang kita akui dan kita akan ambil langkah-langkah yang segera untuk memastikan perkara-perkara yang seperti ini tidak akan berlaku dan saya lihat langkah yang pertama, tembok mesti tukar dengan tembok batu supaya mereka ini tidak mudah lepas keluar. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bagi sayalah, saya pun pernah jadi Pengerusi PEMADAM peringkat negeri Johor, Datuk pun pernah jadi pengerusi jugalah sewaktu kita jadi EXCO di Johor dahulu. Secara terus teranglah kita kata, pusat serenti selama ini 20 tahun lebih semuanya gagal. Kita kena berani mengakui kegagalan pusat serenti.

Dan apabila kita berani mengakui kegagalan ini, bagi saya pusat serenti ini semua kena rombak balik semula, rombak, kalau tidak kita akan berjumpa dengan cerita-cerita yang berulang 60% lepasan serenti berulang semula.

Seorang Ahli: 80%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau sudah 80% maknanya kegagalan sudah ada di sana, buat apa ada pusat serenti kalau kegagalan yang kita terima.

Bagi saya, cara kita menangani penagih-penagih dadah ini kena berubah seluruhnya. Orang yang masuk ke pusat serenti ini, orang yang sudah memang $\frac{3}{4}$ teruk. Kemudian cara rawatan dan pemulihan. Orang yang macam ini sudah tidak ada rawatan dan sudah tidak ada pemulihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini hendak masuk soalan. *[Ketawa]* Soalan hendak masuk, pasal Timbalan Menteri ini pun suka saya golek lebih sedikit dia punya kefahaman, dia pun hendak menyediakan jawapannya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu boleh dibincang di luar Yang Berhormat. Kalau Timbalan Menteri suka itu boleh dibincang di luar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Yang kedua, kita cadangkan buat pulau. Mereka ini dihantar ke pulau, bagi dia cangkul, bagi dia ayam, bagi dia benih, hah engkau hiduplah di sana.

Ini balik-balik masuk pusat serenti, ada penagih dadah ini memang suka masuk balik pusat serenti kerana dia kata, ini hotel kelas lima bintang. *[Ketawa]* Makan *free*, kipas angin ada, sakit dirawat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan ini, kegagalan pusat serenti ini harus diakui dan kerajaan kena berani, ratusan juta Tuan Yang di-Pertua duit rakyat kita belanjakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah, cukuplah.

Seorang Ahli: Soalannya apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalanlah. Jadi, kita harap kerajaan berani mengakui kegagalan pusat serenti dan mesti melakukan sesuatu perubahan yang memang drastik betul untuk menangani masalah penagihan dadah di negara ini. Terima kasih Datuk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada apa yang hendak kita rahsiakan, ini masalah kita bersama, sebab itu saya kata tadi saya tidak malu, saya menyatakan memang setiap bulan, memang ada berlaku penghuni lari daripada pusat serenti. Kalau sebulan itu lari sudah menjadi perkara biasa dah, kalau sebulan itu tidak ada yang lari itu perkara luar biasa mungkin, mungkin ada harimau agaknya di sebelah pagar disebabkan penagih ini dia takut hendak lari.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk kita mengkaji semula, namun demikian seperti Yang Berhormat nyatakan lebih kurang 60% ataupun 80% balik semula, bermakna ada juga yang berjaya, tetapi tidak banyak. Ada lebih kurang 20% yang berjaya dan mereka yang berjaya ini hasil daripada masuk pusat serenti dan mereka dipulihkan semula.

Saya juga bersetuju bukan sahaja pusat serenti ini kita kena kaji, malah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) juga kita mesti kaji balik.

Saya bersetuju, sebab apabila seseorang itu dihantar ke mahkamah majistret, majistret akan bagi dua pilihan, sama ada dihantar ke pusat serenti ataupun diletak di

bawah pengawasan polis, hantar ke pusat serenti kita sudah sedia maklum, 60% balik semula, bila diletak di bawah pengawasan polis, saya hendak menyatakan bahawa penagih dadah yang diletakkan di bawah pengawasan polis ada lebih kurang 55,000 orang, dan daripada 55,000 orang ini hanya 22,000 sahaja yang mengikut peraturan-peraturan penguasaan polis, 30,000 lagi Tuan Yang di-Pertua, lesap, hilang tidak tahu ke mana mereka pergi, hah ini yang merayau di dalam pekan-pekan yang mungkin berlaku jenayah ragut dan sebagainya, sedangkan mereka ini di bawah pengawasan polis, tetapi kita tidak boleh kesan mereka ini.

Jadi, saya bersetuju dan kita akan mengambil perhatian, insya-Allah, kita akan membuat satu seminar untuk mengkaji secara mendalam bagaimana tindakan yang seharusnya kita ambil, ini masalah kita bersama. Terima kasih pandangan Ahli Yang Berhormat.

5. Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) jumlah guru yang terdapat di luar bandar mengikut negeri dan mengapa mengambil masa yang lama bagi pengisian guru yang ditukar/naik pangkat; dan
- (b) jumlah guru yang mengajar di sekolah Cina serta bagaimana untuk mengatasi akan kekurangan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua:-

- (a) Sehingga 31 Januari 2004, jumlah guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah kawasan luar bandar seluruh negara adalah seramai 123,413 orang daripada jumlah keseluruhannya guru seramai 309,994 orang. Tempoh masa yang diambil bagi mengisi kekosongan guru yang bertukar atau naik pangkat di sesebuah sekolah adalah bergantung kepada bekalan guru baru dan guru-guru yang dinaikkan pangkat. Berhubung dengan pertukaran dan penempatan guru, pada lazimnya keluaran guru adalah sekali setahun dan pertukaran guru pula dibuat dua kali setahun.

- (b) Sehingga 31 Januari 2004, jumlah guru yang mengajar di SJKC adalah seramai 31,853 orang.

Bagi mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC, kementerian telah mengambil beberapa langkah, antaranya ialah:

- (i) mengambil Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) berkhidmat di sekolah-sekolah tersebut. Sehingga 30 April 2004, seramai 3,714 orang guru GSTT berkhidmat di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina;
- (ii) menempatkan guru siswazah Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) di sekolah rendah;
- (iii) menempatkan seramai 554 orang guru Lulusan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM – Pengajian Cina) pada Jun 2004;
- (iv) menawarkan kursus persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan untuk sekolah rendah; dan
- (v) mengadakan Program Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS).

Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih atas jawapan yang diberi daripada Timbalan Menteri. Soalan tambahan, apakah tindakan kementerian di dalam usaha-usaha menarik minat guru-guru agar berkhidmat dan apakah jenis insentif yang diberikan kepada mereka yang secara sukarela berkhidmat di kawasan pedalaman.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Untuk menarik minat cikgu-cikgukah atau....

Dato' Seri Tiong King Sing: Insentif.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Insentif memang. Bagi guru-guru kita ada macam yang saya katakan, guru sekarang dari segi gaji pun sudah jauh berbeza daripada guru-guru yang lampau, kita akui. Umpamanya dalam latihan sendiri, kita bagi mereka yang mempunyai ijazah, kita bayar di sekitar RM1,200, yang KDPM pula sekitar RM600. Jadi, ini satu daya tarikan untuk orang menjadi guru, malah hari ini boleh saya katakan di sekitar 60,000 - ini untuk tahun 2005 yang membuat permohonan hendak menjadi guru tetapi kita hanya sempat mengambil 5,000 sahaja.

Bagi guru-guru yang kita hantar di kawasan pedalaman yang mana di kawasan yang begitu dalam kita memberi elaun dan kita juga akan mengkaji semula mengenai elaun-elaun ini yang mana kita panggil Elaun Kepayahan – bukanlah elaun kesengsaraan. Bagi kawasan-kawasan yang dalam (pedalaman) kita berikan elaun dan kita juga akan memastikan mereka ini mendapat tempat tinggal. Oleh kerana itulah kalau boleh kita buat kuarters guru di kawasan-kawasan pedalaman untuk mereka menikmati sebagaimana rakan-rakan mereka yang di kawasan bandar. Terima kasih

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang guru GSTT, contohnya di daerah Johor Baharu, dalam 22 buah SJK(C) terdapat seramai 351 orang guru GSTT. Kebanyakan PIBG sekolah-sekolah ini terpaksa mengutip derma untuk membayar gaji guru sementara ini beratus-ratus ribu ringgit pada setiap tahun. Perkara ini telah berlaku bukan satu-dua tahun, ini lebih daripada lima-enam tahun malah hingga sepuluh tahun tetapi gejala ini masih berlarutan. Saya hendak tahu adakah Kementerian Pelajaran akan mengadakan kursus dalam masa cuti untuk mempercepatkan kursus latihan kepada Guru-guru GSTT ini supaya mereka berpeluang untuk menjadi guru yang berkelayakan. Saya harap tindakan kementerian perlu dipercepatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Ok. Saya harap kursus-kursus dalam masa cuti perlu dipercepatkan untuk mengatasi kekurangan guru-guru di SRJK(C) khususnya di daerah Johor Baharu. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kurang jelas dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, apa yang kita lakukan pada GSTT biasanya kita beri elaun. Pihak kerajaan ada membekalkan peruntukan itu tetapi sekiranya Yang Berhormat bangkit mengenai dengan GSTT tidak dibayar, PIBG bayar – yang itu saya kurang pasti. Itu saya rasa guru sementara.

Keduanya adakah mereka ini daripada sekolah swasta ataupun tidak? Yang itu yang saya kurang jelas. Walau bagaimanapun, saya akan membuat siasatan ini. Kalau sekiranya mereka tidak dibayar oleh pihak jabatan dan sebagainya kita akan siasat. Kalau Yang Berhormat boleh bagi saya segala *detail* siapa yang tidak dapat

kalau mereka itu diambil sebagai GSTT, itu saya hendak tahu. Saya tidak terfikir bahawa PIBG mengutip duit untuk bayar gaji mereka dan dari segi latihan kita tetap memberi latihan kepada mereka sama ada di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan kita akan beri peluang.

Disebabkan itu saya berkali-kali timbulkan hal ini dan meminta mana-mana pihak, khususnya daripada pihak DAP supaya jangan menganggap bahawa pihak kerajaan menganaktirikan SJK(C). Bagi kita kedua-dua sekolah ini tidak ada perbezaan. Perbezaannya ialah sekolah kebangsaan bahasa penghantarnya ialah bahasa Malaysia – sekolah rendah maksud saya. Sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) dan (Cina) ia di dalam bahasa Tamil dan bahasa Cina dan tidak ada diskriminasi. Terima kasih.

6. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kes-kes yang telah dilaporkan sejak dua tahun kebelakangan ini (mengikut negeri) dan menerangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk menghapuskan serangan denggi di Malaysia dan mengapakah penyakit ini masih berleluasa di daerah Klang, Selangor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003 sebanyak 15,442 kes denggi dan denggi berdarah telah dilaporkan di negara ini dengan sejumlah 72 kematian. Pada tahun 2004 pula sehingga 26 Jun 2004, jumlah kes denggi yang disahkan adalah sebanyak 4,732 kes dengan 18 kematian. Jika dibandingkan jumlah yang dilaporkan pada tempoh setengah tahun pertama 2004 dengan tempoh setengah pertama 2003, statistik menunjukkan bahawa terdapat penurunan sebanyak 51% dengan 18 kematian.

Pada tahun ini sehingga 26 Jun 2004, negeri yang melaporkan kes tertinggi ialah Selangor iaitu sebanyak 1,229 kes atau 26%, Perak 933 kes atau 19.2 %, Johor 686 kes atau 14.5% dan Wilayah Persekutuan 415 kes atau 8.7% dan lain-lain negeri melaporkan peratusan kes kurang daripada 8% daripada jumlah keseluruhan di Malaysia.

Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan pemantauan terhadap kejadian kes denggi di seluruh Malaysia pada setiap minggu. Pada awal bulan Mei tahun ini, keadaan cuaca di Malaysia telah mengalami perubahan dengan jumlah penurunan kadar hujan yang tinggi dan ini menyebabkan jumlah kes denggi meningkat melebihi

daripada biasa iaitu berdasarkan medium kejadian kes sepanjang tiga tahun dari tahun 2001 hingga 2003.

Pada 25 Mei 2004, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan arahan denggi *alert* kepada semua Pengarah Kesihatan Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Pendidikan. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia juga telah memberi arahan untuk mempertingkatkan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri pada 17 Jun 2004 yang lalu.

Kuman demam denggi dan demam denggi berdarah dibawa oleh nyamuk aedes yang membiak di persekitaran rumah. Jangkitan denggi selalu berlaku di kawasan yang mempunyai tempat pembiakan yang tidak terkawal. Tempat pembiakan adalah tinggi di kawasan bandar jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar kerana terdapat ramai penduduk yang berpotensi dijangkiti sekiranya kadar nyamuk aedes di kawasan tersebut adalah tinggi. Bagi kawasan di daerah Klang pula, jumlah kepadatan penduduk yang tinggi dan pembangunan yang kurang teratur menyumbang kepada faktor-faktor pembiakan nyamuk aedes yang tinggi di kawasan berkenaan.

Pada tahun 2004 sehingga 26 Jun yang lepas jumlah kes yang dilaporkan adalah sebanyak 100 kes yang telah disahkan pemeriksaan makmal iaitu 70 kes di dalam kelolaan kawasan Majlis Perbandaran Klang dan 30 kes di kawasan luar bandar. Sekian.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebelum memajukan soalan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggunakan nilai murni kaum saya – Kaum Iban, hendak meminta maaf kepada rakan baik saya Ahli Parlimen bagi Klang kerana mengutarakan hal yang timbul di Klang. Bagi saya daerah Klang, Selangor adalah sangat penting kepada seluruh negara Malaysia kerana di sinilah terletaknya mega-mega universiti seperti UiTM.

Pada bulan Mei, dua orang anak saya yang tinggal berasingan, jarak yang jauh di antara satu sama lain telah diserang penyakit denggi ini dan seorang lagi yang datang dari Kuching hendak mengikut majlis konvokesyen pun diserang demam denggi. Jadi, kalaulah begini kemungkinan besar daerah Klang ini nanti menjadi pusat penyebaran denggi ke seluruh negara oleh kerana penuntut-penuntut dari Sabah,

Kelantan, Sarawak dan mana-mana tempat yang pergi belajar di UiTM diserang penyakit ini dan selepas itu membawa balik penyakit ini.

Jadi, soalan saya apakah langkah yang telah digunakan oleh kementerian untuk bekerjasama dengan Majlis Daerah Klang ataupun Selangor untuk menentukan kadar denggi ini diturunkan dengan serta-merta, oleh kerana kita tidak mengatakan bahawa kita adalah negara maju, tetapi apabila kita duduk di sini sehari dua kita diserang penyakit denggi. Saya nampak juga, landskap bukan main hebat di Klang, Selangor, mengapa tidak menggunakan sejumlah wang yang diperuntukkan untuk landskap ini bagi menghapuskan penyakit denggi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang mengambil berat tentang penyakit denggi ini. Saya cuma hendak mengambil sedikit masa Dewan yang mulia ini untuk mengutarakan apakah punca jangkitan denggi ini supaya kita bersama-sama dapat menanganinya. Di antaranya ialah:

- (i) peningkatan penduduk di kawasan bandar;
- (ii) kurang kerjasama individu dan masyarakat dalam usaha-usaha untuk mengurangkan tempat pembiakan nyamuk aedes;
- (iii) orang ramai tidak mengambil berat dan memikul tanggungjawab untuk meningkatkan tahap kebersihan di persekitaran tempat tinggal dan tempat kerja masing-masing. Di samping itu masih terdapat longkang awam yang tersumbat serta pembuangan dan pengutipan sampah tidak teratur yang menjadikan tempat pembiakan nyamuk aedes meningkat;
- (iv) pada tahun 2002 dan awal tahun 2003, Malaysia telah mengalami musim hujan yang berlebihan dan diselang-seli dengan cuaca panas, maka keadaan ini amat sesuai bagi pembiakan nyamuk aedes;
- (v) pembiakan nyamuk aedes yang tinggi di kawasan-kawasan tertentu terutama sekali tempat pembinaan, tapak pembuangan sampah, projek rumah terbengkalai dan kilang;

Tindakan telah diambil dan saya berharap semua Ahli-ahli Parlimen juga boleh menolong untuk mengatasinya dengan tindakan-tindakan berikut. Dari segi Kementerian Kesihatan pula, kita telah mengambil tindakan berikut iaitu:

- (i) untuk meningkatkan pemeriksaan premis rumah oleh anggota-anggota kementerian dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan bagi mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes;
- (ii) meningkatkan kesedaran orang ramai serta kumpulan-kumpulan sasaran tertentu seperti pelajar, suri rumah dan pekerja di tapak-tapak pembinaan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan. Kita juga menggalakkan penglibatan masyarakat dan agensi-agensi kerajaan dan juga swasta dan badan-badan bukan kerajaan dalam aktiviti pencegahan. Kita juga meningkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang seperti mengenakan kompaun, menutup premis dan mengambil tindakan mahkamah. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kita telah menjalankan banyak aktiviti-aktiviti untuk enam bulan pertama tahun 2004 ini:
 - (a) seramai 1,278,000 premis telah diperiksa untuk mengurangkan punca pembiakan nyamuk aedes;
 - (b) sebanyak 4,800,000 premis telah disemur kabus; dan
 - (c) Sebanyak 59,000 premis telah dibubuh ubat jentik-jentik.

Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan, sebanyak 6,288 kompaun bernilai sebanyak RM900,000 telah dikeluarkan bagi individu yang didapati membiak nyamuk aedes di premis masing-masing. Sebanyak RM246,000 telah dikutip dari orang ramai yang membiarkan premis masing-masing menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Sebanyak 3,400 notis telah dikeluarkan sebagai amaran dan arahan kepada individu yang didapati membiarkan premis mereka dipenuhi dengan tempat-tempat berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan semua penyakit denggi boleh sembuh 100%, selepas diserang oleh denggi ada yang

boleh menghadapi mata buta sebelah atau kedua-duanya. Ada yang boleh menghadapi kecacatan otak atau *mentally retarded* dan lain-lain kecacatan sampingan dan selepas kecacatan ini, mereka mungkin dibuang kerja atau kehilangan kerja.

Bagi pekerja-pekerja di sektor swasta, mereka bukan boleh dilindungi oleh SOSCO dan kakitangan kerajaan tidak pasti sama ada mendapat perlindungan insurans Takaful atau tidak. Apakah kementerian boleh membantu atau boleh memberi pampasan kepada pesakit ini kerana mereka akan hilang pekerjaan seumur hidup?

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang penyakit denggi ini seperti yang telah saya terangkan tadi, bagaimana nyamuk aedes ini dapat membiak. Yang kedua itu, apakah tindakan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan dari segi mendapatkan pampasan itu, kita rasa yang pentingnya adalah pencegahan daripada untuk mendapatkan pampasan ini dan itulah mengapa kita merayu kepada semua lapisan masyarakat termasuk juga semua Ahli-ahli Parlimen dan semua Wakil Rakyat untuk mengatasi masalah ini, untuk mengurangkan tempat pembiakan nyamuk aedes ini. Sekian, terima kasih.

7. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada Kerajaan Sabah bagi menyelesaikan masalah bekalan air terutamanya di Sandakan yang memerlukan peruntukan segera sebanyak RM450 juta bagi tujuan pembesaran Projek Bekalan Air Sandakan (Fasa II) di sepanjang laluan utara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi peningkatan permintaan air domestik dan industri di Sabah, peruntukan sebanyak RM470 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi melaksanakan projek-projek bekalan air di Ranau, Kudat, Kuala Penyu, Menumbuk, Papar, pembinaan loji dan kolam takungan serta paip utama di Telibong dan Telipok serta program mengurangkan kadar kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) negeri Sabah.

Mengenai masalah kekurangan bekalan air di Sandakan, sejak kebelakangan ini ia berpunca daripada lebihan permintaan dan kadar NRW yang tinggi iaitu 67%,

beberapa tindakan proaktif jangka pendek dan jangka panjang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

Mengenai langkah jangka pendek, Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan peruntukan khusus sebanyak RM35 juta untuk melaksanakan program mengurangkan kadar kehilangan Air Tidak Terhasil di daerah Sandakan pada tahun 2002. Pelaksanaan program ini, apabila disiapkan kelak akan dapat mengurangkan kadar kehilangan Air Tidak Terhasil sekurang-kurangnya pada kadar 20 juta liter sehari.

Dari segi langkah jangka panjang pula, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju supaya Projek Bekalan Air Sandakan (Fasa II) dengan kos sebanyak RM482 juta dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan tersebut sebanyak RM52 juta telah diluluskan dan bakinya akan dibiayai di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ketika ini, kerajaan negeri sedang dalam proses untuk melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Peratusan NRW sebanyak 67% itu agak tertinggi di seluruh negara. Peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi juga hanya peringkat jangka pendek, jangka panjang pun juga tidak begitu jelas.

Berapakah peruntukan yang diperlukan untuk menyelesaikan *Non Revenue Water* ini, sebab ini melibatkan menggantikan paip-paip yang sudah usang dan jika sekiranya ini tidak ditangani, *Non Revenue Water* ini akan berterusan. Ini tidak akan menyelesaikan masalah bekalan air di seluruh Sabah. Saya ingin tahu dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, berapakah peruntukan yang akan diberikan untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, kadar NRW negeri Sabah adalah merupakan yang tertinggi iaitu lebih kurang 62% dan kebanyakannya adalah di antaranya disebabkan fizikal *lost* dengan izin dan satu lagi *commercial lost*. Yang boleh diselesaikan ialah dari bill air yang tidak terkutip, kemudian masalah penyambungan tidak sah ataupun penyambungan secara haram dan meter telah terlalu lama yang mana kalau meter itu telah terlalu lama, dia semakin lama semakin

perlahan. Sepatutnya meter ini perlu ditukar setiap lima tahun atau 10 tahun, kebanyakan pengguna-pengguna tidak menukar meter-meter ini.

Berhubung dengan keperluan negeri Sabah, sebagaimana yang kita ketahui, air di negeri Sabah ini masih lagi di bawah kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita maklum, bahawa melalui Mesyuarat Tindakan Air Negara, pada bulan Julai 2003 telah meminta supaya kuasa air dipindahkan daripada negeri ke Kerajaan Pusat hanya bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Pada hari ini Kerajaan Pusat juga mengharapkan supaya kerajaan Sabah sama-sama menyertai supaya boleh dipindahkan kuasa pengurusan air dari negeri Sabah dan juga Kerajaan Pusat kerana kos untuk menguruskan bekalan air di negeri Sabah adalah tinggi. Kalau mengikut permintaan Kerajaan Negeri Sabah, mungkin melebihi RM1 bilion dan jika Kerajaan Pusat bercadang memberi projek penswastaan terus kepada syarikat-syarikat yang ingin menjalankan operasi air mungkin kos yang perlu dibayar oleh konsumer kepada tarif air itu terlalu tinggi.

Oleh itu Kerajaan Pusat telah mengkaji dan melantik konsultan supaya boleh dicarikan kadar yang sesuai bagaimanakah *expenditure cost* yang perlu diberikan sama kerajaan akan menanggung kos ini ataupun syarikat-syarikat penswastaan itu yang menanggung *expenditure cost* ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang saya buat kajian sedikit, jumlah *Non Revenue Water* untuk seluruh negara kerugiannya adalah antara 20% sehingga 62%, menjadikan *average* untuk negara adalah 42%, iaitu di Sabah 62% dan di sesetengah tempat adalah 20%.

Daripada 42% ini, 20% adalah akibat kebocoran, 18% adalah akibat penyalahgunaan oleh pengguna misalnya menggunakan *sprinkler*, membasuh kereta dan sebagainya akibat ketidapakaran dalam penggunaan *water*, dengan izin 18% dan 4% adalah kerana *fire hydrant* dan juga sambungan penyambungan haram yang dibuat oleh kebanyakannya pendatang asing.

Soalan tambahan saya ialah daripada 42% *average* untuk nasional ini, 18% dan 4% adalah boleh dikawal, hanya 20% yang tidak boleh dikawal oleh kerana pembocoran. Jadi soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian atau kerajaan untuk memastikan bahawa 18% yang hilang *Non Revenue Water* kerana kecuaiian manusia dan 4% lagi adalah kerana penyambungan

haram dan penggunaan *fire hydrant* ini boleh dicegah supaya pembocoran 20% ini sahaja yang boleh kita tangani. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya kagum Yang Berhormat buat *homework* yang begitu banyak berhubung dengan masalah air negara.

Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bidang kuasa air ini masih lagi berada dalam kerajaan negeri dan dari segi kehilangan air ini, banyak juga sebab-sebabnya kerana kurangnya *inforcement* oleh kerajaan negeri. Oleh itu, sebagaimana yang dinyatakan, Majlis Tindakan Air Negara telah memutuskan bahawa kuasa pengurusan air dipindahkan kepada Kerajaan Pusat dan hari ini kita mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan pada ketika ini sedang membuat kajian bagaimanakah untuk memantau, membuat satu badan *tributary* untuk memastikan kadar-kadar air NRW ini dapat dikurangkan.

Pada peringkat ini satu konsultan telah dilantik dan konsultan ini juga diminta mendapat input daripada negara-negara asing bagaimanakah mereka menguruskan NRW ini. Terima kasih.

8. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah penjamin sosial hingga kini bagi setiap negeri. Sejauh mana penjamin sosial tidak diambil tindakan kebangkrapan oleh syarikat kewangan di bawah Akta Kebankrapan 1967.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan *Insolvency* Malaysia tidak mempunyai sebarang statistik khusus mengenai butir-butir atau jumlah mengenai penjamin sosial yang telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah mengikut negeri. Ini adalah memandangkan pemfailan petisyen kebangkrapan oleh pemiutang penghakiman dibuat terus ke mahkamah tanpa perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Insolvensi Malaysia dan juga tanpa perlu menyatakan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia dalam kapasiti apakah penghutang penghakiman itu dijadikan bankrap.

Tarif penjamin sosial hanyalah diperkenalkan dalam Akta Kebankrapan 1967 melalui pindaan kepada Akta Kebankrapan 1997 yang dibuat pada 2003 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2003.

Penghukuman bank dari kes-kes yang telah difailkan akan diputuskan atau ditentukan oleh mahkamah mengikut peruntukan akta yang dipinda. Walaupun penjamin sosial ditakrifkan di dalam Akta Kebankrapan 1967, hak menentukan seseorang itu penjamin sosial ataupun tidak adalah dalam bidang kuasa mahkamah, bukan ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau Jabatan Insolvensi Malaysia.

Jabatan Insolvensi Malaysia melalui Ketua Pengarah Insolvensi hanya mula mentadbir kes kebangkrapan selepas perintah penerimaan dan perintah penghukuman dibuat oleh mahkamah. Sebab-sebab kebangkrapan juga hanya diketahui oleh Jabatan Insolvensi Malaysia jika orang yang diisytiharkan bankrap oleh mahkamah hadir di Jabatan Insolvensi Malaysia untuk pentadbiran kesnya. Pemiutang penghakiman pempetisyen bebas memulakan prosiding kebangkrapan terhadap mana-mana penghutang penghakiman dalam apa-apa kapasiti. Mahkamah dan peguam-peguam yang berkaitan akan membuat pengertian dan penghujahan mengenai takrif ini.

Sejauh manakah penjamin sosial tidak diambil tindakan kebangkrapan oleh syarikat kewangan di bawah Akta Kebankrapan 1967 juga adalah di luar pengetahuan dan kawalan Jabatan Insolvensi Malaysia kerana hak memulakan prosiding kebangkrapan atau apa-apa guaman sivil terhadap pinjaman sosial atau penjamin sosial atau mana-mana pihak adalah hak pihak yang menuntut.

Jabatan Insolvensi Malaysia atau kerajaan tiada hak menghalang atau menasihati syarikat kewangan mengambil tindakan kebangkrapan ke atas penjamin sosial. Jabatan Insolvensi Malaysia hanya mentadbir hal ehwal estet orang yang telah diisytiharkan bankrap tanpa mengira sama ada si bankrap itu penjamin sosial atau penjamin biasa atau peminjam hutang.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar saya percaya wakil-wakil rakyat sama ada Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat juga termasuk ADUN berada dalam keadaan rumit dan dilema bila berdepan dengan tuntutan rakyat terutama pengikut-pengikut kita sendiri yang memerlukan kita menjamin untuk mendapat pinjaman sama ada daripada tabung pengajian tinggi atau MARA, akhir sekali sebahagian daripada mereka tidak melunaskan hutang itu, dan pihak-pihak berkenaan terutama sekali pihak agensi kerajaan tentunya akan mencari penjamin. Sekiranya penjamin itu daripada Ahli Parlimen, ia sangat rumit.

Oleh kerana itu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sama ada kerajaan bersedia untuk menimbang satu usul atau keputusan melindungi wakil-wakil rakyat kita ini daripada menjadi penjamin terutama penjamin sosial supaya ianya tidak menjadi dilema pada masa depan. Kalau tidak susah kita berdepan dengan rakyat.

Yang kedua, sebahagian daripada ahli-ahli majlis daerah, ahli-ahli jawatankuasa hal ehwal tanah dan juga pemegang jawatan politik sama ada peringkat bahagian atau jajahan kadang-kadang terdedah kepada tidak sahnya keputusan mereka kerana terlibat dalam bahagian kebangkrutan ini. Jadi, sejauh manakah kerajaan boleh mengambil langkah bagi memastikan supaya tidak ada ahli-ahli majlis daerah, ahli-ahli jawatankuasa hal ehwal tanah, jajahan dan juga ahli-ahli yang memegang jawatan politik tidak terlibat dengan kebangkrutan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebenarnya dalam Barisan Nasional kita telah pun mengarah kepada wakil rakyat kita sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli Parlimen supaya mereka tidak akan menjadi penjamin bagi mana-mana pinjaman yang diambil oleh rakyat yang memerlukan kepada penjamin. Ini adalah bagi mengelak daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kita dan Dewan Rakyat terlibat dengan kes kebangkrutan.

Kita sebenarnya tidak boleh melindungi termasuklah Ahli Parlimen ataupun wakil rakyat dalam hal ini kerana kita akan memberikan signal kepada orang ramai iaitu bahawa kalau wakil rakyat menjadi penjamin maka mereka jatuh dalam takrif 'penjamin sosial' dan ini akan menyebabkan ramai orang akan minta wakil rakyat untuk menjadi penjamin. Jadi, sebab itu kita tidak boleh ada satu, dengan izin, *special treatment* kepada wakil rakyat untuk menjadi penjamin dan memasukkan mereka di bawah takrif 'penjamin sosial' dan ini akan melepaskan mereka daripada diambil tindakan mahkamah. Jadi, kita akan menjadi seorang yang tidak bertanggungjawab langsung kerana kita akan bebas menjamin semua siapa datang kepada kita dan kita akan penjamin dengan kita berpengetahuan bahawa kita adalah penjamin sosial dan kita akan terlepas daripada kes kebangkrutan. Jadi, sebab itu saya rasa....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada silap faham sedikit. Saya pohon supaya satu pertimbangan dibuat di Parlimen atau oleh kerajaan supaya Ahli-ahli Parlimen tidak boleh menjadi penjamin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya telah jawab dalam jawapan saya pertama. Ini terpulang kepada parti masing-masing. Kalau dalam PAS kalau dia hendak jadi popular dia hendak menjamin semua, itu terpulang kepada dialah. Tetapi kami dalam Barisan Nasional telah pun mengarah semua Ahli Dewan Rakyat dan ADUN tidak boleh jadi penjamin kepada pinjaman. Itu tanggungjawab parti masing-masing kerana kita tidak boleh membuat satu peraturan yang mengehendkan kuasa individu walaupun dia Ahli Parlimen daripada dia menjadi penjamin kepada sesiapa sekalipun, kita tidak boleh buat. Jadi, arahan ini patut datang daripada parti, dan BN telah pun memberi arahan iaitu bahawa kita tidak boleh jadi penjamin. Itu tanggungjawab, begitulah parti yang bertanggungjawab harus memperingatkan kepada ahli-ahli dia, Dewan Rakyat dan juga ADUN.

Nombor dua, soalan Yang Berhormat sebentar tadi berkenaan dengan majlis daerah. Kita juga tidak boleh ada peraturan khas untuk sesiapa. Kita semua tahu iaitu bahawa si bankrap tidak boleh menjadi calonkah, menjadi pengerusi, ahli lembaga pengarahkah. Itu soal kalau dia telah menjadi penjamin dia harus tahu bahawa kalau dia sebagai ahli majlis daerah, dia ambil tindakan untuk menjadi penjamin, dia kena tahu kalau sekiranya dia tidak bayar dan tindakan akan diambil, sebagai penjamin dia akan kena tindakan dan ia tidak boleh dikategorikan sebagai pinjaman sosial kerana seperti mana telah saya sebut sebentar tadi sama ada kita penjamin sosial ataupun tidak, itu terpulang kepada mahkamah untuk menentukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 2) 2003****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.2) 2003 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[15 Julai 2004]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini telah dibentangkan dan mula dibahas pada hari Selasa yang lepas. Termasuk Kementerian Belia dan Sukan, kita ada lagi 14 kementerian untuk diselesaikan. Mengikut Peraturan Mesyuarat urusan ini sepatutnya atau elok dapat diselesaikan pada hari Khamis. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya rang undang-undang ini dapat diselesaikan pada pukul 4.00 petang ini.

Dalam hubungan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mintalah Ahli Yang Berhormat yang berucap dan Menteri yang akan menjawab nanti perlu ambil ingatan masalah masa yang kita hadapi. Yang kedua, kepada Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat diberi peluang nanti, saya mohon persefahaman dan kerjasama.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*, Tuan Pengerusi. Yang disebut tadi diakui oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa kita sudah melanggar Peraturan Mesyuarat oleh kerana patutlah perbahasan ini berakhir pada hari Khamis oleh kerana tiga hari sahaja diperuntukkan. Bukankah kita perlu mengadakan satu usul untuk *suspend the Standing Order* supaya membenarkan kita teruskan hari ini supaya *Supplementary Estimate* boleh diluluskan, oleh kerana kalau tidak, ini tidak selaras dengan Peraturan Mesyuarat. Mungkin kita boleh *adjourn* untuk 5 minit, 10 minit di mana satu usul boleh dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri *suspend Standing Order* yang berkenaan

supaya kita boleh teruskan perbahasan ini. Oleh kerana kalau tidak ini bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir ini tidak perlulah kerana memang kita boleh buat keputusan. Dan untuk menjimatkan masa saya minta nanti Ahli Yang Berhormat yang berucap ambil ingatan masalah masa yang kita hadapi. Sebagaimana yang dicadangkan masa untuk perbahasan ini perlu diberi tempoh masa yang lebih panjang, kita boleh mengkaji Peraturan Mesyuarat untuk masa akan datang. Di dalam hubungan ini, saya minta kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat termasuk Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Kajian, perkara yang lain, kajian untuk masa depan, tetapi apa yang kita hadapi di hadapan kita di mana kita sudah melanggar Peraturan Mesyuarat yang ditetapkan tiga hari sahaja. Saya bukan kata tidak patut mengadakan masa lebih panjang yang sepatutnya kita ada, tetapi untuk menangani isu di hadapan kita, kita perlulah mengikut Peraturan Mesyuarat dan kalau kita mahu lebih masa kita pun bersetuju mengikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada dan perlulah satu usul untuk *suspend Standing Order* membenarkan lebih daripada.....*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah Yang Berhormat. Saya ikut apa yang pernah kita lakukan dahulu. Pada lazimnya memang kita benarkan kalau tambahan masa tidak begitu panjang. Jadi, saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang kedua, memang Yang Berhormat mungkin akan kata beri peluang kepada lebih ramai berucap. Sebenarnya ramai telah diberi peluang. Di peringkat dasar lebih daripada 30 Ahli Yang Berhormat telah berucap dan kepada Ahli Yang Berhormat ada perkara-perkara ingin suarakan dalam Dewan ini kita cadangkan bulan September ada bajet lagi boleh kita bersama-sama membincangkan. Saya minta Yang Berhormat bagi Sekijang sambung semula bagi Kementerian Belia dan Sukan. Saya minta Yang Berhormat bagi Sekijang menyambung semula ucapan. Yang Berhormat ada lagi hanya dua minit sahaja. *[Ketawa]*

Maksud P. 17 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] –**11.12 tgh.**

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa dalam Maksud P.17 di bawah Butiran 00100 iaitu Peralatan Sukan.

Tuan Pengerusi, padang sukan ini adalah amat penting sekali bagi kita terutamanya di peringkat daerah di mana saya mendapati bahawa badan-badan sukan ini bukan sahaja tidak ada di Jabatan Belia dan Sukan daerah, dan saya minta dengan kementerian supaya bukan sahaja memohon peruntukan untuk memberi di pusat-pusat kemahiran belia sahaja tetapi di peringkat daerah juga perlu disediakan kerana Jabatan Belia dan Sukan di daerah tidak mempunyai peraturan yang secukupnya. Apabila kita terutamanya daripada belia-belie kadangkala untuk mengadakan sukan dan kita mohon bantuan daripada Jabatan Belia dan Sukan, ia sendiri tidak ada peralatan sukan dan kadangkala bila dia sendiri menganjurkan terpaksa pula meminjam dengan orang lain dan ini sudah tentu nama Jabatan Belia dan Sukan itu tidak sesuai untuk dipakai. Jadi, saya mintalah bukan sahaja di institusi-institusi kemahiran belia ini diberikan peralatan tetapi juga peralatan-peralatan yang sama juga perlu diberikan kepada Jabatan Belia dan Sukan Daerah.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, apabila kita memberi peralatan sukan ini kita mestilah selari dengan tenaga untuk menyimpan dan sebagainya di mana kadangkala kita mendapati bahawa di Jabatan Belia dan Sukan Daerah juga seperti mana kawan-kawan saya yang lain menyatakan bahawa kita di daerah ini kadang kala mendapati kakitangan Jabatan Belia dan Sukan terlalu kurang iaitu hanya dua atau tiga orang sahaja.

Apabila Jabatan Belia dan Sukan mempunyai kakitangan yang kurang iaitu dua atau tiga orang di peringkat daerah, di mana kadang-kadang di peringkat daerah ini ada mengandungi dua, tiga atau empat kawasan Parlimen. Jadi, apabila mesyuarat diadakan - saya kira di dalam kekerapan tiga atau empat kali seminggu, pegawai belia yang menghadiri mesyuarat itu akan meninggalkan pejabat dan akan meninggalkan kakitangan yang ada kalanya kontrak dan langsung tidak boleh membuat keputusan dan terpaksa menunggu Pegawai Belia Daerah untuk membuat balik dan ini saya rasa tidak sesuai lagi dalam keadaan yang macam ini dan kalau perlu ditambahkan lagi -

ditambahkan lagi. Kita bukan lagi pada zaman-zaman yang sebelum ini kerana kita memerlukan Jabatan Belia dan Sukan ini bergerak aktif di daerah-daerah. Peruntukan yang cukup juga perlu diberikan kepada Jabatan Belia dan Sukan Daerah ini kerana kita mendapati banyak aktiviti sukan dan sebagainya tidak dapat diselaraskan kerana tidak mempunyai peruntukan yang secukupnya.

Baru-baru ini saya diberi peluang untuk merasmikan Kejohanan Bola Keranjang, tetapi apabila saya bertanya kepada pihak penganjur, Jabatan Belia dan Sukan Daerah tidak langsung ada wakil atau memberikan apa-apa sumbangan kepada persatuan atau mereka yang menganjurkan ini. Saya beranggapan bahawa apabila keadaan ini berlaku, sudah tentulah – apabila sampai ke peringkat daerah, negeri atau mewakili negara, Jabatan Belia dan Sukan yang mahukan nama tetapi daripada segi menganjur dan memberi peruntukan nampaknya mereka terlalu lemah .

Jadi, saya mohon supaya peruntukan yang secukupnya juga diberikan kepada Jabatan-jabatan Belia di daerah-daerah ini supaya mereka dapat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Baharum bin Mohamed: supaya mereka ini dapat menganjurkan aktiviti yang sepatutnya mereka anjurkan. Saya dengan ini mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

11.17 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya secara khusus ingin menyentuh tiga perkara. Pertama, saya mengalu-alukan pembinaan IKBN di seluruh negara dan saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya apabila kita mengadakan, menganjurkan kursus-kursus itu biarlah kita menyemak dengan Kolej Komuniti dan juga ILP yang di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Saya mendapati kursus-kursus yang ditawarkan ada persamaan dan pertindihan kursus yang telah ditawarkan. Dalam konteks ini, biarlah IKBN mempunyai kekuatan sendiri membenar ataupun menganjurkan kursus-kursus yang relevan dengan aktiviti belia ataupun yang boleh digunakan oleh belia apabila mereka keluar mencari pekerjaan nanti.

Soal kedua ialah mengenai Program Rakan Muda. Saya juga menyokong usaha kerajaan untuk mengadakan Program Rakan Muda, tetapi ianya harus diberi nafas baru dan pada ketika ini ianya hanya tertumpu pada golongan sasaran yang merupakan orang yang berpersatuan, yang mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti belia. Bagaimana pula dengan 7 juta pemuda yang tidak mengambil aktiviti-aktiviti dalam persatuan ini?

Jadi, haruslah kita memikirkan satu strategi dan pendekatan baru supaya mereka ini dapat berkecimpung atau melibatkan diri dalam Program Rakan Muda.

Ketiga, saya dapati kita asyik membincangkan tentang prestasi atlet-atlet sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Saya juga mendapati bahawa apabila atlet sukan ini bersara, mereka ini nampaknya tertinggal dari segi akademik. Mereka ini sebelum mewakili negara telah berkorban banyak masa demi untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan, maka dalam konteks ini saya mencadangkan supaya IKBN boleh digunakan sebagai salah satu platform untuk kita melatih, mengadakan kursus yang secara spesifiknya kepada atlet-atlet yang mewakili agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan perdana.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Akhir sekali saya mencadangkan pada masa akan datang apabila hendak membina IKBN biarlah kawasan Ayer Hitam itu boleh dipertimbangkan, kerana sampai hari ini tidak ada satu institusi pun berada di situ. Kawasan ini memang berpotensi - dari Ayer Hitam hingga ke Yong Peng, dan ini juga akan memanfaatkan orang-orang kampung khususnya mereka yang duduk di kawasan pedalaman. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ipoh Barat.

11.20 pagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membincangkan mengenai Butiran Projek 02000 iaitu Program Rakan Muda dan Kompleks Sukan Negara.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita telah mendapat tahu bahawa beberapa peserta yang ingin mengambil bahagian dalam SUKMA telah keliru kerana ada

beberapa arahan yang bercanggah. Jadi, kita hendak lihat daripada mulanya sebab-sebab SUKMA ini diadakan. Ianya diadakan bagi membolehkan *young talent to be found*, dengan izin, dan juga supaya kita boleh mengadakan satu sistem di mana pencarian *talent* yang baru dan juga dengan adanya *talent* yang baru kita dapat *build up*, mereka ini, dengan izin.

Tuan Pengerusi, kita hairan ada beberapa arahan yang bercanggah di antara satu dengan lain. Baru-baru ini, satu di antara arahan tertentu yang sedia ada kepada peserta-peserta yang ingin mengambil bahagian dalam SUKMA ialah, mereka tidak layak kalau telah mengambil bahagian dalam ASEAN Games, Sukan Komanwel, Sukan Olimpik, *individual ASEAN* atau di mana-mana *world meet* atau telah memperolehi pingat dalam Sukan SEA, nampaknya ada beberapa percanggahan. Terutamanya di mana baru-baru ini *National Sports Council, Director General*, Datuk Wira Mazlan Ahmad telah mengatakan, bahawa jika seseorang telah mengambil bahagian dalam mana-mana *international meet* dia tidak layak untuk bertanding atau mengambil bahagian dalam SUKMA.

Ini bertentangan dengan apa yang kita perlu tafsir, misalnya jika seseorang itu terlalu muda adakah dia tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam SUKMA. Katakan dia berumur 16 tahun dan mengambil bahagian dalam *international meet*, mengapa dia tidak boleh diberi peluang untuk lebih *develop* dan *the bottom line objective*, iaitu menggalakkan muda-mudi kita mengambil bahagian dalam SUKMA supaya kita boleh *develop talent* mereka. Tetapi dengan arahan-arahan yang bercanggah – ini saya katakan bercanggah kerana baru-baru ini diketahui bahawa seorang yang bernama Lim Yit Min yang telah mengambil bahagian dan telah mendapat *gold medal* dalam bahagian taekwondo dalam Sukan SEA di Vietnam telah dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam SUKMA. Saya difahamkan ada beberapa peserta yang telah mengambil bahagian dalam SUKMA baru-baru ini, arahan-arahan itu telah *backward* yang nampaknya tidak ada satu arahan tertentu dan mengikut arahan yang sedia ada.

Jadi, apakah sebab-sebab perkara ini terjadi? Adakah kementerian tersebut bersikap pilih kasih kepada peserta-peserta tertentu supaya mereka berpeluang untuk mengambil bahagian dalam SUKMA, walaupun bertentangan dengan apa yang ternyata dalam regulasi SUKMA ini?

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin memberitahu baru-baru ini juga ada dua organisasi iaitu *National Sport Council* dan *Malaysian Game Supreme Council*. Di mana kedua-dua ini diketuai oleh Menteri Belia dan Sukan, tetapi dalam kedua-dua organisasi ini ada bertentangan juga *National Sport Council* berkata bahawa maksimum pertandingan yang boleh dianjurkan oleh SUKMA patutlah 24 sahaja, tetapi *Malaysian Games Supreme Council* berpendapat yang berlainan. Tetapi kedua-dua itu diketuai oleh menteri tersebut. Ini nampaknya ada cangah juga, jadi macam mana kita mengatasi perkara ini. Adakah saya salurkan bahawa ada kita perlu ada satu peraturan atau satu perintah dari menteri tersebut supaya ada satu polisi yang boleh guna pakai untuk semua pihak yang mengambil ingin mengambil bahagian dalam SUKMA.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin juga menyalurkan perkara Sukom Berhad. Ini perkara telah dibangkitkan oleh saya sendiri melalui satu soalan di sesi yang dulu, tetapi kita mahu, kita sudah mendapat satu menteri yang baru, kita perlu satu pro satu *proactive action* supaya masalah Sukom di mana membawa satu dengan izin, *scar to the* organisasi sukan di mana RM10 juta telah diberi kepada Sukom Berhad dengan terma-terma yang tertentu akan tetapi sudah lebih kurang 10 tahun wang itu belum dikembalikan kepada kerajaan dan orang-orang berkaitan yang melibatkan dalam Sukom Berhad telah tidak ada *responsibility* dalam mengendalikan RM10 juta ini.

Apakah tindakan yang telah diambil? sekarang bila kerajaan menjawab mengatakan bahawa ini adalah satu perkara di mana telah dirujuk kepada mahkamah, itu tidak menjawab soalan yang asasnya iaitu macam mana penyelewengan, macam mana kecuaiian, macam ini terjadi, macam mana perkara ini dapat dielak. Saya anjurkan satu perkara iaitu saya harap kerajaan akan sekurang-kurangnya melaporkan dengan tegas dan telus apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil supaya semua akaun untuk RM10 juta itu akan diberi kepada Dewan Rakyat, bukan diberitahu kepada semua Ahli Dewan Rakyat dan juga tindakan akan diambil terhadap orang-orang yang telah menggunakannya, menyelewengnya supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih.

11.28 pagi.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong tambahan belanjawan ini dan mengalu-alukan peruntukan yang begitu besar untuk pembinaan kompleks-kompleks sukan, stadium dan kompleks rakan muda. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan di atas pembinaan kompleks rakan muda di kawasan saya, di Bera.

Pembinaan kompleks sukan yang begitu banyak, peruntukkan yang begitu besar sahaja semata-mata tidak akan berjaya untuk melahirkan jaguh-jaguh sukan yang berjaya jika beberapa masalah sukan tidak diselesaikan. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara, yang pertamanya adalah dari segi masalah pelajar-pelajar kita yang terpaksa membuat pilihan, sama ada untuk menjadi jaguh sukan ataupun untuk mengalami kecaciran dalam mata pelajaran mereka.

Ramai jaguh sukan yang boleh kita lahirkan daripada peringkat awal lagi iaitu di peringkat sekolah, tetapi kerana memikirkan bahawa jika mereka terus bersukan walau bagaimana bagus sekali pun mereka bersukan, menaikkan nama sekolah dan sebagainya, tetapi apabila mereka terpaksa menghadapi kecaciran di dalam mata pelajaran akhirnya mereka meninggalkan bidang yang patut mereka ceburi. Ini menyebabkan kita kehilangan jaguh-jaguh sukan yang patut kita lahirkan di peringkat yang lebih muda. Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran bersama Kementerian Belia dan Sukan memikirkan supaya diwujudkan satu pemarkahan bagi ahli-ahli sukan di peringkat sekolah. Dengan itu mereka tidak lagi di dalam delima, jikalau mereka aktif di dalam bidang sukan mewakili sekolah, mewakili negara, mewakili negeri dan sebagainya pemarkahan akan diberi dan ini menyebabkan mereka tidak akan merasakan bahawa jika mereka menumpukan perhatian kepada bidang sukan tidak akan kecaciran dalam bidang pelajaran.

Jadi saya berharap pihak Kementerian Pendidikan serta Kementerian Belia dan Sukan melihat perkara ini dengan serius, jika tidak akhirnya pelajar-pelajar yang mampu diketengahkan akan meninggalkan sukan sama ada di peringkat sekolah menengah ataupun di peringkat universiti dan sebagainya.

Yang keduanya adalah kebajikan ahli-ahli sukan mestikan diberikan perhatian. Sukan tidak dianggap sebagai profesion di dalam negara kita. Kerana ahli-ahli sukan hanya diperlukan semasa mereka berjaya di dalam sukan, tetapi selepas mereka sudah bersara di dalam bidang sukan akhirnya mereka ketinggalan, kejayaan yang

mereka perolehi hanya mereka dapat dengan medal-medal dan hadiah-hadiah sahaja yang tersimpan di dalam almari cenderamata mereka, tetapi kebajikan mereka ditinggalkan. Sebab itulah baru-baru ini, kita membaca dalam surat khabar bekas jaguh ataupun bola sepak negara, Allahyarham Syed Ahmad kalau tidak silap saya, misalnya terlantar di hospital dan tidak ada penumpuan, tidak perhatian kepada beliau. Dulu kita pernah dengar pejalan kaki negara yang menjadi jaguh, yang mengharum nama negara di peringkat antarabangsa Sukan ASEAN, Sukan Asia dan sebagainya tetapi selepas nama dijulung, selepas beliau sendiri dijulung akhirnya balik ke pejabat ke tempat kerja menjadi pembaca meter air, *meter reader* dan sebagainya tidak ada siapa yang mempedulikan.

Jadi, saya kira kita perlu memberikan perhatian kepada kebajikan ahli-ahli sukan kita. Kadang-kadang ahli-ahli sukan yang bekerja di pejabat swasta dan sebagainya walaupun mewakili negara, kadang-kadang untuk mendapatkan cuti dan sebagainya menghadapi masalah dengan majikan-majikan mereka. Saya kira kementerian patut memberikan perhatian kepada jaguh-jaguh sukan terutamanya yang mampu untuk menaikkan nama negara seperti yang saya sebutkan beberapa nama tadi.

Satu perkara lagi yang saya kira perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian adalah mengenal pasti setiap individu yang mempunyai bakat daripada kecil dan dibimbing sehingga menjadi jaguh sukan yang berjaya. Kita lihat di beberapa negara seperti di negara-negara Russia, Rumania dan sebagainya. Bagaimana mereka mampu mendidik ataupun membimbing ahli-ahli sukan gimnastik mereka semenjak daripada kanak-kanak tadika lagi mereka telah kenal pasti dan membimbing sehingga mereka berjaya. Tetapi di negara kita saya lihat tidak ada perkara ini dilakukan, tidak penumpuan khusus semenjak daripada zaman awal lagi.

Satu perkara lagi yang saya ingin cadangkan ialah supaya tumpuan kepada bidang-bidang sukan yang tidak memerlukan saingan fizikal semata-mata. Saya beri contoh misalnya bidang-bidang sukan yang memerlukan saingan fizikal seperti renang, tentu sahaja kita tidak akan mampu untuk bersaing dengan perenang-perenang dari luar negara yang mempunyai fizikal yang lebih besar daripada kita. Begitu juga dengan *basketball* misalnya kita tidak akan mampu, begitu juga dengan pelarian pecut kita tidak akan mampu. Tetapi kalau tumpuan kita beri kepada bidang-bidang sukan yang tidak memerlukan saingan fizikal tetapi bidang-bidang sukan yang memerlukan

kepakaran untuk diri sendiri misalnya gimnastik, gimnastik kita tidak ada saingan dengan orang lain. Kalau kita mampu bergimnastik dengan baik, kita akan mendapat kemenangan. Begitu juga dengan bowling, misalnya sukan bowling, kita tidak ada saingan fizikal dengan orang lain dan kita mampu berjaya. Golf misalnya kita tidak ada saingan fizikal, menembak misalnya tidak ada saingan fizikal walau besar macam mana pun saingan kita, kita tidak menghadapi persaingan fizikal dengan mereka. Jadi tumpuan kepada bidang-bidang ini boleh menjamin kemenangan kita. Sebab itulah kita mampu meletakkan bowling sebagai satu sukan, ahli-ahli sukan kita bertaraf antarabangsa. Begitu juga dengan squash dan sebagainya.

Satu perkara lagi yang saya ingin tekankan yang terakhir sekali adalah dari segi jurulatih. Kalau kita lihat, jurulatih-jurulatih kita diambil banyak sekarang ini diambil daripada jurulatih-jurulatih daripada luar negara dan kita terpaksa ...

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera. Saya selalu silaplah, Berakah, Berekah. Saya tertarik dengan idea Yang Berhormat, yakni kita berikan tumpuan kepada jenis-jenis sukan yang kita tidak menghadapi saingan dari segi fizikal. Tetapi masalah kementerian kita, saya tidak tahulah perancangan dia macam mana, macam Yang Berhormat kata tadi, itu satu cara kita hendak menonjolkan negara kita yang penduduknya rata-rata ketinggiannya lima kaki, ia guna meterkah, lima kaki lapan inci, lima kaki, fizikal orang Asialah kata orang, yang makan nasi ini, tidak berapa besar, hendak bersaing pun payahlah. Tetapi nampaknya kementerian kita beri kepada jenis-jenis sukan yang *glamour* macam bola sepak yang mana walaupun kalah teruk tetapi itulah yang diberi tumpuan. Jadi, sebab itu kita tidak menonjol.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera hanya ada 10 minit sahaja. Minta Yang Berhormat ringkaskan.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Ya, itulah. Jadi saya mintalah kementerian supaya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bera adalah satu cadangan yang baik, yang boleh difikirkan supaya nama kita di arena sukan antarabangsa ini boleh timbul di tempat-tempat yang kita boleh bersaing seperti yang dikatakan oleh Bera tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kalau payah hendak sebut Berekah, Berakah, kita cadangkan kepada kementerian, kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, supaya kita menggunakan

semula “e tanda” balikkah, kalau tidak susah, Berakah, Berekah, Beluranlah, tak tahu menyebut Belurankah, Serian, kita tidak tahu. Terima kasih sahabat saya.

Satu lagi ialah dari segi pengambilan jurulatih luar. Kita lihat negara kita begitu seronok kalau mendapat jurulatih luar dan bayaran yang diberikan kepada jurulatih dari luar adalah terlalu tinggi dan kalau kita lihat dari segi mutu sukan yang mempunyai jurulatih daripada luar tidak menampakkan peningkatan yang baik. Seperti bola sepak misalnya, jurulatih luar dibayar puluhan ribu dengan berbagai-bagai insentif tetapi tidak ada peningkatan juga. Begitu juga dengan hoki dan sebagainya.

Saya kira apa yang paling penting untuk menjimatkan belanja dan sebagainya, kita boleh hantar jurulatih kita ke luar negara dan balik menjadi jurulatih. Kita bayar gaji tinggi kepada orang dalam negara kita lebih baik daripada kita bayar jurulatih daripada luar puluhan ribu tetapi tidak membawa makna atau erti yang begitu banyak kepada sukan kita. Sekurang-kurangnya jurulatih kita yang dihantar ke luar negara apabila pulang boleh menjadi jurulatih yang berjaya dan mampu untuk melatih jurulatih-jurulatih tempatan yang lain. Jadi saya minta supaya pihak kementerian memikirkan perkara ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Akhir sekali Tuan Pengerusi, dari segi bantuan-bantuan kewangan, saya mohon kepada pihak kementerian supaya memberikan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan daerah yang menganjurkan banyak program sukan, kadang-kadang programnya bertaraf nasional dan *international*. Kadang-kadang persatuan sukan terpaksa meminta sedekah untuk mendapatkan peruntukan daripada pihak swasta bagi menganjurkan sukan yang besar.

Saya sendiri selaku Yang di-Pertua Persatuan Sukan Daerah menganjurkan satu kejohanan sukan yang telah dimasukkan di dalam *Calender of Events* Kementerian Pelancongan. Satu-satunya jenis sukan yang saya anjurkan adalah larian antarabangsa, perlumbaan lari berganti-ganti atas jalan raya Temerloh-Mentakab sejauh 10 kilometer. Tidak ada di tempat lain yang menganjurkan acara sukan sebegini dan kita telah memulakannya sejak lebih daripada 10 tahun, dimasukkan dalam *Calender of Events* Kementerian Pelancongan tetapi dari segi bantuan sumbangan masih tidak mencukupi dan setiap tahun kita terpaksa merayu, meraih simpati daripada pihak swasta untuk mendapatkan sokongan dan sebagainya.

Jadi saya harap program-program yang besar seperti ini pihak kementerian patut melihat dengan secara serius dan memberikan bantuan dan sumbangan kepada pihak persatuan di peringkat daerah. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah memberikan peruntukan yang begini besar kepada kawasan saya dan saya menyokong belanjawan ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

11.40 pagi

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian sedikit sahaja iaitu di bawah Kepala 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara. Saya terkejut apabila peruntukan tambahan yang diminta hanya lebih kurang RM69 juta untuk membiayai beberapa Institut Kemahiran Belia Negara ini, kerana pada pandangan saya kalau dikira untuk pembelian peralatan untuk menggantikan peralatan-peralatan lama, peralatan lapuk yang digunakan di Institut Kemahiran Belia Negara ini, peruntukan sebanyak ini adalah tidak mencukupi kerana saya sendiri telah pernah melawat ke Institut Kemahiran Belia Negara di kawasan Bachok baru-baru ini, saya lihat dengan mata kasar saya sendiri bagaimana peralatan yang digunakan di institut tersebut cukup memalukan.

Sebab itulah kita tengok belia-belia kita sekarang ini kalau diminta memberi pilihan sama ada ingin pergi ke Institut Kemahiran Belia Negara atau kepada Institut Kemahiran MARA, sudah tentu 80 peratus daripada belia-belia kita lebih suka untuk pergi ke Institut Kemahiran MARA kerana Institut Kemahiran MARA menampakkan kepada masyarakat bahawa mereka boleh mengeluarkan belia-belia kita yang bermutu, khususnya dalam bidang kemahiran walaupun barangkali untuk memasuki Institut Kemahiran Belia Negara syarat-syaratnya adalah lebih rendah sedikit kalau hendak dibandingkan dengan syarat-syarat untuk kemasukan ke Institut Kemahiran MARA.

Tetapi walau bagaimanapun, memang dari segi mutunya, pandangan masyarakatnya dan syarikat-syarikat kecil jika diberi pilihan untuk memilih atau mengambil belia-belia kita yang lulus daripada Institut Kemahiran Belia Negara, kalau

dibandingkan dengan mereka yang lulus daripada Institut Kemahiran MARA, sudah tentu pilihan mereka akan mengambil belia-belia yang mempunyai kelulusan daripada Institut Kemahiran MARA kerana Institut Kemahiran MARA ini, kita lihat mereka menjaga keseluruhannya selain daripada pensyarah-pensyarahnya ataupun tenaga pengajarnya yang terdiri daripada orang-orang yang berkeelayakan, yang bermutu, demikian juga peralatan-peralatan yang digunakan di situ juga adalah lebih canggih, lebih moden jika dibandingkan dengan apa yang digunakan di Institut Kemahiran Belia Negara.

Jadi saya mengharapkan supaya pihak yang bertanggungjawab ini mestilah memantau, melihat sendiri bagaimana kedudukan Institut Kemahiran Belia Negara yang berada di merata tempat sekarang ini yang tidak dikawal, yang tidak dijaga dengan baik dan tidak diganti dengan peralatan-peralatan moden yang sesuai dengan kehendak zaman kini terutama sekali belia-belia kita sekarang ini tidak mahu lagi menggunakan peralatan-peralatan lama walaupun boleh digunakan untuk kemahiran mereka sendiri tetapi mereka tidak mahu menggunakannya kalau ada peralatan-peralatan baru yang lebih canggih yang boleh digunakan dari masa ke semasa sekarang ini.

Yang kedua saya hendak sebutkan berkenaan dengan Program Rakan Muda di bawah Kepala 02000. Ini pun juga, nampaknya Program Rakan Muda kita ketinggalan sedikit. Pada zaman mutakhir ini kita kurang mendengar belia-belia kita yang bercakap berkenaan dengan Program Rakan Muda ini. Saya kira suatu masa dahulu pihak pembangkang, khususnya PAS menentang habis-habisan Program Rakan Muda ini kerana program yang diadakan di situ nampak tidak berkesan dan banyak galakan kepada sosial, kepada mereka ini kerana pergaulan lelaki perempuan dimasa program itu berjalan cukup memalukan kita semua. Tetapi saya anggap Program Rakan Muda ini telah pun dipinda kurikulumnya supaya tidak berlaku terlalu banyak perkara-perkara yang tidak diingini oleh belia-belia kita sewaktu berada di dalam Program Rakan Muda ini.

Sesuai dengan keadaan sekarang ini di mana kerajaan mengisytiharkan Islam Hadhari, barangkali boleh diambil kesempatan oleh pihak kerajaan, khususnya mereka yang ada berpendidikan agama dalam kepimpinan kerajaan sekarang ini, cubalah beri pandangan-pandangan yang sesuai dengan keadaan negara kita yang diisytiharkan Islam Hadhari ini. Kalau tidak, adalah tidak bermakna kepada mereka yang

berpendidikan agama yang berada di dalam kerajaan tidak diberi peranan langsung, terutama sekali di dalam aktiviti-aktiviti belia. Maka saya yakin, saya percaya kehendak pemimpin negara melaksanakan Islam Hadhari akan berlaku seperti mana keadaan yang sedia ada juga, iaitu berada pada takuk yang lama ataupun tahap yang lama.

Saya kira ramai di kalangan pemimpin-pemimpin khususnya pemimpin UMNO yang mengalami kekalahan dalam pemilihan baru-baru ini terutama sekali kepada golongan agama, mereka ini boleh dimanfaatkan di tempat-tempat seperti ini. Kalau hendak jadi pemimpin politik telah pun kalah dalam pemilihan baru ini kerana banyak kemenangan baru-baru ini kepada pemimpin-pemimpin muda yang berpendidikan sekular, ini lebih ramai yang memerlukan jawatan sekarang ini, maka yang berpendidikan agama yang telah ketinggalan ini, ambillah, gunakan kesempatan ini untuk membimbing, melatih pemuda pemudi kita ini supaya cepat sampai ke tahap yang dikehendaki oleh pihak Perdana Menteri sesuai dengan Islam Hadhari yang dikehendaki oleh Perdana Menteri ini. Kalau tidak, saya kasihan kepada Perdana Menteri kita ini kerana saya lihat sekarang ini dalam pentadbiran UMNO ini memang golongan-golongan yang berpendidikan agama ini telah jatuh dari semasa ke semasa. Saya terbaca dalam surat khabar hari Sabtu baru-baru ini ada bekas pemimpin UMNO merungut yang mengatakan program agama dalam kerajaan ataupun UMNO sekarang ini telah pun hampir jatuh. Kalau tidak silap saya namanya Shafiekah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi sikitlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, masa sudah habis, sedikit sahaja lagi. Tanya dahulu boleh, jangan bersyarah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat sudah menyeleweng jauh. UMNO tidak pernah meminggirkan orang agama. Ramai tokoh agama di peringkat negeri, daerah dan peringkat nasional, ramai sebenarnya. Kita berbangga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya rasa memandang tinggi golongan agama ini. Di Parlimen ini pun ramai golongan agama ini. Jadi PAS balik-balik hendak politikkan, seolah-olah agama itu dia yang punya. Orang UMNO lebih ramai yang alim-alim sebenarnya daripada orang PAS.

Seorang Ahli: Betul!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya beri contoh seperti mana Yang Berhormat bagi Parit Buntar baru-baru ini, seorang yang berpendidikan agama, bekas

menteri tetapi jadi prebet sekarang ini, kasihan dia. Apatah lagi baru-baru ini Saudara Nakhaei bertanding Ketua Bahagian, Timbalan Ketua Bahagian pun jatuh. Maknanya trend baru ini, UMNO sudah tidak mahu kepada orang-orang yang berpendidikan agama nampaknya sekarang ini. Kasihan saya....

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, kita bercakap hal sukan ini, jangan mengarut-ngarut, tidak payah kerja lain, terus tumpukan kepada bidang sukan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak, saya hendak kaitkan ini. Tuan Pengerusi ada, Tuan Pengerusi ada, ini bukan Tuan Pengerusi.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak payah mengarut-ngarut keluar
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi ada, ini bukan Tuan Pengerusi. Saya hendak kaitkan dengan Program Rakan Muda ini sekarang ini supaya diambil orang yang berpendidikan agama. Sudahlah dalam politik tidak diambil orang yang berpendidikan agama, dalam perkara-perkara seperti ini pun tinggalkan orang-orang yang belajar agama. Kasihanlah kepada orang-orang yang belajar agama dalam UMNO sekarang ini. Itu maksud saya. *[Ketawa]*

Jadi saya harap kepada pihak kerajaan, saya tidak sebut UMNO, pihak kerajaan ...

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *Out-of-date!*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya? Saya harap supaya pihak kerajaan ini mengambil berat kepada setiap program yang dianjurkan oleh kerajaan ini memasukkan ciri-ciri agama ini sesuai dengan kehendak Perdana Menteri. Kalau cakap sahaja, sedangkan program-program yang diatur ini ditinggalkan terus perkara-perkara yang mendekati kepada agama oleh belia-belia kita ini, maka tidak akan sampai maksudnya. Jadi saya harap supaya golongan Rakan Muda ini diubah suai, dibaiki sesuai dengan kehendak Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Kementerian hendak jawab?

Tuan M. Kula Segaran: Ada lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah. Kementerian menjawab.

Puan Chong Eng: Cepat sangat!

Tuan M. Kula Segaran: Boleh saya bahas?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran: Terlepas, saya hendak ingatkan satu perkara....

Puan Chong Eng: Tiga minit sahaja!

Tuan M. Kula Segaran: Tidak sampai satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila.

11.48 pagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dengan izin Tuan Pengerusi iaitu mengenai *Lennard* yang baru yang telah menyeberang *English Channel* di mana masa yang diambil beliau adalah separuh dari apa yang diambil oleh Datuk Malik sebelum ini. Jadi apakah kerajaan akan memberi pengiktirafan yang tertentu? Adakah ganjaran dan sebagainya akan diberi? Jikalau ada, apa yang akan diberi dan bila akan diberi?

Puan Chong Eng: *Scholarship* kah?

Tuan M. Kula Segaran: *Scholarship* dan sebagainya memandangkan beliau sekarang sedang belajar jurusan *Medical Studies*, *second year* dan *what we called it, an extra ordinary Malaysian*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, kementerian menjawab.

11.49 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Kuala Krai, Sabak Bernam, Ketereh, Ledang, Bentong, Sekijang, Ayer Hitam, Ipoh Barat, Bera, Sri Gading dan Rantau Panjang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 2003, Maksud P. 17 untuk Butiran 00100, peruntukan tambahan sebanyak RM69,152,120 untuk membiayai pembelian peralatan di lapan Institut Kemahiran Belia Negara iaitu IKBN Pagoh, IKBN Alor Gajah, IKBN Chembong, IKBN Bachok, IKBN Bukit Mertajam, IKBN Kuala Perlis, IKBN Kinarut dan IKBN Miri.

Yang kedua, Butiran 00600, peruntukan tambahan sebanyak RM40,000,000 adalah dikehendaki untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi membiayai pembayaran kemajuan Kompleks Sukan Negeri Melaka.

Yang ketiga, Butiran 02000, peruntukan tambahan sebanyak RM26,392,930 adalah dikehendaki untuk membiayai pembinaan 17 Kompleks Rakan Muda iaitu Kompleks Rakan Muda Alor Gajah, Seberang Prai, Maran, Kemaman, Kuala Pilah, Besut, Jempol, Puchong, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kampar, Baling, Raub, Jerantut, Bera, Larut, Klang dan Kota Tinggi. Kesemuanya berjumlah sebanyak RM135,545,050.

Tuan Pengerusi, saya rasa bangga dan terharu kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin, peka dan mengambil berat serta memberi perhatian kepada pembangunan belia dan sukan di tanah air kita. Saya tertarik dengan cara-cara Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan pandangan, teguran dan kritikan malah kemarahan-kemarahan yang diluahkan dan gaya yang tersendiri. Namun begitu, saya hanya akan memberi jawapan kepada perkara-perkara yang menyentuh tentang Anggaran Peruntukan Tambahan sahaja.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan, izinkan saya memberi justifikasi tentang keperluan kepada peruntukan tambahan ini. Program Rakan Muda mempunyai agenda yang besar di dalam memacu dan membangun potensi golongan muda. Semenjak Rakan Muda mula dilaksanakan pada tahun 1994, ia telah berjaya menarik ramai golongan remaja menyertai program ini. Sehingga tahun 2003, statistik penyertaan belia dalam Program Rakan Muda mencapai seramai lebih kurang 4.5 juta orang manakala bilangan aktiviti yang telah dilaksanakan di seluruh negara sebanyak 350,630 aktiviti.

Berdasarkan statistik penyertaan, jelas menunjukkan program ini mendapat sambutan yang baik di kalangan belia. Pelaksanaan Program Rakan Muda berjalan di semua peringkat iaitu peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Sebahagian besar adalah program tersebut dilaksanakan sepenuhnya oleh NGO dan selebihnya dilaksanakan secara kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan dan NGO. Keadaan ini sebagai satu cara menggalakkan penglibatan NGO dalam membantu menganjurkan sesuatu program dan mengaktifkan pertubuhan tersebut.

Kementerian juga memperkenalkan skop pelaksanaan program Rakan Muda kepada aktiviti-aktiviti baru yang dikenal pasti sebagai menarik minat remaja kepada

program Rakan Muda seperti sukan lasak, X-Games, futsal, *street soccer*, sukan bermotor dan sebagainya.

Di samping itu, Program Pembangunan Sukarelawan dan Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda juga diperkembangkan. Program-program ini mengisi masa lapang remaja dan menghindarkan mereka dari kegiatan yang tidak sihat. Kementerian sentiasa melihat potensi-potensi tertentu yang boleh lagi digembleng bagi memastikan pelaksanaan program Rakan Muda mencapai matlamat. Justeru itu, cawangan Rakan Muda akan distruktur semula bagi tujuan memperluaskan liputan program, menambah jumlah kepegawaiannya, mewujudkan penggerak Rakan Muda sebagai satu mekanisme memantapkan pelaksanaan Program Rakan Muda di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi, pada peruntukan kedua, negeri Melaka tidak mempunyai kelengkapan sukan yang sesuai. Stadium yang sedia ada adalah kecil dan sebahagian daripada acara sukan dijalankan di dewan-dewan kecil dan meminjam dewan sekolah. Sesuai dengan keperluan penduduk dan sukan sebagai salah satu dari sektor pelancongan serta hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk menganjurkan Temasya Sukan Utama, maka satu kompleks sukan diperlukan. Program ini dilihat mempunyai potensi bagi memenuhi keperluan sukan tempatan. Dari segi kewangan projek ini telah dijadikan sebagai satu tanggungjawab sosial ke arah pembangunan secara komprehensif di samping membolehkan negeri Melaka menjadi tuan rumah bagi kejohanan yang besar. Ia juga berperanan sebagai menarik lebih ramai pelancong melalui kegiatan sukan. Dari segi ekonomi pembinaan kompleks sukan ini dibina untuk kemudahan awam, kesihatan rakyat negeri dan aktiviti rekreasi. Atas alasan di atas Kementerian Belia dan Sukan bersetuju menyalurkan peruntukan berbentuk geran dan pinjaman mudah bagi membiayai keperluan kewangan ini.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan yang telah menyentuh berkenaan dengan kompleks sukan. Buat masa ini kementerian sedang mengkaji untuk melaksanakan kompleks sukan di seluruh Malaysia iaitu di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu sebanyak 419 buah. Sebagai langkah pertama kompleks sukan ini akan dibina di Kepala Batas, Pekan dan Pengerang sebagai satu dengan izin *pilot project* untuk diuji keberkesanannya. Ini bukan bermakna bahawa kompleks ini dibina hanya di tempat-tempat ternama tetapi buat masa ini kementerian tidak ada peruntukan untuk melaksanakan di setiap

kawasan. Projek kompleks sukan adalah tumpuan utama kementerian dalam *budget* Rancangan Malaysia Ke-9.

Mengenai akademi sukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kinabatangan. Menteri Belia dan Sukan memang prihatin di atas ketidakhadiran akademi sukan. Buat masa ini terdapat dua sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar. Setakat ini sekolah-sekolah ini telah mewujudkan ramai atlet untuk sukan hingga ke peringkat Olimpik.

Dalam sekolah-sekolah ini ada juga masalah. Oleh kerana sekolah-sekolah ini di bawah Kementerian Pendidikan, atlet-atlet kita yang telah bersara tidak dapat menjadi jurulatih oleh kerana sekolah-sekolah ini di bawah Kementerian Pendidikan, jurulatih-jurulatih ini dikehendaki mempunyai ijazah untuk menjadi jurulatih. Oleh kerana masalah ini atlet-atlet kita yang tidak mempunyai ijazah tidak dapat meneruskan untuk menjadi jurulatih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Sebagai satu contoh.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada yang bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak tahu apakah benar bekas-bekas atlet yang telah mengharumkan nama negara yang ingin mencurahkan segala kepakaran, kemahiran dan pengalaman mereka terutama di kalangan pelajar-pelajar sama ada di sekolah rendah ataupun menengah tapi tidak mendapat kerjasama untuk mereka mencurahkan segala pengalaman yang telah mereka perolehi, sebagai contoh saya sebut kepada Yang Berhormat, M. Dataya seorang atlet yang masih lagi bergiat cergas walaupun umurnya sudah menjangkau 69 tahun.

Jadi apakah keadaan ini berlaku ataupun pihak kementerian terutamanya Majlis Sukan Negara berhasrat untuk mengguna mereka ini sama ada di peringkat sekolah ataupun ingin memperluaskannya lagi terutama di bawah program-program khidmat negara yang sedang dijalankan pada masa ini. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Untuk penjelasan, tolong beri saya masa untuk habiskan perkara ini dahulu kerana dalam hal ini ada jawapan Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Sa. Vigneswaran: Sebagai contoh Selangor telah menjadi juara SUKMA sebanyak lima kali di mana mereka ada pusat latihan yang serupa yang mana atlet-atlet dipilih menjadi jurulatih. Oleh yang demikian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi saya terdengar Yang Berhormat mengatakan kadang-kadang depa ini tidak boleh diterima kerana tidak ada kelulusan. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang kelulusan itu tidak begitu penting, pengalaman yang lebih penting dan mereka telah buktikan kejayaan mereka. Mengharumkan nama negara dan mereka telah berjaya di persada sukan peringkat antarabangsa dan juga nasional dan sebagainya. Saya ingat ini mencukupi bagi mereka menjadi jurulatih kepada bakal-bakal ahli-ahli sukan untuk negara. Jadi mungkin perkara ini boleh dilonggarkan. Kementerian boleh melonggarkan kelayakan-kelayakan atau kelulusan-kelulusan yang diperlukan kerana saya ingat macam orang tua-tua, orang lama-lama ini depa lebih berpengalaman dan orang berpengalaman itu tidak boleh di belanja Yang Berhormat. Pengalaman itu tidak boleh dibeli. Ini adalah *experiences* yang mereka dapati dan ini boleh menolong membangunkan atlet-atlet negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Menteri telah buat cadangan supaya akademi-akademi sukan dapat diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 supaya semua negeri dapat melahirkan atlet-atlet yang berpotensi tinggi. Sehingga menunggu Rancangan Malaysia Ke-9 sebagai dengan izin *temporary measure*, kementerian sedang mengkaji untuk mewujudkan akademi sukan di bahagian Kompleks Sukan Rakan Muda. Pendekatannya mewujudkan akademi sukan dengan mewujudkan akademi sukan sedemikian atlet-atlet ini tidak semestinya berjalan jauh untuk melatih diri sebagai *example* di sekolah sukan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Hendak habis dah. Nanti.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, ini yang lain pula fasal jurulatih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan kalaulah sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi jurulatih itu semuanya memerlukan kelulusan yang tinggi, memang kita juga terima. Tetapi masalahnya kejayaan Fauziah Abdul Razak seorang anak peneroka rancangan Felcra Seberang Perak telah mencatat sejarah menjadi atlet pertama untuk menang pingat emas di Kejohanan Olahraga Asia yang diadakan baru-baru ini. Adakah ini menunjukkan bahawa beliau juga mendapat tunjuk ajar daripada seorang jurulatih yang *qualified* dengan izin. Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat, penjelasan saya ini belum habis lagi. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah mengkaji isu ini dengan secara terperinci dan kewujudan kompleks, akademi sukan ini akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Satu pendekatan yang telah disebut itu, iaitu:

- (i) dengan mewujudkan sukan sedemikian atlet-atlet ini semestinya tidak dapat berjalan jauh untuk melatih dirinya seperti di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Bandar Penawar;
- (ii) kita boleh menjadikan atlet-atlet kita sebagai jurulatih tanpa kelayakan ijazah bagi memantapkan lagi sukan ini, jikalau akademi-akademi ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Tetapi sekolah-sekolah yang disebutkan tadi adalah di bawah Kementerian Pelajaran dan kita ini tidak boleh cakap

Ada yang bangun lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya, hendak bangun lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang terakhirlah, Yang Berhormat. Saya juga ingin penjelasan. Kalau kita singkap balik sejarah, *qualified coaches*, dengan izin, adakah Punch Gunalan, yang pernah menyertai *All England* dan M. Jagatheson serta M. Rajamani, juga mendapat tunjuk ajar daripada seorang pelatih yang *qualified*. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat bagi Larut, ini berkenaan dengan sekolah-sekolah sukan, yang kita cakap pasal Punch Gunalan ini pun saya tidak faham, pasal yang saya cakap ini ijazah, yang dikenakan oleh Kementerian Pelajaran adalah di sekolah-sekolah sukan. Oleh kerana semua guru, walaupun dia itu jurulatih tetapi *condition* yang dikenakan ialah ijazah, tetapi jikalau akademi-akademi yang akan diwujudkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan seperti Akademi Sukan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan....

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Sa. Vigneswaran: Biar saya habis dululah. Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang akan diwujudkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Keperluan ijazah ini dapat diketepikan, yang akan diberi pendekatan adalah jikalau jurulatih itu benar-benar *qualified* untuk menjadi jurulatih seperti atlet-atlet yang telah bersara dan atlet-atlet yang telah memberi *sacrificed* kepada negara.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mana hendak beri, Yang Berhormat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam perkara yang sama, iaitu pewujudan Akademi Sukan ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat tentang pelaksanaan pada ketika ini, sedar ataupun tidak pihak Kementerian Belia dan Sukan

telah menyediakan lebih kurang 50 golf set di sebuah sekolah di negeri Melaka, *namely* Sekolah Kebangsaan Datuk Palembang.

Tujuannya adalah untuk mendidik sukan golf di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Jadi, saya lihat di sini apabila jurulatih-jurulatih yang ditugaskan untuk melatih *golfer*, pemain-pemain golf muda ini, adalah jurulatih-jurulatih yang terdiri daripada guru-guru sekolah yang tidak pernah kenal golf set pun. Ada pula seorang guru yang datang berjumpa saya, bertanyakan jika saya ada golf set lebih untuk disedekahkan kepada beliau bagi mengajar anak-anak ini bermain golf.

Jadi, persoalannya bagaimanakah hasrat kementerian untuk menyediakan kanak-kanak ini untuk menjadi pemain golf profesional apabila dewasa kelak kerana jurulatih-jurulatih yang ada ini, tidak pernah kenal pun golf set bagaimana rupa dan tidak diperuntukkan untuk mempunyai golf set sendiri bagi mengajar anak-anak ini. Kita semua maklum bahawa permainan golf memerlukan satu *state of art*, ada seni dan cara tersendiri dan segala-galanya mesti dipunyai dan dihayati oleh pemain golf itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiausaha Parlimen.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu benar, itu pasalnya kita kena wujudkan Akademi Sukan, untuk memberi penekanan kepada sukan-sukan yang khas seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu berkenaan dengan golf. Takkan guru-guru kita ini pandai bermain golf, tetapi itu hasrat, kerana masa sekarang ini, di bawah Kementerian Pelajaran, semua guru dan pelatih adalah kena mempunyai ijazah seperti sekolah-sekolah kerajaan.

So, dengan kewujudan Akademi Sukan ini kita boleh mengetepikan isu-isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga orang Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat rakan saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan. Soal jurulatih tadi, soal jurulatih yang hendakkan ijazah dan sebagainya, Kementerian Pelajaran, polisi dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tanya, dari segi jurulatih ini, kuasa siapa, dasar siapa yang melantik? Kalau dasar Kementerian Belia dan Sukan, soal pendidikan, okey, hendak lahirkan jurulatih yang berijazah, itu Kementerian Pelajaran hendak buat. *Go ahead*, dengan Kementerian Pelajaran tetapi yang hendak jadi jurulatih, dasar hendak memilih jurulatih, sepatutnya dasar Kementerian Belia dan Sukan.

Cadangan rakan saya Yang Berhormat bagi Larut tadi, saya nampak logik, tidak semestinya jurulatih berijazah sahaja yang boleh melatih jaguh-jaguh sukan kita, jurulatih yang berpengalaman, misalnya, kadang-kadang lebih baik daripada jurulatih berijazah. Jadi, kalau Kementerian Belia dan Sukan yang buat polisi ini, jadikanlah dasar Kementerian Belia dan Sukan, selain daripada ijazah yang ada pengalaman pun boleh menjadi jurulatih. Jadi, apa kena-mengena dengan Kementerian Pelajaran pula? Itu yang saya tidak faham.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Tadi yang saya bangkitkan ialah sekolah-sekolah sukan yang ada pada masa ini, sekolah-sekolah sukan yang menjadi sebagai Akademi Sukan. Untuk menjadi jurulatih di sekolah-sekolah sukan ini, yang di bawah Kementerian Pelajaran, seseorang jurulatih itu terpaksa ada ijazah.

Cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang selaras dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan adalah kewujudan Akademi Sukan. Jikalau Akademi Sukan ini wujud, kita dapat dua kesimpulan:

- (i) Akademi Sukan ini akan diwujudkan di setiap negeri. Ini akan.....

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Tuan Sa. Vigneswaran: Nanti saya jawab ini dahulu, nanti lupa, minta maaf Yang Berhormat.

- (i) supaya budak-budak yang akan dilatih atau akan dipilih untuk akademi sukan ini tidak seharusnya berjalan jauh seperti mereka kena datang dari Sabah ke sini, semua datang ke Kuala Lumpur;
- (ii) atlet-atlet yang telah menyumbangkan kepada negara, atlet-atlet yang tidak mempunyai ijazah boleh menjadi jurulatih di dalam akademi-akademi yang akan diwujudkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jadi, ini yang merisaukan saya, sebenarnya banyak sangat pertindihan. Kita sudah ada sekolah sukan – Kementerian Pelajaran, kemudian kita tengok Kementerian Belia dan Sukan pula hendak buat pula Akademi Sukan, mungkin satu masa nanti ada kementerian lain hendak buat yang lain pula dalam sukan. Jadi, bertindih-tindih.

Jadi, ini yang kadang-kadang, yang menyebabkan perbelanjaan kita, sepatutnya wang itu boleh kita salurkan setempat, menjadi berlapis-lapis, pembaziran berlaku dan sebagainya.

Jadi, rasa sayalah apa yang paling baik ialah dalam pembangunan sukan ini, kita ada dua kementerian yang terlibat secara khusus, Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Belia dan Sukan. Dan rasa saya dari segi perlantikan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kenapa tidak tiga badan ini, JPA, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan duduk bersama-sama bincangkan tentang syarat perlantikan.

Kalau Kementerian Pelajaran hendakkan mereka yang ada ijazah sahaja, Kementerian Belia dan Sukan hendak bawa mereka yang mempunyai pengalaman, kenapa kita tidak duduk bersama-sama, kita buat satu skim khas untuk jurulatih ini supaya pengalaman diambil kira dalam perlantikan jurulatih kerana ini bidang khusus, kemahiran, jurulatih tidak boleh belajar. Mungkin boleh belajar dari segi psikologi sukan dan sebagainya, tetapi kemahiran untuk melatih tidak boleh dipelajari. Ia mesti datang daripada kemahiran dan orang-orang yang ada *skilled*, dengan izin, dalam bidang itu.

Jadi, kenapa kita tidak perkuatkan sekolah sukan? Tubuh banyak sekolah sukan di seluruh negara, setahu saya sekarang ada dua sahaja, satu di Bukit Jalil dan satu lagi di Bandar Penawar. Kenapa tidak tubuhkan sekolah sukan di setiap negeri ataupun kalau hendak lebih spesifik lagi, di setiap daerah atau setiap kawasan Parlimen kerana saya dapati banyak bangunan sekolah sekarang ini telah tidak ada penghuni, kerana murid mungkin sudah pindah ke tempat lain dan sebagainya.

Jadi, perkuatkan sekolah sukan. Kalau kita lihat banyak juga sekolah yang tidak semestinya diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Ada sekolah macam Maktab Tentera, ia diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan, tetapi pegawai, jurulatih dan sesiapa yang mengajar di sana dipinjamkan daripada Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Begitu juga dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Setiausaha Parlimen menjawab, panjang sangat itu.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Okey, okey, sebab ini penjelasan. Kenapa tidak Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan dan JPA duduk bersama-sama, bincang satu skim yang terbaik untuk jurulatih ini supaya kita dapat melahirkan jurulatih yang lebih berwibawa dan juga sukan di negara kita ini sampai ke tahap yang kita kehendaki, bukan macam yang ada sekarang ini. Sekian.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Berkenaan dengan sukan ini, Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab, bukannya Kementerian Pelajaran atau kementerian lain kerana kita kena datang ke Parlimen ini untuk menjawab soalan-soalan berkenaan dengan belia dan sukan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat supaya dibanyakkan lagi sekolah-sekolah sukan, itu saya tidak dapat jawablah, Yang Berhormat, fasal itu tidak berkenaan dengan saya atau kementerian saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tetapi apa yang kementerian saya akan wujudkan adalah Akademi Sukan kerana...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat, biar saya jawab ini dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Kerana, Yang Berhormat bagi Lipis, walaupun cadangan daripada Yang Berhormat itu memang waras pada masanya, tetapi cadangan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran yang menjalankan sukan ini hanya dua. Tetapi di bawah cadangan Kementerian Belia dan Sukan yang akan mewujudkan Akademi Sukan ini, tidak sepatutnya akan memakan perbelanjaan yang banyak kerana menteri pada masa ini sudah melawat *almost* kesemua Kompleks Rakan Muda dan akademi-akademi sukan ini akan diwujudkan di Kompleks-kompleks Rakan Muda.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Lipis, negara kita ini sering dikaitkan dengan kelemahan sukan, walaupun bukan dikatakan oleh orang luar tetapi orang kita sendiri, rakyat Malaysia sendiri. Ini adalah kerana kita ini telah membuat cadangan-cadangan yang tidak begitu patut pada masa sekarang. Menteri pada masa ini mencadangkan Akademi Belia dan Sukan sebelum dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana dengan wujudnya Akademi Sukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, kita bukan sahaja dapat melihat perkembangan sukan atau melatih atlet-atlet yang muda, tetapi akan bertanggungjawab kepada belia dan sukan secara sepenuhnya dan bukan datang ke sini dan cakap apa yang saya beritahu hari ini bahawa atlet-atlet atau jurulatih-jurulatih ini di bawah Kementerian Pelajaran. So, untuk menyelaras tindakan...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Ada lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan Yang Berhormat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah jawapan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Panjang, banyak lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ini lagi tidak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Nampaknya bukan apa, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak faham apa yang saya cakap. Saya cakap kenapa tidak duduk sekali, itu

sahaja. Fasal kita kata Kementerian Pelajaran hendak yang berijazah sahaja, Kementerian Belia dan Sukan hendakkan pengalaman, mengapa tidak kita duduk sekali supaya kita selaraskan satu skim jurulatih di mana kita mengambil kira pengalaman dan kelulusan sekali.

Kita sama tarafkan, maknanya kita kira kalau pengalaman dia lima tahun, mungkin sama tarafnya dengan ijazah, kita bagi skim gaji ijazah kerana yang menjadi jurulatih ini mesti ada kemahiran, itu sahaja, bukan bermakna saya hendak tahu tentang pendidikan. Saya faham Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan ini, benda yang berbeza. Tetapi apa yang penting ialah supaya kita dapat selaraskan skim perkhidmatan itu. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat bagi Lipis, itu kesimpulan saya. Kesimpulan saya itu untuk mengatakan bahawa cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat akan dibawa kepada perhatian Menteri, tetapi Yang Berhormat telah jawab. Boleh saya sambung?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Hendak bagi yang mana?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Larut ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa dalam perkara ini ada dua perkara yang mungkin keliru, satu yang layak dan satu lagi adalah yang berijazah. Kedua-duanya penting sebab sekarang ini kita mengalu-alukanlah Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan sekolah akademi di 400 buah kawasan Dewan Undangan Negeri.

Tuan Sa. Vigneswaran: Kompleks sukan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Kompleks sukan. Ya, selain daripada sekolah akademi. Masalahnya yang timbul ini ialah tentang perbandingan di antara guru yang berijazah yang mendapat pendedahan dan guru yang berkelayakan sebab adakah satu jaminan bahawa dengan adanya guru-guru seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, bahawa masa depan atlet dan sukan kita akan berkembang.

Kalau saya hendak sebut contoh, Tiger Wood, jurulatihnya ialah bapanya sendiri. Jailani Sidek dan Razif Sidek menjuarai All England adalah daripada kepakaran keluarganya. Muhamad Hafiz Hashim, Nurul Huda Abdullah dan baru-baru ini juara tenis wanita adalah hasil dorongan bapanya sendiri yang terpaksa merantau dari negara Rusia ke Amerika dengan hanya membawa sedikit wang. Banyak lagi kalau saya hendak membuat perbandingan.

Adakah kementerian melihat bahawa yang penting sekali ialah pendedahan, *exposure*, dengan izin. Kalau setakat kita menyediakan tenaga melatih tetapi kalau kurang pendedahan, ini mungkin tidak mencapai sasaran. Walaupun kementerian dalam jangka panjang mempunyai satu program yang begitu baik tetapi masalahnya sekarang ialah ramai atlet kita, tidak mendapat pendedahan yang cukup selain daripada motivasi, setakat slogan "Malaysia Boleh".

Kalau kita lihat kebangkitan pasukan Greece, umpamanya, orang tidak menilai dari segi persembahan pasukan Greece walaupun *defensive*, dengan izin, tidak bagus tetapi dia menang kerana orang lebih penting untuk mengetahui keputusannya daripada menitikberatkan soal pengurusan, sebagai contoh.

Jadi, apakah dalam hal ini pihak kementerian melihat ataupun pihak pegawai kementerian itu sendiri terlebih dahulu membuat satu teladan di mana mereka sendiri pergi ke negara-negara yang selama ini kita lihat negara yang tidak maju dan miskin, yang boleh berjaya di Sukan Olimpik yang tidak perlu saya sebut nama-nama negara tersebut. Bagaimana mereka boleh berjaya? Bagaimana mereka boleh maju dengan keadaan ekonominya yang merudum, dengan negaranya dihimpit oleh pelbagai masalah, tetapi berjaya di Sukan Olimpik seperti seorang pelari *long distance*, tidak ingat namanya dari negara Maghribi, Morocco yang masih lagi dapat bertahan rekod cemerlang.

Saya minta sedikit penjelasan yang lebih tepat daripada Yang Berhormat untuk tidak mengelirukan lagi perancangan Kementerian Belia dan Sukan, khususnya bagi sukan negara. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat dari Larut. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu memang tepat pada masanya kerana prestasi sukan di negara kita ini boleh dikatakan tidak memuaskan. Tetapi kewujudan akademi sukan dan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat mengatakan bolehkah kementerian memberi jaminan bahawa selepas kewujudan akademi sukan ini sukan di

negara kita ini berprestasi tinggi. Untuk jawapan itu Yang Berhormat, saya hendak katakan ini mudah-mudahanlah, kita pun berharap bahawa selepas kewujudan akademi sukan ini kita memang berharap bahawa sukan di negara kita ini akan berprestasi tinggi.

Berkenaan dengan bagaimanakah di negara-negara seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang tidak berkebolehan tinggi tetapi mewujudkan atlet-atlet yang berprestasi tinggi. Seperti yang dikatakan seperti pelari dari Morocco. Untuk itu Yang Berhormat saya pun kagumlah Yang Berhormat, buat masa kini dan buat masa yang lalu kementerian sentiasa memberi penumpuan kepada prestasi atlet-atlet kita. Tetapi sejak kebelakangan ini prestasi atlet-atlet kita memang tidak memuaskan tapi apa yang boleh saya lakukan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan memberi jaminan adalah dengan penggubalan dasar-dasar pada masa kini dan kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan dan kewujudan akademi belia dan sukan, Yang Berhormat dari Larut saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat bahawa mudah-mudahan sukan di negara kita ini akan berprestasi tinggi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat bangun Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Mana? Oh ya, ya, sila.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Apabila kita bercerita berkenaan dengan atlet ataupun ahli sukan, ia melibatkan dalam segi fizikal, dalam segi kejurulatihan dan teknik latihan yang kita uruskan tetapi kita jangan lupa juga bahawa dia juga melibatkan dalam segi emosi dan dalam segi kesihatan.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian sama ada dalam kita menimbang untuk menubuhkan akademi sukan. Jurupulih atau *physiotherapist* dengan izin dan juga dalam segi pakar-pakar pemakanan diberi perhatian yang khusus sebab kita dengar kadang-kadang atlet-atlet makan maggi dan sebagainya.

Jadi dengan keadaan pemakanan yang tidak stabil bagaimana mereka dapat mengadakan ataupun menyiapkan diri mereka dengan sempurna, saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat, ini soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi adalah khusus kepada makanan dan setahu saya Kementerian Belia dan Sukan ataupun Majlis Sukan Negara memberi perhatian yang berat kepada pelatih-pelatih serta makanan-makanan dan dengan tidak kalau ada sebarang bukti yang boleh dikemukakan oleh Yang Berhormat bolehlah saya kemukakan kepada Kementerian. Jadi kalau betul apabila Ahli Yang Berhormat cakap itu kita akan mengambil tindakan tetapi buat setakat yang saya tahu Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menjaga kebajikan peserta-peserta kita di semua bidang walaupun di dalam MSN.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat, ada Tuan Yang di-Pertua bangun. Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya hanya hendak tanya sedikit sahaja. Saya lihat dari segi Kementerian Belia dan Sukan ini sebenarnya kita boleh membantu Kementerian Belia dan Sukan ini dengan memberikan pelbagai input seperti pandangan-pandangan yang bernas yang telah diberikan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya kita Ahli-Ahli Parlimen ini telah pun ditawarkan untuk memilih mana-mana kementerian yang kita rasa kita mempunyai kepakaran untuk memberikan pandangan. Jadi saya sendiri telah memilih walaupun saya bukan belia ini tetapi sebenarnya kita ada beberapa projek contoh melalui pengalaman yang mungkin boleh diambil oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan ini. Saya hendak tanya bilakah agaknya ataupun adakah pemilihan Ahli-ahli Parlimen dalam bidang-bidang tertentu ini khususnya Kementerian Belia dan Sukan, kita akan dipanggil dalam masa yang terdekat untuk memastikan bahawa rancangan Kementerian Belia dan Sukan ini berjaya sebab umpamanya saya sendiri, saya terlibat dalam sekolah sukan sebenarnya di negeri Selangor dan kita ada pengalaman tertentu yang boleh kita berikan untuk cuba memastikan, bukan menjamin yang akademi sukan ini akan berjaya. Kalau saya ingin bertanya umpamanya sekarang ini siapakah hero-hero sukan kita dan permainan pada ketika ini? Inilah yang dibangkitkan oleh rakan kita daripada Larut.

Jadi oleh kerana itu saya berharap pihak kementerian ini akan *response* segera untuk rakan-rakan Ahli Parlimen ini membantu memberikan input yang khusus kepada Kementerian Belia dan Sukan, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Dengan rela hati saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat bahawa kementerian sudi mengambil cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Tetapi berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa setiap Yang Berhormat ini akan dipilih untuk memberi cadangan kepada kementerian-kementerian yang mereka suka atau hendak memberi pandangan yang ini tidak berapa jelas. Tetapi saya akan mendapat penjelasan dan akan memberitahu Yang Berhormat berkenaan dengan kewujudan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, ya, ya teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat beri celah banyak sangat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hah, ada yang bangun Yang Berhormat, ya Kubang Kerian.

Tuan Sa. Vigneswaran: Hah, ya! Terima kasih. *[Ketawa]*

Seorang ahli: Bagi lagi? Baik betul.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi: dan Setiausaha Parlimen. Peruntukan tambahan sebanyak RM68 juta untuk kementerian ini melambangkan betapa bidang sukan ini mendapat perhatian pihak kerajaan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan awal 70-an negara menyaksikan bagaimana atlet-atlet kita ini mencipta nama dan mengharumkan nama negara. Pada masa itu saya rasa tidak ada akademi sukan, tidak ada golongan korporat yang memberikan sumbangan yang banyak dan tidak ada peruntukan yang sebanyak ini tapi bidang sukan negara menyaksikan macam mana badminton melahirkan Ng Boon Bee, melahirkan Punch Gunalan, bola sepak melahirkan Mokhtar Dahari, melahirkan James Wong, melahirkan atlet-atlet kita sampai pada peringkat sukan Olimpik dalam bidang bola sepak dan sebagainya. Hoki

melahirkan Poon Fook Loke, melahirkan Mahindran dan seumpamanya. Tidak ada kecanggihan peralatan, tidak ada jurulatih pakar pada waktu itu.

Jadi adakah kementerian hari ini mengenal pasti apa sebenar yang hilang daripada sukan ini, apa yang sebenarnya yang hilang daripada atlet kita ini? Apa nilai yang hilang? Semacam penyair yang kehilangan puisinya. Semacam nelayan yang hilang lautnya, ini satu masalah yang sedang kita hadapi, duit banyak, peruntukan banyak, akademi semakin canggih. Jadi ini adakah kementerian mengenal pasti apa sebenarnya yang menjadi punca kepada masalah ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat, berkenaan apakah punca yang telah membawa prestasi sukan di negara kita berada pada tahap yang pada masa kini berbandingkan dengan masa-masa yang lampau seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tahun 60-an. Untuk makluman Yang Berhormat cubalah pandang di sekeliling kita ini. Perubahan-perubahan yang telah berlaku di negara kita dan aktiviti-aktiviti yang dikaitkan dengan remaja-remaja muda. Untuk makluman Yang Berhormat, dahulu pernah kita dalam arena sukan ini, pemain-pemain kita ini begitu aktif dan begitu patriotik berkenaan dengan sukan walaupun terdapat banyak dorongan yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan, penaja-penaja swasta, tetapi sukan pada masa kini ini kian tidak memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengkaji dan menggubal dasar-dasar lama untuk meliputi isu-isu yang terkini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Sa. Vigneswaran: Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingin mengatakan buat masa ini pun kementerian sedang mengkaji dan dalam kajian inilah kita hendak mewujudkan apa yang telah diwujudkan seperti IKBN dan Program Rakan Muda - bergerak di semua daerah khususnya Akademi Sukan. Besarlah harapan kementerian pada masa akan datang ini supaya prestasi kita akan bertambah baik.

Yang Berhormat... siapa tadi?

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya hendak bertanya dengan Kementerian Belia dan Sukan berkenaan dengan masalah sukan negara kita pada hari ini kerana kita kena balik kepada asas sukan itu sendiri bahawa keadaan masa sekarang kita tengok di peringkat sekolah yang mana telah

dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan bahawa mudamudi pada hari ini tidak berminat kepada sukan. Ini kerana kita tengok pada asasnya hari ini di sekolah-sekolah contohnya tidak ada lagi padang permainan. Kalau ada padang permainan sekolah pun hendak bermain pun tidak boleh dengan keadaan padang yang teruk, dengan duri-duri yang banyak di sekolah-sekolah sekarang.

Selain daripada itu di kampung-kampung juga tidak ada lagi padang permainan, di taman-taman perumahan tidak ada lagi padang-padang permainan untuk bola sepak contohnya. Jadi, di manakah kita hendak melahirkan pemain-pemain ini kerana asas tempat permainan itu tidak ada lagi. Kalau di Brazil atau di Korea masih lagi boleh bermain di tepi-tepi jalan dan di belakang-belakang lorong ini terkenal dengan futsal (*street soccer*) tetapi hari ini di Malaysia kita tidak boleh mengadakan *street soccer* di belakang-belakang kedai. Jadi, saya minta pandangan daripada Kementerian Belia dan Sukan, apakah asas sukan pada hari ini masih ada? Sekian, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Indera Mahkota. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan ada sekolah-sekolah kita pada masa ini yang tidak ada padang, walaupun ini bukan kesalahan Kementerian Belia dan Sukan tetapi kita ini yang menjalankan isu-isu berkaitan sukan memang prihatin dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Jawapan yang boleh saya berikan kepada Yang Berhormat tentang masalah yang dibangkitkan ialah buat masa ini ada satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein di mana komiti ini diwujudkan untuk memantapkan sukan di peringkat akar umbi iaitu di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Dalam menangani isu-isu mengenai sukan di akar umbi, penekanan diberi kepada apa yang boleh dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan dan oleh Kementerian Pelajaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat . Kuala Krai bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya terpanggil juga dalam perkara sukan ini walaupun sudah agak lama tetapi adalah sedikit sebanyak pengalaman.

Pertama, saya ingin bertanya pihak Kementerian Belia dan Sukan dari segi prestasi peningkatan di tahap negeri di negara kita ini, mana yang lebih berkualiti ataupun mana yang lebih ramai prestasi peningkatan sukan ini, dari pihak sekolah ataupun pihak belia itu sendiri, umpamanya Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri (MSSN) ataupun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM)?

Kedua, mengenai dengan jurulatih-jurulatih yang telah dibincangkan dan telah diutarakan oleh sahabat-sahabat saya dan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen tadi, saya dapat tahu ada pertindihan yang mana pemilihan dari segi jurulatih tadi ada di peringkat Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan sendiri dan juga pertubuhan awam. Tadi ada telah disarankan supaya ketiga-tiga ini “duduk” sekali dan pemilihan itu dibuat, saya rasa itu pun satu pandangan yang baik dan kita tidak dapat satu jawapan yang khusus daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan tadi.

Pada pengalaman saya pemilihan ini dibuat kadang-kadang ada pilih kasih di antara jabatan-jabatan itu sendiri, kalau kawan umpamanya diambil sedangkan yang ada pengalaman yang mempunyai potensi untuk melatih anak-anak buah ini lebih layak tidak diambil. Jadi, apa salahnya pihak Kementerian Belia dan Sukan mesti bertanggungjawab dalam hal ini supaya mutu sukan ini lebih di tahap yang kita kehendaki. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila habiskan jawapan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat bagi Kuala Krai membangkitkan isu berkenaan dengan yang manakah yang lebih melahirkan atlet sukan MSSN ataupun MSSM – dua isu yang telah dibangkitkan.. Saya tidak akan mengelirukan Yang Berhormat, saya tidak ada jawapan pada masa ini dan izinkan saya memberi jawapan itu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Bagi perkara yang kedua, mengenai ada pelatih-pelatih yang sepatutnya diberi kerja tidak diberi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebagai pilih kasih itu, saya tidak dapat menjawab soalan itu. Sekiranya ada jurulatih yang telah dianiayai - kalau Yang Berhormat sudi memberikan namanya, kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk melantik beliau sebagai jurulatih.

Tuan Pengerusi, boleh saya sambung?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat. Sila habiskan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Berkenaan dengan *Research and Development* (R&D) berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan yang dibangkitkan, satu Institut Penyelidikan Belia Nasional akan diwujudkan untuk melatih Pegawai-pegawai Belia dan Sukan supaya pegawai-pegawai ini lebih aktif dan meluaskan pemikiran ilmu dalam bidang belia dan sukan.

Kementerian juga ingin menjadikan institut ini sebagai satu pusat *regional*, dengan izin, *International Center for Youth Development* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak Tuan Pengerusi. Tidak ada masa lagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi. Soalan ini bukan untuk mengganggu Yang Berhormat daripada Parti MIC. Baik. Saya tertarik dengan institusi untuk mengubah paradigma ahli-ahli atau pegawai-pegawai sukan. Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai satu kekangan yang menjadi halangan kepada pembangunan sukan adalah budaya masyarakat Malaysia yang merasakan bahawa ada pegawai-pegawai yang kurang beretika ketika melaksanakan tugas mereka sebagai jurulatih dan sebagainya kerana banyak kes yang menampakkan bahawa jurulatih ini telah menyalahgunakan kedudukan mereka untuk 'tidak bertatasusila'.

Maka salah satu sebab ramai tidak mahu menghantar anak-anak mereka adalah kerana mereka rasakan bahawa profesionalisme di kalangan ahli sukan kita ataupun pegawai sukan kita khususnya jurulatih masih tidak seperti negara-negara Barat. Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat, melalui institusi yang bakal kita lahirkan ini, bagaimanakah satu anjakan paradigma boleh dilakukan dalam membudayakan rakyat Malaysia untuk menerima sukan sebagai satu entiti yang penting dalam pembangunan insan.

Yang kedua, bagaimanakah kita dapat melahirkan satu generasi jurulatih atau pegawai sukan yang benar-benar profesional dan beretika dalam dunia sukan. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang menyentuh berkenaan dengan Institusi Penyelidikan Belia

Nasional berkenaan dengan menyusun semula paradigma yang ada pada masa ini yang mengatakan, bahawa kebanyakan ibu bapa tidak sudi menghantar anak-anak mereka kepada jurulatih-jurulatih yang tidak mempunyai pemikiran yang luas.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan Institut Penyelidikan Belia Nasional, salah satu daripada peranannya ialah untuk melatih. Institut Pembangunan Belia Nasional ini juga memberi latihan kepada pegawai-pegawai dan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat ini supaya jurulatih-jurulatih pun dilatih di Institut Penyelidikan Belia Nasional.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat telah bertanya adakah dengan mengadakan Institut Penyelidikan ini, paradigma dan pandangan orang ramai ini dapat ditukar. Untuk makluman Yang Berhormat, Institut Penyelidikan Belia Nasional pada masa ini, setakat kajian dan saya tidak ada maklumat lain selain daripada apa yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan S. Vigneswaran: Pengerusi Tetap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, terima kasih. Kalau ceritakan sukan dan belia ini, sebenarnya cerita yang ceria. Cerita yang mengembirakan. Cerita yang menyegarkan. Cerita yang menyeronokkan. Itu sepatutnya. Tetapi sejuk sahaja pagi ini. *[Ketawa]* Sejuk sahaja. Kalau kita memperkatakan tentang belia, tentang sukan, sebenarnya banyak kelemahan yang kita hadapi, yang terus berlangsung. Menteri tukar menteri. Menteri tukar menteri. Tak ada perubahan apa-apa.

Kita agaknya sudah kena masanya, Kementerian Belia dan Sukan ini cuba buat suatu yang agaknya sesuatu yang boleh mendatangkan idea-idea baru yang dibukakan kepada masyarakat, bagi masyarakat peluang untuk menyampaikan buah fikir dan pandangan-pandangan bagaimana hendak memajukan sukan, bagaimana hendak menyelamatkan belia dalam negara ini.

Kita ada kementerian – Kementerian Belia dan Sukan, tetapi tahap pencapaian kita baik belia, baik sukan masih di peringkat bawah. Walaupun kita mempunyai fasiliti yang hebat. Hebat kita dalam negara ini mengalahkan tetapi kadang-kadang bola sepak kita dengan Kemboja pun kena 3-0. Orang tanam padi pun kita tidak menang.

Pelik kita. Badminton, kita ingat kita menang, kalah pula. Tidak ada benda yang dapat kita banggakan dari segi sukan.

Adalah..... jurusan-jurusan yang boleh ke hadapan. Tetapi lepas itu dia muram balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita menghadapi masalah-masalah seperti ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: mungkin ada sesuatu yang belum kita jumpai, bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Boleh Setiausaha Parlimen menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri dia tidak ada ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya suka kalau menteri dia orang wanita kan? Berdepan dengan dia kalau dapat memang sedap ini, berbahas dengan dia..... *[Ketawa]* Saya minat dengan menteri ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apalah. Undi sahaja nanti Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya memang hendak undi dia Tuan Pengerusi. Kalau dapat berjumpa, berbual, berbahas dengan dia, alangkah syukurnya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri wanita, bukan calang-calang orang pula. Tetapi apa boleh buat Setiausaha Parlimen menghadap kita *[Ketawa]* Apa hendak buat. Kita hadaplah dia..... Ya Allah Hai! Dia berdiri pun tak betul, Ya, Allah macam manakah hendak menghadap sukan. Tunjukkanlah, sebab saya kata soal sukan, soal belia ini soal yang mencerikan negara masa depan agaknya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Bagi peluang dia jawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi peluang dia menjawab. Memang dia hendak menjawab. Memang dia hendak menjawab Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang sudah maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan dasar-dasar baru yang dibuat kajian dan dikemukakan kepada semua Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan, usaha-usaha kementerian dan menteri baru dalam mewujudkan atlet-atlet yang berprestasi tinggi. Tetapi kalau saya dapat menjawab semua soalan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, maka senanglah Ahli-ahli Yang Berhormat ini faham apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah-masalah belia dan sukan khususnya.

Berkenaan dengan IKBN yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Beliau telah membangkitkan isu mengenai ...tidak ada IKBN di tempat beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, IKBN yang tidak dapat disempurnakan akan dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi IKBN ini akan diubah konsepnya.

Kementerian berpendapat bahawa penekanan perlu diberi kepada bidang pertanian. Oleh yang demikian, IKBN-IKBN yang dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan berbentuk IKBN Belia Tani.

Yang Berhormat bagi Bentong, telah membangkitkan isu yang paling penting dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat berkenaan dengan bilangan kaum bukan bumiputera yang memohon dan mendapat tempat di IKBN-IKBN. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari tahun 2002, jumlah permohonan daripada kaum mengikut keturunan adalah seperti berikut:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	4,454 orang
Cina	133 orang
India	31 orang
Bumiputera Sabah	86 orang
Bumiputera Sarawak	35 orang
Lain-lain	16 orang
Tiada Tanda	14 orang
Jumlah Keseluruhan	4,769 orang

Sesi kedua:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	11,711 orang
Cina	101 orang
India	95 orang
Bumiputera Sabah	170 orang
Bumiputera Sarawak	219 orang
Lain-lain	41 orang
Tiada Tanda	38 orang
Jumlah Keseluruhan	12,375 orang

Jumlah bagi sesi pertama dan sesi kedua adalah:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	16,165 orang
Cina	234 orang
India	126 orang
Bumiputera Sabah	256 orang
Bumiputera Sarawak	354 orang
Lain-lain	57 orang
Tiada Tanda	52 orang
Jumlah Keseluruhan	17,114 orang

Tahun 2003, secara jumlah keseluruhan sesi satu dan sesi dua adalah:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	17,468 orang
Cina	276 orang
India	129 orang
Bumiputera Sabah	371 orang
Bumiputera Sarawak	568 orang
Lain-lain	51 orang
Tiada Tanda	251 orang
Jumlah Keseluruhan	19,114 orang

Tahun 2004, sesi pertama dan kedua adalah:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	19,305 orang
Cina	347 orang
India	249 orang
Bumiputera Sabah	1,066 orang
Bumiputera Sarawak	676 orang
Lain-lain	57 orang
Tiada Tanda	229 orang
Jumlah Keseluruhan	21,929 orang

Statistik kemasukan untuk Tahun 2002 adalah:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	2,034 orang,
Cina	8 orang
India	8 orang
Bumiputera Sabah	Tiada
Bumiputera Sarawak	Tiada
Lain-lain	24 orang
Tiada Tanda	Tiada
Jumlah Keseluruhan	2,074 orang

Untuk Tahun 2003 adalah:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	3,135 orang
Cina	16 orang
India	13 orang
Bumiputera Sabah	Tiada
Bumiputera Sarawak	Tiada
Lain-lain	125 orang
Tiada Tanda	Tiada
Jumlah Keseluruhan	3,289 orang

Untuk Tahun 2004 adalah:

Keturunan	Jumlah
Bumiputera Melayu	3,850 orang
Cina	46 orang
India	27 orang
Bumiputera Sabah	Tiada
Bumiputera Sarawak	Tiada
Lain-lain	285 orang
Jumlah Keseluruhan	4,208 orang

Ini adalah maklumat yang terkini mengenai jumlah penyertaan kaum India dan kaum Cina dan kaum bumiputera lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana jumlah permohonan adalah seramai 21,929 orang dan tempat yang ada buat masa kini adalah lima ribu satu ratus

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak habiskan pagi ini ataupun hendak sambung habiskan petang?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak boleh habiskan. *I think cannot.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila teruskan Yang Berhormat. Teruskan. Teruskan. Teruskan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, ini bukan bermakna IKBN-IKBN ini khusus untuk orang-orang kaum bumiputera Melayu. Tetapi permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian Belia dan Sukan, kaum keturunan lain tidak memohon begitu banyak dan oleh kerana tempat-tempat yang sedia ada tidaklah begitu banyak, buat masa kini selepas beberapa IKBN yang mula-mula, kita akan mendapat tempat ialah sebanyak 8,140, ia akan disediakan kepada peserta-peserta IKBN yang baru.

Oleh kerana tempat untuk membina IKBN-IKBN baru memakan kos yang tinggi, menteri telah membuat cadangan bahawa kita akan mengadakan kelas-kelas malam, kelas-kelas sementara di mana pelajar bukan mendapat *short courses*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, kita ada Usul. Boleh Yang Berhormat sambung sedikit sebelah tengah hari.

Tuan Sa. Vigneswaran: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.57 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan ;

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 diputuskan dan diselesaikan dan sehingga selesai Ucapan Penangguhan yang dijadualkan pada hari ini dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok”.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sekarang ialah jam 1.00 tengah hari. Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat banyak lagi?

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Ada sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, sila.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bentong telah juga membangkitkan isu berkenaan dengan menyewa atau menggunakan peralatan yang sedia ada di IKBN-IKBN kepada institusi-institusi swasta. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bentong, perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana peralatan-peralatan yang berada di IKBN tidak mudah alih.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah membangkitkan isu Program Rakan Muda. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Program Rakan Muda telah diberikan pendekatan baru dengan penumpuan strategi baru bagi melahirkan belia yang prihatin, mahir dan dinamik melalui program ini. Kementerian sedang melatih 500 orang penggerak Rakan Muda yang akan berkhidmat di kawasan Parlimen dan ADUN. Mereka ini akan menarik belia yang tidak berpersatuan supaya terlibat dalam aktiviti yang sihat dan arus pembangunan negara.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, sistem penggerak ini adalah satu sistem yang baru yang dicadang dan dilaksanakan oleh kementerian. Ia dicadangkan oleh Menteri Belia dan Sukan dan dilaksanakan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak banyak dah, hendak habis.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sedikit sahaja tentang penggerak Rakan Muda. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, dua hari lepas saya berjumpa dengan Pegawai Belia di daerah Maran. Saya difahamkan terdapat permohonan daripada kementerian supaya penggerak Rakan

Muda ini dilantik di setiap Ahli Parlimen dan juga ADUN. Senarai nama-nama penggerak ini dicadangkan supaya dikemukakan oleh Ahli Parlimen ataupun ADUN. Akan tetapi dukacita kita mendapat tahu bahawa ada juga permohonan terus daripada pelatih-pelatih ini, penggerak-penggerak ini dan diluluskan oleh pihak Kementerian kepada pemohon-pemohon berkenaan secara terus. Minta dapat penjelasan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Dua pendekatan yang memberi penekanan kepada wujudnya penggerak:

- (i) adalah kerana kekurangan pegawai di daerah-daerah memberi satu pandangan bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat menjalankan Program Rakan Muda secara berkesan; dan
- (ii) adalah golongan muda yang tidak berpersatuan. Untuk mengatasi masalah kedua-dua ini Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah mencadangkan dan Kementerian ini telah melancarkan penggerak.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, penggerak adalah terdiri daripada tenaga pekerja muda yang dilantik oleh Kementerian Belia dan Sukan di bawah Pekerja Khidmat Singkat. Mereka adalah terdiri daripada bekas-bekas peserta Program Latihan Khidmat Negara dan sukarelawan Rakan Muda lepasan IPTA/IPTS. Mereka adalah bertanggungjawab untuk menggerakkan ataupun melaksanakan program-program pembangunan belia di kawasan Parlimen dan DUN di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat yang membangkitkan isu bahawa dukacita beliau berkenaan tidak dapat memilih penggerak. Untuk makluman Yang Berhormat, dari permulaan program penggerak ini, saya tidak pasti di mana Yang Berhormat mendapat maklumat berkenaan dengan Ahli-ahli Parlimen akan diberi peluang untuk merekomen penggerak-penggerak tetapi kita memberi peserta-peserta lepasan Program Latihan Khidmat Negara dan sukarelawan Rakan Muda untuk menjadi penggerak.

Antara bidang tugas penggerak, penggerak Rakan Muda akan memfokuskan kepada golongan kumpulan belia 15 – 25 tahun dengan tujuan menarik golongan muda yang tidak menyertai mana-mana pertubuhan atau persatuan belia. Penggerak akan bertindak sebagai pembimbing rakan sebaya. Penggerak memimpin kumpulan belia ini untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti anjuran Kementerian Belia dan Sukan.

Penggerak akan menyelaras dan memantau aktiviti golongan belia ini di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Penggerak bergerak sebagai fasilitator aktiviti belia dan sukan. Penggerak menilai keberkesanan aktiviti golongan belia yang dilaksanakan dan seterusnya membuat penambahbaikan. Tenaga penggerak membuat talian *supporting* bagi mengenal pasti potensi belia ke arah membina kepimpinan, bakat serta bersedia menyumbang ke arah pembangunan sahsiah belia negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa sekarang 500 penggerak sedang diberi kursus dan latihan di Melaka. Ini adalah bertujuan untuk mendapat satu jalan yang lebih berkesan bagi menarik bilangan golongan muda yang berjumlah 7 juta yang tidak berpersatuan untuk menyertai Program Rakan Muda.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sekijang, Kementerian Belia dan Sukan akan berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan dan peralatan di kompleks sukan dan kompleks Rakan Muda supaya belia-belia mendapat faedah daripadanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Sa. Vigneswaran: Mengenai kakitangan di kompleks sukan pula.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Jangan marah, sedikit sahaja.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak ada masa lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Saya mengucapkan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya faham Yang Berhormat banyak soalan. Ini bermakna kita berminat dengan jawapan-jawapan Yang Berhormat beri itu sebagai Setiausaha Parlimen dan terima kasih Yang Berhormat. Bagus Yang Berhormat. Memang sikit-sikit, kadang-kadang angin lebih itu, cerita biasalah Yang Berhormat ya.

Saya cuma hendak penjelasan, di kawasan Parlimen saya tidak ada Dewan, tidak ada tempat untuk anak-anak muda ini berkumpul dan sebagainya, kalau ada pun, dewan balai raya, itu pun kadang-kadang kalau main *table tennis* pun kelam kabut, badminton jauh sekali.

Jadi, apakah kementerian Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya setiap daerah dalam Parlimen ini diadakan pusat di mana belia-belia ini dapat berhimpun

sebab mereka merayau-rayau ke merata tempat. Jadi, bila ada tempat macam padang bola, dalam kawasan saya padang bola pun tidak ada, hendak main bola macam mana, hendak masuk kawasan sekolah, kawasan sekolah hari ini ada *guard*, tidak boleh masuk.

Jadi, di manakah belia-belia ini hendak pergi. Jadi, ini harus kita fikirkan bersama, masalah belia ini kerana mereka terawang-awang tidak ada tempat untuk berhimpun, sebab itulah dia naik motor kadang-kadang wauung di sana, wauung di sini, kerana tidak ada tempat. Jadi, kalau ada tempat, siapkan dewan di setiap daerah untuk kita belanja, kerana mereka ini adalah pemimpin negara di masa akan datang, rakyat di masa yang akan datang.

Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan kepada Kementerian Yang Berhormat supaya setiap daerah ini dilengkapi dengan kehendak-kehendak belia ini. Beliaawanis cara mereka, belia lelaki ini cara mereka supaya kita dapat membina generasi bangsa Malaysia yang baik. Adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju dengan saya. Terima kasih. '*Nandre, nandre*'.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dan akan membina kompleks sukan yang berbentuk, saya tidak boleh cakap 'mini' tetapi 'pelbagai', jadi bermakna lapan jenis sukan akan dikendalikan di tempat-tempat berkenaan. Seperti yang saya sedia maklum yang telah dimaklumkan oleh Dewan yang mulia ini sebelum penangguhan tadi, Yang Berhormat, kompleks kecil ini akan didirikan di semua daerah di atas tanah yang keluasan sebanyak dua ekar dan harganya sebanyak RM2 juta.

Kementerian Belia dan Sukan khususnya Menteri tidak mahu membelanja wang yang banyak dan menjadikan seumpama yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang – gajah putih. Tetapi mendirikan kompleks-kompleks yang kecil yang boleh memberi manfaat yang lebih kepada daerah-daerah. Dari segi mendirikan kompleks-kompleks sukan yang pelbagai ini kita dapat membanteras gejala-gejala sosial seperti lepak dan sebagainya. Kompleks-kompleks sukan ini akan dibina di pekan-pekan kecil seperti Yang Berhormat bagi Jerai, walaupun bukan bandar besar tetapi pekan-pekan kecil di mana budaya lepak dan sebagainya sering berlaku.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dapat sedikit laluan?.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita memang dahagakan tempat-tempat anak-anak muda berlatih bermain, padang-padang ini memang sudah tidak ada. Jadi, kalau di pekan-pekan, balik-balik pekan-pekan juga, daerah-daerah. Apa kata kalau dibuat di peringkat mukim-mukim.

Saya tidak tahu, di Johor dipanggil mukim, kalau di Kedah dipanggil apa, jajahan atau apa. Ianya beberapa rumah jadi satu kampung, beberapa kampung jadi satu mukim, beberapa mukim jadi satu daerah, beberapa daerah jadi satu negeri, beberapa negeri jadi satu negara, beberapa negara jadi satu dunia. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, jangan serius sangat tengok saya, petang-petang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tengok Ahli Yang Berhormat macam ada perbincangan sama Yang Berhormat bagi Jerai. *[Ketawa]* Lupa tempat ini Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fasal saya Pengerusi, dia Timbalan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa Yang Berhormat? Pengerusi apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Adalah. *[Ketawa]* Nantilah dekat luar saya minum kopi dengan Tuan Pengerusi, saya ceritalah Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Calon Pengerusi Tetap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ooh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, kalau bolehlah di peringkat mukimlah, selama ini anak-anak muda menumpang di padang sekolah. Kementerian Pelajaran pula padang sekolah sudah dibuat bangunan, jadi, tidak ada tempat hendak main ini, tidak ada tempat anak-anak muda ini hendak apa kita katakan, cakap Arab ataupun cakap Melayu 'beriadah', tidak ada tempat.

Jadi, kalau bolehlah dengan Menteri muda yang baru, Menteri wanita pula, Menteri yang bersemangat baru, Setiausaha Parlimen bersemangat baru, apa kata peruntukan yang lebih kita berikan kepada mukim-mukim, buat stadium kecil-kecil sudahlah setengah juta, siap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara Jerai telah sampaikan tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak. Saya minta jawapan Setiausaha Parlimen. Jadi, saya menguatkan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai itu dengan menghalusi dia punya tujuan. *[Ketawa]* Saya punya tujuan memang menyokong. Ini Menteri Belia dan Sukan ini, saya memang minat sangat dia, sokong sangat dia. *[Ketawa]* Memang saya sokong, lain macam saya punya sokongan kepada dialah. Dia di antara menteri wanita kita yang ada itu, yang kita akan sokong jadi Majlis Tertinggi. Wanita mesti kita letakkan sebagai Majlis Tertinggi, antaranya Menteri Belia dan Sukan ini kita hendak letak, kemudian menteri wanita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan Perhimpunan Agung UMNO. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi di sini semua UMNO, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Menteri 'rumah tangga', menteri wanita kita ini, ini pun satu tokoh yang kita tidak mahu dia hilang daripada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri apa? Ada menteri 'rumah tangga'kah Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah menteri wanita Tuan Yang di-Pertua, rumah tanggalah. Wanita dengan rumah tangga mana boleh dipisahkan? Dia tidak boleh dipisahkan, umpama irama dan lagu. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading akan dibawa kepada perhatian Yang Berhormat Datuk Menteri untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, mengenai kakitangan di kompleks sukan pula, Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji untuk menambahkan kakitangan kompleks ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini seramai 500 penggerak sedang dilatih dan jumlah ini akan bertambah menjadi lebih kurang 2,100. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan beliau telah mendengar bahawa setiap DUN dan Parlimen akan diletakkan penggerak-penggerak ini memang betul. Sebuah Parlimen seorang dan DUN-DUN itu sebanyak lebih kurang dua orang. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dipertimbangkan dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

Saya bersetuju bahawa peruntukan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti didaerah adalah terhad. Oleh itu, tidak banyak bantuan diberikan kepada persatuan-persatuan belia atau persatuan sukan, oleh itu Kementerian Belia dan Sukan sentiasa akan cuba memberi keutamaan dan bantuan yang boleh kepada persatuan-persatuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bertanya mengenai percanggahan keputusan mengenai kelayakan atlet ke SUKMA. Tujuan utama SUKMA adalah untuk mencungkil bakat baru bagi diketengahkan sebagai atlet negara. Oleh itu, Kementerian Belia dan Sukan hendaklah mengehadkan penyertaan kepada mereka yang belum menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa, *Olympic*, Sukan Asia, Sukan SEA atau pertandingan peringkat dunia.

Untuk tujuan ini, maka ditetapkan bahawa bagi atlet negara mereka boleh bertanding di peringkat SUKMA sekali dalam tempoh penglibatan mereka. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah membangkitkan salah satu atlet Tae Kwan Do yang walaupun telah bertanding di gelanggang antarabangsa dapat bertanding di SUKMA. Perkara ini akan di bawa ke perhatian Kementerian Belia dan Sukan khususnya bahagian sukan untuk diteliti dan kalau ada percanggahan, kita akan memastikan bahawa percanggahan seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Tuan Sa. Vigneswaran: Belum habis lagi saya ingat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Habis boleh duduklah Yang Berhormat. *[Ketawa]* Yang Berhormat, Tangga Batu minta laluan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menyentuh tentang Pegawai Belia dan Sukan Daerah dikatakan tidak berwawasan. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, Kementerian Belia dan Sukan telah, sedang dan akan terus mengadakan kursus, ceramah, bengkel serta motivasi kepada pegawai-pegawai belia dan sukan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada mereka agar dapat memainkan peranan sebagai agen perubahan di peringkat daerah.

Yang Berhormat bagi Ledang pula menyentuh tentang penyelenggaraan Stadium Muar yang telah kelihatan uzur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ledang, Stadium Muar adalah merupakan projek kerajaan negeri dan urusan menaik taraf dan baik pulih adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu pula menyentuh tentang hubungan di antara IKBN, Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan ruang-ruang di sekitar stadium dapat dijadikan ruang pejabat persatuan. Kementerian telah pun membuat keputusan untuk menempatkan persatuan-persatuan sukan

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ledang bangun.

Tuan Sa. Vigneswaran: sukan di Kompleks Stadium Bukit Jalil. Bagi pejabat-pejabat persatuan sukan negeri dan daerah akan ditempatkan di Kompleks Rakan Muda.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak sampai satu minit. Memang saya tahu bahawa projek-projek negeri, tetapi kita minta pembelaan daripada KKBS. Sekian, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Cadangan Yang Berhormat akan dibawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri untuk tindakan sewajarnya. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tiada jawapan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam. Lupa?

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat, *sorry*, tidak ada jawapan..... Hilang jawapan ini. Sekejap. Sekejap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta Yang Berhormat tenang. Tenangkan fikiran. Apakah jenis sukan Yang Berhormat minat? [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Mengenai kursus. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan mengenai kursus-kursus yang disediakan di IKBN. Pertindihan tidak dapat dielakkan. Kursus, – khususnya dalam bidang kejuruteraan dan elektronik dan elektrik kerana permintaan yang banyak bertujuan untuk membekalkan tenaga mahir bagi pembangunan industri pembuatan. Walau bagaimanapun kelebihan latihan IKBN adalah dari aspek pembinaan insan dan jati diri yang tidak ada di institusi-institusi lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau habis boleh duduk Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Mengenai masa depan atlet yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kementerian sememangnya sedang mengkaji langkah-langkah untuk menyediakan masa depan yang lebih baik. Oleh itu cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan bekas atlet diberi peluang untuk mengikuti latihan di IKBN boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Saya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai *swimmer* melalui *English Channel*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab Yang Berhormat. Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Lagi ada. Ada, ada, ada. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Sudah jawab! Sudah jawab!

Tuan Sa. Vigneswaran: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Kementerian Belia dan Sukan tidak menganaktirikan sesiapa walaupun ada setengah pihak yang mengatakan bahawa perenang Dato'

Apa dia punya nama itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Malik. . Malik.

Tuan Sa. Vigneswaran: Dato' Malik dengan *swimmer* yang merentasi Selat Inggeris baru-baru ini (Lennard Lee), Kementerian Belia dan Sukan belum mendapat apa-apa maklum balas dari Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini, tetapi saya berjanji kepada Yang Berhormat bahawa kita tidak akan menganaktirikan sesiapa yang membawa nama negara ke peringkat antarabangsa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, Malik itu pun lebih kurang mirip wajah Yang Berhormat juga. Jadi

[*Ketawa*] Ya.... cuma Yang Berhormat mungkin tidak cekap berenang. Dia cekap berenang, jadi Yang Berhormat Dato', Dato' jangan serius sangat Dato'? [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Parlimen, kena serius.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dato' serius sebelah sini Dato'.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita kena serius.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagi seseorang yang telah mengharumkan nama negara,

apa Ipoh Timor? Ada tengok apa sama saya? Ipoh Barat. Bagi seseorang yang mengharumkan nama negara, saya mencadangkan kepada kementerian, supaya mereka ini diletakkan di satu tempat ataupun nama ini diukir.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ukirkan nama-nama ini mungkin di kompleks-kompleks sukan negara supaya nama itu, kalau Dato' Badruddin Amiruldin sebagai perenang yang tercepat di dunia, mengalami berbagai-bagai masalah tetapi sampai ke tempat berenangnya maka nama saya diukir.

Siapa yang naik *Mount Everest*, Gunung Everest nama diukir. Kalau tidak, Tuan Pengerusi, satu hari nanti nama-nama ini akan hilang. Bila masyarakat muda datang, dia tengok ini nama siapa? Kula apa ini Kula. Apa dia bikin. Dia tak tahu. Jadi, ini kita mahu nama itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebut nama kawasan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebut nama kawasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan. Saya bukan cakap Ipoh Timor. Saya beri contoh Kula bukan satu nama sahaja. Saya punya kawan di kawasan saya itu dekat Sungai Tok Pawang Estate, nama dia Kulasingam.

Tuan M. Kula Segaran: Mana ada Kulasingam. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya panggil dia "Kula" juga. Ini apa pasal, dia mahu seronok sendirikah? [*Dewan semakin riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, cadangkan supaya nama-nama ini diukirkan di kompleks sukan negara, macam di Tugu Peringatan orang-orang yang terkorban untuk kemerdekaan, nama-nama mereka diukirkan di situ. Ini akan menjadi sejarah dan akan dikenang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Ini cadangan yang baik, boleh bawa ke kementerian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pandangan dan cadangan Yang Berhormat saya pasti akan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Berkenaan dengan lagi satu jawapan akhir iaitu isu SUKOM. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, kementerian telah pun menjawab kepada Yang Berhormat secara bertulis dan kebelakangan ini Menteri Belia dan Sukan telah

membawa hal SUKOM ini kepada sebuah jawatankuasa untuk meneliti dan memberi pandangan berkenaan dengan apa yang telah berlaku dalam hal SUKOM. Tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, berkenaan dengan SUKOM, memang Menteri Belia dan Sukan (Datuk Azalina binti Othman Said), sebelum itu Dato' Hishamudin Tun Hussein telah memberi penjelasan bahawa ia tidak dikendalikan secara profesional dan RM10 juta yang diberikan kepada SUKOM '98 oleh Kementerian Kewangan tidak melalui Kementerian Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan sanggup membuat satu kajian semula mengenai apa yang berlaku dalam SUKOM supaya Dewan yang mulia ini dapat tahu hal sebenar. Tetapi yang diceritakan oleh sesetengah pihak bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak ingin meneliti balik SUKOM ini - memang tidak benar. Saya berharap Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini bersabar sehingga keputusan diambil oleh jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini untuk memantau perkara SUKOM '98.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan serta cadangan berkenaan Kementerian Belia dan Sukan. Tuan Pengerusi, saya ingin memohon untuk menyokong Usul ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM135,545,050 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM135,545,050 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud B.18 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahaskan. Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Yang Berhormat Mambong, pihak kerajaan menjawab.

3.03 ptg.

Dr. James Dawos Mamit: Di bawah kementerian ini, saya ingin menyentuh Butiran 060000 iaitu Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia.

Memang kita tahu peranan Penyelidikan dan Pembangunan adalah penting untuk pelbagai bidang termasuk juga perhutanan. Lembaga Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia ini, peranan Lembaga ini haruslah untuk memberi panduan dan haluan terhadap R&D perhutanan, itulah sebabnya saya rasa Lembaga ini diwujudkan. Tetapi saya ingin bertanya daripada kementerian, siapakah ahli-ahli Lembaga ini kerana ahli-ahli Lembaga haruslah ada pengetahuan yang mendalam dan kelayakan sesuai dalam bidang perhutanan.

Saya berpendapat bahawa setakat ini pengurusan perhutanan di negara kita tidak lestari ataupun tidak mapan kerana pengurusan hutan setakat ini adalah berdasarkan kepada "*cut and fill*" sahaja. dengan izin, iaitu hanya mengambil kepentingan untuk pembalakan mengikut kadar tumbuhan pokok-pokok yang ada dalam hutan. Tetapi pengurusan hutan lestari adalah berdasarkan kepada kaedah-kaedah pengurusan hutan yang mengambil kira peranan hutan di dalam kehidupan kita manusia.

- (i) hutan adalah berfungsi *multi-forested*, dengan izin, di mana selain daripada bekalan kayu-kayan yang kita boleh perolehi daripada hutan, ia juga berfungsi sebagai tadahan air, yang menyimpan air kita;
- (ii) ia juga adalah satu kawasan kepelbagaian biologi untuk sumber pelbagai tumbuhan dan juga binatang-binatang;
- (iii) hutan juga satu kawasan untuk rekreasi; dan
- (iv) hutan adalah satu kawasan untuk selenggaraan *micro-climate* untuk udara bersih dan sebagainya.

Oleh itu pengurusan hutan di negara kita yang lestari haruslah dicapai. Ini adalah penting dan jika R&D hutan atau perhutanan tidak dijalankan dan mengambil kira *multiple functions of the forest*, dengan izin, maka hutan negara kita tidak boleh diurus dengan lestari. Hutan memang memberi manfaat yang besar kepada kita manusia..

Tuan Pengerusi Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Jerai, ada hutan di Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada.

Dr. James Dawos Mamit: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Mambong. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, tetapi saya minta pihak kementerian kadang-kadang hutan-hutan tersebut telah pun *diidentified* ataupun digazetkan sebagai hutan simpanan kekal untuk tadahan air dan sebagainya. Tetapi mungkin atas desakan mungkin atas kononnya pembangunan maka dicabut keluar sebagai hutan kekal dan hutan simpanan, Tuan Pengerusi. Ini berlaku dalam kawasan saya, di mana kawasan itu adalah kawasan tadahan air tetapi dicabut keluar oleh Jabatan Hutan atas kehendak-kehendak tertentu maka diberi kawasan itu, diambil sebagai kayu balak, dikeluarkan kemudian dibuat kuari. Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, hujan turun dia bawa habis dengan batu, dengan selut semua masuk habis dalam kawasan kampung saya yang bernama ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak minta jawapan kerajaan atau daripada Mambong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tengok Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya tengok sini macam mana, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, soalan saya Yang Berhormat hendak hujah atau hendak minta penjelasan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak minta penjelasan adakah patut benda-benda seperti ini berlaku, walau pun telah digazet tetapi *didisgazettekan*, dengan izin, [*Ketawa*] digazetkan. Jadi, nanti tidak habis lagi, Yang Berhormat, ini tengah naik semangat, Yang Berhormat duduk dulu. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Mambong berpendapat benda-benda seperti ini sepatut berlaku, kerana hutan ini duduk elok-elok sudah dibagi kat orang Yang Berhormat bagi Mambong untuk membuat kuari kemudian kawasan Singkir, kawasan saya bernama Singkir, duduk hujung habis kawasan itu rosak dibanjiri dengan banjir lumpur. Pokok-pokok dusun mereka habis mati, padi mati kena lumpur masuk dalam bendang, padi mati, Tuan Pengerusi, orang susah.

Jadi, apakah kita ada akta itu, kita ada akta ini, kita ada peraturan itu peraturan ini telah digazetkan, telah diaktakan bahawa ini hutan simpanan tetap kenapa boleh dibuat sedemikian rupa. Begitu juga kita tengok di Kuala Lumpur, Yang Berhormat bagi Mambong, di Kuala Lumpur banjir kilat berlaku fasal apa Yang

Berhormat bagi Mambong? Fasal bukit bukau yang ada di sekelilingi Lembah Klang ini telah di potong. Ibarat orang kepala botak, minta maaf. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Contoh, contoh, contoh, contoh!.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau dia keluar dia boleh ganti Pejabat Kaji Cuaca, Tuan Pengerusi, dia boleh keluar, dia boleh tahu sekejap lagi hujan tidak hujan kerana *direct* dari langit sampai ke kepala dia. Macam kita ada rambut, boleh tahan lagi.

Jadi kalau hujan turun habis dia cepat. Jadi, Yang Berhormat bagi Mambong, apakah nasihat Yang Berhormat sebagai pakar ini yang diharap-harap boleh menjadi menteri di masa hadapan *[Ketawa]* untuk menasihati kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan supaya tegas kepada peraturan yang telah pun dimaktubkan di dalam kawasan-kawasan simpanan hutan ini supaya jangan kerana kepentingan tertentu rakyat menanggung penderitaan yang amat sangat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Mambong, ada dua minit lagi.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Yang Berhormat Jerai, saya memang setuju, tetapi satu sahaja Yang Berhormat Jerai ini memang prihatin terhadap alam sekitar yang tinggi *environmental ethics*, saya setuju dengan Yang Berhormat Jerai bahawa hutan simpan kekal haruslah dikekalkan, jangan dikeluarkan untuk pembalakan. Oleh yang demikian, kerajaan atau kementerian haruslah menilai kepentingan hutan ini daripada nilai-nilai yang lain bukan sahaja untuk kayu balak ataupun kayu-kayan tetapi untuk fungsi-fungsi hutan yang lain seperti senggaraan *micro-climate* dan juga sebagai tadahan air.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya berpuas hati dengan peranan FRIM dalam R&D hutan. Cuma saya ingin minta pihak FRIM untuk mempertingkatkan R&D dalam bidang kepelbagaian biologi agar industri bioteknologi boleh diperkembangkan dan dipercepatkan di negara kita kerana bahan-bahan kepelbagaian teknologi ini adalah terdapat di dalam hutan-hutan kita, bukan sahaja kayu-kayan tetapi tumbuh-tumbuhan yang lain seperti kayu bintangor. Sekarang ini getah daripada kayu bintangor yang digunakan untuk penyakit AIDS dan HIV sudah di dalam peringkat yang terakhir kerana Syarikat Medicam Sarawak, iaitu satu gabungan syarikat di Sarawak

dan juga satu *company* di Amerika Syarikat sekarang sudah membuat permohonan untuk *FDA approval*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

3.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Mambong yang telah memberi pendapat dan juga saranan. Yang pertama sekali, beliau bertanyakan berkenaan dengan siapakah Ahli-ahli Lembaga Pengarah Hutan dan apakah mereka ini mempunyai *qualification*, dengan izin, yang mencukupi. Buat pengetahuan Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi Perhutanan ini adalah dilantik oleh kementerian dan sememangnya mengikut kriteria-kriteria yang telah ditentukan. Ini tidak semestinya mereka cuma mahir atau pakar di dalam bidang-bidang perkayuan, tetapi juga di dalam bidang perniagaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat bagi Mambong itu kita akan selidiki dan saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Mambong berkenaan dengan pemilihan Ahli-ahli Lembaga Pengarah tersebut.

Beliau juga menekankan berkenaan dengan penggunaan hutan yang selama ini hanyalah untuk pembalakan dan tidak diurus dengan secara mapan atau lestari. Pihak kementerian bersetuju sememangnya FRIM dahulunya terletak di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan sekarang ini telah diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kementerian ini adalah baru ditubuhkan dan salah satu daripada kehendak kerajaan menubuhkan kementerian ini adalah supaya kita menguruskan hutan-hutan dan sumber-sumber asli kita secara lestari.

Dan di pihak kementerian, kami menyedari ini tidak berlaku sebelum daripada ini dan kita sedang menyusun strategi-strategi dan dasar-dasar baru bagi menjaga kepelbagaian biodiversiti di dalam negara kita ini termasuklah hutan dan kita tidak hanya melihatnya sebagai punca kayu-kayuan tetapi juga seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, kepelbagaian sumber biologi, rekreasi, *micro-climate* dan tidak dilupakan binatang-binatang liar yang berada di dalam hutan kita. Dan untuk

itu diselidiki bagi kepelbagaian bioteknologi di dalam hutan-hutan ini akan diteruskan dan akan dipertingkatkan lagi.

Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong kerana telah memberi kepada Dewan ini, satu pandangan yang amat baik sekali dan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai mengenai hutan-hutan kekal yang telah tidak dikekalkan, terdapat dua jenis hutan, Yang Berhormat. Yang pertama sekali, hutan kekal simpan ini ada dua jenis, satu di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan seperti Taman Negara dan yang baru-baru ini Kerajaan Negeri Pulau Pinangewartakan sebagai hutan simpan untuk Taman Negara, yang ini di bawah kita tetapi hutan-hutan yang diwartakan sebagai hutan simpan kekal oleh pihak kerajaan negeri, boleh ditarik balik warta tersebut, bila-bila masa kerajaan negeri kehendaki. Jadi inilah yang berlaku sebenarnya, kerajaan negeri menarik balik, jadi kita di peringkat Persekutuan tidak boleh berbuat apa-apa sebab ini adalah dalam bidang kuasa negeri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Sazmi bin Miah: Silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, hak yang satu boleh ditarik balik dan yang satu lagi tidak boleh tarik? Tuan Pengerusi, kita hendak pakai yang mana satu? Kita buatlah satu peraturan kerana kita adalah sebuah negara, tidak mengapa, kita pinda dalam Dewan Rakyat ini, buat satu peraturan di mana peraturan-peraturan ini harus diakuri kerana ini untuk menjaga alam, menjaga dunia, kerana kalau dunia haru-hara, dia haru-hara mungkin bukan perang sahaja, Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Huru-hara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, bukan kerana huru-hara perang sahaja, Tuan Pengerusi, bencana alam pun huru-hara.

Ini perkataan India campur Melayu, jadi saya kelam-kabut.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hai, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands marah cakap fasal India. *[Ketawa]* Jadi, kita minta kerajaan, saya minta kalau boleh kementerian pun tolong beri balik laporan bertulis kepada saya. Tadi Yang Berhormat kata laporan bertulis kepada Yang Berhormat bagi Mambong, Jerai pun hendak juga laporan bertulis supaya saya boleh balik cerita kepada orang kampung, ini dia, fasal apa sebab-sebabnya. Jadi orang kampung tidak marah kepada

kerajaan, dia tidak marah kepada saya kerana saya sudah menyuarakan penderitaan orang kampung saya di Dewan yang mulia ini.

Jadi apa pun yang kita buat, ingat, apa yang kita lakukan, jangan menyusahkan rakyat kerana rakyat yang meletakkan kita di sini. Jadi, harapan rakyat begitu tinggi, tidak begitukah Yang Berhormat bagi Ketereh, bersetuju?

Jadi saya haraplah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang cukup bagus, *future minister*, Tuan Pengerusi, untuk menasihati, minta pihak kerajaan membuat suatu pindaan undang-undang atau sebagainya supaya ia di *monitor* di peringkat Pusat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, panjangkah soalan ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu saya tidak bagi *detail* tentang peraturan-peraturan lagi, Tuan Pengerusi, hanya untuk memberi gambaran awal supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apabila membentangkan kepada Yang Berhormat Menterinya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memang faham, tidak perlu panjangkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham dah Yang Berhormat?

Tuan Sazmi bin Miah: *[Mengangguk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham dah, terima kasih.
[Ketawa]

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai, calonlah. Memang pihak kementerian sedar ianya berlaku Yang Berhormat, tetapi kena tolong kita jugalah di kementerian, kalau salak-salak sedikit, bolehlah kita buat. Sebabnya macam ini, yang pertama sekali kita bercakap fasal hutan, hutan ini duduk di atas tanah dan tanah ini adalah hak negeri. Jadi kalau hendak ubah berkaitan dengan perhutanan bolehlah, tetapi tanah itu masih tertakluk di bawah Akta Tanah Negeri, ia terletak di bawah kerajaan Negeri, seperti juga ...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun

Tuan Sazmi bin Miah: Sekejap lagi, saya cerita sedikit sahaja dan selepas itu saya akan beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Mambong Tuan Pengerusi. Seperti yang berlaku di banyak kawasan, ini berkenaan dengan tanah lagi Yang Berhormat, ada sesetengah negeri itu memberi lesen melombong di atas tanah itu, beribu-ribu hektar tetapi sebenarnya dia hendak balak, jadi dikeluarkan atas lesen melombong. Maka si pelombong-pelombong ini pergilah masuk ke kawasan tanah tersebut, dia potong semua kayu, dia bawa keluar kayu itu, dia beri tahu balik kepada kerajaan negeri: "Tidak ada emas".

Jadi ini manipulasi yang telah dilakukan oleh beberapa negeri pembangkang terutamanya, yang mengeluarkan lesen-lesen perlombongan ke atas tanah-tanah di mana diambil hutan, jadi, dia hanya menggunakan cangkul sahaja mungkin untuk melombong itu.

Jadi, terima kasihlah, kita akan mengambil perhatian berkenaan perkara ini dan saya beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tentang hutan simpan kekal ini lagi, memang saya tahu di kawasan Jerai, kerajaan negeri apabila sudahewartakan hutan, selepas itu keluar lagi daripada warta.

Saya ada satu pandangan. Bagaimana jika kementerian membuat satu perundangan yang khusus kepada pemeliharaan kawasan tadahan air, kerana kalaulah ada perundangan ini, maka kawasan tadahan air ataupun hutan simpan yang sudah diwartakan di dalam perundangan ini tidak diambil keluar lagi daripada dalam warta.

Saya tahu kelemahannya, kadang-kadang beberapa negeri walaupun hutan itu sudah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal, juga mengeluarkan lesen untuk pembalakan, sebab tidak ada di dalam perundangan perhutanan negeri yang mengatakan bahawa kawasan itu spesifik untuk kawasan tadahan air. Maka jika kita ada perundangan berkaitan dengan pemeliharaan kawasan tadahan air, kita boleh mewujudkan peruntukan yang spesifik bahawa jika hutan itu sudah diwartakan untuk tadahan air, itu sahaja gunanya, bukan untuk pembalakan. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Sebab itu kita hendak ada doktor dalam Dewan ini. Jadi, saya amat bersetuju saranan

daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Saya akan panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan kita akan kaji semula benda ini. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [*Bangun*]

Tuan Sazmi bin Miah: Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan pihak Kerajaan Pusat tidak boleh mengawal tetapi Tuan Pengerusi, kita tahu di peringkat Persekutuan, kita ada Majlis Perhutanan Negara, kita ada Dasar Perhutanan Negara yang mana semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjadi ahli kepada Majlis Perhutanan Negara ini. Jadi tidakkah dasar-dasar yang digariskan oleh Majlis Perhutanan Negara ataupun Dasar Perhutanan Negara itu dapat meminta kerajaan negeri supaya mematuhi sepenuhnya garis panduan ataupun dasar-dasar yang ditentukan oleh Majlis Perhutanan Negara itu. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Memang kita ada dasar, garis panduan dan sebagainya tetapi sekiranya ia bukan undang-undang, kita tidak boleh buat apa-apa kalau ia tidak patuhi sebab kita tiada akta dan semua ini tertakluk kepada akta perundangan di peringkat negeri masing-masing berkenaan tanah, hutan dan sebagainya. Jadi memang Majlis Tanah Negara pun ada dasarnya, *guideline* dan sebagainya tetapi kita tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan supaya mereka ini mengikuti dasar-dasar dan juga garis-garis panduan yang telah dikeluarkan.

Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Parit di atas pandangan mereka. Itu sahaja, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,000,000 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,000,000 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 2003] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Mambong. Lepas Mambong, Yang Berhormat bagi Cheras.

3.23 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran P.17100 iaitu perparitan dan tebatan banjir di mana jumlah tambahan sebanyak lebih daripada RM183 juta adalah dikehendaki untuk melaksanakan Projek Tebatan Banjir SMART. Saya ingin menyentuh kembali tentang kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur kerana saya memang prihatin dengan penduduk-penduduk Kuala Lumpur walaupun kita ini wakil rakyat hanya tinggal di Kuala Lumpur untuk sementara sahaja, semasa bersidang.

Pada tiga tahun lalu, banjir kilat yang serius berlaku sebanyak empat kali di Kuala Lumpur yakni pada 26 April 2001, 29 Ogos 2001, 11 Jun 2002 dan 10 Jun 2003. Saya berpendapat bahawa masalah banjir di pusat bandaraya Kuala Lumpur semakin bertambah buruk akibat;

- (i) pembangunan pesat dalam kawasan tadahan;
- (ii) gangguan dalam pengaliran;
- (iii) kawasan yang terhad untuk kerja-kerja pembaikan sungai.

Saya juga berpendapat bahawa pembangunan di tadahan Sungai Klang telah melebihi unjuran dalam perancangan asal iaitu melebihi *caring capacity*. Ini bermakna keupayaan saluran Sungai Klang di pusat bandaraya Kuala Lumpur tidak lagi mampu untuk menyalurkan aliran banjir yang berlaku. Pusat bandaraya Kuala Lumpur dekat Jalan Ampang dan kawasan komersial di persekitarannya sering dilanda banjir akibat limpahan dari Sungai Klang. Saya tahu keadaan ini berlaku begini sebab kadang kala kalau kita berjalan di Kuala Lumpur waktu hujan, memang kita boleh lihat sendiri dan *traffic jammed* terdapat di mana-mana jika Kuala Lumpur sudah banjir. Tambahan lagi reka bentuk dan saiz-saiz perparitan yang sedia ada tidak mampu menyalurkan air hujan dengan cepat ke Sungai Klang kerana terlalu sempit dan cetek.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: Tangga Batu, jangan panjang sangatlah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tidak ada, sedikit sahaja.

Dr. James Dawos Mamit: Sedikit sahaja, boleh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Ketawa]* Memandangkan Yang Berhormat bagi Mambong, antara sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tentang salah satu daripada punca banjir di kawasan bandar itu kurang saya persetujuan iaitu pembangunan pesat di kawasan tadahan dan pembangunan pesat di kawasan saluran air. Bagaimana ini boleh berlaku jika pihak perancang di Bahagian Perancang Bandaraya dan juga Majlis Perbandaran memainkan peranan dan tanggungjawab yang tepat dan betul di dalam merancang bangunan-bangunan? Bagaimana mereka boleh merancang pembangunan di kawasan tadahan air dan juga saluran-saliran air? Ini mungkin akan mengelirukan kita dan juga rakyat. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Takrifan tadahan air bukan semestinya di hulu sungai. Takrifan tadahan air adalah satu kawasan yang juga ada pembangunan, jadi ia di mana-mana. Kalau kita mengatakan takrifan banjir Sungai Klang di Ampang. Ampanglah di anggap sebagai tadahan air, bukan semestinya di hulu sungai. Ini yang dinamakan *river basin*. Jadi jika pembangunan di tadahan telah melebihi unjuran dalam perancangan asal, maka inilah yang menyebabkan banjir berlaku. Oleh itu adalah penting bagaimanakah kita menguruskan tebatan banjir di bandar-bandar bukan sahaja di Kuala Lumpur.

Ada juga kemungkinan bahawa longkang-longkang disumbat oleh sampah sarap. Banjir kilat berlaku jika hujan lebat turun dengan kadar sejumlah 25 milimeter satu jam atau lebih. Dengan kekerapan banjir kilat di pusat bandaraya Kuala Lumpur maka saya mengandaikan kerajaan melaksanakan Projek SMART. Jadi saya ingin bertanya pihak kementerian, adakah Projek SMART ini berkesan menyalurkan air larian banjir dari kawasan tadahan pusat bandaraya Kuala Lumpur? Saya difahamkan bahawa air larian banjir ini dialirkan semula ke Sungai Klang di sebelah hilir? Saya ingin bertanya tidakkah air larian banjir ini mengakibatkan banjir lagi di kawasan-kawasan perumahan di sebelah hilir Sungai Klang? Saya juga difahamkan bahawa Projek SMART ini mengandungi terowong lencongan ataupun *by pass tunnel* sepanjang 9.7 kilometer dan mempunyai diameter dalaman 11.8 meter.

Saya juga ingin bertanya, dari manakah terowong ini bermula? Dari maklumat yang saya dapat, terowong ini berakhir di kolam bekas lombong di Taman Desa. Tidakkah Taman Desa akan menerima akibat limpahan air dari kolam tersebut yang akhirnya menerima banjir? Selain daripada itu saya juga dapat tahu bahawa sebuah

kolam penahanan ataupun *holding pond* akan dibina di Kampung Berembang, Gombak. Saya ingin tanya kemampuan kolam penahan ini di Kampung Berembang untuk menyimpan air di dalamnya agar tidak melimpah dan membanjiri kampung tersebut. Yang terakhir, bilakah Projek SMART dijadualkan siap dan berapakah kos projek ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras, selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab.

3.30 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menerusi perbekalan tambahan ini peruntukan kerajaan sejumlah lebih RM183 juta akan diperuntukkan untuk melaksanakan projek SMART. Saya memang bersetuju bahawa tebatan banjir adalah satu rancangan yang penting, satu cabaran yang mesti diatasi jika cita-cita Kuala Lumpur untuk menjadi satu bandar raya bermutu dunia hendak dicapai. Tetapi selain daripada menyoal keberkesannya SMART ini, saya ada banyak persoalan yang ingin ditimbulkan di sini mengenai kos dan sebagainya, kerana saya mendapati banyak *irregularity* yang harus disoal di sini.

Tuan Pengerusi, terdapat beberapa projek penswastaaan mega yang mesti dikaji semula dan satu-satunya ialah SMART yang menelan belanja keseluruhannya RM2.1 bilion. Saya difahamkan kelulusan untuk memulakan projek SMART ini dibuat oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed sedikit masa sebelum beliau bersara secara rasminya pada tahun yang lalu dan saya rasa adalah menjadi satu tugas untuk Perdana Menteri kini mengkaji semula projek ini memandangkan *irregularity* yang saya akan sebut nanti.

Tuan Pengerusi, projek pembinaan dan jumlah kos projek ini yang dikecualikan kos pengambilan tanah ialah RM1.933 bilion. Tetapi apa yang saya sedar bahawa sebanyak RM1.312 bilion daripada itu adalah wang peruntukan kos yang ditanggung oleh kerajaan melalui isu bon kerajaan yang dilanggan atau *subscribe* oleh KWSP. Di samping itu RM300 juta pula adalah merupakan pinjaman daripada Bank Pembangunan dan infrastruktur. Kedua-dua kumpulan wang ini merupakan lebih RM1.6 bilion dan dengan angka ini kita difahamkan *actual investment* atau pelaburan sebenarnya oleh Konsortium MMC Engineering Gamuda, iaitu syarikat konsesi yang ditawarkan projek ini cuma memerlukan RM321 juta sahaja untuk memulakan projek,

tetapi berhak menikmati keuntungan yang sangat besar apabila projek ini siap Tuan Pengerusi, kerana projek ini apabila siap di Jalan Sungai Besi akan dibinakan satu plaza tol, di mana kutipan tol akan dikenakan kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan laluan kenderaan dalam terowong sebanyak empat lorong itu sepanjang 4.3 k.m dan kutipan tol ini akan mengambil masa 40 tahun. Saya tidak faham Tuan Pengerusi kerana kebanyakan wang adalah diperuntukkan oleh kerajaan, tetapi mengapakah syarikat konsesi mengenakan tol sepanjang 40 tahun, dan saya ingin menimbulkan satu persoalan yang besar di sini kerana kalau kita banding jumlah kos projek dan anggaran kos projek, sebab saya difahamkan anggaran kos projek SMART adalah dalam lingkungan RM683 juta sahaja dan dengan *variation* lebih kurang RM70 juta pun jumlah kos pembinaan anggarannya termasuk reka bentuk, kejuruteraan dan pembinaan tidak melebihi RM353 juta.

Maka kalau kita membuat perbandingan dengan jumlah kos projek menolak anggaran kos projek, ini merupakan ada bakinya yang berjumlah RM1.18 bilion yang akan menguntungkan MMC Engineering Gamuda. Ini merupakan satu *profit* yang paling besar dan kerajaan akan *dishort change*, bukan sahaja kerajaan tetapi pembayar cukai, pencarum-pencarum KWSP kerana kebanyakan wang adalah ditanggung oleh kerajaan melalui KWSP. Ini satu persoalan besar Tuan Pengerusi.

Saya memang bersetuju dengan pendapat Mambong. Ini satu projek yang harus diberi perhatian berat bukan sahaja dari segi keberkesanan, tetapi dari segi kepatutannya mengapa kerajaan harus menanggung kebanyakan perbelanjaan, tetapi syarikat konsesi yang kita semua tahu ini sebuah syarikat *crony* UMNO yang akan mengaut keuntungan besar. Siapa yang akan memikul bebanan yang paling tinggi itu. Rakyat yang menjadi mangsa.

Tuan Pengerusi, saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin membuat dan membetulkan sesuatu yang baik, tetapi ada beberapa mega projek tidak dapat dibetulkan kerana tekanan politik UMNO sendiri, khasnya pada masa ini menjelang Perhimpunan Agung UMNO yang akan datang.

Beberapa Ahli: [*Dewan menjadi riuh seketika*]

Tuan Tan Kok Wai: Saya harap mesej ini bukan sahaja disampaikan kepada Kementerian Pertanian kita, tetapi disampaikan kepada Perdana Menteri supaya Yang Amat Berhormat menunjukkan keberaniannya untuk memastikan tidak betul tetap tidak akan berlaku. Misalnya apa yang saya timbulkan dalam Dewan ini minggu yang lepas

iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya sekarang $\frac{3}{4}$ projeknya dibatalkan, *scope* dikurangkan kerana pentadbiran baru kerajaan menyedari bahawa kebanyakan wang yang akan diperuntukkan pembinaannya ialah ditanggung oleh kerajaan, tetapi kutipan tol dinikmati oleh syarikat konsesi.

Saya harap kerajaan dapat mengganti semula keseluruhannya sungguhpun projek ini sudah berlalu atau sedang dalam peringkat pembinaan. Maka dengan ini saya ingin menyeru kerajaan:

Yang pertama, menyasat segera hal-hal yang tidak teratur dalam prosedur dan proses projek *procurement* kejuruteraan oleh kerana kontrak SMART tersebut diluluskan secara tergesa-gesa.

Yang kedua, menyasat segera kos projek SMART kerana jumlah kos projek terlalu tinggi.

Yang ketiga, menyasat segera rasional di sebalik penglibatan kerajaan dalam membiayai kos pembangunan RM1.312 bilion yang hampir menjadi dua kali ganda kos sebenarnya.

Yang keempat, menyasat segera mengapa projek ini patut diswastakan sedangkan kerajaan terpaksa membiayainya.

Yang kelima, membatalkan konsesi kutipan tol selama 40 tahun dengan membenarkan konsortium *turnkey* mendapatkan untung sekali gus dan yang munasabah sahaja. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

3.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan juga Yang Berhormat bagi Cheras, di atas beberapa kemusykilan ataupun persoalan yang telah dimaklumkan tadi.

Yang Berhormat, sedikit sebanyak saya hendak memberitahu mengenai projek SMART ini yang telah mengambil perhatian ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat, iaitu keseluruhannya untuk perbelanjaan tambahan iaitu berjumlah RM183,750,380. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek SMART ini melibatkan pemindahan air

larian banjir dari kawasan tadahan Sungai Ampang, Sungai Klang melalui satu terowong dinamakan, dengan izin, *flood bypass*, dan menyalurkannya ke Sungai Klang di sebelah hilir.

Dengan kaedah ini air larian banjir akan dilencong dari menuju ke pusat bandar raya Kuala Lumpur, di samping itu ia juga menyediakan laluan alternatif trafik supaya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di laluan masuk ke Kuala Lumpur di sebelah Selatan berdekatan Lapangan Terbang Sungai Besi.

Skop kerja seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Mambong memanglah merangkumi bermacam-macam komponen utama seperti terowong lencongan banjir atau *flood bypass tunnel*, sepanjang kira-kira 9.7 kilometer yang bermula dari Kampung Berembang, Ampang, di sebelah hulu menuju ke arah selatan dan berakhir di kolam bekas lombong Taman Desa. Terowong tersebut mempunyai diameter dalaman 11.8 meter dan terowong ini adalah yang terbesar di rantau Asia Tenggara dan kedua terbesar di Asia, insya-Allah.

Selain dari pembinaan terowong, komponen pengurusan air banjir meliputi pembinaan sebuah kolam penahanan (*holding basin*) di Kampung Berembang, daerah Gombak, menaik taraf kolam bekas lombong di Taman Desa untuk dijadikan sebagai kolam takungan simpanan. Pembinaan *twin box culvert outlet structure*, dengan izin, kira-kira 500 meter panjang dari kolam Taman Desa ke Sungai Kerayong.

Kerja menaiktarafkan Sungai Kerayong sepanjang 1.8 kilometer dan pembinaan struktur-struktur kawalan yang berkaitan, sebab ini termasuk kegelisahan yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Mambong tadi, apabila siap kelak, kolam-kolam takungan dan terowong *bypass* tersebut akan mempunyai kapasiti menampung air banjir sejumlah 3 juta meter padu.

Sebahagian terowong tersebut kira-kira 3 kilometer akan menggabungkan pengurusan tebatan banjir dan juga jalan raya. Bahagian dwi-fungsi ini bermula dekat bulatan Kampung Pandan dan berakhir di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dekat persimpangan Jalan Istana.

Komponen jalan raya dalam projek SMART ini berupa jalan dua tingkat di dalam terowong. *Ingress and Egress Connection Links*, dengan izin, akan dibina di tiga tempat untuk menghubungkan laluan trafik ini ke sistem jalan raya sedia ada.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut tentang beberapa kolam penahanan yang boleh menyimpan air 3 juta meter padu. Berapakah bilangan kolam penahanan ini? Kerana kalau satu sahaja memang mungkin tidak mencukupi. Jadi Yang Berhormat tadi menyebut ada beberapa kolam penahanan air. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya belum sebut tadikah, Yang Berhormat? Tidak apa, saya baca dahulu, kalau ada dalam ini. Tadi saya setakat Jalan Istana, komponen jalan raya dalam projek SMART ini ada *ingress* dan *egress connection*, lepas itu sambungan ke Jalan Sultan Ismail, iaitu 1.5 kilometer, Jalan Tun Razak 1.4 kilometer dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban 1.6 kilometer.

Jadi, tadahan-tadahan tadi ada beberapa, saya telah memberitahu yang Sungai Kerayong Holding Pond di Berembang, *storage reservoir* di Taman Desa, lepas itu ada lagi kolam di Taman Desa ke Sungai Kerayong, lepas itu ada pula titik *discharge* projek SMART sehingga ke Sungai Klang, lepas itu ada lagi kawalan-kawalan struktur, lencongan air banjir seperti *diversion well*, *off take structure*, *tunnel in-take/out-take structures*, *out-fold structure* dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat, kalau hendak *detail* lagi Yang Berhormat bolehlah juga berjumpa dengan pegawai saya yang boleh menerangkan secara terperinci. Selepas itu ada sebuah pusat kawalan, *control center*, yang lengkap dengan Sistem Pengesanan Banjir (*Flood Detection System*), yang saya rasa Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ada satu masa, dia ada kerisauan, akan didirikan bagi menguruskan operasi kemudahan projek SMART untuk tebatan banjir serta operasi kawalan trafik.

Lepas itu kita akan menggunakan kaedah pembinaan terowong adalah dengan menggunakan *dual box*, dengan izin, *tunnel boring machine*, iaitu jenis *Slurry Seal* dan berdiameter 13.2 meter. Apabila *tunnel boring machine* ini membuat *advances* atau mula mengorek ke hadapan, segmen konkrit berdiameter sedalam 11.8 meter dan setebal 0.5 meter akan dipasang pada masa yang sama dan ruangan di luar bulatan *segment* konkrit akan diisi melalui *pressure grouting*.

Agensi pelaksana projek SMART adalah Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi komponen jalan raya. Susulan daripada

keputusan Jemaah Menteri pada 12 Mei, perjanjian pembinaan dan konsesi bagi projek SMART telah sempurna ditandatangani pada 2 Jun yang baru lalu.

Anggaran kos projek SMART termasuk kos pengambilan balik tanah ialah RM2,168 juta, seperti jadual di bawah. Jadi, sedikit pembetulan untuk Yang Berhormat bagi Cheras, ini adalah pecahannya, ya. Jadi, pembetulan – ada terbalik sedikit angka, Yang Berhormat, jadi, dia macam ini. Anggaran kos pembinaan ialah RM1,933 juta. Itu pembinaan, Yang Berhormat, bukan pengambilan tanah.

Pengambilan tanah adalah RM2,020 juta dan kos untuk perunding adalah RM15 juta, keseluruhan kos projek SMART adalah RM2,168 juta. Daripada angka ini RM1,547.3 juta adalah dari pembiayaan kerajaan di mana RM620.7 juta akan dibiayai oleh pihak Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. sebagai sumbangan syarikat itu bagi komponen jalan raya yang diswastakan dan bakinya yang telah dibiayai oleh pihak kerajaan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Mambong mengenai bila akan siap projek ini. Keseluruhan

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, memang betul dalam apa yang saya sebut tadi mengenai jumlah kos perbelanjaan, saya pernah menyebut RM1.933 bilion, walaupun jumlah besar ialah RM2.1 bilion termasuk kos pengambilan tanah dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun ada memaklumkan kepada Dewan ini bahawa apa yang saya sebut tadi adalah benar bahawa kebanyakan kos adalah dibiayai oleh kerajaan iaitu sebanyak RM1.3 bilion dan syarikat konsesi hanya perlu menanggung RM600 juta lebih sahaja.

Apakah logiknya? Ini merupakan satu projek “Skim Cepat Kaya” untuk MMC dan Gamuda. Syarikat konsesi hanya menanggung kurang daripada separuh kos pembinaan tetapi akan menikmati kutipan tol selama 40 tahun, Tuan Pengerusi. Adakah Tuan Pengerusi bersetuju dengan saya? Ini memang satu perkara yang terlampau.

Kebanyakan wang ditanggung oleh pembayar cukai tetapi sekarang apabila terowong siap, pembayar cukai pula yang akan menanggung kos perjalanan. Mengapakah kerajaan boleh menandatangani satu perjanjian yang memihak kepada syarikat konsesi itu? Saya harap satu penjelasan yang memuaskan dapat diberikan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya memberitahu sekali lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tambahan sedikit kepada soalan itu boleh tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, nantilah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya jawab dahulu ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, Setiausaha Parlimen, saya nampak apa yang telah dijawab oleh Setiausaha Parlimen tadi amat jelas secara hitam dan putih dan kita nampak ketelusan dan *transparencynya*. Sekurang-kurangnya ia tidak berlaku seperti mana yang berlaku di Melaka di mana bekas pemimpin DAP....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron:di dalam kawasan Kota Melaka telah mengutip sedikit bayaran sejumlah RM100 ribu daripada pihak pemaju, kemudian menyimpannya selama enam tahun, tidak diagihkan kepada pengundi-pengundinya, tidak diagihkan kepada mangsa-mangsa pembangunan itu. *[Disampuk]* Ini yang berlaku kepada DAPlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sekurang-kurang kepada pihak kerajaan, kita transparent, jelas, kita bentangkan di Parlimen.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Kalau berani, cakap di luar Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kita berdebat dalam Dewanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kita berdebat dalam Dewanlah!

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua-dua Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya kata, Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya pihak kerajaan telus.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: RM100 ribu, enam tahun simpan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini cerita heboh di Melaka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak kena-mengena dengan rang undang-undang ini. Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, cukup. Kalau hendak lawan, keluarlah Yang Berhormat, cukuplah!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup! Dua-dua samalah, sila duduk. Cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat, cukup.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Pengerusi, saya hendak menerangkan apa yang dimaknakan saya tadi iaitu daripada RM1,547.3 juta yang dibiayai oleh kerajaan, sebenarnya kerajaan hanya membayar setakat ini RM104 juta. *The rest* atau yang lain-lainnya adalah dibiayai oleh pihak syarikat konsesi, MMC Engineering Group Berhad da Gamuda Berhad JV menggunakan kaedah *private financing initiative* iaitu menggunakan *deferred payment*. Dia bayar dahulu, Yang Berhormat. Jadi, kita setakat itu sahaja. Dia bayar dahulu, jadi 40 tahun konsesi itu, /

think reasonable jangka masa untuk mereka kutip balik sebab dia bayar dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Lagi?

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, saya menyoalkan tadi soalan yang diberi lebih awal oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adalah hanya RM600 juta lebih ditanggung oleh syarikat konsesi dan melebihi RM1,300 juta dibiayai oleh kerajaan, boleh *check Hansard*. Sekarang kenyataannya berubah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya rasa jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi memang amat *transparent* tentang jumlah bayaran oleh kerajaan kerana angka-angka boleh berubah disebabkan kajian terperinci yang ada. Cuma, soalan saya ini berkaitan dengan *Fluid Detection System* yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Fluid Detection System ini haruslah merangkumi satu fakta yang menyentuh tentang *forecast* kerana yang penting bagi pengurusan banjir adalah *forecast*. Oleh yang demikian saya ingin bertanya, adakah *Fluid Detection System* ini mampu untuk meramal banjir kilat dua jam sebelum ia berlaku? Jika fakta-fakta ataupun data-data ada daripada pihak Jabatan Kaji Cuaca. Ini adalah penting agar rakyat di bandar raya Kuala Lumpur boleh bersedia untuk mengatasi masalah banjir kilat ini. Oleh itu *Fluid Detection System* ini haruslah merangkumi satu sistem untuk meramalkan ataupun *forecast* sama ada banjir kilat akan berlaku atau tidak jika kita tahu berapakah jumlah hujan yang akan turun daripada data-data yang ada pada Jabatan Kaji Cuaca. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat ini adalah dibangkitkan daripada Yang Berhormat yang begitu bertanggungjawab yang menjaga keselamatan lebih dari yang lain dari segala-galanya. Terima kasih Yang Berhormat.

Itulah kalau saya ditanya lagi dari segi sebelum dan selepas mengenai *safety*, lagi seronok menjawab daripada tadi kita mengatakan ini duit untuk siapa-siapa ya. Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat, memang kita sekarang ini ada *Emergency Response Plan* di mana di dalam *Emergency Response Plan* itu bukan digunakan dua jam, Yang Berhormat. Pusat kawalan boleh men"detect", dengan izin, mengesan dalam masa 40 minit bila banjir akan datang dan sebagainya dan kita ada *Emergency Response Team* yang akan beroperasi 24 jam untuk menangani masalah banjir dan sebagainya.

Tadi, bolehlah saya tambah sedikit kepada Yang Berhormat bagi Cheras itu, amaun itu, Yang Berhormat, kalau kita hendak ikut komponen jalan raya hanya satu pertiga daripada yang tiga kilometer. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat bagi Cheras selalu dapat taklimat daripada pegawai-pegawai. Saya rasa kalau Yang Berhormat *responsible enough*, Yang Berhormat akan memahami segala kos yang merangkumi bahawa ini adalah...

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cheras bangun.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...akan dibayar daripada konsesi.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak pernah mendapatkan apa-apa taklimat daripada mana-mana pegawai pun. Sila jelaskan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Okeylah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat kata tidak ada....

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak pernah dapat apa-apa taklimat pun oleh sesiapa daripada Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak apa, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada pergi *on site*. Itu kan dikira taklimat. Bila Yang Berhormat turun *on site* itu dikira taklimat juga oleh pegawai sebab projek ini melalui kawasan Yang Berhormat iaitu Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Ini tidak benar, Tuan Pengerusi, tidak benar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, duduklah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak apa Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Atau selepas inilah kalau Yang Berhormat hendak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas ini Yang Berhormat, berikan dia taklimat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, selepas inilah.

Tuan Tan Kok Wai: Selama ini taklimat diberi kepada mereka di sana, bukan untuk kami.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, selepas inilah, duduklah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak apalah, kepada penduduk...

Tuan Tan Kok Wai: Tidak berani untuk....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, taklimat kepada penduduk pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukup.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...termasuk sebab Yang Berhormat ada di situ, samalah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selepas ini boleh jumpa Yang Berhormat bagi Cheras.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Okey. Jadi, keseluruhan projek yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Mambong dijangka siap dalam tempoh empat tahun di mana kerja-kerja pembinaan telah bermula pada November 2002 dan dijadualkan siap pada akhir tahun 2006. Komponen jalan raya dijangka siap lebih awal pada akhir tahun 2005 dan setakat Jun 2004, kemajuan keseluruhan adalah mengikut jadual dan kira-kira 30% siap. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM188,662,260 untuk Maksud P.19

yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM188,662,260 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2003.

**Maksud B.20 [Jadual] -
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2003] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk di bahas. Bukit Bintang.

4.02 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Butiran 060000, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang menerima peruntukan tambahan RM20 juta. Pada pandangan saya, MATRADE masih ramai rakyat Malaysia, para peniaga baik di dalam dan di luar negara masih belum mengetahui sepenuhnya kewujudan dan peranan perbadanan ini kerana banyak syarikat korporat yang berniaga di luar negara terus kepada destinasi langganan mereka walaupun kewujudan MATRADE untuk memudahkan urusan perdagangan luar negara, mencari destinasi perdagangan baru. Masih banyak syarikat Malaysia sama ada yang baru dan yang telah lama beroperasi tidak menggunakan khidmat MATRADE, sebenarnya berpunca dari salah faham dan tiada pengetahuan dan maklumat mengenai perbadanan ini.

Tuan Pengerusi, setakat ini apakah peranan yang dimainkan oleh MATRADE untuk membantu syarikat Malaysia dalam mendapatkan serta merebutkan peluang perdagangan luar negara. Negara-negara di mana MATRADE sudah beroperasi dan belum beroperasi di dalam pertimbangan untuk beroperasi. Apakah langkah promosi yang berjaya dan tidak berjaya oleh MATRADE dan apakah peranan akan berubah setelah pelaksanaan AFTA dan WTO kelak? Adakah pihak beranggap bahawa urusan dengan MATRADE yang lambat dan lebih baik mereka berurusan sendiri dalam mencari peranan baru bagi mengeluarkan syarikat mereka.

Dalam proses globalisasi, perdagangan dalam industri Malaysia peranan MATRADE adalah menjadikan lebih utama dan penting dan mampu melihat skop lebih luas dan menyeluruh bukan mengikut gaya Malaysia berniaga tetapi menurut gaya antarabangsa. Saya berharap MATRADE akan berjaya membawa para pedagang dan industri Malaysia keluar kepompong dan mara bersama bersaing antarabangsa dalam melakari dunia dagang ke peringkat yang lebih jauh dan antarabangsa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Baru-baru ini apabila saya melawat di negeri China–Shanghai bahawa MATRADE satu pejabat yang boleh dikatakan berfungsi dengan baik. Banyak maklumat boleh didapati di MATRADE, di Bandar Raya Shanghai ini, saya harap kerajaan boleh menubuhkan lebih MATRADE di lain-lain negara untuk membantu industri Malaysia boleh ke arah antarabangsa. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai selepas ini Menteri menjawab.

4.05 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kementerian tentang AFTA ini. Saya ingin tahu kerana sekarang ini negara-negara jiran kita berlumba-lumba untuk memasuki pasaran apabila AFTA dikuatkuasakan. Apatah lagi negara kita adalah negara industri yang mengeluarkan jentera-jentera, kereta-kereta, motosikal-motosikal dan sebagainya.

Jadi apakah sebenarnya pihak kerajaan telah menyusun dan mengatur strategi terutama sekali kepada pengeluar-pengeluar kereta, motosikal dan sebagainya sama ada mereka telah bersiap-sedia atau tidak untuk menghadapi AFTA kerana pelaburan yang dilaburkan oleh industri-industri ini amat tinggi dan besar.

Jadi dengan kemasukan dan kebanjiran satu hari nanti, kenderaan dari negara-negara jiran dan saya difahamkan di sebelah utara, jiran kita telah pun membina begitu banyak kilang kenderaan yang dijalankan secara usaha sama dengan pengeluar-pengeluar kereta di Amerika. Jadi sudah tentu kita akan bersaing dengan

mereka, dengan kos pengeluaran mereka yang saya kira murah kalau hendak dibandingkan dengan negara kita.

Jadi apakah alternatifnya yang boleh kita lakukan, sedangkan kita dapat lihat pada satu ketika saya baca dalam akhbar, Proton meminta 20 tahun lagi perlindungan daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa industri motor kereta mereka ini terjamin dan selamat. Saya tidak dengar daripada Perodua yang juga kereta nasional, memohon perlindungan yang sedemikian rupa.

Jadi dimanakah yang tidak kena ini, kerana satu lagi iaitu industri motokar kedua Perodua, saya tidak baca dalam akhbar mengatakan mereka meminta supaya dapat perlindungan dan sebagainya tetapi yang Proton ini meminta supaya mereka dikawal dan diberi perlindungan bukan sedikit 20 tahun. Jadi adakah dengan ini bahawa mereka tidak bersiap sedia untuk menghadapi persaingan di dalam pasaran terbuka ini. Jadi kita kena lihat bahawa industri ini juga mempunyai tenaga pekerja yang begitu banyak. Jadi saya berharap supaya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini kerana dia ada dua di sini, iaitu Kementerian Kewangan melabur wang di Proton tetapi yang mengawal selia dan sebagainya adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Jadi apakah pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menasihati pihak perusahaan automobil negara kita ini supaya memperbanyakkan eksport kereta ini luar daripada negara kita supaya keuntungan daripada *export market* ini akan dapat menampung, mungkin persaingan yang akan sengit berlaku di dalam negara kita di masa yang akan datang. Ini penting dan untuk mencapai tahap untuk kereta ini dieksport dan kita telah berjaya mengeksport kenderaan kita. Kereta kita berada di London, sebuah negara yang menjajah kita suatu ketika dahulu, dahulu kita pakai kereta *Austin*, kereta *Morris Minor*, kereta-kereta *Austin A 40* dan sebagainya, yang dibuat oleh England, dia tulis di situ *made in England*, bangga *made in England*.

Sekarang saya tidak pergilah ke London tetapi saya difahamkan Kalabakan, kita pergilah sekali-sekali, tetapi hendak cerita, sakni tidak sedaplah, ini cara Orang Melayu dia rendah diri. Saya lihat kereta Proton sudah ada di London, *honestly I feel very proud*, dengan izin Tuan Pengerusi, *[Ketawa]*, *honestly as a Malaysian*. Dan kita melihat di negara-negara lain, di negara Arab, negara-negara OIC, kita sebagai Pengerusi OIC. Fasal apa kita tidak boleh guna, Tok Arab, Tok Arab ini, gunakan

kereta buatan Malaysia daripada sebuah negara Islam. Tidak begitu Pasir Mas? *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Pasir Mas]* Yang mengeluarkan kereta, ya Pendang, tidak begitu? *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Pendang]* Yang mengeluarkan kereta buatan Malaysia, sebuah negara Islam. Jadi pada Tok Arab dok ada kereta-kereta mai daripada Amerika, daripada England dan sebagainya, gunakan pasaran-pasaran ini. Kalau kerusi hendak ubah sedikit kerana Tok Arab badan besar, ubahlah kerusinya. Buatlah cara bentuk Arab hendak pakai, fasal Arab Tuan Pengerusi, dia biasa naik unta, jadi dia hendak *cushion* itu lembut. Arab memang begitu Tuan Pengerusi, *[Ketawa]* minta maaf Tuan Pengerusi, orang Arab ini.

Jadi kita kena bersedia, kementerian kena melihat dan Kementerian Kewangan bersama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kena melihat industri-industri ini. Walaupun mereka melabur dan walaupun macam kita tengok KIA itu, bukan milik kerajaan, saya berasa KIA satu syarikat yang seorang pelabur bumiputera yang saya hormati, kerana dia berniaga kecil-kecilan, akhirnya hari ini dia mempunyai industri kereta KIA di Gurun, dekat dengan Pendang. Jadi orang Gurun dalam kawasan saya boleh kerja, orang Pendang pun boleh mai tumpang cari makan.

Saya bersembang dengan tauke dia. Tauke dia kata, dia akan mengeksport kereta-kereta KIA ini dari Malaysia ke luar negara kerana untuk menyeimbangkan pasaran supaya apabila AFTA ini dikuatkuasakan, kita boleh bersaing. Itu satu fokus yang cukup baik. Begitu juga kita lihat motosikal-motosikal keluaran nasional kita. Sebab itu saya kata dahulu Proton jangan dok cari penyakit hendak buat motor pula lagi. Selesaikan kereta dahulu. Ini Modenas. Kilang kita belanja beratus juta ringgit dok buat motor, tidak lama motor dok mai daripada Siam. Dia tidak payah pakai lori, dia naik seorang, seorang, seorang dia eksport balik mai kat kita. Tidak payah pakai lori dah Tuan Pengerusi antara Padang Besar dengan Alor Star, antara Padang Besar dengan Perlis dahulu, dia *cross rail* kereta api sahaja.

Sebab itu telefon kita kalau kita pergi Padang Besar, khabar betul-betul kat bini di rumah, *"Ini abang pergi Padang Besar ni"*. Kerana kalau tidak orang rumah dia telefon dia *roaming*, kata, *"Sawadikap"* kacau kita, dia cakap bahasa Siam, balik mengamuklah yang di rumah. Dia tidak buka pintu. Jadi kita kena baca yang ni. Jadi di dalam negara kita ini jangan terlampau banyak. Naza Kia pun mahu keluar motosikal. Tidak apa kerana dia *private*, dia punya sendiri. Tetapi syarikat milik

kerajaan ini dia kena berpakatlah. Kalau Modenas bawa keluar motosikal, Modenas *concentrate* di atas pengeluaran motosikal. Buat R&D. Mungkin la ni motosikal naik dua orang, Tuan Pengerusi. Buat R&D *research* tengok mungkin motosikal boleh naik tiga orang. Buat seat panjang sikit, mana kita tahu. Pi mai sekarang ini pun, Tuan Pengerusi, belah kampung saya, empat orang naik Honda. Anak dia bubuh atas tangki minyak, pak bawa, anak dok tengah, mak dok hujung. Itu kadang-kadang sampai rumah kenduri, tau-tau emak tidak sampai – mak tertinggal. [Ketawa] Sebelah kampunglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Undang-undang sini belum lulus, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Undang-undang naik empat orang belum lulus.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, itulah saya hendak cadangkan.

Seorang Ahli: Supaya dapat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Supaya dapat. Tak empat, tiga pun cukuplah. Fasal saya dok tengok, nampak emak hantar anak pi sekolah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hak duduk dalam bolehlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Anak bongso itu bubuh dalam raga. Raga depan, dok depan. Pak bawa. Anak dua lagi dok belakang. Orang susah Tuan Pengerusi, dapat motor sebiji pun syukur dah. Kita hak orang kaya ini naik motor hak jenis besar, Kawasaki itu – screwww... tu dia, melayang. Hangpa kat kampung itu, kadang-kadang *mud guard* pun tidak ada, lampu pun malap sahaja. Susah, ikutlah kan? Jadi kita harap, okey pengeluaran motosikal *concentrate* buat R&D macam mana hendak bersaing dalam ini. Ini kementerian kena nasihatlah. Kalau tidak tak apalah, lantik saya sebagai penasihat kementerian - boleh tidak ada masalah. Tidak bagi jawatan tak apa, penasihat dari segi ini, kita nasihat.

Kemudian kereta – kereta nasional, kita kena pastikan bahawa kereta nasional ini bertaraf antarabangsa – *international standard*. Mutunya bagus. Kalau tutup pintu, pintunya rapat. Kalau dalam hujan, ayak tidak masuk dalam kereta. Ini kadang-kadang Tuan Pengerusi, ini betul, yang dahulu kawan saya daripada mana dia Sri Aman, saya difahamkan sejuk tapak kaki, keluar dari kereta – kaki berendam dalam

air. Kawan dahlah berumur. Tapak kaki sejuk, malam itu tidur tidak lenalah kot. Tetapi berumur pun, okey lagi, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia lalu dalam banjir, Yang Berhormat, mungkin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia lalu dalam banjir, mungkin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan! Dia kata dia letak di luar rumah. Anak saya sendiri beli Proton Perdana, dia buka, buka *booth*, besok habis di belakang air masuk. Jadi macam mana kereta ini kita hendak pi *into the world market*, dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *People will look down upon of our vehicles.*

Seorang Ahli: Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *So*, saya mintalah... siapa hendak jawab ini hari? Setiausaha Parlimen jugakah? Menteri dia tak maikah? Kalau dia menang, tak bertandinglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri dia pun boleh jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau Menteri dia mai, bagus sedikit. Menteri dia pun pot-pet pot-pet, tidak apalah. Kalau dia mai, kita pun kita pun pot-pet pot-pet balik dengan dia. Ini dia pun tidak mai ni. Yang ini berkaitan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukup dah. Terima kasih. Jadi saya haraplah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri fokus macam mana kita hendak bersaing apabila AFTA dikuatkuasakan, memastikan – kalau Menteri datang semangat saya lebih kuat lagi ...memastikan macam mana kita hendak bersaing dalam pasaran. Bila orang kata *Made in Malaysia car – Number one*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, tadi dah cakap yang itu juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, sila jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh Timbalan Menteri, Majlis Tertinggi besok.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Bagi sokongan ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Parlimen iaitu Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Yang Berhormat bagi Jerai yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberi pandangan kepada kementerian. Saya memberi janji bahawa pandangan-pandangan tersebut akan diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menyentuh mengenai dengan MATRADE dan peranan MATRADE. Yang Berhormat menyatakan bahawa ada syarikat-syarikat yang tidak menggunakan perkhidmatan MATRADE. Sebenarnya dari dalam dunia ekonomi seperti mana kita tahu, inisiatif perniagaan dijalankan oleh sektor swasta. Jadi tidak ada masalah bagi sektor swasta di negara kita mempunyai kapasiti untuk terus pergi ke pasaran antarabangsa.

Kewujudan MATRADE adalah untuk membantu dari segi promosi bagi syarikat-syarikat swasta yang memerlukan perkhidmatan MATRADE. Kita tahu dalam pasaran antarabangsa, ada beberapa faktor yang perlu kita ambil. Pertama, dari segi apakah kehendak pelanggan di dalam pasaran antarabangsa. Yang ini Yang Berhormat menyatakan bahawa perlu lebih banyak pejabat-pejabat MATRADE. Yang Berhormat telah pergi ke Shanghai, sekarang kita ada 24 pejabat di semua *region*. Dari segi *coverage* ini semua negara mengikut *region* dan pihak kementerian sebenarnya telah pun mengenal pasti beberapa kawasan yang akan dibuka. Pentingnya pejabat ini bukan semata-mata untuk promosi produk, yang lebih penting lagi adalah untuk mendapatkan maklumat seperti mana sering kita katakan *market intelligence study* kerana kita tahu dari segi pemasaran, kita perlu tahu apakah produk yang dikehendaki, stail produk serta harga produk tersebut.

Di samping itu, kita melihat dari segi keperluan untuk kita menembusi pasaran. Kita perlu melihat kepada apa yang dinyatakan, dengan izin, *supply side*, ada banyak peringkat. Dari peringkat pengeluaran sampai ke peringkat pemasaran. Di sinilah datangnya MATRADE. MATRADE mempunyai dua program besar. Satu ialah *exporter* dengan izin, *Exporter Development Program*. Di sini kita membantu *exporter* untuk mendapat *exposure* dari segi mengadakan *workshop*, latihan dan sebagainya supaya syarikat-syarikat yang produknya sudah bersedia untuk pergi ke pasaran antarabangsa, mendapat *exposure*.

Apa yang kita buat ini kita melibatkan orang-orang yang mempunyai *expert* di pasaran luar, umpamanya sekarang kita hendak *target* China. China salah satu pasaran besar kita. Besar bukan sahaja dari segi saiz pasaran tetapi juga dari segi pertumbuhan perdagangan di sana. Tahun lalu, tahun ini kita mendapat pertumbuhan lebih 20%. Ini satu yang cukup besar, satu pasaran yang berpotensi untuk kita dan kita akan jemput daripada negara-negara tersebut untuk memberi maklumat kepada pakar pengeksporn kita.

Program yang kedua dijalankan oleh MATRADE dipanggil sebagai *Market Development Program*, dengan izin. *Market Development Program* ini meliputi pelbagai program. Satu promosi perdagangan dan pelaburan, penglibatan dalam *trade fair* di merata dunia. Kita ada satu program yang saya anggap unik bagi negara kita yang kita panggil *buying nation*. *Buying nation* ini di mana kita kenal pasti melalui *Trade Commisioner* kita - manakah *importers* di negara-negara *Trade Commisioner* itu pekerja yang berpotensi untuk membeli produk kita dan kita bawa ke Malaysia. Yang terkini atau terakhir adalah daripada *Franco Buying Mission* iaitu daripada negara Perancis dan negara-negara Utara Afrika yang berbahasa Perancis. Mereka datang dan mereka akan lihat apakah produk di sini sebab MATRADE akan mengadakan *one-to-one meeting* dan sebagainya.

Di samping itu, untuk memperkukuhkan lagi pemasaran produk kita, pihak MATRADE menyediakan peruntukan yang dipanggil sebagai *market development grant*. Ini dibahagikan kepada syarikat-syarikat yang memerlukannya, syarikat yang mempunyai jualan setakat maksimum tertentu dan kakitangan pekerja - beberapa orang pekerja mereka akan *qualify* untuk dapat sebanyak RM60,000 maksimum.

Di samping itu, kita sebenarnya mempunyai pasaran yang besar tetapi produk kita tidak dikenali kerana kita tidak pernah menekankan kepada *identification product*

negara kita, maka kerajaan telah pun meluluskan sebanyak RM200 juta untuk *brand development grant*. Sebanyak RM20 juta daripada peruntukan perbekalan ini adalah untuk tujuan tersebut. Kita telah memberi kepada tiga buah syarikat. *Brand development grant* ini akan meliputi tiga aspek.

Pertama, untuk kita mempromosikan negara Malaysia *as a brand*. Malaysia sebagai negara yang mengeluarkan produk berkualiti untuk dunia, “Halal” umpamanya dan berbagai-bagai istilah yang kita gunakan untuk memperkenalkan Malaysia kerana dari segi *branding of Malaysia*, dengan izin tidak begitu sukar kerana negara kita mempunyai banyak perkara yang menjadi positif pada kaca mata dunia.

Kedua, kita akan gunakan untuk *brand* ataupun produk yang sememangnya sudah berada di pasaran antarabangsa. Itulah yang saya katakan tiga buah syarikat yang telah kita luluskan, supaya kita memperkukuhkan *brand* mereka.

Ketiga, untuk syarikat-syarikat kecil (SME) yang sudah bersedia untuk pergi ke pasaran antarabangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedar bahawa sebahagian daripada RM20 juta yang dipohon adalah untuk tabung mempromosi jenama Malaysia. Kita faham bagi syarikat-syarikat baru ini memanglah ia ditanggung dan ditampung oleh MATRADE di bawah kerajaan tetapi bagi syarikat-syarikat yang sudah *established*, dengan izin yang sudah ada nama dan sudah pun melabur di luar negeri, adakah kementerian bercadang supaya mereka ini pula memberi sumbangan kepada tabung mempromosi jenama Malaysia ini?

Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya yang kedua ialah bagaimana penyelarasan dibuat dengan pihak-pihak syarikat ataupun pihak-pihak yang ingin membuat pelaburan di luar negeri – penyelarasan oleh MATRADE ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tugas MATRADE adalah untuk mempromosi perdagangan bagi produk dalam bentuk barangan mahupun perkhidmatan, bukan pelaburan - kita bercakap tentang pemasaran produk.

Yang Berhormat mencadangkan supaya syarikat-syarikat yang berjaya ini menyumbang kepada tabung. Pada peringkat ini kita tidak melihat kepada konteks itu terlebih dahulu kerana untuk makluman Yang Berhormat, dari segi produk kita, sebenarnya yang saya nyatakan tadi kita mengeluarkan dan memasarkan produk,

produk kita tidak ada nama di dalam pasaran antarabangsa – yang ini kita perlu lakukan terlebih dahulu. Ada syarikat-syarikat besar kita yang telah berjaya tetapi tidak ada *branding*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sekejap, ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Masalahnya, bila kita tidak *branding*, kita tidak dapat mencetuskan kesetiaan kepada produk atau dengan izin, *market loyalty*. Sebagai contoh kita ambil *Kentucky Fried Chicken*, kita buat *fried chicken* di merata-rata, tetapi akhirnya orang hendak *Kentucky Fried Chicken*, malah apabila kita pergi ke Makkah tanah haram – non Muslim tidak boleh masuk tetapi kita keluar masjid pintu nombor satu kita nampak *Kentucky Fried Chicken* – dia ada *following*. Di sini yang kita masih lagi belum kuat. Kita lihat dari segi New Zealand telah pun memulakan dengan Fernleaf sebagai *branding of the Nation* dan pelbagai cara yang dibuat.

Pada peringkat ini sama ada syarikat kita telah pun memasarkan produk ke luar negara seperti Panasonic, Habib Jewels, Lorrie yang menjual kasut dan sebagainya itu memang telah pun dipasarkan tetapi *brandingnya* masih belum dikenali dan ini perlu kita lonjatkan di pasaran antarabangsa supaya mereka tahu bahawa produk ini dan akhirnya *market loyalty* itu akan kita perolehi. Jadi, bagi soalan Yang Berhormat, pada peringkat ini kita belum lagi terfikir untuk syarikat besar memberi sumbangan kepada tabung itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak minta penjelasan, pasal apa kita tidak boleh dapat *captured market* ini dengan MATRADE yang ada di serata pelosok dunia ini? Mengapakah kita tidak boleh cipta satu jenama, sedangkan kita dapat lihat banyak pengusaha ataupun pelabur-pelabur luar negara masuk ke negara kita buat kilang *re-export* balik, gunakan jenama mereka dan menggunakan lesen “Halal” pada produk yang mereka *re-export* balik ke negara-negara lain?

Saya faham banyak produk yang telah dikeluarkan di negara kita ini tetapi kerana mungkin tidak ada satu jenama yang kuat untuk *backup*, apakah kementerian tidak boleh *take the lead* untuk memastikan bahan-bahan ini boleh dipasarkan di

peringkat antarabangsa? Kita selalu buat kadang-kadang pertunjukan makanan - panggil Perdana Menteri dan Menteri datang buka, tetapi ia berkisar di dalam negara. Hanya sedikit sangat yang kita eksport ke luar negara. Jadi, Yang Berhormat, di sini saya nampak dari segi *marketing* dan strategi itu kita harus dipertingkatkan lagi dan memastikan produk kita itu ada berkualiti.

Kadang-kadang macam *potato chips* itu bukannya susah mana sangat, tetapi pasal apa kita beli *potato chips* yang diimport? Sedangkan *potato chips* ini ubi benggala – orang Kedah kata ubi kentang. [Disampuk] *Packaging? You are right, you are right*, Parit. *Packaging* itu mesti menarik sebab itulah saya biasa menyarankan kepada FAMA – saya biasa menjadi Pengerusi FAMA dahulu, adakan *packing house* – rumah untuk *packaging*, *pack* biar elok-elok, *air tight* dan *sealed* bagi elok-elok. Kadang-kadang bahan itu harganya tidaklah tara mana tetapi *packaging* itu melebihi harga bahan itu, tetapi itu tidak termasuk dalam kos jualan.

Jadi, kena mulalah pasal *packing house* ini memang mahal. Bagi industri kecil sederhana ini memanglah mereka tidak mampu membuat *potato chips*, *banana chips*, *pineapples chips* – *micro chips* lagi mahal – *papaya chips* atau tidak kira apa *chips*lah – *all the chips* yang hendak dibuat itu kena ada *packing house* untuk *pack* benda-benda ini barulah kita letak di kuanter-kaunter *supermarket*. Kadang-kadang....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri fahamlah itu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah faham? Baguslah, bagus. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, ini kawan lama saya, memang faham. Cakap sedikit pun sudah faham. Ada dua aspek yang kita perlu lihat. Satu, adakah produk kita telah menembusi pasaran antarabangsa ataupun tidak? Jawabnya, saya katakan kita telah menembusi pasaran antarabangsa.

Isu kedua adalah konsep kepada *sustainability* yang mempertahankan produk kita di pasaran tersebut, kerana kita jelas bahawa pasaran antarabangsa melibatkan 200 lebih buah negara. *Entry* yang baru ini setelah China masuk WTO, mereka merupakan satu *entity* atau satu negara yang dipandang cukup besar kerana produk yang mereka hasilkan murah dan juga mereka dapat melakukan *re-engineering* dengan membuat *product represented*.

Saya hendak memberitahu Yang Berhormat [*menunjukkan sebuah telefon bimbit*] *handphone* saya besar ini berharga RM3,000 – Yang Berhormat, tengoklah Yang Berhormat. [*Ketawa*] *Handphone* yang dikeluarkan oleh *Hire* sebesar ini RM100. Jadi, China satu *entity*. Yang Berhormat bercakap tadi tentang soal *branding*, betul cakap Yang Berhormat itu. Malangnya apabila kita mengeluarkan dan memasarkan produk kita – sebelum ini negara kita meletakkan soal *branding* dan sebagainya inisiatif ke atas syarikat-syarikat itu sendiri. Ini memang selaras dengan apa yang dikatakan *market economy* bukan kerajaan yang terlibat tetapi sejak beberapa tahun ini, kerajaan memerhatikan bahawa kekuatan *branding* kita tidak ada kerana *branding* melibatkan banyak perkara dari segi *design*, malah kalau di negara kita dari segi *design* pun tidak seperti di negara Eropah, *designer* banyak tentang *branding* kerana *branding* ini perlu kepada satu kajian yang mendalam kerana ia menyentuh emosi orang. Apabila kita menyiarkan di televisyen *branding product* ini, menyentuh emosi baru dia hendak beli. Kita tidak boleh letak sabun yang diperbuat daripada susu kambing, kita letakkan kambing yang berjanggut – macam itu tidak kena. Jadi, ia perlukan *research* kepada bagaimana hendak menarik emosi orang.

Kemudian Yang Berhormat kata betul *packaging*. Selepas *packaging*, kemudian kita hendak iklankan pula ke negara lain, ini memerlukan kepada dana yang besar. Itu sebab Yang Berhormat kata tadi, kerajaan mesti mengambil inisiatif dan inilah inisiatif yang sedang diambil oleh pihak kementerian di mana kerajaan telah meluluskan sebanyak RM200 juta bagi tujuan tersebut.

Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai dengan apakah peranan MATRADE. Peranan MATRADE seperti mana yang saya nyatakan tadi, di dalam AFTA ataupun WTO kita akan melihat kepada kedua-dua kepentingan iaitu *the demand side* dengan izin, *MIS study* dan sebagainya kita akan melihat kepada perkara itu dan di *supply side*, kita akan melihat kepada untuk meningkatkan kapasiti syarikat-syarikat kita supaya syarikat kita boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Untuk maklumat Dewan, sekarang ini sebanyak lebih kurang 7,000 syarikat yang berdaftar dengan MATRADE dan kita rasa ini kecil kerana dalam negara kita ini mempunyai banyak syarikat. Kita melihat pendaftaran dengan MATRADE ini bukan apabila syarikat telah bersedia untuk pergi ke pasaran antarabangsa. Kita mahu syarikat mendaftar dengan kita supaya dengan pendaftaran tersebut, banyak maklumat dapat diperolehi.

Justeru, syarikat boleh membuat penyesuaian untuk meningkatkan kapasiti bagi menghadapi pasaran global ini. Saya ingin mengingatkan kepada Dewan, apabila kita cakup globalisasi. Globalisasi ini jangan kita lihat dari sudut kita hendak pergi ke luar negara sahaja, globalisasi bermakna orang akan datang ke sini. Ini bermakna syarikat yang sekarang ini memikirkan tidak perlu pergi ke luar, dia perlu dalam pasaran domestik semata-mata dan tidak melihat ancaman-ancaman pada masa akan datang dia ingat dia boleh *complacent*, sebenarnya tidak boleh.

Syarikat-syarikat ini mesti bersedia kerana kita akan jadi satu pasaran. Oleh yang demikian, kita mengharapkan syarikat-syarikat supaya mendaftar dengan MATRADE, dapat maklumat, buat penyesuaian syarikat tersebut supaya bersedia untuk menghadapi persaingan yang besar pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat bagi Jerai menyentuh tentang automobil. Saya pun memang sudah jangka kerana Yang Berhormat selalu bercakap tentang kereta Malaysia. Saya memang tahu dah tentang perkara ini. Tentang kereta Malaysia, kita tahu kereta Malaysia telah mencapai 'kejayaan'. Ia telah berjaya menjualkan kereta beratus ribu unit kereta setahun dan sehingga ini dari segi kedudukan kewangan telah berjaya untuk menyimpan sampai RM3 bilion dalam rizab ini merupakan salah satu syarikat di Malaysia yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Tetapi kedudukan pasarannya masih lagi dalam negara kita. Isunya sekarang adakah syarikat kita boleh pergi keluar negara dalam pasaran global.

Bagi satu-satu syarikat pengeluaran kereta, ia mempunyai peringkat-peringkat. Peringkat pertama dia keluar sebagai *mass production* dalam negara. Kemudian pergi keluar di pasaran global. Selepas itu, peringkat ketiga dia *recond*. Kita tahu kita beli *recond at mercedes, recond honda* dan sebagainya. Dia ada *stage* itu.

Kita telah melepasi stage pertama iaitu dari segi pasaran domestik, kita telah ada pasaran domestik, tetapi untuk pergi ke pasaran global. Pasaran global ini mempunyai beberapa keperluan. Pihak Proton telah menyediakan beberapa keperluan kereta yang lebih *style*, kos yang lebih rendah dan sekarang berusaha untuk mengeluarkan kereta yang *designnya* cepat.

Saya tahu pasaran di Qatar pada masa lalu, bila Proton memperkenalkan kereta Proton di Qatar, ia mendapat pasaran yang cukup besar kerana di Qatar, penduduknya membeli sampai dua atau tiga kereta dan mereka suka kereta itu untuk isteri mereka. Tetapi setelah satu tahun *design* baru tidak ada, jadi kereta ini

diketepikan. Perkara-perkara ini sedang dibuat oleh Proton tetapi produk semata-mata tidak mencukupi kerana untuk pergi ke pasaran serupa dalam negara kita, untuk memasarkan Proton, ia perlukan agen dan sebagainya, di luar negara pun begitu. Jadi, bermakna bahawa Proton mesti melihat tentang keperluan mereka untuk mempunyai *net working* di dalam negara-negara yang mereka hendak keluarkan dan ini adalah suatu aspek yang perlu dilihat.

Di samping itu, Yang Berhormat menyatakan tentang negara-negara Islam untuk jual beli dan sebagainya. Kita tengok secara rasional dan pragmatik. Kita lihat dari segi pembelian kereta, ia tidak berdasarkan kepada sentimen, bermakna ini kalau daripada negara Islam, kita mesti beli. Tetapi apa yang sedang dilakukan oleh pihak Proton, Proton dalam proses kilang di Iran sedang dibangunkan dan pada awal tahun hadapan akan memulakan pengeluaran di mana 60,000 kereta Proton akan keluar di Iran dan kita tengok dahulu, saya jangka setelah kajian fasibiliti dibuat ke atas potensi Proton di Iran didapati ada potensi. Iran boleh menjadi *get way* kita kepada negara-negara lain di kawasan tersebut. Itu akan menjadi permulaan.

Dari segi kementerian, kita melihat untuk pergi ke pasaran global ini satu suasana yang cukup kompetitif di mana pernah saya nyatakan di Dewan ini, sekarang ini *trendnya* ialah syarikat-syarikat bergabung. Daripada 28 buah syarikat, mereka bergabung menjadi lima, lima *lead companies* sekarang ini. Jadi, Proton masih di luar, dan dari segi *engineering* kereta dan sebagainya, Proton mempunyai *competency*nya baru dalam sejak tahun 1985, dalam 20 tahun lebih, bermakna kadangkala kereta ini sampai 60 tahun atau 100 tahun dan sebagainya maka persaingan untuk pasaran global akan menjadi begitu kompetitif untuk Proton.

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Itu sebabnya dari segi kerajaan, kita telah meminta

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Bintang.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti sekejap. Sekejap. Sekejap. Kita telah meminta Proton supaya cari *joint venture partners*. Kita telah meminta kepada Proton, kerajaan telah meminta kepada Proton untuk cari *joint venture partners* kerana *market logic* itu daripada kajian kerajaan memerlukan kepada Proton itu ada *alliance* dengan syarikat-syarikat lain untuk dapat menembusi pasaran

kerana Proton bukan sama dengan projek-projek lain. Proton adalah *national car project* dan tujuan Proton ditubuhkan bukan semata-mata untuk kita mengeluarkan kereta, tetapi bertujuan untuk merobah negara kita dari sebuah negara pertanian kepada perindustrian tinggi. Melalui Proton itulah wujudnya industri kejuruteraan di negara kita.

Setelah kita hilang industri kejuruteraan, dan apabila kita hilang bijih timah sebagai *competitive advantage* negara, kita melihat macam mana kita hendak *transform* negara kita daripada negara pertanian kepada industri berat, Proton ini menjadi *spear head*. Ia yang mengepalai usaha tersebut, di bawah itu sekarang ini dengan Perodua, ada lebih kurang 300 buah syarikat vendor ini yang terlibat. Ada vendor secara *joint venture* dan telah sampai kepada peringkat masuk ke dalam *globe supply chain* merupakan salah satu strategi MATRADE untuk memasarkan produk.

Untuk SME, kita ada *industrial linkages programme* di mana syarikat-syarikat multinasional, syarikat besar ini akan digabungkan dengan syarikat-syarikat kecil ini menjadi *supplier* kepada syarikat besar dan ini telah sedikit sebanyak dilakukan melalui projek automobol negara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti, nanti, bagi Bukit Bintang dahulu.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan, tidak berapa lama Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Proton akan bergabung dengan syarikat gergasi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah lima syarikat terbesar dalam *manufacture* kereta ini. Saya ingin tahu apakah kedudukan tentang gabungan Proton ini dengan syarikat gergasi dan apakah pandangan Yang Berhormat tentang gabungan ini dan apakah kesan yang akan berlaku jika gabungan disediakan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Setahu saya, pihak Proton menerima tiga bukan lima. Tiga *proposal* dari syarikat-syarikat luar, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, untuk mengkaji satu *proposal* untuk sebuah kereta bagi pasaran antarabangsa, ia memerlukan penelitian yang cukup mendalam. Ia perlu melihat kepada *synergy* antara Proton dengan syarikat luar ini, di manakah Proton akan dapat kepentingan untuk menjaga kepentingan Proton. Bermakna menjaga kepentingan Proton bermakna menjaga kepentingan negara kita kerana

Proton adalah projek nasional kita. Adakah dengan adanya gabungan nanti, Proton akan *dilute*, Proton tidak ada. Jadi, perkara-perkara ini akan dikaji dari semua faedahnya.

Dari segi kedudukannya secara jujur dan ikhlas, saya tidak tahu. Saya tidak tahu kedudukan dia. Tetapi dari segi kerajaan, kita mahu pihak berkenaan mempercepatkan proses kerana apa, kita melihat Proton ini daripada dua sudut. Bukan sahaja dari sudut Proton sebagai *automaker*, pengeluar kereta tetapi kita lihat daripada sudut juga *component industry* yang ada lebih kurang 350 syarikat kalau tidak silap saya, lebih daripada 300 syarikat yang terlibat untuk *supply component*.

Kita percaya jika Proton menjadi satu *global company* sama ada dengan *alliances* dengan syarikat lain, *component company* ini juga akan dapat manfaat. Kalau satu syarikat komponen boleh membesarkan jualan kilang ini akan besar, pelaburan akan besar dan ini akan mempertingkatkan proses kejuruteraan yang sedang dibuat oleh negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya cuma berminat dengan apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan sebentar tadi kita dapat melihat berbagai-bagai model Proton dikeluarkan pada hari ini. Tetapi satu model yang saya kira kita kekal sampai hari ini yang telah berumur lebih 18 tahun iaitu Proton Knight yang pada mulanya dikeluarkan pada 1986 dan sehingga hari ini masih lagi dikekalkan, lebih dikenali dengan nama Proton Iswara yang *make upnya* telah berbagai-bagai rupa sekarang. Jadi, apakah rasionalnya kita masih lagi menyimpan model ini ataupun adakah *return on investmentnya* itu tidak mengikut seperti mana yang telah dirancang kerana acuan [*Ketawa*] – global, kerana acuan yang digunakan itu masih lagi diguna pakai sehingga hari ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya tidak mempunyai maklumat mengenai dengan kereta ini. Yang saya tahu dari segi mana-mana perniagaan dia ada *business sluggish* dia, dan *business sluggish* ini antara lain adalah untuk mendapat *return* yang baik kepada syarikat. Kita tidak tahu sama ada dengan Proton mempertahankan Proton Knight yang Yang Berhormat kata kepada Iswara ini ia ada *make up*, saya tidak ada maklumat tersebut dan saya tidak boleh bagi kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, tahniah Yang Berhormat kerana melepasi kelayakan di bulan September ini. Soalan saya, kita sekarang ini lebih menekankan untuk memperkongsikan kereta nasional supaya rakyat Malaysia tidak kiralah sama ada di kalangan elit, pekebun kecil, pembangkang digalakkan memakai kereta Proton, walaupun pembangkang terutamanya dahulu pernah menidakkan kebolehan UMNO terutamanya mengeluarkan kereta, terutamanya PAS.

Masalahnya ialah kereta-kereta import ini banyak masuk daripada luar negara. Sejak akhir-akhir ini ada promosi penajaan kereta-kereta import untuk menarik rakyat Malaysia menggunakan kereta import. Sahabat saya Sri Gading pun pakai kereta import. Jadi, apakah pihak kementerian akan mengkaji tentang kebanjiran kemasukan kereta-kereta import ini kalau kita hendak galakkan pembelian kereta-kereta nasional sebagaimana negara-negara membangun yang lain umpamanya di Indonesia. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kita tidak melihat kepada industri automotif semata-mata kepada melindungi Proton. Sebenarnya dari segi dasar kerajaan, kerajaan sedang memperluaskan dasar industri automotif kita. Kerajaan lebih liberal sekarang, bermakna pengimportan kereta ini tidak dikawal seperti dahulu. Bermakna sehingga pada peringkat dalam bidang automotif ini kerajaan membuka lesen untuk syarikat memohon. Maknanya, kita *liberalised*.

Kita tidak boleh melihat industri ini semata-mata Proton kerana kita mahu juga industri ini menjadi kompetitif. Di samping itu, seperti mana rakan kata tadi kita berhadapan dengan WTO, AFTA, dengan itu kita tidak boleh. Dari segi di bawah AFTA umpamanya, sekarang ini kita mengenakan duti import sebanyak 5%, tahun hadapan 3%, kemudian pada tahun 2010 – 0%. Ini akan dilaksanakan bermakna kita teraskan kepada peraturan-peraturan perdagangan di bawah AFTA dan WTO kita tidak boleh menghalang kereta-kereta import masuk dalam negara kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat ataupun kementerian

sedar bahawa di sebelah Siam dia ada perbadanan payung. Di situlah *Detroit of the East*-lah. Kalau di Amerika, di *Detroit* itu...

Seorang Ahli: Negeri Thailandlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Siam' ini orang Kedah cakap tetapi memanglah di Thailand. Di Thailand ada satu kawasan dinamakan Rayung ataupun Rayung Cooperation, Perbadanan Rayung di mana sekarang ini semua kilang kenderaan seperti di *Detroit* di Amerika, sejarah pembikinan kereta ada di situ. Sekarang ini kita dapat lihat General Motors ada di situ, Isuzu ada di situ, Ford ada di situ, Fiat pun ada di situ. Semua mereka ini berada di satu bandar dengan perumahan, dengan R&D keseluruhannya untuk mereka bersiap sedia apabila AFTA ini dikuatkuasakan, mereka akan menyerbu masuk keseluruhan pasaran-pasaran yang ada di dalam rantau Asia ini.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, Proton ini baru dok berkira hendak cari *partner*. *Partner* dahulu apa jadi? Pakatan awal itu jadi macam mana? Saya difahamkan Petronas pegang saham, sampai sekerat jalan dia *give up*. La ni jual pula pada Khazanah, Khazanah pula yang dok bersama. *Is there something wrong inside Petronas? I just like to know*, dengan izin.

Seorang Ahli: Waaah!... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Is there something wrong. [Bercakap dalam bahasa Thailand]* dengan izin, [Ketawa]. Jadi, kita tidak bersiap sedia, saya nampak. *We are not ready*. Jadi, kita takut, sekarang ini kita tengok kereta-kereta mahal, BMW 3-series harganya RM200,000 lebih tetapi penuh di mana di Kuala Lumpur, adalah sikit-sikit di Alor Setar. Saya pakai Proton Malaysia, saya bangga dengan kereta Malaysia walaupun kadang-kadang *steering* bergoncang....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:tayar bergegar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak minta *explanation*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, kalau kita tak bersedia macam ini, bagaimanakah kita hendak eksport kereta kita ke luar negara untuk bersaing dengan kereta-kereta lain. Macam kereta Chevrolet yang dok ada dalam pasaran kita ini mai daripada Siam, mai daripada Thailand.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham itu, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Made in Thailand.* Kita pakai Chevrolet atas nama jenama Chevrolet. Jadi, ini pokoknya. Saya risau fasal ini syarikat saya. Sebagai rakyat Malaysia Proton syarikat saya. Dan hari ini adakah Yang Berhormat sedar untuk mempertahankan Proton, rakyat *subsidisekan* harga kereta ini, Proton Perdana, milik kerajaan saya beli, *Executive*, tak panjang, tetapi kalau duduk di belakang dia goncang kepala, saya pening fasal *long base*....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:*absorber* dia pendek, tayar lompat lebih di belakang. Jadi, kita dok di belakang, jadi ini pun R&Dlah. Kita nak kena beritahu dekat Timbalan Menteri. Saya hendak khabar tak boleh, Timbalan Menteri tolong khabar dekat R&D Proton ini. Yang beli segala Lotus mana pi otak-otak Lotus itu, bubuh mana? Panggil balik mai sini, tolong kami, jangan dok pi di Amerika, di England. Dok di England buat apa, balik mai di Malaysia, bawa Mat Saleh itu balik mai, ambil rakyat Malaysia belajar dekat Mat Saleh itu, sudah kita belajar elok hang balik pi, kami tak mahu dah. Itu cara Yang Berhormat. Jadi, saya hendak fikir tolonglah.

Harga kereta sekarang ini mempertahankan Proton, rakyat *subsidise*, kereta-kereta lain terpaksa ikut harga. Jadi, yang ini tak patut. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat supaya...*I am worried* Yang Berhormat. *I am very worried.* [Ketawa]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, kalau kita tanya sama ada kita bersedia atau tidak, sebenarnya pada peringkat ini kalau kita lihat industri kereta automatif - Malaysia, Indonesia dan Thailand, tiap-tiap sektor industri dalam negara tersebut ada kelebihan daya saing. Dari segi Indonesia dari segi motosikal dia, dia kuat. Kepada Malaysia, kereta *passenger*. Dari segi Thailand, kereta berbentuk perdagangan.

Apa yang cuba dilakukan oleh Proton sekarang ini, kita perlu ingat dari segi logik pasaran, mana-mana produk yang menguasai pasaran ia akan ada *competitive edge*. Apa yang cuba dibuat oleh Proton sekarang, macam mana hendak mengurangkan kos. Saya ingat dari segi kualiti kereta, dari segi stail kereta, percubaan Proton yang baru ini menandakan ia telah bergerak ke arah itu. Macam mana hendak kurangkan? Apa yang sedang dibuat oleh Proton, pertama,

menghasilkan enjin Campro. Melalui enjin Campro ini yang dibuat sendiri, setiap kos kereta itu akan berkurangan antara 10 hingga 15 peratus. Ini akan kurang.

Keduanya dari segi *sourcing* untuk *vendor*. Dahulu kita mengehadkan bahawa Syarikat Proton mesti beli daripada *vendor* kita. Malangnya ada *vendor* kita yang tidak sampai kepada *standard* yang sepatutnya dengan harga yang mahal. Kerajaan membenarkan Proton untuk pergi *multi-sourcing* - pergi kepada pihak-pihak lain. Dengan itu kita sekarang sedang berada dalam industri yang berbentuk global, tidak lagi berbentuk domestik semata-mata. Kita beli daripada pelbagai pihak – *multi-sourcing*.

Yang ketiga, Proton telah melaksanakan sistem pembuatan kereta melalui sistem modular. Modular ini digabungkan beberapa komponen ini menjadi satu komponen yang besar, disambungkan dalam satu *factory* tersebut, dengan itu ia bukan sahaja menjimatkan kos tetapi turut menjimatkan dari segi *storage* – stok dalam sesebuah syarikat tersebut dan juga *time* untuk kereta tersebut, proses pembuatannya selesai. Jadi perkara-perkara ini sedang dibuat oleh Proton. Kita tidak dapat melihat sekarang ini tetapi dari segi unjurannya telah dibuat oleh pihak Proton. Sekiranya kos ini dapat dikurangkan, kita tidak ada masalah untuk bersaing.

Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa rakyat bagi subsidi. Sebenarnya dari segi industri automotif di negara ASEAN, setelah pihak AFTA membuat keputusan untuk mengurangkan duti import, tetapi semua negara mengenakan duti eksais termasuk Thailand sendiri. Maksudnya, kita pun ada duti eksais, Thailand pun ada, Singapura pun ada. Malah di Singapura, kos kereta lebih mahal daripada kita sampai hampir dua kali lebih mahal daripada kita. Jadi saya ingat sekarang ini kita tengok pada masa akan datang, kerajaan akan memantau. Proton telah pun mengambil langkah tersebut untuk menghadapi AFTA ini.

Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kereta nasional Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pakai kereta nasionalkah? Sikit sahaja.

Dari segi *vendor* tadi, saya dengar Yang Berhormat kata tadi bahawa sekarang ini *sourcesnya* kita pergi global – di seluruh dunia. *How do you pronounce? [Bertanya kepada seorang Ahli Yang Berhormat]*

Seorang Ahli: G l o b a l l l.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: G l o b a l l l. Okey, tidak apalah kita pergi global. Tetapi bagaimana pula matlamat asal kata hendak tolong syarikat *assemble*, syarikat bumiputera, sedangkan saya difahamkan bukan kualiti itu tidak ada, tetapi kosnya itu diperkurangkan kerana hendak keuntungan yang berlebihan. Jadi yang ini pun tidak kenalah. Maknanya tadi Yang Berhormat kata Syarikat Proton untung, kita ada rizab *about* RM3 bilion dalam tabungan kita. Alhamdulillah, *that's a very good things to hear* tetapi Yang Berhormat, saya dapati kompelin-kompelin daripada *vendor* ini menyatakan bahawa mereka terpaksa mengeluarkan barang-barang ini dengan harga yang dipermurahkan tahun demi tahun.

Jadi apa alternatif yang depa ada setelah mereka telah siap *mould* dan sebagainya, perjanjian asal kata lima tahun dan setiap lima tahun itu bukan naik harga, ia turun harga. Jadi ini satu faktor yang penting yang harus kita fikir bersama. Dan kualiti kereta kita Yang Berhormat, saya dah bercakap hari itu dalam Dewan ini, kita dok ada di tahap yang ke ... [*Membilang berpandukan dokumen yang dirujuk*] Yang kesembilan Yang Berhormat, di bawah sekali daripada kereta-kereta termasuk keluaran Perodua kita yang keempat ke bawah. Kita di bawah sekali kualiti kita ini. Jadi macam manakah kita hendak eksport kereta kita ini?

Sedangkan saya ingat dahulu, Proton bila mula-mula keluar, kita eksport ke luar negara, kita punya *market very good*, tetapi sekarang ini kalau Yang Berhormat *check* balik, eksport kita menurun. Pasal apa eksport kita menurun? Yang ini satu lagi dan kita hendak perbanyakkan penjualan kereta dalam negara kita. Jadi saya tidak mahu Proton dia kira hendak untung dia sahaja, sedangkan pengedar-pengedar dia ini tidak jaga.

Saya telah didatangi oleh pengedar-pengedar kereta Proton di seluruh negara berjumpa dengan saya. Depa bagi tahu sebiji kereta hendak untung berapa duit sahaja. Tidak setara mana boleh untung. Kos situ, kos sini. Jadi ia tidak ada *win-win situation* di antara dia orang ini. Dia kena berpakat Yang Berhormat, berniaga ni. Dia tidak boleh hang hendak untung lebih, aku sikit - tidak boleh. Biar dok sama banyak untung sikit, sikit, depa pun seronok. Buat kerja pun seronok, bekerja pun seronok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup dahulu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita pakai pun seronok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak sangat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi pun seronok. Jadi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau banyak sangat, pergi kantin Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat pun, pekena kat kantin pun seronok. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat lepas ini habislah. Cakap Yang Berhormat itu ada betulnya. Maknanya, bila kita ada projek kereta Malaysia, kita perlu mempertahankan *vendor* kita. Akan tetapi dari satu segi Yang Berhormat seperti mana saya nyatakan tadi, kita berhadapan dengan persaingan global. Kita ada Syarikat Proton di sini dan di bawahnya ada 270. Yang 300 lebih sebab ada Perodua – 270 vendor. Yang ini perlu diselamatkan dan perlu kompetitif. Kalau ini tidak kompetitif, yang ini semua mati.

Yang kereta ini, saya ambil contoh, kos kereta Kia Spectra 1.6 c.c, kos pengeluarannya RM26,000. Kos pengeluaran Waja yang lama itu, ini bukan baru, yang lama - RM41,000. Macam mana ia hendak *compete*? Tetapi kalau dengan *Toyota Altis* 1.6 c.c – RM47,000. Kemudian kalau dia hendak beli lagi kepada syarikat komponen yang tidak efisien ini, harga mahal, dia beli, ini akan jatuh. Maka 270 syarikat ini akan jatuh. Jadi dari segi kita, yang mana kita hendak?

Bermakna syarikat-syarikat yang telah dibagi konsesi atau *agreement* selama lima tahun, suka tidak suka, mereka perlu kepada meningkatkan kapasiti mereka, mesti turunkan harga *efficiency* dan sebagainya besarkan, kerana ada juga vendor-vendor ini sebenarnya tidak besar, besar. Besar itu sahaja. Dalam dunia sekarang ini, dalam *characteristic* pasaran dunia, macam ini tidak boleh hendak menanggung negara kita. Jadi itu mungkin datang dari Yang Berhormat yang menyatakan. Ini satu realiti yang kita tidak boleh tolak.

Kemudian yang kedua, Yang Berhormat menyatakan tentang eksport, ini telah saya sentuh tadi. Maknanya dari segi kerajaan, kita pun rasa gerun melihat kepada apa yang berlaku di pasaran dunia. Sebenarnya dari segi eksport Proton ke luar negara, ia menurun atas beberapa sebab. Satu *designnya* seperti mana saya nyatakan tadi. Mula-mula kita pergi ke UK, orang jadi *excited*, "Oh ini ada kereta baru". Kereta ini kos minyaknya kecil, keretanya kecil, *parking* senang tetapi setelah enam

bulan, setahun, yang kereta lain ini ada bertukar model, kita sampai dua tahun setengah. Jadi dia hilang daya tarikan pasaran. Itu salah satu sebabnya. Jadi Proton untuk menjadi kompetitif perlu kepada mengeluarkan *design* secara yang cepat, enam bulan sekali, setahun sekali mesti keluar banyak *design*.

Kemudian dari segi kos tadi, makin lama makin murah, kereta makin baik dan sebagainya. Jadi perkara-perkara ini sedang dilihat oleh pihak Proton. Pihak kerajaan juga memantau perkara ini dan kita tengok nantilah macam mana. Kerajaan akan terus memantau kereta Proton ini. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan seperti mana yang saya nyatakan, kita akan ambil perhatian. Sekiranya ada yang tidak dijawab, kita akan menjawab, pegawai ada menulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,787,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20,787,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Makdud B.24 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Gerik.

5.00 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Kepala B.24 Butiran 010000 mengenai Muzium dan Antikuiti di mana saya tertarik

dengan data-data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan minggu lalu iaitu kerajaan kita telah berjaya memasarkan beberapa produk termasuklah muzium yang telah dikunjungi oleh ramai juga para pelawat dari luar negara. Namun begitu, kalau kita perhatikan bahawa kunjungan oleh pelancong dalam negeri sendiri agak berkurangan terutamanya oleh orang dewasa di mana muzium-muzium ini cuma dikunjungi oleh para pelajar sahaja.

Kita berasa bangga bahawa salah sebuah negeri yang berjaya memasarkan negerinya sebagai produk pelancongan iaitu muzium ialah Melaka yang mempunyai berpuluh buah muzium dan ia berjaya mendapat tarikan dari pelancong luar negara dan juga dalam negara, cuma yang kita kesalkan bahawa salah satu produk pelancongan di Melaka itu ialah Kapal Portugis, iaitu kapal penjajah yang dibina semula *Flor de la Mar*.

Tuan Pengerusi, kalau kita singkap sejarah kegemilangan Melaka pada 1400 di zaman Sultan Mansor Shah saya kira, di mana satu rombongan yang begitu besar pergi ke negeri China dan dianggotai oleh 2,500 orang, bayangkan 2,500 orang. Orang Melaka belayar ke Ibu Kota China pada waktu itu bukannya Beijing tetapi Nanjing. Jadi kenapa tidak kita bina juga sebuah kapal Melayu atau beberapa buah kapal Melayu yang menjadi kebanggaan kita pada zaman Melaka itu dan kita harapkan Jabatan Muzium dan Antikuiti akan mengambil kira perkara ini.

Satu hal yang menarik mengenai muzium ini ialah kunjungan pelancong itu agak berkala kadang surut tidak ada langsung kadangnya ramai. Dan bekas atau mantan Ketua Pengarah Muzium yang dahulunya Dato' Shahrom Yeop, dia pandai pula menarik para pelancong ataupun pengunjung ke Muzium Negara di mana diadakan pameran-pameran yang sensasi seperti pameran durian, pameran kucing-kucing yang terbaik di Malaysia dan satu hari itu, saya ingat setahun atau dua tahun yang lalu, kawasan Muzium itu mengalami satu trafik jam yang paling besar walaupun tidak ada hujan, tidak ada banjir. Jadi trafik jam itu, kesesakan lalu lintas pada tahun itu adalah disebabkan oleh satu pameran yang cukup menarik iaitu hantu-hantu di Malaysia dan pada malamnya diadakan pula pementasan mengenai hantu.

Apabila saya kunjungi, saya mendapat kepastian – ooh Yang Berhormat bagi Jerai tidak ada ya, bahawa hantu-hantu ini sebenarnya mengikut kepercayaan dan mengikut kajian yang tidak saintifik, dia banyak bersarang di pokok jerai, jadi Jerai tidak ada [*Ketawa*] di pokok jerai dan saya memang semasa kecil dulu saya

mendengar cerita kalau dari rumah itu kita pergi ke masjid sembahyang, balik selepas Isyak itu jaga-jaga sedikit di pokok jerai itu ada banyak hantu dan jembalang, hantu jerangkung, hantu raya dan ada pula di kampung saya di Gerik, hantu-hantu kopek lanjut dia boleh berselendang dengan

Seorang Ahli: Titik lanjut.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ooh, betullah, betullah itu, dijelaskan oleh Ketereh. Jadi, saya harapkan bahawa Ketua Pengarah yang ada sekarang pun dia pandai juga, saya ingat masa diadakan pameran hantu-hantu itu adalah semasa Ketua Pengarah hari ini. Saya harapkan bahawa usaha ini akan berterusan untuk menarik para pengunjung ke Muzium dan ini sepatutnya dijadikan budaya masyarakat Malaysia di mana para pengunjung ataupun pelancong dari Barat, malah masyarakat Barat sendiri menjadikan kunjungan ke Muzium ini merupakan satu kemestian apabila mereka melawat ke luar negara.

Tuan Pengerusi, perkara yang keduanya, saya hendak menimbulkan sedikit persoalan Muzium Etnologi Dunia Melayu yang saya dengar 10 tahun yang lalu di warkankan pembinaannya dan kemudiannya menterinya datang ke tapak yang seluas 26 ekar, di Taman Pantun bersebelahan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga di tepian Sungai Langat. Setelah diadakan acara besar-besaran dengan kompanyanya, dengan silat gayungnya, dengan acara pecah tanahnya oleh menteri berkenaan maka beberapa tahun kemudian menteri bertukar kementerian dan tapaknya pula bertukar daripada 26 ekar kepada entah berapa ekar dan saya kira jauh lebih kecil daripada tapak yang sedia ada.

Jadi hal-hal seperti ini apabila menteri bertukar, maka projek pun bertukar, peruntukan bertukar, tapaknya bertukar barangkali menjadi masalah hingga sekarang ini sudah hampir 10 tahun kita belum mendengar cerita yang jelas mengenai satu pembinaan Muzium yang dikatakan terbesar, yang paling canggih di negara kita ini iaitu Muzium Etnologi Dunia Melayu yang akan merangkumi artifak budaya daripada tinggalan sejarah dizaman silam dan juga artifak budaya daripada rumpun-rumpun Melayu yang berselerak di seluruh dunia termasuk Melayu di Sri Langka, Melayu di Afrika Selatan, Melayu di Arab Saudi, Melayu di Pulau Cocos, Melayu di Australia, di Pulau Hainan dan juga di Taiwan tetapi hampir 10 tahun, kini kita belum lagi ternampak bangunan Muzium Etnologi Dunia Melayu itu.

Jadi saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai hal ini. Sekian saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanjong, lepas itu kementerian menjawab.

5.08 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Jabatan Muzium dan Antikuiti. Saya merujuk kepada status warisan sebuah komuniti China yang dikatakan mempunyai nenek moyang yang beragama Islam di negara China iaitu komuniti ini didapati di Jetty Quay, dekat Lebuhr Presgrave, Georgetown, Pulau Pinang iaitu di dalam kawasan saya.

Tuan Pengerusi, kementerian telah memberi jawapan kepada soalan lisan saya pada 7 Julai yang lalu yang menyatakan pendirian kementerian adalah bahawa jeti ini perlu dikekalkan dan diselamatkan kerana kepentingan dari segi sejarah sosial masyarakat Malaysia.

Kementerian juga menyatakan bahawa ia telah menghantar surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 13 Mei, tahun ini untuk memohon kerajaan negeri mengekalkan dan memelihara jeti ini. Tambahan pula Jabatan Muzium dan Antikuiti juga telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai perumahan, kesenian, kebudayaan dan warisan negeri Pulau Pinang dan juga lain-lain agensi di negeri Pulau Pinang untuk mengekalkan ke semua *Chinese clan jetty*, dengan izin, termasuk Jetty Quay ini dan memasukkan keseluruhan kawasan tersebut dalam *zone conservation* Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah pendirian dan arahan ini dari kementerian dan juga Jabatan Muzium dan Antikuiti ini sama ada ia mempunyai kuasa undang-undang di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu mematuhi, kalau tidak mempunyai kuasa undang-undang, apakah kementerian akan bercadang untuk memberikan kuasa undang-undang kepadanya dan juga bahagian warisan melalui pengubalan undang-undang yang baru.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sedar bahawa sungguhpun telah memberi pendirian serta meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengekalkan jeti ini kerana mempunyai nilai warisan dari sejarah sosial masyarakat Malaysia akan

tetapi nampaknya pihak kerajaan telah diberikan kuasa untuk membuat keputusan terakhir, dan sebenarnya Ahli Exco Kerajaan Negeri pernah mengumumkan bahawa jeti ini akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan semula. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa kementerian tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk menentukan kawasan mana yang boleh diletakkan dalam Zon Konservasi Warisan. Saya ingin tahu dari kementerian sebab isu ini juga telah mendapat perhatian pelbagai pihak di Negeri Pulau Pinang, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang ini dapat memberi penjelasan dan ulasan tentang sama ada kerajaan negeri telah pun membuat keputusan akhir mengenai masa depan jeti ini, sama ada ingin mengekalkan jeti ini sebagai satu warisan sejarah dan komuniti yang juga boleh menjadi satu tarikan pelancong ataupun membenarkan kerajaan negeri merobohkan jeti ini untuk pembangunan semula kawasan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian, sila. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.12 ptg

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Gerik yang begitu mahir berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan kementerian saya dan juga Yang Berhormat bagi Tanjong atas cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh mereka.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muzium-muzium yang dikunjungi oleh pelancong asing sahaja dan berkenaan rakyat negara kita yang begitu berminat dengan muzium-muzium, saya akui rakyat kita tidak begitu berminat. Hanya pelajar-pelajar yang mengunjungi muzium-muzium tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2003 seramai 1.5 juta pelawat telah melawat muzium-muzium di negara kita iaitu 13 muzium di negara kita. Saya harap dengan kepekaan pameran, kita akan dapat menarik minat rakyat jelata kita untuk melawat muzium-muzium di negara kita.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembinaan sebuah kapal di Melaka untuk menunjukkan warisan negara kita dan untuk ditunjukkan kepada pelancong asing yang

datang ke negara kita, iaitu menunjukkan sejarah Malaysia pada zaman kesultanan Melaka, saya rasa inilah satu cadangan yang baik. Kementerian kita akan meneliti dan menimbang cadangan daripada Yang Berhormat bagi Gerik.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Muzium Etnologi Dunia Melayu, memang tepat iaitu muzium ini memang sudah lama dalam perancangan kerajaan. Walau bagaimanapun, pembinaan Muzium Etnologi Dunia Melayu iaitu *Ethnology of the Malay World*, dengan izin, telah dilambatkan tetapi tapak untuk Muzium Etnologi Dunia Melayu telah dikenal pasti dan tapak ini adalah terletak di Putrajaya di Precinct Lima. Saya harap dengan peruntukan yang kita dapati, insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Muzium Etnologi Dunia Melayu akan menjadi kenyataan. Di tepi bangunan Muzium Etnologi Dunia Melayu itu juga kita akan membina sebuah muzium iaitu Muzium Alam Semula Jadi (*The Muzeum of Natural History*) yang akan terletak di sebelah Muzium Etnologi Dunia Melayu.

Berkenaan dengan artifak-artifak yang akan diisi di dalam Muzium Etnologi Dunia Melayu, buat sementara ini kita meletakkan artifak-artifak ini di salah satu bahagian di Muzium Negara di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gerik bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Soalan pendek sahaja. Saya hendak tahu berapa luaskah tapak kawasan jika dibandingkan dengan luas kawasan lama seluas 26 ekar?

Dato' Wong Kam Hoong: Saya tidak ada angka di sini tetapi kalau tidak silap saya, luasnya lebih kurang 15 ekar di Precinct 9 Putrajaya. Ini akan menjadi kenyataan, saya yakin.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini Muzium Negara kita juga mengaturkan banyak acara untuk menarik minat pengunjung untuk mengunjungi Muzium Negara kita. Dalam *calendar* (takwim) tahun 2004 ini kita ada 15 acara di Muzium Negara Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, beliau menyentuh berkenaan dengan Quay Jetty, untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanjong, Quay Jetty dibina pada tahun 1960-an dan bukan dibina beratus-ratus tahun dahulu. Ini adalah satu jeti yang terakhir sekali dibina di kawasan Yang Berhormat. Untuk status kementerian saya iaitu berkenaan dengan

pendirian kementerian saya, saya mengakui pada 13 Mei tahun ini, kita ada menjawab soalan Yang Berhormat iaitu tentang pendirian kementerian kita yang mana kita berharap kerajaan negeri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun..

Dato' Wong Kam Hoong: *[Memberi isyarat tangan supaya menanti sebentar]* mengekalkan bukan sahaja jeti ini tetapi juga semua jeti di kawasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memelihara kesan sejarah suatu agenda yang penting tetapi menulis kesan sejarah ini tidak kurang pentingnya. Saya tidak nampak di sini di mana ada peruntukan khusus untuk penulisan sejarah itu dibuat sama ada mengenai kesan-kesan sejarah itu ataupun tokoh sejarah ataupun peristiwa sejarah kerana ini boleh membetulkan, memperjelaskan persepsi kita mengenai perkara-perkara yang lalu. Jadi oleh sebab itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ada ataupun tidak dari segi peruntukan ini diperuntukkan kepada umpamanya Persatuan Sejarah untuk membuat penulisan sejarah seperti ini.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, memang itu dalam perancangan kementerian saya. Beralih kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, saya ingin memaklumkan bahawa untuk mewartakan sebuah tempat dan untuk mengekalkan sebuah tempat sebagai satu tapak tanah warisan atau satu tempat berwarisan, kuasa ini terletak pada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun di bawah undang-undang ataupun Akta Benda Purba 1976, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ada kuasa untuk mewartakan sesuatu tempat, monumen lama ataupun monumen warisan, bangunan warisan atau tanah tapak bersejarah setelah mendapati kelulusan daripada kerajaan negeri yakni termaktub di dalam Akta Benda Purba itu.

Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu akta dan undang-undang ini tidak mencukupi untuk kita. Oleh sebab itu kementerian saya akan menggubal satu akta baru, iaitu Akta Harta Warisan dan akta ini sedang dalam penggubalan di peringkat akhir. Saya harap dengan penggubalan akta baru ini, maka kementerian saya lebih berkuasa untuk melindungi monumen lama atau tapak tanah bersejarah dan sebagainya. Walau bagaimanapun kementerian kita masih bertegas

iaitu kuil jeti dikekalkan. Walau bagaimanapun kuasa-kuasa ini diletakkan di dalam kerajaan negeri. Saya faham kerajaan negeri mengambil tindakan ini untuk meroboh kuil jeti ini atas pembangunan dan juga untuk membawa kemudahan-kemudahan yang termoden kepada penduduk-penduduk di sini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat faham ya, sudah dua penggal di Tanjong iaitu di jeti-jeti tertentu di sana tidak ada kemudahan yang termoden, misal kata bilik mandi dan sebagainya. Pembuangan dari bilik mandi semuanya dicurahkan ke dalam laut dan sebagainya. Dalam hal ini, kerajaan negeri sudah fikirkan dengan semasak-masaknya dan saya juga faham sebagai orang Pulau Pinang juga mesti ada satu keseimbangan di antara pembangunan dan pemuliharaan, dan ini terpulang kepada budi bicara kerajaan negeri dan saya faham perjuangan Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap benda-benda warisan, kerana kita duduk dalam barisan yang sama berkenaan dengan warisan.

Itulah sahaja....

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan. Dalam isu warisan sahaja ya, duduk dalam barisan yang sama. *[Ketawa]* Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa, sama ada kerajaan negeri sudah pun membuat keputusan terakhir berkenaan dengan sama ada ingin mengekalkan ataupun merobohkan jeti yang berkenaan. Apakah usaha yang sudah diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk melobi dengan kerajaan negeri supaya mematuhi pendirian dan nasihat yang sudah pun diberikan oleh kementerian Yang Berhormat? Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam masa interim ini, semasa menunggu pengubalan akta yang baru itu, iaitu Akta Harta Warisan, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk mencegah dalam *interim period* ini, langkah-langkah yang mungkin memusnahkan tempat-tempat ataupun bangunan-bangunan yang mempunyai nilai warisan yang dirobuhkan dalam tempoh ini supaya mereka tidak akan terperangkap apabila akta ini diluluskan kelak.

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, sebelum jeti ini dirobuhkan, buat sementara ini mereka masih masuk *plan*, rancangan dan sebagainya, dan ini akan mengambil satu masa yang melibatkan beberapa bulan. Saya harap dalam tempoh ini, kementerian saya akan menyampaikan pendirian kementerian dan kita akan menyuruh ahli EXCO berkenaan untuk berbincang dengan kementerian kita dan tengoklah macam mana. Kalau kita boleh mengambil satu keputusan iaitu boleh

mencapai matlamat serampang dua mata itu, kalau boleh kekalkan jeti ini dan pada masa yang sama boleh menjalankan pembangunan demi rakyat jelata di sana, juga pengundi-pengundi Yang Berhormat, saya rasa itulah satu jalan yang baik untuk kedua-dua pihak itu, *win-win situation*. Buat sementara ini hanyalah kita menyampaikan pendirian kita, pendirian kita ialah kita memegang pendirian ini dengan tegas.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM888,700 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM888,700 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Bukit Gantang.

5.27 ptg.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan peruntukan tambahan 2003 di peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Pelajaran bagi membiayai projek sekolah baru dan menyiapkan projek sekolah tambahan dan gantian untuk sekolah rendah dan menengah serta pembiayaan perabot dan peralatan.

Saya menyokong tujuan murni pihak kerajaan, tetapi segala rintihan wakil rakyat sejak bersidang di Parlimen tentang nasib sekolah-sekolah kebangsaan di Sabah dan Sarawak, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Tamil di Semenanjung begitu daif sekali perlu mendapat perhatian serius kerana kita tidak mahu sekolah diibaratkan reban ayam dan keadaan sekolah yang akan pada bila-bila masa sahaja

runtuh menghempap anak murid dan guru berlaku, barulah kita menggelabah dan mengambil tindakan.

Kalau boleh saya syorkan ditambahkan peruntukan lebih dalam Rancangan Malaysia Kesembilan agar rintihan guru-guru, ibu bapa dan masyarakat yang ingin melihat suasana pengajaran dan pembelajaran anak-anak murid dapat dijalankan dengan suasana yang *conducive* dan berkesan sekali bagi melahirkan generasi yang betul-betul cemerlang, gemilang dan terbilang tercapai dan menjadi kenyataan.

Tuan Pengerusi, saya amat sedih melihat apa yang sebenarnya berlaku. Perabot-perabot dan peralatan di sekolah-sekolah tidak diagihkan dengan baik dan secara adil. Ada sekolah-sekolah berasrama penuh dapat lambakan perabot sehingga disimpan di stor bertingkat-tingkat dan di beranda sekolah, dimakan dek panas dan hujan sedangkan sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Tamil memerlukan kerusi meja. Kerusi meja boleh dikatakan berlubang, bergoyang yang tidak pernah ditukarkan sejak zaman berzaman.

Anak-anak murid yang menduduki peperiksaan awam sama ada UPSR, PMR, SPM, dan STPM menggunakan kerusi meja yang berlubang dan bergoyang-goyang ini. Cuba kita bayangkan. Ada pula anak-anak disebabkan kekurangan perabot terpaksa duduk di lantai untuk belajar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Pengerusi, kami sebagai wakil rakyat amat mengharapkanlah kementerian dapat memantau agar pembekalan perabot dan peralatan diagihkan secara adil dan saksama demi mendidik anak bangsa kita tanpa mengira kaum, agama dan keturunannya.

Tuan Pengerusi, di satu pihak pula sekolah-sekolah tersergam indah dengan prasarana yang lengkap tetapi rintihan guru-guru tidak diambil kira dan kempen-kempen kerajaan tidak kesampaian matlamatnya. Apa yang saya hendak ketengahkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah permohonan pertukaran guru-guru bermasalah keluarga akibat daripada penempatan guru.

Tuan Pengerusi, guru-guru ditempatkan jauh dari tempat asalnya, dari rumah hingga menyebabkan mereka berpisah sama ada dari suami atau isteri, ibu bapa,

anak-anak yang masih lagi bayi sedangkan pihak kerajaan melaung-laungkan 70 juta penduduklah, masyarakat penyayang, keluarga bahagia, kempen susu ibu, menyayangi dan menjaga ibu bapa yang tua, yang telah uzur. Bayangkanlah perasaan guru-guru ini. Rindu kepada keluarga tetapi benci kepada kerajaan atas kerenah pegawai-pegawai yang tidak bertimbang rasa kerana permohonan untuk bertukar dipohon tahun demi tahun atas masalah keluarga ditolak dan tidak dilayani langsung.

Hendak balik pada hujung minggu tidak larat kerana kegiatan kokurikulum, jauh. Akhirnya guru terpaksa mengambil cuti sakit untuk menjaga anak, untuk menjaga ibu bapa yang sakit dan menyusu anak di rumah. Siapa yang rugi sebenarnya? Anak-anak murid di sekolah yang rugi. Sebab itu hari ini kita ada banyak masalah sosial berlaku. Bersimpatilah kepada guru-guru ini dan letakkanlah diri kita dalam keadaan guru berkenaan sebab ada guru yang tidak berpeluang langsung dan merasa hendak menjaga ibu kerana tidak dapat bertukar akhirnya ibu bapanya meninggal dunia.

Tuan Pengerusi, apabila permohonan pertukaran guru-guru ini tidak berjaya siapa lagi yang mereka hendak mengadu nasib, dia datang kepada kita wakil rakyat merayu memohon bantuan. Kita ini terkedek-kedek pergi ke jabatan jumpa pengarah. Pengarah panggil pegawai berkenaan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan.....

Cik Tan Lian Hoe:minta tolong.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:minta penjelasan Yang Berhormat. Apa makna 'terkedek-kedek' itu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam mana yang 'terkedek-kedek' itu? Saya baru sekali dengar hari ini.

Cik Tan Lian Hoe: Fahamlah itu, dengan susah payahnya kita naik ke jabatan jumpa pengarah, pengarah panggil pegawai minta tolong disegerakan. Tunggu sebulan dua tidak ada. Naik lagi, pengarah panggil lagi tolong buat dalam satu minggu. Dua minggu lepas itu tidak ada lagi, saya pun telefon sudah diluluskan ataupun belum. Katanya tidak diluluskan. Tanya saya kenapa, atas sebab campur tangan politik. Jadi apakah peranan kita sebagai wakil rakyat?

Tidak perlulah kita jadi wakil rakyat. Ya! Saya amat simpati sebab kes yang saya sedang jalankan di sini ialah seorang guru yang telah pun dua tiga tahun yang lepas memohon pertukaran balik ke kawasannya sebab beliau mengandungi dan melalui MCA juga tidak berjaya. Dia datang jumpa saya dan apa berlaku, nasib baik kita bersyukur. Kalau katakan berlaku kemalangan dia terpaksa memandu dari pukul 6.30 pagi hendak sampai ke sekolah pukul 7.30 pagi.

Kalau berlaku apa-apa baru kementerian, kerajaan menggelabah. Selepas itu lahirkan anak, mohon diminta tukar sebab anak hendak menyusu susu ibu juga tidak dapat. Kita dikatakan mempunyai masyarakat penyayang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Cik Tan Lian Hoe:Kementerian Pendidikan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Cik Tan Lian Hoe:saya amat mengharapkanlah.....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tuan Pengerusi.....

Cik Tan Lian Hoe:iaitu saya ingin merayu.....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:saya hendak minta penjelasan sedikit.

Cik Tan Lian Hoe: kepada pegawai.....sekejap ya Yang Berhormat. Saya ingin merayu kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah pun berkedudukan, yang mempunyai kedudukan, yang mempunyai kuasa, tolonglah bersikap bertimbang rasa dan saya juga memohon agar pihak Kementerian Pelajaran memberi perhatian serius dalam melayani permohonan istimewa pertukaran guru yang betul-betul bermasalah keluarga ini diberi kelulusan dengan segera. Dengan ini Tuan Pengerusi saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timur.

5.48 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada maksud P.26, 00200, 00400, 04200. Tuan Pengerusi baru-baru ini telah timbulnya kegemparan yang tidak kekal lama dan tidak berasas mengenai sindiket pemalsuan sijil-sijil STPM dan SPM. Kesangsian yang telah dilemparkan di atas kredibiliti, integriti, dan nama baik pelajar cemerlang STPM ini khasnya 527 calon STPM tahun lepas mendapat markah penuh 4.0 CGPA yang pada hakikatnya tidak seorang pun dari mereka yang didapati pernah memalsukan sijil mereka.

DAP menyokong supaya tindakan keras diambil demi memastikan bahawa keyakinan orang ramai terhadap pengesahan sijil-sijil STPM, SPM dan lain-lain peringkat pendidikan di dalam negara ini tidak dikompromi dalam apa cara pun termasuk melancarkan penyiasatan yang terperinci ke atas rekod akademi sebenar setiap satu dari 1,774 calon STPM tahun lepas dan *Matriculation* tahun lepas yang mendapat markah penuh CGPA iaitu 1,247 orang pelajar Matrikulasi dan 527 pelajar STPM.

Saya telah menerima maklumat kes itu bahawa pada tahun lepas setengah pelajar Matrikulasi mendapat 3.7 dan 3.8 CGPA untuk semester pertama dan kedua telah diberikan markah muktamad 4.0 CGPA sungguhpun ia sebenarnya hanya 3.75. Kementerian Pengajian Tinggi haruslah mengadakan siasatan bebas ke atas perkara ini demi mengesan betapa berleluasanya salah laku seperti ini.

Untuk pengambilan pelajar baru Fakulti Perubatan Universiti Malaya tahun ini adalah sejumlah 175 pelajar antaranya 96 bumiputera (54.8%), 65 kaum Cina (39.4%) dan 10 kaum India (5.7%). Tahun ini hanya 35 dari pelajar baru yang terdiri daripada pelajar STPM iaitu 20% pelajar STPM dan 80% pelajar Matrikulasi. Dari 35 pelajar STPM yang belajar di Fakulti Perubatan Universiti Malaya, 30 darinya adalah terdiri dari kaum Cina, dan 5 yang lain adalah terdiri dari kaum India.

Penurunan pelajar baru dari SPTM dalam Fakulti Perubatan Universiti Malaya ini amat merunsingkan, sungguhpun pelajar cemerlang STPM adalah sejumlah 527 dalam peperiksaan STPM 2003. Satu kajian teliti ke atas keputusan peperiksaan pelajar yang berjaya masuk ke Fakulti Perubatan Universiti Malaya akan menampakkan keputusan yang biasa seperti tahun-tahun yang lalu, semua pelajar cemerlang STPM memiliki juga keputusan SPM yang sama cemerlang.

Sementara pelajar cemerlang matrikulasi khasnya pelajar-pelajar orang Melayu memiliki keputusan SPM yang lebih lemah, sesetengah daripada mereka mendapat gred serendah C6 untuk mata pelajaran Biologi dan Matematik Tambahan. Tambahan lagi pelajar matrikulasi tahun lepas hanya menghadapi 3 mata pelajaran berbanding dengan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran untuk pelajar STPM.

Sekiranya ada 10 orang pelajar yang perlu mengulangi tahun pertama sesi ini, ini akan menjadikan jumlah pelajar perubatan tahun pertama mencapai 185 orang dan bila dibahagikan kepada 10 makmal, 18 orang akan berkongsi satu makmal, lima

makmal akan memiliki 19 pelajar. Oleh kerana setiap makmal diagihkan satu pensyarah sahaja, ini bererti bahawa nisbah pensyarah pelajar setinggi 1:18.

Untuk kelas-kelas tutorial, anatomi, dua makmal akan bergabung menjadi satu, menjadi nisbah pensyarah/pelajar setinggi 1:36. Nisbah ini lebih tinggi dari sesetengah kelas tingkatan 6 di sesetengah sekolah. Menteri Pelajaran Tinggi pernah berkata bahawa kementeriannya hendak memastikan bahawa pada peringkat *clinical*, nisbah doktor/pelajar adalah 1:4, sungguhpun ia kini telah bertambah menjadi 1 ke 6.

Saya difahamkan bahawa nisbah doktor/pelajar 1:4 atau 1:6 ini untuk pelajar perubatan di peringkat *clinical* adalah dalam sekolah-sekolah perubatan sebenarnya telah lama menjadi satu mitos, kerana pada masa ini nisbah doktor/pelajar pada peringkat *clinical* di Fakulti Perubatan di Universiti Malaya adalah setinggi 1:30. Pelajar melakukan lawatan *ward* mereka dalam kumpulan besar seramai 15 orang bersama seorang pensyarah dan kini mereka terpaksa berpecah menjadi 8 pelajar sekumpulan kecil atau melakukan lawatan setengah hari setiap selang hari atau *half day alternative two days*.

Ini bukannya keadaan pelajaran yang baik, yang akan membantu mencapai kecemerlangan akademik dan membolehkan institusi pendidikan tinggi Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa dan dihormati kerana pendidikan kita yang berkualiti tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong.

5.43 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mengikuti perbahasan Maksud P.26 Kementerian Pelajaran Butiran 00100 - Pendidikan Rendah.

Saya menyokong penuh peruntukan tambahan sebanyak RM145 juta dan sekiranya boleh kita minta peruntukan lebih, kerana saya amat sedih sehingga pada hari ini masih ada lagi terdapat sekolah-sekolah yang telah disahkan tidak selamat tetapi masih digunakan oleh pelajar-pelajar kita. Contohnya, di kawasan saya, ada sekolah Tamil Lalang Lenjun, yang kelasnya telah disahkan tidak selamat tetapi masih lagi digunakan.

Di kawasan saya sebuah Sekolah Menengah Sulaiman, sekolah premium, satu bangunan yang telah disahkan tidak selamat tetapi mengambil masa bertahun-tahun untuk kita robohkannya. Bukan sahaja bangunan yang tidak selamat ini

membahayakan pelajar-pelajar, saya rasa ia satu perkara yang menunjukkan bahawa komitmen Kementerian Pelajaran dalam mengatasi masalah ini perlu ditingkatkan lagi.

Pada penggal lalu saya juga dapati bahawa Ahli Parlimen Senai, sekarang Ahli Parlimen Kulai, iaitu Timbalan Speaker kita, telah berkali-kali merayu kepada kementerian untuk membina semula Sekolah Jenis Kebangsaan Saling, SJK(C) Saling kerana bangunan sekolah itu juga tidak selamat, tetapi sehingga hari ini, sekolah ini masih lagi digunakan oleh murid-murid.

Rayuan demi rayuan sehinggakan Timbalan Menteri pun sudah turun padang melawat sekolah itu. Timbalan Menteri Pelajaran Dato' Hon Choon Kim sendiri turun padang dan juga Timbalan Speaker kita, saya kena bagi pihak beliau – Timbalan Speaker, walaupun tidak dapat menyuarakan pandangan beliau di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi beliau telah berusaha dengan gigih menyampaikan surat dan menyatakan pendirian beliau dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang pertama sekali terima kasih. Yang kedua, bolehkah saya minta melalui Yang Berhormat, minta Kementerian Pelajaran segerakan projek itu. *[Ketawa]*

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, memang kita mintalah. Memang betul, Timbalan Speaker kita jarang-jarang membuat rayuan, sekarang minta tolong kementerian, dahulukanlah yang perlu didahulukan. Saya mencadangkan sekiranya boleh projek-projek sekolah baru ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya rasa kita perlu dahulukanlah sekolah-sekolah yang tidak selamat ini, di mana bangunan-bangunan yang tidak selamat kita perlu robohkan dengan serta-merta dan kita dirikan bangunan baru.

Bangunan yang tidak selamat ini telah disahkan tidak selamat oleh JKR, takkanlah kita membenarkan anak-anak kita menghadapi risiko yang begitu besar untuk belajar di dalam sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharaplah Kementerian Pelajaran jangan berdolak-dalik lagi dalam hal ini, kita kena mengambil komitmen

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Tuan Liow Tiong Lai: Sekejap, ya, kiraan masa kurang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap sahaja.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa berlaku kebakaran di India sampai 100 lebih pelajar mati? Jadi, adakah Yang Berhormat bimbang juga bangunan itu akan roboh dan kanak-kanak yang tidak bersalah dan berdosa akan menjadi mangsa dan kita juga dipertanggungjawabkan? Yang Berhormat setuju atau tidak?

Tuan Liow Tiong Lai: Mestilah. Yang Berhormat bagi Jerai begitu prihatin terhadap nasib anak-anak murid kita. Kita tidak mahu perkara tragedi seperti ini berlaku. Di India itu memang satu tragedi, kita tengok gambar dalam TV itu kita kesian, air mata pun keluar, meleleh, kita harap Kementerian Pelajaran prihatin terhadap nasib anak-anak kita. Kalau bangunan-bangunan yang tidak selamat itu cepat-cepatlah kita robohkan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Liow Tiong Lai: Minta Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Jerai sebut pasal India, jauh sangat dia pergi, mungkin dia asal daripada kapal sana, tetapi saya hendak cerita ini Jeli. Jeli, Ayer Lanas, dua hari lepas, nasib baiklah guru besar itu dia memantau sekolah, dan dia tengok atap hendak runtuh, dia suruh murid keluar, terus runtuh betul.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah perkara-perkara seperti ini patut diberi perhatian. Saya semak, walaupun saya bukan Ahli Parlimen Jeli tetapi sebab Ahli Parlimen Jeli ini bos saya, dia pengerusi perhubungan, saya tanya. Dia kata, sebenarnya anai-anai. Maknanya, sekolah ini semasa dibina, anti anai-anai, anti makhluk perosak ini, akta yang kita bincang ini tidak digunakan di situ.

Jadi, Yang Berhormat saya minta masukkan dalam cadangan sekali.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Sekolah ini kita kena jaga dengan baik dan anai-anai kalau sudah masuk sekolah kita kena adakan tindakan segera, janganlah sampai

atap sudah runtuh kita baru hendak ambil tindakan. Saya rasa perkara ini memang – penyelenggaraan sekolah-sekolah, kemas kinikan.

Satu lagi Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, banyak sekolah Cina dan sekolah Tamil yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tadi, bantuan modal ini, kerusi meja pun sudah cukup daif, memang sudah rosak, memang sekarang saya tengok sekolah-sekolah di kawasan saya contohnya Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kai Man, kerusi meja – kesian, dia kena pinjam daripada sekolah lain. Tidak ada kerusi meja, dia kena pinjam.

Kita mintalah kalau boleh berilah peruntukan-peruntukan kepada sekolah-sekolah bantuan modal ini agar dapatkan, adanya peruntukan untuk membeli kerusi meja, pastikan persekitaran persekolahan kita sentiasa dalam keadaan yang cukup baik.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan di sini berhubung dengan pendidikan Matrikulasi. Kerajaan mengambil satu tindakan yang cukup baik dan cukup bijak untuk memberi 10% tempat di dalam matrikulasi bagi pelajar bukan bumiputera dan ini disambut baik oleh kita dan kita sama-sama menjayakan program Matrikulasi ini.

Kita semua tahu bahawa program Matrikulasi ini adalah satu program yang cukup mantap dan mempunyai pengiktirafan dunia terhadap kualiti Matrikulasi ini. Saya cukup sokong peruntukan tambahan sebanyak RM290 juta ini dan kalau boleh kita tambahkan dan pastikan sekolah-sekolah Matrikulasi ini dipertingkatkan bilangan murid-muridnya. Kalau sekolah itu sudah berjaya, kita jayakan lagi, kita tingkatkan mutunya dan kita pastikan bilangan murid-murid yang memasuki Matrikulasi ini dapat ditambah.

Janganlah sehinggakan ada juga murid-murid cemerlang dalam pendidikan tetapi tidak berpeluang memasuki pendidikan matrikulasi yang baik ini. Saya berharap pelajar-pelajar bukan bumiputera juga dapat ditambah dalam program Matrikulasi kerana ini memang baik, dapat kita bukan sahaja dari segi integrasi...

Dr. Rahman bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, Gombak.

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa Matrikulasi mempunyai

taraf yang tinggi dan diiktiraf oleh banyak negara. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Matrikulasi ini tidak kurang tarafnya dengan STPM ataupun bolehkah kita katakan bahawa Matrikulasi ini tarafnya lebih baik daripada STPM?

Tuan Liow Tiong Lai: Ini dua peperiksaan yang berlainan. Tetapi yang saya ingin beritahu dan ingatkan kepada kementerian adalah kalau kita mengambil peperiksaan Matrikulasi dan ia telah menunjukkan kemampuannya untuk bersaing di peringkat antarabangsa, maka kita boleh tambahkan bilangannya dan kita boleh benarkan lebih banyak murid untuk mengikuti Matrikulasi. Saya rasa ini persoalan yang lain kalau kita hendak bincangkan dari segi perbandingan di antara dua peperiksaan yang berlainan.

Tuan Pengerusi, saya ingin...

Cik Fong Po Kuan: Penjelasan.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun, Bukit Mertajam dan Batu Gajah. Mana satu?

Puan Chong Eng: Terima kasih...

Tuan Liow Tiong Lai: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: ...Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat bagi Bentong. Kalau kedua-dua Matrikulasi dan juga STPM itu *level*nya adalah sama baik, apakah pendapat Yang Berhormat bagi Bentong supaya kerajaan hanya menggunakan satu peperiksaan sahaja, sama ada semua pelajar mengambil Matrikulasi ataupun mengambil STPM untuk satu peperiksaan sahaja untuk semua supaya jangan ada dua sistem. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Bentong?

Tuan Liow Tiog Lai: Tuan Pengerusi, memang dari segi dasar kerajaan sekarang kita mengamalkan pengambilan daripada pelbagai sumber, bukan daripada satu sumber sahaja. Kalau kita lihat negara-negara maju yang ada sekarang, di Amerika Syarikat juga, apa yang penting sekarang ialah dari segi kualiti pendidikan ataupun murid-murid yang telah dilatih melalui sistem pendidikan kita.

Oleh itu yang penting yang memasuki universiti pada hari ini, tidak kira dia ambil daripada sistem peperiksaan STPM atau Matrikulasi ataupun lain-lain peperiksaan yang dibenarkan oleh kerajaan agar apa yang telah memasuki universiti kita perlu mempunyai kualiti dan boleh kita melatih pelajar-pelajar kita bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, akhirnya saya juga ingin menggulung iaitu dari segi Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Saya meminta kementerian untuk menambahkan bilangan pelajar-pelajar Teknikal dan Vokasional, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar bukan bumiputera dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional kerana saya dapati dalam sekolah-sekolah Teknikal dan Vokasional, bilangan bukan bumiputera amat kurang dan terlalu terhad. Saya minta kementerian mengambil tindakan segera untuk menambahkan bilangannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

5.55 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk membahaskan Maksud P.26 – Kementerian Pelajaran. Kita tidak nafikan kerajaan melalui Kementerian Pelajaran melabur paling besar daripada peruntukan negara kita untuk membangunkan pendidikan negara kita di mana apa yang kita lihat kesannya daripada *return of investment* (ROI). *[Disampuk]*

Apa yang kita lihat di sini, negara kita melahirkan banyak cendekiawan yang kita lihat di dalam Dewan yang mulia ini, semuanya lahir daripada pengorbanan dan kesungguhan kerajaan untuk mempertingkatkan pelajaran dan pendidikan dan kita pasti kerajaan akan teruskan pembangunan dalam bidang pendidikan, terutamanya bidang infrastruktur pelajaran.

Di sini kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kelapan, contohnya di Kelantan, sebanyak 160 buah sekolah telah disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan melalui program satu sesi dan juga sekolah gantian ataupun sekolah tambahan. Di sini kita lihat kesungguhan kerajaan untuk menumpukan pendidikan menjadi agenda utama untuk kita bangunkan negara kita ini di mana dengan melahirkan rakyat yang berilmu, sudah pasti negara kita akan ditadbir oleh pentadbir-pentadbir atau wakil-wakil daripada rakyat yang dipilih untuk memajukan negara kita.

Di sini kita lihat, contohnya di Kelantan di mana rakyat Kelantan ini agak produktif sedikit di mana sekolah satu sesi yang dibina oleh kerajaan pada tahun lepas hanya dapat bertahan satu tahun sahaja di mana tahun hadapan, kementerian ataupun sekolah berjalan dua sesi semula kerana pertambahan pelajar dari masa ke semasa yang membuatkan sekolah tidak dapat menampung pelajar untuk satu sesi.

Jadi, saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran untuk meneruskan pembinaan sekolah-sekolah baru bagi negeri Kelantan. Selain daripada itu, kita lihat pelajar-pelajar di negeri Kelantan tidak mudah putus asa di mana setelah gagal dalam peperiksaan, contohnya SPM dan juga STPM...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Ir. Shaari bin Hassan: ...mereka juga teruskan belajar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Ir. Shaari bin Hassan:di sekolah-sekolah swasta.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat bercakap ini di bawah kepala berapa, Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bawah kepala berapa ini?

Ir. Shaari bin Hassan: P.26.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: P.26 umum, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Ir. Shaari bin Hassan: Pembangunan. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Orang baru!

Ir. Shaari bin Hassan: Okey, Yang Berhormat. Sekarang ini saya bercakap atas P.26 – Pembangunan Sekolah (Pembinaan Sekolah dan Infrastruktur Pendidikan) di mana kita lihat pelajar-pelajar yang gagal ataupun yang tidak dapat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: ...keputusan yang baik....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita di peringkat Jawatankuasa, bukan untuk perbahasan dasar. Saya hendak ingatkan.

Ir. Shaari bin Hassan: Cuma saya hendak "*highlight*"kan satu perkara, dengan izin, di mana pelajar STPM yang kita lihat di dalam surat khabar yang keluar dua minggu lepas di mana pelajar yang menunggu keputusan untuk memasuki IPTA telah mendaftar sebagai calon STPM untuk mengulangi di sekolah swasta. Apa yang kita lihat daripada laporan akhbar yang saya dapati di sini seramai 413 orang calon swasta gagal ambil STPM di negeri Kelantan.

Jadi, saya menyeru kepada kementerian supaya melihat apa yang berlaku di mana bagaimana seharusnya pelajar ini tidak diterima untuk memasuki peperiksaan STPM pada tahun ini dan saya menyeru kepada kementerian supaya memberi perhatian khusus dan membenarkan 413 orang calon swasta ini untuk diterima sebagai calon STPM pada tahun 2004.

Tuan Pengerusi, saya pasti kerajaan akan meneruskan infrastruktur pembangunan sekolah di negeri Kelantan, terutamanya membina sekolah-sekolah baru supaya dapat menampung pelajar-pelajar yang sedia ada dan juga yang akan datang.

Jadi selain daripada itu sebagaimana Yang Berhormat bagi Bentong menyatakan, kementerian seharusnya juga memberi perhatian kepada sekolah-sekolah yang sedia ada, di mana kita lihat bangunan-bangunannya kebanyakan telah usang dan perlu diselenggarakan. Sebagai contoh di Jeli, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, memang ini berlaku dan sedang berlaku seperti bumbung yang lama, yang perlu diberi perhatian khusus dan juga tandas yang perlu dinaik taraf, di mana kalau kita melawat ke sekolah-sekolah, kita dapati bangunan yang lama ini agak usang dari segi *facility*, dengan izin seperti tandas, yang mana teruk sangat, berbau busuk dan kita tidak sanggup untuk masuk ke tandas ini untuk membuang air kecil ataupun air besar.

Jadi saya menyeru dengan peruntukan tambahan ini Kementerian Pelajaran memberi perhatian yang khusus untuk menaiktarafkan semula bangunan-bangunan lama ini. Dan juga untuk makluman Kementerian Pelajaran, di negeri Kelantan penduduknya berjumlah 1.5 juta, di mana 95% adalah terdiri daripada bangsa Melayu yang beragama Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukuplah, boleh gulung.

Ir. Shaari bin Hassan: Jadi saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji dan meneliti supaya satu pendekatan diambil untuk membina sebuah universiti di negeri Kelantan. Yang pasti sekiranya sebuah universiti dibina, rakyat Kelantan tidaklah hampa dengan harapan yang diharap-harapkan selama ini dan kita selaku kerajaan telah lama membuat janji untuk membina sebuah universiti di negeri Kelantan.

Seorang Ahli: Janji itu kalau menang, kalau kalah hendak buat apa?

Ir. Shaari bin Hassan: Insya-Allah pada pilihan raya akan datang dengan terbinanya.....,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan:dengan terbinanya sebuah universiti di negeri Kelantan....

Seorang Ahli: Kita akan menang!

Ir. Shaari bin Hassan: Kerajaan Barisan Nasional dapat memerintah negeri Kelantan, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebelum saya minta Timbalan Menteri menjawab saya hanya dapat memberikan peluang kepada dua Ahli Yang Berhormat untuk berucap. Rantau Panjang.

4.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Oleh kerana Timbalan Menteri ini baru sahaja menang dalam pemilihan baru-baru ini, saya harap beliau dapat menjawab apa yang saya hendak tanya pada petang ini.

Pertamanya saya nak *mendetailkan* sedikit di bawah Butiran (Projek) P.00200 ini iaitu sebanyak 122 projek sekolah baru dan menyiapkan 43 projek sekolah tambahan/ gantian untuk sekolah menengah. Saya hendak tahu ialah sekolah baru 122 projek ini adakah termasuk matrikulasi dan adakah kerajaan masih lagi tidak bercadang untuk membina satu sekolah matrikulasi di Kelantan, kerana sehingga sekarang ini di Kelantan walaupun ramai pelajarannya yang berjaya memasuki matrikulasi, tetapi sekolah di kawasan ini tidak ada. Kalau boleh pihak kementerian beritahu berapakah jumlah pelajar-pelajar dari Kelantan yang berjaya memasuki matrikulasi di merata-rata tempat di seluruh negara pada tahun ini ataupun tahun lepas?

Kedua ialah di bawah Butiran (Projek) 00900 iaitu pembinaan asrama sebanyak 182 projek. Saya hendak tahu pertama sekali saya masih lagi menunggu siasatan yang dibuat oleh pihak kerajaan hasil daripada - saya membongkarkan dalam Parlimen ini, kerana ada satu sekolah di Kelantan khususnya di kawasan saya yang membina asrama di dalam tanah kerajaan bukan *state land*, tetapi *grazing reserve* iaitu di Sekolah Menengah Tiang Chandi di Jajahan Pasir Mas dalam Parlimen Rantau

Panjang. Apakah penyiasatan telah selesai? Dan kalau selesai apa tindakan yang perlu dibuat?

Kedua pula adalah asrama Sekolah Menengah Agama di Kampung Lati yang juga di kawasan saya, yang peliknya ialah pembinaan asrama tersebut tidak mempunyai tangki air. Sekolah itu terpaksa menggunakan air *direct* daripada Syarikat Air Kelantan, yang menyebabkan pelajar-pelajar sentiasa menghadapi tekanan kerana air tidak cukup yang digunakan oleh sekolah tersebut, jadi apakah logiknya sebuah sekolah dan sebuah asrama tidak mempunyai tangki air *reserve* di sekolah tersebut? Sehingga pelajar-pelajar yang berada di asrama itu bergilir-gilir untuk mandi pukul 4.00 pagi sudah bangun kerana *queue* - terlalu ramai. Ini satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Yang ketiga ialah berkenaan dengan pemberian tanah di bawah Kementerian Pendidikan ini. Saya hendak tahu sehingga sekarang ini adakah betul seperti mana yang dituduh oleh pihak Barisan Nasional sewaktu kempen pilihan raya, menyatakan pembinaan sekolah dari Kelantan ini terbantut kerana payah untuk mendapatkan tanah di Kelantan ini. Saya hendak tanya adakah terdapat satu sahaja permohonan yang ditolak oleh pihak Kerajaan Kelantan semenjak Kerajaan PAS di Kelantan selepas 14 tahun ini? Ada atau tidak? Kalau ada bukti tunjukkan satu sahaja untuk memberi penjelasan kepada rakyat, supaya rakyat tidak menaruh sangsian terhadap Kerajaan Kelantan yang dituduh sewaktu kempen pilihan raya yang lampau ini.

Akhir sekali ialah saya ingin berterima kasih banyak kepada kerajaan kerana di bawah Butiran (Projek) 05004 ini, Bahagian Kebajikan Pelajar Luar Negara di mana kerajaan telah memohon peruntukan sebanyak RM56 juta bagi membiayai atau menyelaraskan pembayaran pembelian bangunan baru bagi Jabatan Penuntut Malaysia, London kerana rumah di Nombor 10, Brynston Square, barang kali telah pun ditarik balik ataupun dijual oleh pihak kerajaan kita untuk membina sekolah baru.

Saya harap pembinaan ataupun pembelian bangunan baru yang menggantikan rumah di Nombor 10, Brynston Square itu lebih selesa kerana saya pernah tinggal di situ pada tahun 1975 terlalu sempit. Dome itu terlalu sempit sangat dan tempat musala pun saya tengok tidak sesuai oleh kerana zaman mutakhir ini kita tengok pelajar-pelajar kita sekarang ini sebahagian besarnya menghayati Islam. Berlonggok-longgok untuk sembahyang berjemaah setiap masa. Jadi kalau boleh bangunan baru itu biarlah musala itu besar sedikit, supaya selesa, sesuai dengan

keadaan sekarang ini dan sesuai dengan tema baru Islam Hadhari sekarang ini. Sekian, terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan. Selepas Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.08 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di Butiran (Projek) 00100 - Pendidikan Prasekolah dan Rendah. Saya ingin tahu dalam peruntukan ini, adakah kementerian pertimbangkan untuk memastikan supaya semua sekolah rendah di luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak akan memastikan supaya diwujudkan prasekolah? Saya memikirkan bahawa prasekolah ini amat penting bagi memastikan supaya selesai tahap 1 iaitu sampai Darjah 3, pelajar-pelajar kita akan dapat mempunyai kemahiran untuk membaca, menulis dan mengira. Di kawasan saya sebahagian besar daripada sekolah-sekolah rendah tidak mempunyai prasekolah setakat ini.

Seterusnya saya ke Butiran (Projek) 00200 iaitu Pendidikan Menengah dan Matrikulasi. Dalam peruntukan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan kerana telah membina begitu banyak sekolah menengah di negeri Sabah sehinggakan sekolah ini kalau dilihat bangunannya seperti kolej, begitu cantik.

Pada masa yang sama Tuan Pengerusi, banyak sekolah menengah di negeri Sabah yang tidak mempunyai bilik-bilik darjah. Termasuklah di kawasan saya di mana pada masa ini pelajar-pelajar dalam Tingkatan 6 tidak mempunyai kelas yang cukup sebab pertambahan pelajar yang sudah jauh meningkat.

Di samping itu juga, ada sebuah sekolah iaitu SMK Pekan Telipot di mana bangunannya itu begitu usang sekali dan permintaan, permohonan sudah sekian lama dihantar kepada pihak kementerian tetapi sehingga ke hari ini tidak dilayan dan tiba-tiba pula di SMK Tebobon dibina sebuah sekolah yang begitu cantik, rupanya macam kolej, tidak jauh daripada UiTM. Jadi di manakah keutamaan, kenapa sekolah yang wujud, yang usang itu tidak dibina, dibina pula sekolah baru. Itulah yang agak menghairankan.

Saya juga ingin tahu di kawasan saya ada beberapa

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya cuma ingin mendapat penjelasan dan menumpang nasib yang ditanggung oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Di kawasan saya menghadapi masalah yang sama di mana sebuah sekolah SK Matang yang sudah usang tetapi sekarang ini terdapat juga sekolah baru telah dibina di kawasan tersebut. Jadi saya hendak tahu kalau dapat Yang Berhormat bagi Tuaran mendapat penjelasan, apakah dasar bagi kementerian menentukan tentang keutamaan untuk pembinaan ataupun pembaik pulih sekolah dari segi keutamaan dan apakah kriteria sebab misal kata sekolah baru dibuat tetapi kini menghadapi masalah untuk mendapat pelajar, walhal sekolah lama tidak diperbaiki. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih. Itulah *point* yang saya nyatakan tadi di mana dasarnya, di mana keutamaan? Yang sekolah baru menghadapi masalah untuk mendapatkan pelajar, sekolah yang usang tidak dibina. Apa fasal? Apa cerita? Mengapa terjadi begitu? Kenapa berjuta-juta dipakai untuk sekolah baru dan susah dapat pelajar, yang banyak pelajar, masalah bangunan usang tidak dibina.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga bagi kawasan saya, beberapa cadangan sekolah menengah baru telah dicadangkan termasuklah SMK Tenggilan 2, SMK Tamparuli 2 dan SMK Pekanabalu. SMK Pekanabalu sudah dirancang sejak Rancangan Malaysia Ketujuh, ini sudah hujung Rancangan Malaysia Kelapan. Sehingga hari ini belum lagi dilaksanakan, saya ingin tahu, apa fasal? Apa sudah jadi SMK Pekanabalu? Sudah berkali-kali dinyatakan di Dewan yang mulia ini dan kita juga menghantar surat, kita tidak tahu kenapa sekolah yang sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh belum dibina.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya beralih ke Butiran 00800 iaitu Rumah-rumah Guru. Ini juga saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah membina banyak rumah guru di negeri Sabah. Pada waktu yang sama, saya ingin bertanya tentang keutamaan-keutamaan. Bina sekolah guru, cantik-cantik, bagus juga tetapi sekolah-sekolah termasuklah sekolah-sekolah rendah di mana rumah guru dibina menggunakan *bamboo*, dibina dengan cara gotong-royong oleh orang kampung sehingga pada hari ini tidak berubah, tidak diberi peruntukan.

Saya bagi satu contoh, SK Sungai di kawasan saya. Baru-baru ini saya melawat ke sekolah kampung itu bersama-sama dengan Timbalan Menteri Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah dan kami melihat sendiri rumah guru yang rupa-rupanya hanya satu bilik dan dibina secara gotong-royong oleh orang kampung menggunakan *bamboo* sahaja, dibina dengan buluh. Ada empat orang guru, empat rumah guru. Kenapakah rumah-rumah guru yang usang, yang daif itu tidak dibina, tidak diberi peruntukan dan yang dekat di bandar, yang boleh senang dapat rumah dibina? Ini yang saya tidak berapa faham dari segi keutamaan pihak kementerian.

Satu lagi di kawasan saya iaitu di SMK Sri Nangka begitu cantik sekolah itu. Rupanya macam kolej tetapi rumah guru tidak dibina. Saya ingin tahu dari segi dasar, dari segi keutamaan, kita bina sekolah cantik tetapi rumah gurunya tidak dibina. Apa fasal? Bagaimanakah nanti guru berkhidmat jika sekiranya rumah-rumah guru itu tidak dibina sedangkan sekolah begitu cantik pembinaannya.

Seterusnya saya beralih ke Butiran 00900 iaitu Asrama. Dalam hal ini juga, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah memperuntukkan RM53 juta ini untuk membina asrama-asrama. Pernah dahulu satu ketika Butiran ini mendapat sifar peruntukan tetapi kali ini terdapat RM53 juta. Tetapi dalam hal ini juga dalam penggal yang lepas mencadangkan supaya pihak kerajaan membuat satu dasar di mana kalau membina sekolah baru biarlah dibina asramanya sekali

Saya bagi satu contoh lagi iaitu SMK Sri Nangka. Sekolah ini memang cantik, macam kolej rupanya. Saluran-saluran sekolah rendahnya jauh-jauh termasuklah daripada pantai-pantai yang pelajar-pelajarnya terpaksa naik bot tetapi asramanya tidak dibina. Apabila asrama tidak dibina, maka pelajar-pelajar kita yang jauh di pantai terpaksa naik perahu, kalau tengah hari kena ombak. Selepas UPSR dia berhenti sekolah, dia tidak pergi ke sekolah menengah sebab asrama tidak dibina. Saya ingin tahu, bilakah kerajaan mahu membina asrama di SMK Sri Nangka supaya sekolah ini dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Setakat hari ini sekolah ini cantik tetapi banyak bilik yang kosong termasuklah bilik-bilik makmal dan juga kelas-kelas sebab asrama tidak ada untuk pelajar-pelajar kita. Pada masa yang sama juga di seluruh kawasan saya di Tuaran, hampir kesemua sekolah menengah termasuklah SMK Tenggilan, SMK Tun Fuad, SMK Sungai Damit semuanya memerlukan asrama. Di SMK Sungai Damit langsung tidak dibina asrama dan para pelajar terpaksa sampai ke rumah hingga malam sebab dia sekolah petang, dua sesi terpaksa naik bas dan sebagainya, malam baru balik.

Asrama ini amat penting sebab asrama ini berfungsi dua, satu iaitu tempat tinggal dan yang keduanya seharusnya asrama ini dapat memupuk disiplin pelajar. Dan di SMK Sungai Damit ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, saya gulung. Di SMK Sungai Damit ini banyak masalah disiplin termasuk kes ponteng dan sebagainya. Saya mohon supaya asrama di SMK Sungai Damit ini dibina dengan segera termasuk juga asrama di SMK Sri Nangka. Oleh yang demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada seramai enam orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk membahaskan Peruntukan Tambahan bagi kementerian ini. Bagi Yang Berhormat Bukit Gantang telah menimbulkan mengenai dengan peralatan sekolah-sekolah baru di blok-blok tambahan baru. Peruntukan perabot dan peralatan yang selengkapnya diberikan apabila projek itu siap dibina.

Bagi keperluan gantian perabot dan peralatan, ianya dipohon mengikut keperluan dalam belanjawan tahunan. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat perbezaan dari segi anggaran perbelanjaan. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian akan teguran Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mengenai dengan perabot-perabot tadi. Saya tahu dan ini pun kita dapat maklum balas dari sekolah-sekolah di mana yang saya lawati, saya pun mendapat maklumat yang sama. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang kerana mengingatkan kita dalam hal soal perabot ini.

Kemudian Yang Berhormat juga membangkitkan perkara mengenai dengan penempatan guru daripada kementerian dan juga pertukaran. Jadi sebenarnya, kita ada beberapa kriteria. Saya tidak tahulah kes Yang Berhormat bangkitkan itu. Saya dapat merasai perasaan Yang Berhormat. Jadi kita akan cuba tetapi harus Yang Berhormat ingat juga, pertama, keperluan perkhidmatan dan kekosongan jawatan di sesebuah negeri dan daerah itu.

Kemudian, keduanya, keperluan guru-guru di negeri-negeri mengikut mata pelajaran. Ramai orang kata guru tidak cukup, bukan guru tidak cukup, guru opsyen yang tidak cukup khususnya mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Memang itu kita tidak cukup. Ini mungkin – saya bercakap dalam kes Yang Berhormat. Kemudian kita juga mengambil kira pertukaran keluar masuk guru bagi setiap negeri. Kita juga harus mempertimbangkan ini tetapi janganlah Yang Berhormat kata setiap guru apabila dia minta hendak bertukar terus dia ditukar. Kita juga mendapat *recommendation* ataupun sokongan daripada Guru Besar. Itu juga kita harus pertimbangkan bukan kita tidak kasihan. Saya juga bangkitkan berkali-kali misalnya, kita cuba *match* ataupun kita cuba... apa hendak kata pun entah, Tuan Pengerusi – sesuaikan, ada macam - kita juga menerima masa dia belum kahwin lagi, dia duduk berjauhan. Kemudian dia sudah berkahwin dan minta tukar serta-merta. Kita tidak boleh berbuat begitu, kita kena tunggu juga, Yang Berhormat.

Saya pun cuba supaya isteri dan suami itu berdekatan, seboleh-bolehnya memang kita akan dekatkan tetapi sebelum dia berkahwin memang dia duduk berjauhan, kita hendak bagi dekat. Kadang-kadang kita tunggu masa sedikit. Itu mungkin ya? Saya berharap. Kita cuba sesuaikan perkara ini. Perkara yang kelima....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Rantau Panjang bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Bagi saya habis dahulu, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: masalah *transfer*...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, bagi *ambo* habis dulu ni. *Ambo* habis saja *ambo* jawab balik.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ok, ok.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita juga beri keutamaan kepada guru yang mendapat kelulusan cuti belajar bergaji penuh. Kita juga bagi kelulusan bagi guru yang hendak pergi buat ijazah kita bagi kelulusan. Ini juga kita harus bangkitkan sama ada dia ada pengganti ataupun tidak terutama sekali bagi guru Matematik. Kalau dia keluar seorang, habislah sekolah itu tidak ada lagi guru Matematik. Masalah juga kita. Ya, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Pertamanya, saya sebutkan apakah asas pertukaran-pertukaran ini umpamanya *mutual transfer* yang sama-sama mahu sebab saya ada bukti [*mencari-cari sesuatu dari beg*] sahabat saya yang hendak membuat pertukaran daripada Penang dan kebetulannya ada yang mahu membuat pertukaran ke Penang tetapi sehingga sekarang pun tidak dapat lagi pertukaran tersebut. Kononnya ada sebab-sebab yang tertentu khususnya yang ada berkaitan dengan politik kerana secara kebetulannya yang memohon pertukaran itu ialah orang kuat politik. Oleh sebab itu saya hendak tahu apakah asas *mutual transfer*, kalau boleh beri penjelasan sedikit dan selepas ini kalau hendak bukti kita boleh berjumpa di luar saya bagi salinan-salinan yang diberi kepada saya untuk disampaikan kepada menteri sebab-sebab pertukarannya tidak berjaya. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat janganlah ada prasangka kepada kita. Saya terima semua guru itu asalkan dia buat kerja, jalankan tugas dia dengan baik kepada sekolah itu kita terima dengan baik. Tidaklah yang setengahnya – maaf saya cakaplah kepada Yang Berhormat ada guru-guru – ini bukan saya kata kena tukar kerana dia Pas – ada guru-guru daripada parti Yang Berhormat buat kerja dalam sekolah, berkempen dalam sekolah – parti, ini soal parti. Ini soal dia hendak pangkah siapa, pangkah siapa itu terpulanglah kepada cikgu-cikgu itu tetapi soalnya dalam sekolah jangan menjalankan kegiatan parti politik.

Itu yang berlaku dalam parti Yang Berhormat. Di sekolah dia gunakan sehingga sampai lambang sekolah pun, sehingga pakaian pun dia letak dengan ketayap yang berhijau di atas itu. Ingat kita tidak faham ini semua?

Ini Yang Berhormat jangan buat tuduhan dan prasangka kepada kita. Kalau guru itu bertugas dengan baik, jalankan tanggungjawab dia, ha, itu yang kita tekankan selalu kepada guru-guru. Fahaman dia di luar sekolah, itu fahaman dia. Itu kita tidak boleh sekat. Ha, itu dia. Tetapi Yang Berhormat tidak juga [*Ketawa*]. Saya berharaplah Yang Berhormat, berilah nasihat kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang bertugas sebagai seorang guru.

Mengenai dengan Yang Berhormat katakan tadi berkenaan pertukaran, kita ada kriteria-kriteria tertentu. Begitu juga kalau ada *mutual transfer* kita fikir juga *mutual transfer* itu dengan apa cara? Saya faham. Terus terang saya cakap keadaan kedudukan guru-guru di negeri Kelantan sudah mencukupi. Cuma yang kita tidak

cukup yang kita cari sekarang ini guru-guru opsyen tadi. Macam bahasa Inggeris, kita hendak mencari orang yang boleh mengajar Bahasa Inggeris dengan betul – opsyen bahasa Inggerislah jangan opsyen lain, dia boleh bercakap orang putih kemudian dia tulis di situ opsyen Inggeris, tidak betul. Kemudian Matematik dan Sains, itu sahaja.

Jadi, mengenai dengan *mutual transfer* itu, dia boleh runding, bincang dengan pihak guru besar, pengetua ataupun dengan pihak JPN, kita akan layan kalau itu ada kesesuaian.

Mengenai jawapan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tadi, sekiranya kes itu memerlukan daripada rintihan, Yang Berhormat tadi terkedik-kedik katanya, terkedek-kedek kita pergi ke jabatan – kita layan, sebab itu saya beri penekanan kepada PPD terutama sekali, dan juga JPN kalaulah boleh perkhidmatan kaunter itu dipertingkatkan lagi. Ini memang, teguran Yang Berhormat kita terima. Begitu juga dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, teguran kepada kita, kita terima – teguran yang baik.

Mengenai dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur berkenaan dengan sijil-sijil tadi, kalau ada pemalsuan – saya berterima kasih Yang Berhormat beri teguran. Itu kita akan siasat dan mengambil tindakan sewajarnya kalau pemalsuan berlaku tetapi saya percaya sijil kita SPM, STPM masih saya akui kita ada kita punya...apa yang hendak dipanggil ini – kewibawaan dia. Jadi, tidak boleh dipertikaikan sebab itu pada hal kita juga minta talian terus kepada universiti-universiti, kita terus *online* dengan universiti-universiti – betulkah sekian-sekian orang dia lulus ini? Ini dia tidak boleh tipu. Begitu juga kalau dia hantar *certificate*, kita perlukan orang yang mengesahkan salinannya itu juga bertanggungjawab kepada salinan asal. Sebab itulah kalau boleh supaya Pengetuannya itu – sedekat-dekatnya Pengetuanyalah yang membuat pengesahan salinan sijil itu.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai penuntut-penuntut yang cemerlang. Saya akui dan teguran Yang Berhormat juga saya ambil dengan hati yang terbuka. Kita tidak menahan atau mengatakan sama ada dari kumpulan berketurunan Melayu, Cina atau India, kita cuba lakukan seadil-adil yang boleh. Maksud saya juga bagi mereka yang hendak memasuki seboleh-boleh kita dekatkan daripada apa yang telah kita nyatakan baru-baru ini berasaskan kepada meritokrasi.

Mengenai dengan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Pelajar-pelajar cemerlang khasnya mengenai 99 pelajar-pelajar cemerlang yang ada diberi tempat perubatan di IPTS – kita tahu ada 33 barulah boleh menerima tempat itu tetapi belum tahu sama ada mereka sudah berbuat begitu oleh kerana masalah kewangan atau masalah pengiktirafan ijazah-ijazah, apakah kedudukannya sekarang ini? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kedudukannya pada masa kini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya akui, saya tidak dapat maklumat yang terkini. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyatakan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bahawa kita mesti faham tentang keadaan dan kedudukan, bukan kita hendak menidakkan.

Dia boleh buat permohonan dan permohonan itu bergantung berasaskan kepada satu merit dia, betul dia sudah ada merit. Keduanya ialah tentang ada atau tidak ada tempat itu. Bukanlah semua orang, saya faham kita juga ada masalah ramai penuntut yang daripada jurusan sains, semua hendak buat perubatan. Yang lain dia tidak mahu buat. Ini harus kita perjelaskan kepada pelajar-pelajar ini. Bukan satu jurusan itu sahaja yang kita katakan yang kita perlu selama ini.

Kita juga mahukan juga mereka mempelbagaikan bidang mereka dalam jurusan sains, banyak benda-benda yang lain lagi. Sebab itu kita cuba di Tingkatan 6 mahupun di Matrikulasi. Ini yang sedang kita usahakan supaya mereka jangan merasakan bahawa perubatanlah satu-satunya kerana mereka buat Sains.

Kita juga perlu *saintis* dalam negara kita Yang Berhormat, *saintis* macam-macam *biotech* lah itu ini, macam-macam. Tetapi Yang Berhormat mesti faham tentang kedudukan tempat itu. Kalaulah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah pun menyatakan kita cuba kalau sudah ini dia orang hendak juga perubatan, kita tidak ada tempat misalnya di IPTA, kita cuba tempatkan mereka di IPTS, kalau boleh ini dan juga maklumlah saya dapat memahami tentang keadaan pelajar ini, kalau dia hendak menuntut di luar negara, saya tahu cukup mahal, lebih-lebih lagi mereka daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Terima kasih, selainnya teguran-teguran yang Yang Berhormat buat itu saya akan ambil dengan hati yang terbuka. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bentong juga telah membangkitkan

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tinggalkan satu isu yang begitu pokok dalam ucapan saya mengenai ada berlaku pelajar-pelajar Matrikulasi yang dapat 3.7 markah dan 3.8 markah dalam semester pertama dan semester kedua tetapi ada *dirounded off* dengan izin, sebagai 4.0 CGPA akhirnya bukankah ini tidak adil dan ini patut disiasat oleh kerana ini suatu kelakuan yang tidak *honours* yang bertentangan dengan meritokrasi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik, terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi telah saya katakan, bila fakulti itu yang membuat keputusan, mereka yang mengambil. Dalam hal ini, ada sebab-sebab mungkin dia beri kriteria-kriteria tertentu. Perlu saya ingatkan juga, saya faham banyak ataupun berulang kali orang membangkitkan tentang Matrikulasi dan STPM. Seolah-olah STPM itu lebih tinggi tarafnya daripada Matrikulasi. Ini tidak benar, Yang Berhormat.

Terus terang saya katakan, kita cuba *rounded up* Matrikulasikah, Matrikulasi diwujudkan disebabkan oleh kerana ada dia punya latar belakang kenapa Matrikulasi diwujudkan. Begitu juga dengan STPM. Kalaulah kita katakan kita cuba cari jalan tengah bagaimana keadaan ini boleh dapat kita selesaikan. Tetapi saya pohon kepada Yang Berhormat mintalah jangan menganggapkan bahawa STPM itu lebih tinggi tarafnya daripada Matrikulasi. Ini sudah kita selesaikan.

Mengenai dengan kes Yang Berhormat bangkitkan tadi itu, saya berpendapat, ini pendapat saya, di mana mungkin saya katakan berlakunya ini daripada fakulti yang hendak mengambil itu. Fakulti yang dapat tentukan berapa tempat dan apa sebab-sebab. Walau bagaimanapun, untuk mengatakan adil atau tidak adil, saya rasa tidak sesuai, Yang Berhormat. Macam orang katalah mesti ada kalau kita *4.0 flat*. Bila kita kata 4.0, apakah 4.0 ini dia berhak. Kalau dia minta yang ini, mesti dapat. Tidak semestinya. Dia mesti ada sebab-sebab pengambilan itu berasaskan kepada apa.

Mungkin itu saya katakan, saya tidak dapat selesaikan. Keputusan yang dibuat oleh pihak fakulti yang berkenaan yang hendak mengambil *student* itu. Tidak bermakna bila kita ada sahaja *4.0 point*, itu sudah dianggap sebagai visa untuk kita dapat status di dalam fakulti.

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama ini bukanlah keputusan fakulti yang berkenaan. Isu berkenaan ialah apabila seorang pelajar Matrikulasi di semester yang pertama dapat 3.7 sebagai contohnya dan semester yang kedua 3.8 – *overall* CGPA ialah tidak boleh 4.0 *flat* atau *perfect score* 4 ialah 3.75. Bagaimana boleh 3.75 boleh di *rounded off* sebagai 4.0, bukankah ini tidak adil kepada pelajar-pelajar cemerlang yang ada dapat 4.0 sama ada mereka pelajar Matrikulasi atau pelajar STPM. Itu bukan dibuat oleh Fakulti Perubatan tetapi oleh kementerian yang berkenaan. Bukankah ini satu perkara yang tidak adil yang patut disiasat dengan sedalam-dalamnya.

Kedua, bukankah benar bahawa STPM sebenarnya lebih tinggi daripada pencapaian daripada Matrikulasi. Kita tahu bahawa tahun ini ada 1,700 pelajar-pelajar yang dapat 4.0 *perfect score* dan daripada itu, 1,200 ialah Matrikulasi, 500 ialah STPM, bukankah benar bahawa kalau semua perlu ambil peperiksaan STPM sahaja, jumlah yang boleh dapat *perfect score* tidak sampai 1,700. Saya percaya 1,200 pelajar Matrikulasi yang dapat 4.0 *perfect score* mungkin separuh sahaja atau 50% sahaja. Ini bukankah ini satu ujian yang boleh dibuat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, betullah itu Yang Berhormat berpandangan begitu. Saya sudah kata secara terbuka, kita terima pandangan Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat buat pandangan yang agak *logical*. Itu kita terima. Kita dalam keadaan bagaimana kita cuba sedaya upaya untuk membetulkan dari semasa ke semasa keadaan ini.

Tetapi untuk mengatakan bahawa STPM lebih tinggi daripada Matrikulasi, itu saya tidak boleh terima. Mungkin itu diterima oleh Yang Berhormat, saya pulangkan kepada Yang Berhormat. Tetapi pada pihak kami, kami tidak boleh terima iaitu bagi kami, penilaian, objektif kita hendak menilai sama ada dia layak atau tidak layak, kemudian kita cari jalan tengah iaitu dengan mengadakan CGPA tadi. Itu yang saya sebutkan.

Orang nanti katakan, kelulusan daripada Matrikulasi ini dilakukan oleh pihak kolej itu, tidak. Pemeriksanya juga daripada universiti-universiti tempatan. Mereka juga ada *external examiner* untuk memeriksa itu. Ini kriteria-kriteria yang lain. Tidaklah boleh kita katakan yang sesetengahnya mendapat 4.0 *flat* macam saya katakan, dia ada hak untuk masuk. Itu bukan soal hak. Itu soal *privilege* maksud saya,

bukan hak dia. Misalan saya dapat *4.0 flat*, itu hak saya. Tak boleh, kita tidak boleh buat begitu. *It is privilege* dan bergantung kepada apa.

Dari segi soal *score* Yang Berhormat bangkit balik itu, tak apalah saya akan cuba mendapat tahu apakah sebenarnya perkara itu berlaku atau tidak dari segi perkiraannya. Saya akan merujuk balik kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, betul atau tidak itu berlaku. Tak apalah. Saya berharaplah pandangan Yang Berhormat sebagai pandangan tetapi apa yang kita lakukan kita cuba sedaya upaya untuk mewujudkan satu suasana yang mana keadilan tetap berlaku.

Saya tahu kita pun apa yang kita lakukan itu bukan kita kata *4.0 flat, perfect 4.0*. Kita tidak ada *perfect 4.0*, ada juga macam Yang Berhormat pun bukan Yang Berhormat *perfect*. Saya pun tak *perfect* juga. Jadi Yang Berhormat, kita cuba, Yang Berhormat.

Dari segi peluang mendapat pendidikan, semua warganegara Malaysia tidak akan kita sia-sia. Saya rasa cukuplah Yang Berhormat ya. Cukup dah kot ya. Banyak dah saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sikit? Ya Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Isu yang pokok ialah bukan *perfect score*. Bukan saya *perfect*, saya tak pernah kata saya *perfect*, sempurna. Isu bukan seorang dapat *perfect score 4.0* ada hak untuk ikut kursus perubatan, tetapi kenapa CGPA daripada semester pertama dan semester kedua apabila diambil, patut 3.75 boleh menjadi *perfect score 4.0*. Itulah soalan. Bagaimana sepatutnya 3.7 atau 3.8 *dirounded off* sebagai 4.0 - oleh kerana ini mustahak. Pelajar-pelajar STPM yang kurang daripada 3.9, 3.8, 3.7 hilang peluang untuk dapat tempat di kursus perubatan. Itu mustahak. Bagaimana 3.7 dan 3.8 boleh menjadi 4.0. Apa *magic* ini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya kata tadi saya akan cuba rujuk balik lihat kalau dari segi *calculation* itu betul atau tidak saya akan rujuk, saya kata kepada Yang Berhormat tadi. So Yang Berhormat *be patient*lah dalam soal ini. Saya tahu macam kita katakan tadi, saya tetap menyatakan kita tidak akan dengan izin, *deprive* mana-mana pihak. Kita juga cuba sedaya upaya secara baik untuk menyelesaikan satu-satu masalah. Macam tadilah kita kata sehingga perkara masuk ke fakulti perubatan itu yang menimbulkan kontroversi, tak apa kita akan cuba selesaikan. Asalkan objektif kita memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapat

akses kepada program yang mereka kehendaki. Kita cuba, baik terima kasih. Saya harap itu dapat menjelaskan Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan mengenai dengan sekolah-sekolah tak selamat. Saya akan cuba bangkit hal mengenai ini supaya peruntukan-peruntukan kita ditambah. Memang kita akan cuba selesaikan perkara itu.

Mengenai dengan sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mengenai dengan sekolah-sekolah di Pulai itu. Ya, banyak kali dia bangkit, memang dia telah bangkit ini sejak saya jadi Setiausaha Parlimen dahulu pun dia bangkit. Saya faham, Dato' Hon pun sendiri sudah turun. Itu pun sudah cukup baik. Jadi, maknanya, kita ambil perhatian. Tak bolehlah kita kata hari ini kita pohon esok kita terus dapat, tidak adalah Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita sabarlah perkara ini dan saya akan juga ambil perhatian dalam perkara ini. Itu mengenai dengan...

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangkitkan bangunan yang tidak selamat ini, oleh kerana kita khuatirkan keselamatan murid-murid yang menggunakan bilik darjah ini. Di SRJK(C) Saling ini sudah lama sangat dah, sebab itu kita minta percepatkan sahaja. Kita dapat percepatkan kalau boleh kita dahulukan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, baik. Betullah, terima kasih. Kalau Yang Berhormat pohonkan itu diberi *priority*, juga kita akan beri keutamaan sekiranya kita dapat peruntukan itu, kita bagi keutamaan itu. Yang Berhormat juga ingin saya menyatakan bangunan-bangunan itu memang kita mahu sekolah-sekolah sama ada sekolah kebangsaan, sama ada sekolah jenis kebangsaan, kita mahu sekolah ini adalah sekolah selamat. Macam tadi dibangkitkan sekolah di India, saya tidak mahu benda itu berlaku. Sebab itu kita berkali-kali mengingatkan guru-guru besar tadi. Umpamanya, baru-baru ini berlakunya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Yang Berhormat. Bagikah?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi, tunggu 'sat' Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...sebab Sungai Petani belum habis lagi bercakap. Jadi, mengenai dengan tadi, ingin saya menyatakan juga sekolah yang

berlaku dua hari lepas, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh mengenai dengan di Jeli, memang berlaku dan saya telah dapat laporan dan kita sertamerta beri peruntukan sebanyak RM200,000 - terus dilakukan itu. Inilah bagi menjawab soalan daripada Ketereh tadi. Alhamdulillah bersyukur tidak ada satu kemalangan. Yang Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini nampak macam seniman – baju putih, *tie* biru, janggutnya berwarna-warni. *[Ketawa]* Dia menang ketua bahagian kelmarin, tahniah Yang Berhormat. Yang itu Yang Berhormat menang, tahniah. Ini yang kami hendak menghadapi masalah dengan rakyat macam mana Yang Berhormat. Di kawasan saya sempadan dengan kawasan Yang Berhormat, di Sungai Tok Pawang, sekolah bantuan kerajaan, sekolah Tamil cukup teruk Yang Berhormat. Kantinnya pun teruk, sekolah pun teruk. Satu, sekolah pun dia tumpang sekolah kebangsaan, bilik darjah dibahagi dua. Jadi, keadaan yang cukup kurang memuaskan dan menyedihkan.

Jadi, saya berjanji semasa pilihan raya, kita akan membantu rakyat, kita akan buat sekolah-sekolah ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat sebagai rakan, kawan sejiran, dah menang pula ketua bahagian, bolehkah atau tidak boleh ni hendak tolong bahagian Jerai ini sebelum bulan September, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia hendak tengoklah itu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak kalau boleh sebelum bulan September Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Memang baru-baru ini pun kita di kementerian ini di bawah kepimpinan Barisan Nasional, kita tidak kira sebelum pilihan rayakah, selepas pilihan rayakah kalau kita kata kita buat projek, kita buat projek. Kita tidak seperti parti PAS, dia pandai bercakap sahaja kerja tidak ada, yang ini tak buat. Kita buat, insya-Allah, permohonan Yang Berhormat sila kemukakan, kita pertimbangkan, kita boleh bagi *top priority*. Macam baru-baru ini....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan pertimbang, diluluskan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertimbangkan...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tengok...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kasihanlah sikit sama saya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik, terima kasih. Yang Berhormat. Saya kena tengok juga peruntukan itu yang kita hendak pohon sekarang ini, itu hendak tambahlah projek itu, yang mana patut kita *repair*, patut kita buat. Yang ini kita tambah. Kalau Yang Berhormat sokong, saya pun terus sokong. Pandangan Yang Berhormat itu baik. Macam baru-baru ini saya telah pun turun ke Padang Merah, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, kita telah pun beri peruntukan. Buat bangunan baru pula. Memang saya akui masih banyak bangunan lama ini memerlukan pembaik pulih. Memang banyak sekolah kami terima, tetapi kami kena bagi prioriti dalam soal ini berdasarkan peruntukan.

Saya berharap benar dalam peruntukan yang akan datang ini bukan sahaja tambahan, kita akan beri *emphasis* kepada pembaik pulih bangunan-bangunan macam ini ataupun kalau kita terpaksa ganti, kita ganti terus, satu bangunan kita ganti terus. Yang Berhormat, saya akan ambil nota mengenai keperluan Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat kawasan Jerai. Terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai dengan sekolah-sekolah rendah SRJK(C), saya sekali lagi ingin menegaskan kepada Yang Berhormat bagi Bentong bahawa kita tidak ada diskriminasi. Cuma kita ada keutamaan. Itu sahaja yang saya beritahu. Saya faham kedudukan SRKJ(C), saya rasa kalau dibandingkan dengan SRJK(T) ia lebih teruk lagi, itu juga kita bagi *top priority*. Insya-Allah, Yang Berhormat kita akan pastikan peruntukan ini ditambah kalau bolehlah untuk membuat pembaik pulih.

Mengenai dengan matrikulasi telah Yang Berhormat bangkitkan tadi kita akan cuba tambahkan lagi, kalau tidak silap saya dalam projek kita, kita akan tambahkan lagi matrikulasi tadi dengan harapan lebih ramai lagi dapat mengikuti. Mengenai dengan tambahan kepada bukan bumiputera telah pun kita lakukan baru-baru ini di mana kita mengizinkan bukan bumiputera untuk mengikuti. Jadi, Yang Berhormat kena sabarlah benda ini ya.

Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Tanah Merah membangkitkan mengenai dengan kesungguhan kerajaan untuk membangun infrastruktur pelajaran. Ini

saya tetap kita kata kita Kerajaan Barisan Nasional kita telah buat janji kita akan kotakan janji-janji kita. Jadi, macam di Kelantan boleh dikatakan banyak bangunan baru, sekolah-sekolah baru telah pun kita bina. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang dan kita akan lakukan perkara ini. Kita akan teruskan.

Mengenai dengan pelajar STPM saya sudah terima itu akan saya rujukkan. Walau bagaimanapun, saya difahamkan saya rasa pihak sekolah swasta itu kalau tidak silap saya mereka gagal mengikuti syarat-syarat. Jadi, saya akan berhubung dengan pihak pengurusnya untuk mencari jalan apa jalannya untuk kita...

Ir. Shaari bin Hassan: Pohon beri penjelasan dan maklumat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan kegagalan untuk mendapat tempat bagi calon-calon STPM tahun 2004 bagi sekolah swasta seluruh negeri Kelantan, saya rasa ini bukan satu kesilapan kecil ataupun apa yang tidak ditepati dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kerana ini merupakan secara menyeluruh sekolah-sekolah yang terlibat dan ini menyebabkan 413 pelajar tidak dapat mengambil peperiksaan STPM pada tahun ini. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri saya mohon sangatlah supaya dapat menyelesaikan perkara ini. Di kawasan saya ada satu sekolah swasta dan saya didatangi dengan 20, 30 orang pelajar yang menghendaki saya membawa perkara ini kepada pihak Timbalan Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Itu yang saya katakan tadi, besok pagi-pagi saya akan terus ke Kota Bharu untuk mendapat penjelasan yang lebih lanjut mengenai dengan kes Yang Berhormat ini. Kita *action*, kita ambil tindakan, kita bukan – maaf saya tidak hendak cakaplah.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai dengan universiti dibina di negeri Kelantan. Ini bukan kita soal politik ataupun tidak. Buat masa ini kalau tidak silap saya kita sudah pun mempunyai Fakulti Perubatan USM di Kelantan. Keduanya pula kita ada juga sebahagian daripada Universiti Malaya, Nilam Puri juga di Kelantan, juga Politek, UiTM, semua ada di negeri Kelantan. Tidak mengapalah ini dalam pertimbangan, saya akan aju pertimbangan ini kepada pihak tertinggi.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga membangkitkan mengenai dengan matrikulasi di Kelantan. Ini janganlah Yang Berhormat bangkit juga prasangka mengenai dengan matrikulasi ini berapa anak Kelantan dapat. Ini bukan soalnya.

Soalnya kalau kita ada peluang juga kita akan guna. Macam saya katakan peruntukan kita, kita akan timbangkan peruntukan kalau itu ada. Jadi, janganlah kata bahawa kita tinggalkan pihak Kelantan. Anak-anak daripada Kelantan juga dapat peluang untuk ke matrikulasi yang lain sama sahaja pertimbangan dia. Bukan kata dia tulis itu dia Kelantan kita kata *no way*, tidak. Anak-anak Kelantan juga diberi peluang, malah anak-anak Kelantan berjaya cukup ramai untuk memasuki matrikulasi di mana terdapat kolej-kolej tersebut. Apa salahnya kalau anak-anak daripada Kelantan berhijrah ke tempat-tempat lain. Itu yang maksud kita. Jadi, Yang Berhormat janganlah dok timbul 'kita Kelantan ada itu ada ini.' Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat jangan ada prasangka kepada kita.

Mengenai dengan sekolah-sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan saya ambil perhatian mengenai dengan Sekolah Lati dan sebagainya dan juga mengenai dengan pembelian tanah. Memang kita lihat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:harga tanah di Kelantan mahal sedikit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya sekejap. Oleh kerana Yang Berhormat mengatakan besok Yang Berhormat akan pergi ke Kelantan, bolehkah Yang Berhormat beri jaminan kepada saya kalau boleh Yang Berhormat pergi melawat sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi iaitu Sekolah Menengah Agama Lati, Sekolah Menengah Kiyai Chandi. Jangan pergi untuk kempen Majlis Tertinggi tetapi pergi tempat yang saya sebutkan itu. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat ini dalam pemikiran parti PAS ini kerja dia kempen sahaja. Selepas pilihan raya pun kempen, sebelum pilihan raya pun kempen, tidak ada kerja lain. Kita Barisan Nasional sesudah pilihan raya kita henti kempen, kita buat kerja. Lawatan saya bukan kempen, saya buat kerja.

Seorang Ahli: Itulah dia PAS.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus Yang Berhormat, terus.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita ini Barisan Nasional bukan macam parti PAS, tidak ada. PAS sahaja buat kerja itu tetapi macam mana lagi PAS boleh menang besok. Tak tahulah saya.

Mengenai Yang Berhormat telah bangkitkan juga beberapa buah sekolah itu, saya akan ambil catatan, saya katakan tadi. Jangan bimbang Yang Berhormat. Mengenai dengan air di sekolah pun juga kita harus dapat kerjasama daripada kerajaan negeri pasal air ini. Saya tahu syarikat air ini sudah banyak kali di Kelantan ini pun problem. Kadang-kadang di setengah sekolah itu kita bayar air tetapi yang keluar 'air' menurut ejaan Inggeris – *a-i-r*. Bahasa Melayu ia bunyi 'air', bahasa Kelantan ia bunyi 'ae', angin yang keluar meter naik, terpaksa kita bayar banyak 'pitech'.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sikit sahaja, nak habis dah Tuan Pengerusi. Mengenai dengan Malaysia Hall yang lebih selesa, saya kata memang kita harap ini lebih selesa lagi daripada yang lama. Jadi, komen-komen Yang Berhormat itu boleh saya sampaikan juga mengenai dengan segala macam bilik Yang Berhormat telah bangkit tadi.

Mengenai dengan tanah tadi, saya rasa tidak timbul masalahlah mendapat tanah itu kalau tidak silap saya. Tetapi Yang Berhormat kata ada juga setengah-setengah tempat yang kita masih banyak masalah. Minta Yang Berhormat sampaikan kepada parti Yang Berhormat di ke Kelantan supaya bila kita pohon hak sekolah itu bagi harga *nominal rate* cukuplah, harga murah, janganlah mahal-mahal sangat kita pun. Kita tahulah. Jadi, mengenai dengan juga Yang Berhormat telah bangkitkan mengenai dengan sekolah berasrama tadi, dalam perancangan kami telah kami ambil kira, terutama sekali sekolah luar bandar kalau boleh kita hendak asrama banyak lagilah. Itu pun bergantung kepada peruntukan yang dapat diluluskan.

Yang akhir sekali Yang Berhormat bagi Tuaran telah membangkitkan mengenai dengan sekolah-sekolah, lagi sekali saya bagi jaminan Yang Berhormatlah, saya akan juga beri banyak perhatian mengenai dengan sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat terutama sekali macam Yang Berhormat bangkitkan sekolah-sekolah yang sudah usang. Malah kita ada peruntukan dan juga kita sedang merancang khas untuk Sabah dan Sarawak supaya sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak setanding dengan sekolah-sekolah yang berada di Semenanjung. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bangkitkan tadi memuji sekolah-sekolah yang kami beri kerana Yang Berhormat juga bangkit berkali-kali perkara ini, kami sudah buat. Jadi, yang usang pula kita akan teruskan perancangan kita.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat, isu Yang Berhormat pergi ke Kelantan, pergi ke Sabah bila? Masih boleh terima juga.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Insya-Allah, saya akan sampai juga, hari itu pun tidak saya sampai pun Datuk Hon Choon Kim pun sampai kemudian Menteri pun sudah sampai jadi tidak kiralah kami macam mana pun tetap Sabah, Sarawak di hati kami. Kami akan beri keutamaan kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai dengan disiplin Yang Berhormat bangkit buat masa ini kita tetap beri keutamaan mengenai dengan disiplin anak-anak kita di sekolah dan saya pohon sekali lagi kepada ibu bapa kalau boleh kita sama-sama menangani masalah disiplin. Akhir kata segala apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berkesempatan

Tuan Pengerusi Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dua yang bangun, penghabisan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi, satu sahaja perkara yang disebut oleh rakan saya dari Tuaran sebenarnya saya hendak bangkit juga tadi, tetapi tidak ada masa. Berkenaan prasekolah ini prasekolah ini memang bukan sahaja di Sabah, di Perak pun di kawasan saya di Parit, bukan semua sekolah rendah ada prasekolah ini. Jadi kalau boleh adakah menjadi dasar pihak Kementerian Pelajaran supaya semua sekolah ini kalau boleh sekolah rendah ini ada kelas prasekolah, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sememangnya kita pergi berperingkat-peringkat berdasarkan kepada peruntukan macam Yang Berhormat dari Parit tadi sebut, memang kita akui masih ada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai prasekolah, itu yang akan kita beri keutamaan. Begitu juga dengan sekolah-sekolah yang hanya sekarang ini kebanyakan sekolah hanya mempunyai sebuah sahaja bilik darjah prasekolah.

Dan bila kita kata prasekolah ini sebuah sahaja, kita cuba pula hendak meningkatkan kepada dua kelas kalau boleh. Sebab itu saya berterima kasih juga kepada pihak Kementerian Luar Bandar dan juga Perpaduan yang mengambil langkah-langkah tertentu untuk juga mengadakan kelas-kelas prasekolah.

Jadi, saya berharap penuh dan sokongan Yang Berhormat semua berikan kita hendakkan pastikan prasekolah ini diwujudkan. Ini memang perancangan kami lebih-

lebih lagi dengan akta kita di mana mewajibkan pendidikan rendah bagi anak-anak yang sudah mencukupi untuk masuk sekolah, tetapi prasekolah kita kena ingat, ini ialah tujuan kita ialah untuk mengurangkan permasalahan apabila mereka memasuki sekolah rendah seperti mana kata Yang Berhormat bagi Tuaran tadi, ini juga kita akan beri perhatian kepada Sabah dan Sarawak.

Akhir kata saya ucap terima kasihlah kalau ada sebarang komen

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Akhir ya, Yang Berhormat saya sudah hendak tutup dah ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, akhir, bolehkah Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah saya menghantar segala permohonan yang saya sebutkan tadi, takut-takut nanti Yang Berhormat terlupa. Sebab ini Sabah ini luas, nanti Yang Berhormat datang ke sini ke situ terlupa pula nanti, boleh, saya hantar yang asrama apa itu boleh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya apa-apa pun Yang Berhormat, Yang Berhormat semua kalau hendak menghantarkan apa-apa permasalahan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Melawat sahajalah Yang Berhormat .

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Melawat sahajalah, tengok.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Melawat ya, okey, saya tahu Tuan Pengerusi daripada Sipitang ya, Sipitang pun kita pergi melawat juga. Jadi macam saya katakan tadi, kita cuba sedaya upaya untuk mempertingkatkan sekolah-sekolah ataupun mutu sekolah di Sabah dan Sarawak malah di Sabah dan Sarawak ada sekolah-sekolah yang lebih baik daripada Semenanjung pun ada, itu saya akui. Saya cuma tidak mahu anak-anak daripada Sabah dan Sarawak ketinggalan, kalau kita bandingkan dengan anak-anak di Semenanjung yang mempunyai pelbagai kemudahan. Walau bagaimanapun, percayalah Yang Berhormat kita mahu sama ada di Sabah, Sarawak mahupun di Semenanjung semua anak-anak kita bersedia untuk menjadi generasi abad ke-21. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM974,187,770 untuk Maksud P.26

yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM974,187,770 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

**Maksud B.28, B.30, B.31 [Jadual] -
Maksud P.28, P.31 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.28, B.30 dan B.31 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Batu Gajah.

7.07 mlm.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada maksud P.28 Perbendaharaan. Jumlah RM172 juta yang dipohon untuk diluluskan dalam Dewan petang ini adalah bertujuan untuk membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menjalankan tanggungjawab dan tugasnya.

Saya amat tertarik dengan laporan baru-baru ini yang menyatakan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memfailkan sebanyak 18 ribu kes di mahkamah untuk menuntut nilai cukai berjumlah lebih daripada RM2 bilion yang gagal dijelaskan oleh orang ramai dan syarikat korporat. Berapakah daripada kes ini adalah melibatkan orang kenamaan itu Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, dan syarikat korporat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dalam erti kata yang lain berapa ramaikah mereka ini adalah jerung-jerung dan bukan ikan-ikan kecil.

Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menimbulkan satu persepsi kepada orang ramai bahawa tindakan mahkamah yang akan dihadapi adalah orang ramai, orang biasa dan Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah lebih berlembut dengan jerung-jerung besar ini.

Sebagai contoh individu biasa yang gagal menjelaskan cukai mereka, Lembaga Hasil Dalam Negeri menghantar rombongan mengetuk pintu mereka, tetapi jerung-jerung besar ini tinggal di banglo-banglo besar, tidak dapat dilawati pula oleh pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Pada masa yang sama pelajar yang meminjam pinjaman wang untuk melanjutkan pendidikan, mereka diugut kalau tidak membayar balik pinjaman, nama mereka akan disiarkan di dalam surat khabar. Bagaimana pula dengan Tan Sri-Tan Sri, Datin-Datin, Dato'-Dato' ini orang kenamaan, apakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ada mempunyai rancangan sedemikian, menyiarkan nama mereka di dalam surat khabar.

Sebab yang mereka ini mempunyai gelaran, mereka telah diberi gelaran kerana mereka telah berkhidmat untuk negara atau menyumbang kepada masyarakat tetapi mereka gagal atau mengelak membayar cukai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa mereka yang mengelak membayar cukai ini adalah disifatkan sebagai yang tidak bertanggungjawab.

Jadi apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menarik balik gelaran mereka ini, sebab mereka sepatutnya menjadi contoh dan teladan kepada orang ramai di dalam menjelaskan cukai-cukai mereka ini. Saya juga ingin mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Lembaga di dalam mengambil tindakan terhadap kategori golongan ini, golongan yang bergelaran, golongan kenamaan dan syarikat korporat-korporat ini.

Tuan Pengerusi, saya menerima aduan daripada orang ramai bahawa mereka yang gagal membayar cukai ini di hadap ke mahkamah, mereka ingin dan cuba untuk menyelesaikan tunggakan cukai ini tetapi pihak Lembaga, Pegawai Lembaga enggan memberi kerjasama untuk membolehkan satu penyelesaian di luar mahkamah. Mereka tidak mendapat satu respons yang baik untuk penyelesaian di luar mahkamah.

Mereka merayu dan di sini saya memohon kalau boleh pihak Lembaga mempunyai sikap perikemanusiaan menggunakan *humanity ground*, dengan izin, memandangkan individu-individu yang gagal membayar cukai, menjelaskan cukai mereka ini dengan mengambil faktor seperti kerana perniagaan mereka gagal, ekonomi tidak diurus dengan baik oleh kerajaan kerana ekonomi global yang lemah menyebabkan perniagaan mereka di mana barangan telah dijual tidak dapat mengutip bayaran menyebabkan mereka tidak mampu membayar cukai mereka, yang sampai RM200,000 lebih.

Jadi saya pohon kalau mereka ini hendak membayar secara ansuran biarlah bagi amaun yang lebih munasabah yang mampu mereka bayar. Tuan Pengerusi, saya

pernah menerima satu panggilan telefon pada lewat malam yang memberitahu, "Lagi dua hari saya akan dihadapkan ke mahkamah tetapi pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri kata saya mesti membayar sekali gus bayar RM20,000. Saya kata mana boleh saya mampu membayar sebab saya tidak mampu mengutip bayaran daripada pembeli barangan saya kerana ekonomi tidak baik menyebabkan mereka lari atau mereka bagi *bounced cheque*, dengan izin, kepada saya". Jadi haraplah supaya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mengambil kira faktor-faktor ini dan boleh memberi sedikit *leeway*, dengan izin, supaya mereka boleh menjelaskan tunggakan cukai ini.

Saya bukan menyokong mereka yang cuba mengelak atau gagal membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan tetapi berdasarkan kepada faktor-faktor, elemen-elemen di luar kawalan mereka, saya harap pihak Lembaga boleh mengambil kira.

Tuan Pengerusi, orang ramai juga mengeluh. Mereka kata, "Bila saya lambat membayar cukai saya didenda, diheret ke mahkamah, dikenakan penalti dan berbagai-bagai lagi tindakan diambil. Tetapi bagaimana pula bila pihak Lembaga gagal membayar balik lebih bayaran cukai mereka? Mereka mengeluh dan saya rasa perkara ini pernah saya bangkitkan di Dewan ini tetapi nampaknya masih tidak ada tindakan segera diambil sebab ramai yang telah terlebih membayar cukai mereka. Mereka menerima sepucuk surat daripada pihak Lembaga yang menyatakan ada kredit di dalam akaun mereka. Apabila mereka datang berjumpa saya, saya katakan yang saya boleh bantu menulis surat untuk mendapatkan balik bayaran lebih tetapi diminta pula oleh pihak Lembaga supaya menunjukkan bukti bahawa "Anda adalah *entitled*, dengan izin, untuk jumlah kredit yang tercatat di dalam cetakan komputer oleh surat dari Lembaga".

Jadi saya harap pihak Lembaga boleh mengurangkan *red tape* dan birokrasi ini selaras dan sejajar dan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan *red tape* agar orang ramai merasa kemesraan pihak Lembaga, tidak akan tengok para pegawai Lembaga sebagai hanya tahu kejar atau memotong cukai mereka sahaja, minta cukai sahaja. Biar mereka jelas, ada kesedaran bahawa membayar cukai adalah menjadi tanggungjawab. Kalau orang ramai tidak bayar cukai, kerajaan atau negara tidak boleh membangun atau menyediakan infrastruktur. Saya pohon perkara ini akan diberi perhatian dan saya juga ingin tahu berapakah lebih cukai yang masih belum dikembalikan kepada orang ramai? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan selepas itu kementerian menjawab.

7.13 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan mengenai Kepala 08000 dan Kepala 180000. Tuan Pengerusi, Lembaga Totalisator Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1991. Di antara fungsi-fungsinya adalah melibatkan diri dalam mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi *totalisator* berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan peraturan yang diluluskan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan dan telah mendapat beberapa aduan bahawa faktor *basic* di mana Lembaga ini ditubuhkan adalah untuk memberi galakan-galakan yang tertentu, iaitu dengan izin, *to encourage the sporting activities* yang berkaitan dengan lumba kuda dan sebagainya. Tetapi kebelakangan ini, walaupun pada tahun 1963 dan 1964, semasa itu Tunku Abdul Rahman sendiri telah memberi beberapa arahan bertulis kepada Lembaga ini, pada masa itu mereka mengikut segala arahan tersebut tetapi kebelakangan ini segala arahan itu dilupakan kerana ada rejim baru, orang baru, apa yang dikehendaki dari segi akta tersebut dan mengikut Lembaga tersebut semua ini telah dilupakan.

Di antara arahannya ialah mengikut seksyen 20, dengan izin, Tuan Pengerusi, Akta Perlumbaan Lembaga Totalisator 1961 yang berbunyi, dengan izin, "*Subject to any regulations made under section 29, the Board may from time to time, distribute any monies forming part of the funds of the Board and not required to it by the exercise of its powers under section 4 for all or any of the following purposes:*

- (a) *social and welfare purposes including the welfare of the blind, handicapped and underprivileged, the relieve of poverty, the treatment of tuberculosis and fostering of non-political youth movement;*
- (b) *the promotion of sport generally in Malaysia including the provision of playing fields.*

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa walaupun ini adalah asas di mana Lembaga ini ditubuhkan memandangkan Lembaga ini menerima pendapatan lebih kurang RM1 bilion pada setiap tahun hasil dari cukai-cukai yang tertentu tetapi *basic primary requirement*, dengan izin, yang diperlukan tidak dijalankan tetapi sebaliknya

kebanyakan wang yang sedia ada di dalam kumpulan Lembaga tersebut telah dibahagi-bahagikan kepada pihak-pihak yang ada kena-mengena dengan Barisan Nasional.

Di antaranya ialah pada penghubung tahun lepas, di mana anak Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada Formula One, sistem dia, sebanyak RM45 juta telah diarah dibayar oleh beberapa orang di Kementerian Kewangan untuk dibayar kepada Formula One Circuit. Ini tidak ada kena-mengena dengan objektif yang telah ditetapkan semasa undang-undang dan Lembaga ini ditubuhkan. Jadi fungsi dan operasinya telah menjadi "*clouded*". Orang yang mengendalikan Lembaga ini seolah-olah telah mendapat satu arahan tertentu dari pihak atasan yang membuat sesuka hati mereka.

Saya perlukan satu jawapan dari kementerian, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengelak perkara semacam ini terjadi, di mana berjuta-juta ringgit wang Lembaga diguna pakai untuk aktiviti-aktiviti yang tidak ada kena-mengena dengan Lembaga ini, dan yang kedua, supaya wang yang berjuta-juta ringgit itu akan diguna pakai kepada promosi lumba kuda dan aktiviti-aktiviti berkenaan.

Juga, Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa satu syarikat bernama Usaha Tegus Sdn. Bhd, saya rasa ini adalah satu syarikat yang ada kena-mengena dengan orang atasan dalam Barisan Nasional, di mana sekarang menjadi satu syarikat yang khusus yang telah ditubuhkan untuk mengawal selia dan mengambil alih semua koleksi wang dari perlumbaan lumba kuda yang saya difahamkan berjumlah RM500 juta. Apakah ia perlu untuk syarikat ini? Kenapakah, pertama, syarikat ini perlu diberi satu pengiktirafan atau satu *extra privilege* tanpa sebab-sebab yang tertentu? Kedua, kenapakah Lembaga ini sendiri yang ditubuhkan tidak diberi mandat untuk mengendalikan perkara tersebut?

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, pada tahun 1963, semasa itu Tunku Abdul Rahman telah memberi arahan secara bertulis kepada Lembaga tersebut supaya tidak menghantar pengarah-pengarah syarikat berkenaan dengan keluarga mereka ke luar negeri untuk berpura-pura menyambung pelajaran atau selain dari itu tetapi jangan menggunakan wang Lembaga ini. Walau bagaimanapun, saya difahamkan kebelakangan ini ramai di antara pengarah-pengarah Lembaga tersebut telah menyalahgunakan atau *gross misuse of*

power dan membawa keluarga mereka ke luar negeri dengan kemudahan penerbangan *first-class* di mana beribu-ribu ringgit telah dibelanjakan.

Saya rasa tidak ada apa-apa pengawalan telah dibuat. Saya pohon agar Lembaga ini dimestikan dan memastikan supaya penyelewengan penggunaan wang ini tidak berlaku dan sesiapa yang telah menyeleweng dan menggunakan wang ini diheret ke mahkamah bagi mematuhi seksyen-seksyen yang tersebut dalam akta Lembaga.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan sejak kebelakangan ini bahawa *report* tidak disediakan untuk pengetahuan semua Ahli Parlimen di Dewan Rakyat ini sebab *report* yang ada pada kita adalah bagi tahun 2002 walaupun sekarang sudah 2004 sedangkan laporan tahun 2003 masih belum disiapkan dan diedarkan untuk penelitian kita.

Saya rasa yang saya katakan semuanya adalah ikhlas dan saya ada bukti-bukti yang tertentu dan *even* saya ada surat-surat yang ditulis oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman pada tahun 1963 dengan arahan-arahan yang tertentu, apakah niat dan apakah fungsi-fungsi untuk lembaga ini beroperasi. Saya harap satu jawapan yang munasabah akan diberi dan supaya kita semua akan menikmati apa yang dihajati serta bila Lembaga ini ditubuhkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

7.21 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya serba salah kerana saya menjangkakan yang akan dibincangkan hanya butir-butir yang disebutkan di sini tetapi perkara lain yang dibincangkan. Jadi saya minta masa untuk mendapatkan butiran dan maklumat tentang perkara ini yang mana kalau tidak sempat hari ini, saya akan beri kepada Yang Berhormat pada esok hari.

Walau bagaimanapun, dalam hal Lembaga Hasil Dalam Negeri, memang kita dapati akhir-akhir ini memang berlaku kes-kes yang menunjukkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) agak agresif dalam tindakan mereka.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, hal ini telah sebenarnya telah ditegur oleh Perdana Menteri sendiri kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri baru-baru ini dalam pertemuan di Kementerian Kewangan dan mungkin selepas ini Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mungkin akan menjadi kurang agresif dalam tindakan mereka. Saya yakin mereka akan lebih berperikemanusiaan ataupun seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kes mahkamah yang melibatkan orang kenamaan. Tidak ada data sebenarnya pada masa ini, walau bagaimanapun Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan secara bertulis tidak mengira sama ada individu ataupun syarikat tersebut adalah VIP ataupun tidak. Maknanya Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan yang sama ke atas sama ada VIP ataupun tidak. Sesiapa yang tidak patuh kepada undang-undang akan diambil tindakan terhadap mereka.

Mengenai menyiarkan nama VIP yang melarikan diri dari cukai yang disiarkan dalam surat khabar...

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Maklumat berkaitan cukai adalah rahsia ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sedarkah Yang Berhormat wujudnya *double standard* dalam *treatment* oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap mereka yang berhutang cukai. *Double standard* yang saya katakan adalah, apabila orang biasa yang berhutang cukai, cepat sahaja mereka dituduh di mahkamah. Tetapi apabila VIP atau orang kenamaan yang terlibat, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mewujudkan satu kuasa, satu *special task force* untuk menyiasat orang kenamaan dan memberi perlindungan supaya nama mereka tidak dikeluarkan di surat khabar ataupun dalam berita.

Saya difahamkan bahawa semasa orang kenamaan, VIP yang terdiri dari Tan Sri, Datuk-Datuk yang terlibat dalam perhutangan cukai itu, *special task force* akan melawat mereka, berunding dengan mereka supaya berapa yang mahu dibayar oleh mereka tetapi semua itu akan dirahsiakan, *kept in confidential* tetapi terhadap orang biasa, apabila ada hutang sedikit, kena penalti sehingga 10%, 20%, 30% sehingga

50% dan cepatnya dituduh di mahkamah. Adakah Setiausaha Parlimen sedar *special preferential treatment* di antara orang kenamaan (VVIP) dan orang biasa?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebutkan tadi tidak ada *special preferential treatment* kepada sama ada individu biasa ataupun VIP. Yang disebutkan tadi tentang tindakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk berunding tentang jumlah cukai yang patut dibayar oleh individu. Itu memang saya difahamkan memang dibuat. Kalau kita lihat individu, dia sudah ada rekod, rekod gaji, jadi tidak boleh elak, dia kena bayar banyak itu, maka banyak itulah yang dibayar.

Tetapi dalam hal perniagaan, memang ada perniagaan yang tidak ada rekod tetapi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil inisiatif untuk memerhatikan mereka dan membuat *estimate* tentang banyak mana cukai yang harus dibayar. Mereka berunding dan kalau didapati munasabah maka mereka menerima bayaran tersebut. Kalau didapati tidak munasabah, maka mereka tidak terima, mereka akan minta tambahan lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Saya sebenarnya berpuas hati dengan prestasi, khidmat nasihat dan juga tolak ansur pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cuma satu saya minta Yang Berhormat, tentang masalah *over payment* ini. Kadang-kadang seseorang itu membayar lebih ataupun terlebih cukai, jadi bayaran balik itu kadang-kadang memakan masa yang panjang ataupun boleh *dicarry forward* kalau boleh. Jadi apakah pihak kerajaan atau pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ini boleh membuat satu kaedah ini supaya yang terlebih bayar atau terlajak bayar ini supaya pembayaran balik itu kalau boleh dicepatkan ataupun kalau tidak boleh dipercepatkan, boleh *dicarry forward* untuk tahun hadapan. Tetapi kalau yang banyak itu, rugilah dia kerana kerajaan tersimpan duit yang lebih itu. Jadi bolehkah kementerian memberi sedikit penjelasan dan mungkin dapat menghasilkan satu kaedah yang baik. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai tentang teguran tadi. Memang ada kaedahnya dan memang kita berharap supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri mempercepatkan bayaran balik kepada yang *over payment* tadi dan saya berjanji akan memberi maklumat tentang jumlah bayaran balik,

yang tersimpan dan belum diterima, maklumat ini akan saya berikan kepada Batu Gajah besok. Di sini ada sedikit maklumat tambahan Tuan Pengerusi.

Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil masa 12 minggu untuk memproses bayaran balik dari tarikh borang penyata yang lengkap diisi diterima atau dari tarikh terima surat permohonan bayaran balik atau sebaik sahaja lejar pembayar cukai diselaras oleh penaksir. Bermakna, proses ini akan mengambil masa 12 minggu Tuan Pengerusi, ini kalau mengikut kaedah yang ada. Mungkin kelewatan berlaku di dalam prosedur itu.

Tuan Pengerusi, tentang hendak menyiarkan nama VIP di surat khabar yang melarikan cukai, ini tertakluk kepada Akta Rahsia yang di bawah *Exception 138* Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Pengerusi, maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya belum lagi terima setakat ini, saya mohon supaya saya dapat memberi maklumat tersebut pada besok pagi.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kalau nama itu tidak boleh *disclosed* dengan izin, nama orang kenamaan yang gagal membayar cukai, yang gagal menjadi teladan kepada orang ramai walaupun telah menerima pangkat dan gelaran, bolehkah Setiausaha Parlimen maklumkan di Dewan ini, daripada dua bilion ini, berapakah jumlahnya yang gagal dibayar adalah dari kategori orang kenamaan ini?

Kalau tidak boleh beri nama, sekurang-kurangnya beritahu berapa jumlah dari kategori ini dan apakah tindakan tegas akan diambil ekoran daripada mereka yang gagal bayar ini, kerana mereka ini adalah orang kenamaan. Saya pohon satu jawapan dalam perkara ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, maklumat yang dipohon oleh Batu Gajah saya tidak dapat berikan. Tidak ada pada saya sekarang ini. Jadi saya pohon besok pagi saya akan serahkan kepada Ipoh Barat dan juga pada Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Kalau macam itu saya pohonlah kita tidak boleh luluskan peruntukan ini kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak boleh bagi jawapan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum ada hari ini.....

Cik Fong Po Kuan:kalau macam itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:dia akan bagi besok dia kata.

Cik Fong Po Kuan:macam mana kita hendak luluskan jumlah ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan: Ini ialah berkenaan tanggungjawab, penguatkuasaan, pemungutan, penyiasatan. Perkara ini begitu hangat sekarang. Sebab laporan ini baru sahaja dikemukakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Cukup.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, maklumat yang dipohon ini adalah maklumat yang spesifik. Bukan satu maklumat yang tersimpan di depan saya. Tidak ada. Jadi saya perlu notis untuk perkara ini. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM172,700,000 untuk Maksud B.28; RM17,484,226,417 untuk Maksud B.30 dan RM4,023,200 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM172,700,000 untuk Maksud B.28; RM17,484,226,417 untuk Maksud B.30 dan RM4,023,200 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM718,951,100 untuk Maksud P.28 dan RM175,595,360 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM718,951,100 untuk Maksud P.28 dan RM175,595,360 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

**Maksud B.33 [Jadual] -
Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk di bahas. Ayer Hitam.

7.36 mlm.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini ada dua perkara yang ingin saya bangkitkan. Yang pertama mengenai Butiran (Projek) 03300 di mana ini adalah satu Program Pembangunan Bersepadu Tambak Johor. Kita dapati sejumlah besar wang akan dibayar untuk projek ini dan kita dapati bahawa dari segi sistem trafik yang telah dirancang itu tidak mencakupi semua aspek, termasuklah jalan-jalan yang diselenggarakan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Maka pada pendapat saya perkara ini harus dilihat secara total dan ia harus meninjau dari segi *traffic impact*, dengan izin ke atas Jalan Tebrau dan juga jalan atau lebuh raya penghubung yang telah dirancang lama termasuklah *instant dispersal link* yang telah disebut-sebutkan hendak diumumkan ke Kompleks CIQ yang baru dari Lebuhraya Utara-Selatan di Pandan.

Saya meminta pihak kementerian supaya mengkaji kemungkinan ini, oleh kerana kalau kita mengadakan satu Kompleks CIQ yang baru, tidak ada jalan penghubung ke lebuh raya ianya akan memudaratkan satu Bandaraya Johor Bahru dan kita akan dapati sistem trafiknya akan menjadi kelam-kabut.

Jadi saya memohon pihak Kementerian Kerja Raya supaya melihat perkara ini.

Kedua, dalam Butiran (Projek) 70000 - Memperelok Jalan-jalan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil kira kawasan saya juga di mana memperelok jalan-jalan dari Gemas Baru ke Ayer Hitam. Akan tetapi saya khawatir kerana kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan dan ada ura-ura

bahawa jalan utama dari Yong Peng ke Ayer Hitam ini akan dilebarkan dan akan diperelokkan.

Baru-baru ini kita telah mendapat berita bahawa sekiranya jalan ini diperelokkan, kemungkinan Tol Yong Peng Selatan itu mungkin akan dimansuhkan. Saya di sini mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan meminta pihak kementerian supaya jangan sekali memikirkan Tol Yong Peng Selatan ini dimansuhkan kerana ianya telah wujud lama dan bukanlah satu cadangan yang baik untuk memansuhkan Tol Yong Peng Selatan ini.

Jadi saya di sini meminta pihak kementerian supaya memberi jaminan kerana wujudnya tol utara dan selatan di Yong Peng ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan di kawasan Parlimen Ayer Hitam dan juga di kawasan Yong Peng. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kelana Jaya.

7.38 mlm.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 dari tiga aspek sahaja.

Yang pertamanya, sebahagian daripada peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan adalah untuk membiayai bayaran pembinaan jalan-jalan raya dan lebuhraya-lebuhraya tertentu seperti yang terkandung dalam Butiran (Projek) 00600 dan juga 60000.

Sudah jadi biasa Tuan Pengerusi, apabila sesuatu lebuhraya itu dibina rakyat tahu bahawa tol akan dikenakan. Memandangkan sebelum pelaksanaan pembinaan lebuhraya perancangan, perhitungan, pengiraan dan penilaian kos telah pun dibuat dengan rapi dan teliti. Bukankah pihak bertanggungjawab boleh memaklumkan kepada rakyat lebih awal tentang kadar tol yang akan dikenakan semasa pembinaan dimulakan supaya adanya ketelusan dalam pelaksanaan. Dengan adanya ketelusan ini pihak bertanggungjawab suka atau tidak suka kena mengawal selia dan memantau kemajuan projek dengan lebih berkesan serta kurangkan kesempatan di ambil untuk mengemukakan tuntutan bayaran VO (*Variation Order*).

Yang keduanya berkaitan dengan tambahan yang diperlukan untuk bayaran pampasan tol seperti yang diminta dalam Maksud B.33 sebanyak RM33,747,700 juta

untuk bayaran pampasan tol. Rakyat ingin tahu mana satu syarikat konsesi lebuh raya yang menuntut bayaran pampasan tol ini. Ini adalah kerana peruntukan tambahannya yang akan dipersetujui oleh Dewan ini adalah wang kerajaan. Wang kerajaan itu adalah duit rakyat. Wang rakyat juga adalah duit kerajaan dan kerajaan yang dipilih, diberi mandat untuk menjadi pemegang amanah bagi mengurus harta dan wang rakyat dengan ikhlas, jujur dan cekap agar peruntukan wang itu dapat digunakan untuk memberi manfaat yang paling maksimum kepada rakyat dan masyarakat.

Maka syarikat konsesi manakah yang menuntut bayaran pampasan tol ini LITRAK, NPE, KESAS, PLUS atau yang lain-lain. Sebelum menawarkan diri untuk kerja pembinaan lebuh raya syarikat-syarikat konsesi ini telah mendapat pakar perunding, *consultant, surveyor, banker* dan lain-lain untuk membuat penilaian, perhitungan, pengiraan dan memastikan ROI (*Return on Investment*) itu memang positif dan menguntungkan. Kalau tidak Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat konsesi ini tidak akan berebut-rebut sama ada melalui *open tender, selective tender, negotiate tender, close tender* untuk mendapatkan anugerah konsesi itu.

Apabila lebuh raya siap dibina, pengguna dikenakan bayaran tol, dalam pada itu ada syarikat pula yang mengambil kesempatan dengan izin, *riding on it* .hendak menjadi monopoli dalam urusan kutipan tol untuk mengaut keuntungan dengan menambah beban pengguna.

Dalam kes Smart Tag dan Touch 'n Go, Rangkaian Segera Sendirian Berhad yang patut menanggung bayaran pampasan tol, kalau tidak mereka patut bayar royalti kepada syarikat konsesi lebuh raya ataupun kerajaan kerana menumpang perkhidmatan lebuh raya untuk perniagaan.

Perkara yang ketiga Tuan Pengerusi, penggunaan sistem ETC, *Electronic Toll Collection* adalah digalakkan untuk semua transaksi tol di lebuh raya sama ada tag ETC yang digunakan itu dinamakan Ekspres Tag, FasTrak, Saga Tag ataupun Smart Tag. Penggunaan tag ETC memudahkan dan mempercepatkan bagi kutipan tol oleh pihak, dengan izin *service provider or toll operators* dengan membenarkan hanya satu jenis tag ETC digunakan iaitu Smart Tag dan lain-lain tag digugurkan.

Sepatutnya, penggunaan *tag* tunggal ini memenuhi kriteria-kriteria tertentu sebelum layak dipilih sebagai, dengan izin, *the one and only one tag*. Berbanding dengan *tag-tag* lain, *tag* ETC tunggal ini harus mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti berikut:

- (i) *tag* ini mempunyai ciri-ciri keselamatan, jikalau dicuri atau hilang, penggunaan *tag* tersebut boleh diluputkan. Baki tol dalam *Touch 'n Go* boleh dipindahkan ke dalam kad baru dengan serta-merta selepas aduan dibuat oleh pemegang *tag*. Sama seperti dengan kad kredit;
- (ii) *tag* ini haruslah lebih canggih, maju, efisien dan tepat dari segi teknologi, reka bentuk, saiz dan lingkungan liputan, *range of coverage*;
- (iii) harusnya *maintenance free*. *Tag-tag* yang digugurkan itu adalah *maintenance free*. Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan *Smart Tag*;
- (iv) ia seharusnya *environmental friendly*, dengan izin. *Tag-tag* yang digugurkan itu tidak guna bateri seperti *Smart Tag* yang perlu ditukar dan dibuang baterinya dari masa ke semasa. Penggunaan *tag* ETC adalah untuk mengurangkan kesesakan di plaza-plaza tol, yakni mengurangkan pembakaran bahan api, petrol dan seterusnya mengurangkan, dengan izin, *gas or smoke emission*, yang boleh mencemarkan udara;
- (v) Bekalan *tag* dan kemudahan tambah nilai, haruslah, dengan izin, *convenient and readily available* di tempat-tempat lokasi yang biasa dilalui oleh pengguna jalan seperti di semua plaza tol dan stesen minyak;

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Loh Seng Kok: Ya, silakan Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya tertarik dengan penggunaan ETC, *Electronic Toll Collection*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya telah semak, mana satu butirannya?

Tuan Lau Yeng Peng: ETC ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah.

Tuan Loh Seng Kok: Pampasan Tol.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masalah tol.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, betul, saya fikir ini, Yang Berhormat bagi kelana Jaya yang bangkitkan ini, tidak ada kena-mengena dengan apa-apa butiran. Yang berucap sahaja.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi, projek penswastaan, butiran dan juga pampasan bayaran tol.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan panjang sangatlah.

Tuan Lau Yeng Peng: Okey. Saya hendak tanya penjelasan sedikit mengenai ETC ini. Bagaimana dengan keadaan atau sistem ini, adakah sistem ini boleh membahayakan kesihatan manusia dan juga keselamatan dari segi penggunaannya. Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Puchong. *Smart Tag* ini menggunakan sistem *infrared*, lain-lain *tag* menggunakan sistem *microwave*. Semua sistem ETC ini ada kelebihan dan kekurangan, ada kebaikan dan keburukannya. Saya ada satu laporan di sini yang mengatakan tentang *infrared*. Izinkan saya baca satu rangkap sahaja:

"Infrared is an energy radiation with the frequency below our eyes sensitivity, so we cannot see it even that we cannot see or hear infrared, we can feel it at our skin temperature sensors. When you approach your hand to fire or warm element, you will feel the heat, but you can't see it. You can see the fire because it emits other type of radiation, visible to your eyes, but it also emits lots of infrared that you can only feel in your skin.

Tuan Pengerusi, saya rasa, saya bukan pakar dalam *infrared* ataupun *microwave*. Saya ingin cadangkan kepada kementerian agar mintalah pandangan dan kajian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tentang kebaikan, keburukan menggunakan sistem ETC yang berasaskan jenis sistem yang berlainan ini, sama ada *infrared* ini bagus atau tidak, ataupun *microwaves* yang lebih canggih atau lebih maju. Kita teruskan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa pun cukuplah.

Tuan Loh Seng Kok: Saya akan gulung, Tuan Pengerusi.

- (vi) lebih murah daripada *tag-tag* lain. Kerana *Express Tag* dan *Saga Tag* dan lain-lain itu, pengguna boleh memperolehnya dengan nilai tidak lebih daripada RM100 sebagai wang cagaran atau harga beli;
- (vii) pengguna diberi hak untuk memilih *tag* yang boleh digunakan bersama *Touch 'n Go* seperti dengan penggunaan telefon bimbit, *SIM card* boleh dimasukkan ke dalam mana-mana telefon bimbit pilihan pengguna untuk membuat panggilan.

Secara kesimpulannya penggunaan *tag* ETC di lebuhraya tol di negara maju termasuk Amerika Syarikat di mana pihak Kementerian Kerja Raya ada menghantar pegawai melalui LLM untuk membuat kajian, menjalankan latihan, kepakaran dari segi pembinaan dan operasi lebuhraya tol, kerana di sana adanya pemberian *tag* secara percuma, diberikan diskaun, digalakkan untuk menggunakan *tag* ETC supaya kelancaran trafik itu dapat memberi kepuasan kepada semua pengguna. Dengan itu lapan laluan itu hanya tujuh *lane* laluan adalah menggunakan *tags* dan hanya tinggal satu laluan sahaja menggunakan bayaran secara tunai kerana mungkin dapat *free*.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, selaras dengan salah satu misi Kementerian Kerja Raya iaitu mewujudkan rangkaian lebuhraya yang selamat, cekap, selesa dan lengkap dengan segala kemudahan demi mewujudkan rangkaian lebuhraya lestari, maka apabila pengguna lebuhraya membuka akaun *Touch 'n Go*, atau bagi pemegang *Touch 'n Go* yang sedia ada, apabila mereka tambah nilai atau *reload* dan kemas kini akaun mereka, pengguna-pengguna ini harus diberi *Smart Tag* secara percuma atau dengan cagaran yang paling minimum.

Kalau pampasan masih dibayar kepada syarikat konsesi, pastikan tol lebuhraya seperti NPE yang tinggi itu diturunkan ke tahap yang munasabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Loh Seng Kok: Dengan itu, Sekian, terima kasih. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

7.47 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, ada dua perkara sahaja. Maksud B.33 mengenai tambahan sebanyak RM33,000,000 untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi.

Kita bukan sahaja mahu tahu butir-butiran mengenai RM33 juta yang dimohon tetapi kita mahu mengutuk Kementerian Kerja Raya oleh kerana kita sudah gagal untuk mematuhi prinsip *good governance* dan *accountability* kepada Dewan yang mulia ini, kepada negara oleh kerana tidak beri butir-butiran dalam memorandum ini mengenai apa sebab perlu permohonan untuk pampasan ini. Ini mustahak, oleh kerana kita boleh lihat bahawa dasar penswastaan khasnya untuk lebuhraya ialah satu rekod di mana keuntungan diswastakan tetapi kerugian dinasionalisekan, dengan izin, *where the profit are privatize and the losses are nationalize*.

Kita tahu mengenai Lebuhraya Seremban-Port Dickson, apabila gagal kerajaan ambil alih. Kenapa ada satu *full proof*, rancangan *full proof* di mana konsesi-konsesi tidak boleh rugi, tetapi rakyat rugi, kerajaan rugi tetapi konsesi tidak perlu menghadapi risiko. Sebab itu saya mahu tahu pampasan ini untuk projek apa, konsesi apa.

Untuk tahun 2003 jumlah pampasan yang dibayar khasnya untuk P.33 mengenai Program Pembangunan Bersepadu Tambak Johor. Kita tahu, dengan izin, *half crooked bridge*, jambatan separuh bengkok untuk menggantikan Tambak Johor yang bernilai RM1 bilion, sepatutnya, sebenarnya untuk dirancang dan dijalankan. Kita harap bahawa sekarang ini sudah dibekukan dan ada satu jaminan bahawa projek ini tidak diteruskan oleh kerana ia bukan sahaja akan menjadi satu simbol malu kepada Singapura, Malaysia dan ASEAN pun, oleh kerana akan melambangkan kegagalan persaudaraan, persahabatan negara-negara bukan sahaja antara Singapura dan Malaysia tetapi di ASEAN juga.

Kita harap bahawa lagi tiga minggu Perdana Menteri baru Singapura akan dilantik, Lee Hsien Loong bahawa dengan Perdana Menteri baru Singapura dan Perdana Menteri baru Malaysia, satu bab baru dalam pertalian Singapura dan Malaysia boleh dimulakan dengan satu persetujuan bahawa *the half-crooked bridge* tidak akan diteruskan tetapi ada satu persetujuan di mana satu hubungan antara Johor dan Singapura boleh diadakan tanpa satu simbol yang begitu malu bukan sahaja untuk negara tetapi selama-lamanya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ledang.

7.51 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya hendak menyebut di sini iaitu kita mestilah mengucapkan terima kasih kepada

kerajaan, khususnya JKR yang telah membina jalan-jalan baru, menaikkan taraf jalan-jalan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, dalam usaha kita membina jalan-jalan, kita harus juga mengambil kira soal-soal sosial iaitu pertamanya tentang pengambilan balik tanah. Saya terus menjurus kepada Butiran (Projek) 61000 dan 81000. Saya menerima banyak aduan kerana jalan tersebut secara kebetulan di Ledang, saya yakin perkara yang sama juga berlaku di tempat lain. Saya menerima aduan ramai di kalangan mereka yang tanahnya terpaksa diambil alih oleh JKR menerima bayaran yang tidak sewajarnya.

Sebagai contoh, jika harga tanah pemilik A dibandingkan dengan harga tanah pemilik B walaupun bersebelahan mempunyai harga yang berbeza walaupun tanahnya sama, sedangkan hanya bersebelahan. Bukannya jauh 10 kilometer ataupun 5 kilometer. Bukannya satu di kampung, satu di bandar tetapi sebelah menyebelah sahaja. Jadi, mereka datang mengadu kepada saya tentang harga tanah tersebut dan akhirnya JKR kata ini adalah keputusan yang terpaksa mereka terima.

Kedua, begitu juga tentang rumah-rumah yang terlibat di tepi-tepi jalan yang terpaksa sebahagiannya dirobuhkan. Kalau pun tidak dirobuhkan tetapi terpaksa menerima hakikat ataupun kenyataan bahawa halaman mereka tiba-tiba tiada, pagar *decorative* mereka yang dahulunya cantik tiba-tiba dirobuhkan, jika dahulunya garaj kereta di hadapan tiba-tiba letak di belakang, landskap mereka yang begitu lawa tiba-tiba hilang dan lebih mendukacitakan ialah secara tiba-tiba rumah kediaman mereka tidak lagi mengikut *Building By-law*, dengan izin.

Ada dua risiko. Pertama, oleh kerana rumah mereka terlalu hampir dengan jalan, kemungkinan kereta atau kenderaan yang dipandu secara berbahaya boleh melanggar rumah mereka kerana rumah mereka secara tiba-tiba berhampiran dengan *carriage way*, dengan jalan tersebut.

Kedua ialah PBT boleh dipersalahkan. Kalau di Muar, Majlis Perbandaran Muar, boleh dipersalahkan ataupun mereka boleh dituntut kerugian sekiranya berlaku kemalangan kerana membiarkan ataupun menghalalkan keadaan tersebut dengan tindakan JKR yang tidak langsung mengambil kira pandangan daripada PBT, rayuan daripada orang ramai dan sebagainya.

Saya sendiri secara peribadi telah pun memandang perkara ini di dalam setiap perbincangan di peringkat daerah atau peringkat Parlimen tetapi nampaknya masih

gagal. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon supaya kes-kes begini diberikan keutamaan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Semalam sahaja seorang lagi datang berjumpa saya, Tuan Pengerusi, semasa Persidangan UMNO. Dia menyatakan adalah tidak adil rumah saya tiba-tiba sahaja hampir dengan *carriage way*, hampir dengan jalan yang sesak akibat daripada pembinaan jalan tersebut atau naik taraf jalan.

Begitu juga jalan pintas bandar Maharani, jalan pintas bandar Muar yang terpaksa melalui pekan Parit Bunga. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pekan Parit Bunga yang dahulunya aman tiba-tiba penuh dengan *viaduct* macam di Kuala Lumpur. Bukannya bandar Maharani, di pekan Parit Bunga, bukannya bandar, pekan. Penuh dengan *viaduct* sana, *viaduct* sini. Rumah kedai kepunyaan orang ramai tiba-tiba sahaja terpaksa ditutup, tiba-tiba sahaja mereka hilang pelanggan, sedangkan kepada saya, secara logiknya saya tidak nampak kenapa jajaran jalan pintas Muar ini mesti melalui bandar Maharani sebab saya sedikit prejudis dalam soal ini.

Saya langsung tidak menyalahkan kerajaan tetapi saya bimbang akhirnya kerajaan dipersalahkan kerana kecuaiannya pegawai-pegawai kerajaan ataupun kecuaiannya pihak konsultan di dalam mempertimbangkan sama ada jajaran tersebut betul atau tidak. Akhirnya, jajaran terpaksa melalui pekan Parit Bunga dan menjadi seolah-olah penuh dengan *viaduct* sana, *viaduct* sini dan secara tidak langsung mencacatkan pemandangan.

Tuan Pengerusi, saya kira perkara ini adalah serius dan perkara yang sama juga mungkin dan saya rasa pasti berlaku di tempat-tempat lain. Saya meminta supaya pada masa yang lain dalam usaha kita membina jalan baru, pada masa kita menaikkan taraf jalan, kita perlu berhati-hati, bukan sahaja soal pengambilan balik tanah, bukan sahaja soal pekan-pekan seperti Parit Bunga yang terpaksa pupus kerana laluan tersebut, tetapi juga ada waktunya JKR atau kerajaan terpaksa membayar kos yang berlebihan kerana terpaksa membayar semula kos-kos mengalih kemudahan-kemudahan awam seperti kabel TNB, kabel Telekom, *fiber optic*, paip air, landskap yang telah dibina oleh PBT dan sebagainya dialih dan dibina semula yang pada saya kosnya sangat mahal. Mungkin lebih sesuai kalau jajaran tersebut dipilih atau dibuat di tempat-tempat yang lebih murah, tetapi tidak jauh daripada jalan yang sedia ada.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana tiba-tiba...

Puan Chong Eng: Ipoh Barat!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong. Tadi saya nampak hanya tiga orang.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

8.00 mlm.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang pada saya untuk membahaskan mengenai P.33 khususnya saya merujuk kepada Butiran (Projek) 21000 dan juga 3000 iaitu mengenai Membina Persimpangan Bertingkat (Projek Baru) dan juga Membina Jambatan-jambatan Baru.

Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada kerajaan pimpinan Barisan Nasional kerana memberi tumpuan dan juga fokus kepada pembangunan persimpangan bertingkat dan juga membina jambatan-jambatan baru sebagai satu proses untuk menepati pembangunan negara dan sebagainya. Tetapi dalam keadaan atau proses untuk memberikan jaminan pembangunan kepada semua rakyat di Malaysia ini, kadang-kadang kementerian mungkin telah memberi *less focus* kepada bagaimana keutamaan untuk melaksanakan projek-projek berkenaan, sebagai contoh di kawasan saya di Puchong berdekatan dengan Kinrara.

Ada satu sambungan jalan di Kinrara kepada Sri Manja iaitu di PJ Selatan ini. Kes sini sudah lama berlaku kerana *fly-over* ataupun jambatan bertingkat sudah dibina, tetapi ia hanya satu sambungan di antara pihak sebelah Kinrara dengan PJ Selatan ataupun di Sri Manja ini di sebelah PJ Selatan. Permohonan ini sudah lama dipanjangkan kepada semua pihak termasuk PBT, MPPJ, MPSJ dan juga majlis daerah dan juga kerajaan negeri dan juga kepada Kementerian Kerja Raya. Surat-surat telah ditulis atau diminta supaya peruntukan boleh diberikan untuk membina satu jambatan menghubungi di sebelah Kinrara dengan PJ Selatan ini, kerana kalau kita hendak tengok keadaan itu ialah ia melibatkan beribu-ribu penduduk di kedua-dua belah ini, kerana penduduk di sebelah Kinrara dan PJ Selatan sekarang ini mereka terpaksa menggunakan jalan yang lebih jauh dan sebagainya. Ini telah menyebabkan banyak kesesakan jalan raya di sebelah Puchong dan juga di sebelah PJ Selatan, maka di sini saya ingin mohon kepada Kementerian Kerja Raya supaya memberi satu peruntukan khas dengan cepatnya untuk menyambungkan di kedua-dua belah pihak,

kerana ini merupakan satu jambatan yang sangat penting untuk menghubungkan kedua-dua belah, kerana pada masa yang sama juga ada beberapa sekolah yang selalu murid-murid dan bas-bas sekolah ini terpaksa menggunakan jalan yang agak jauh.

Kita sedia maklum di kawasan bandar dan di pinggiran bandar di Puchong dan juga PJ Selatan ini kesesakan lalu lintas adalah perkara biasa. Juga kalau kita boleh menyambungkan *bridge* ini ataupun jambatan ini memang dia boleh mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi di kedua-dua belah. Saya ingin minta satu jawapan daripada Kementerian Kerja Raya.

Masalah kedua iaitu mengenai butiran membina jalan-jalan baru iaitu projek-projek baru. Ini juga mengenai masalah koordinasi. Di kawasan saya setiap hari dan setiap minggu ada banyak jalan akan dibarukan atau dibina, tetapi satu koordinasi di antara semua jabatan dan juga kementerian adalah berkurangan. Sebagai contoh kalau jalan itu dinaikkan taraf ataupun dibina secara baru maka selepas itu atau dua minggu akan datang Telekom akan pergi korek. Walaupun ini telah menjadi satu jalan baru, tetapi Telekom mengorek untuk memasang kabel dan sebagainya, jadi untuk menutup balik ataupun turap semula itu pasti menjadi satu masalah yang penting terutama di musim hujan, di mana—mana, lubang- lubang di atas jalan baru itu rosak dan sebagainya. Ini bukan sahaja akan membahayakan pengguna jalan raya, tetapi juga membazirkan wang ringgit rakyat dan sebagainya.

Masalah ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah saya merayu kepada Kementerian Kerja Raya, kalau boleh beri satu kerjasama yang lebih konkrit dan *holistic* mengenaiewartakan jalan-jalan yang ada dimiliki oleh Kementerian Kerja Raya ataupun Jabatan Kerja Raya. Sebagai contoh di Persiaran Tujuan di USJ dan Subang Jaya ini yang telah menjadi satu kontroversi pada masa sekarang, kerana jalan itu tidak tahu siapa punya. Bukan majlis punya bukan Kerja Raya dan juga bukan negeri dan ini telah menyebabkan banyak masalah mengenai *maintenance*. Bukan sahaja dari segi landskap juga *maintenance* dan sebagainya, tetapi dari segi lampu trafik dan kadang-kadang kalau lampu trafik itu telah rosak, ini telah memberi banyak kesusahan dan juga *inconvenience*, dengan izin kepada pengguna-pengguna jalan raya. Maka di sini saya mintalah kalau boleh Kementerian Kerja Raya supaya mempercepatkan lagi, gazet jalan ini supaya semua pengguna dapat menikmati faedah dan sebagainya. Dengan itu saya ingin mohon untuk menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

8.05 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri untuk membahaskan Butiran (Projek) 00500. Tuan Pengerusi, pembinaan jalan di antara jalan raya Simpang Pulai ke Lojing Gua Musang. Sebenarnya telah mula lebih kurang 10 tahun dahulu dan sepatutnya jalan ini telah pun siap beberapa tahun dahulu, akan tetapi kebelakangan ini lebih kurang 2 tahun dahulu apabila telah siap jalan tersebut tiba-tiba separuh dari jalan tersebut telah dengan izin, *give way* iaitu *water table* dia terlampau tertinggi yang menyebabkan lebih tidak selamat bagi orang ramai untuk menggunakan jalan tersebut dari Simpang Pulai ke Cameron Highlands.

Jadi saya ingin tahu, apakah dari terma-terma kontrak di antara kerajaan dengan pihak kontraktor dalam kelambatan membuat jalan tersebut, apakah pampasan-pampasan yang telah diperolehi atau akan diperolehi, kerana kelambatan menyiapkan jalan tersebut dan juga dalam mengubahsuai jalan tersebut yang baru-baru ini telah dijalankan, dan saya difahamkan ia telah siap untuk digunakan iaitu jalan terus ke Cameron Highlands dari Simpang Pulai. Apakah jumlah belanja yang telah digunakan. Di sini dianggarkan lebih kurang RM20 juta lebih diperlukan. Adakah ini menggesa kami untuk mengatasi apa-apa kerosakan yang telah terjadi akibat dengan izin, *the logistic and the alignment of the road is not properly done*. Saya difahamkan bahawa saya sendiri telah menggunakan jalan tersebut beberapa kali dan saya rasa jalan tersebut sangat tajam dan di beberapa tempat sangat tajam dan ini adalah dengan izin, *the major accidents are going to happen this part of the road*. Apakah ini akan diubahsuai?

Juga saya ingin tahu, apakah sebab hingga hari ini walaupun jalan ini telah dimulakan dan saya difahamkan telah digazetkan, tetapi hingga ke hari ini tidak ada apa-apa tanda di atas jalan raya PLUS Highway di antara North-South Highway tidak ada apa-apa yang menunjukkan, kalau kita sampai dekat ke Simpang Pulai menunjukkan ada tanda bahawa pemandu-pemandu boleh keluar dan menggunakan jalan yang baru dibina untuk pergi ke Cameron Highlands, adakah kerajaan akan membuat apa-apa atau memberi arahan-arahan terhadap PLUS supaya mereka memberi tanda-tanda yang tertentu, supaya orang ramai dapat keluar dari Simpang Pulai dan terus masuk ke Jalan Simpang Pulai – Cameron Highlands.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil tahu mengenai di Butiran (Projek) 20000 iaitu Persimpangan Bertingkat Jalan Sultan Azlan Gopeng-

Jalan Kampar, yang baru-baru ini telah dimulakan. Apakah sebab ia lambat dan adakah juga dalam kes ini pampasan dibayar oleh kontraktor atau kerajaan memerlukan lebih wang untuk membayar kepada kontraktor untuk apa-apa sebab-sebab yang tertentu dalam hal ini. Selain dari itu Tuan Pengerusi, dalam Butiran (Projek) 60000 iaitu naik taraf jalan di antara Tanjong Malim-Bidor. Kita semua tahu orang yang selalu menggunakan jalan ini, kerap kali jalan ini tidak sama rata dan standardnya tidak baik, maka dinaiktarafkan. Tetapi apa yang saya hendak tahu dengan khusus adalah bilakah proses ini akan habis? Terutama sekali di antara Jalan Teluk Intan-Bidor dan di antara Laluan 58 ke Jalan Teluk Intan-Bidor, bilakah laluan ini akan siap dibina untuk diguna pakai oleh semua orang? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekijang.

8.10 mlm.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan di dalam P.33. Saya ingin merujuk kepada Butiran 7000 iaitu Memperelokkan Jalan-jalan.

Tuan Pengerusi, jalan di antara Gemas Baru ke Ayer Hitam secara kebetulan melalui kawasan Parlimen saya, di mana jalan ini bagi pihak saya, bagi pihak penduduk di situ mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang telah membina dan memperelokkan jalan-jalan tersebut.

Walau bagaimanapun, apa yang menjadi kemusykilan kepada saya dan penduduk-penduduk di dalam kawasan saya ialah semasa jalan ini dibina, aspek-aspek keselamatan tidak dihiraukan kerana tanda-tanda keselamatan semasa jalan ini dibina tidak diletakkan dengan begitu baik yang mana banyak mengakibatkan kemalangan-kemalangan sama ada kemalangan ringan, kemalangan berat ataupun kemalangan maut.

Kita di peringkat daerah telah pun mengemukakan aduan ataupun komplain kepada JKR Daerah tetapi saya difahamkan bahawa JKR Daerah tidak mempunyai kuasa kepada kontraktor-kontraktor ini dan saya difahamkan telah banyak kali ataupun dikatakan berfail-fail telah diberikan notis kepada kontraktor ini tetapi tidak ada tindakan yang lebih positif diambil.

Jadi apabila saya menghadiri Mesyuarat Pembangunan Daerah pun, tiap-tiap kali perkara ini dibangkitkan dan didapati masih lagi tidak ada tindakan yang diambil

dan saya mintalah kepada JKR Pusat supaya mengambil perhatian ataupun membuat lawatan untuk melihat sendiri keadaan semasa pembinaan jalan raya ini dibuat. Kadang-kadang jalan-jalan ini dikorek, kemudian tidak diletakkan tanda-tanda, kemudian ditinggalkan begitu sahaja pada waktu malam atau meletakkan tanda yang lebih kurang sahaja mengakibatkan kenderaan-kenderaan ringan terutamanya motosikal dan kereta termasuk ke dalam lubang ini ataupun tergelincir di tengah jalan dan di gilis oleh kenderaan-kenderaan yang lebih besar.

Jadi, saya minta kepada JKR Pusat supaya mengambil perhatian tentang perkara ini kerana apa gunanya kita memberikan pembangunan dan kemudahan kepada rakyat tetapi tukarannya adalah air mata dan nyawa kepada penduduk setempat. Jadi saya minta kepada JKR Pusat supaya perkara ini diambil perhatian yang berat dan tindakan yang segera perlu dibuat supaya kemalangan-kemalangan ini tidak lagi berulang ataupun tidak lagi berlaku di kawasan pembinaan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga sebagaimana sahabat saya daripada Puchong tadi menyatakan bahawa selepas daripada jalan-jalan ini siap, saya berharap supaya jalan-jalan ini tidak dikorek lagi, kerana kebanyakan daripada jalan-jalan kita ini apabila dibina, selepas sahaja tidak sampai sebulan, dikorek balik, selepas itu ditambak balik, jadi tanah yang mendap itu mengakibatkan kemalangan dan mengakibatkan kemusnahan kepada pengguna-pengguna jalan raya tersebut.

Jadi saya minta perkara ini diberikan perancangan yang secukupnya sebelum kita melaksanakan kerja-kerja. Jadi Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat tadi tiga, sekarang empat. Jadi terpaksa saya hanya benarkan dua orang sahaja, selepas itu Setiausaha Parlimen boleh jawab. Petra Jaya.

8.15 mlm.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus untuk menjimatkan masa pergi kepada Butiran 9.5, Butiran Projek 09280. Saya hanya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang maklumat *detail* berkaitan dengan beberapa projek yang dimaksudkan, sebab ia tidak menyatakan *detail project*.

Keduanya, setakat mana projek membina jalan penghubung ke Pusat Pentadbiran Baru Kuching, Sarawak yang kebetulan melalui kawasan saya telah terlaksana dan bila ianya dijangka siap dan saya ingin memohon kalau boleh, projek ini disegerakan memandangkan Jalan Matang yang ada sekarang menghadapi masalah kesesakan lalu lintas di mana pembangunan yang pesat di kawasan tersebut menyebabkan kesesakan jalan di mana kalau pada waktu kebiasaan, laluan di situ untuk sampai ke pusat bandar hanya mengambil masa 15 ke 20 minit tetapi pada waktu *peak hours* dengan izin, ianya terpaksa memakan masa sejam suku hingga sejam empat puluh lima minit.

Ini menimbulkan banyak keluhan kepada penduduk di persekitaran Jalan Matang. Jadi saya amat memohon kepada pihak kementerian untuk mengambil berat berkaitan dengan jalan yang menghubungkan ke pusat pentadbiran baru dan Kuching ini.

Ketiganya, permohonan untuk pembaikpulihan jalan-jalan di sepanjang jalan kawasan Matang di bawah kuasa JKR terutamanya bahu-bahu jalan kerana berlakunya kemalangan di kawasan-kawasan tersebut disebabkan kurang penyelenggaraan. Jadi kalau dapat saya mohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil berat dan membuat kajian tentang perkara ini.

Begitu juga berkaitan dengan 9.6, 09800 dan 9.10 – Butiran Projek 30000. Jadi permohonan mewakili pihak di Sarawak kalau dapat kita mengambil keutamaan kepada kawasan-kawasan yang belum dihubungi oleh jalan-jalan raya. Kalau kita melihat kepada keseluruhan peruntukan di sini, kalau di Semenanjung Malaysia terutamanya kawasan bandar, begitu banyak jejantas, jalan-jalan baru dibuat tetapi jalan utama telah pun wujud tetapi di Sabah dan Sarawak saya kira kawasan-kawasan pedalaman di Semenanjung juga di mana tiada jalan penghubung kalau dapat diberi perhatian.

Begitu jugalah jambatan-jambatan yang menghubungkan kampung di Sarawak terutamanya dalam persekitaran kawasan pinggir sungai. Jadi Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi lapan kementerian lagi. Kalau satu kementerian setengah jam, empat jam. Ucapan Penangguhan setengah jam, jadi saya benarkan satu orang 3 minit. Apa soalan keluarkan. Jimatkan masa. Jadi Rembau, silakan.

8.18 mlm.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus merujuk kepada Butiran 3000 – Membina Jambatan-jambatan Baru.

Saya dimaklumkan oleh Menteri Kerja Raya baru-baru ini bahawasanya projek menaik taraf Jalan Persekutuan dari Seremban ke Gemas telah ditangguhkan walaupun surat niat telah dikeluarkan. Penangguhan ini disebabkan oleh kurang keutamaan kerana jumlah trafik di sebahagian besar laluan tersebut masih di bawah kapasiti sebenar.

Memandangkan projek itu ditangguhkan, saya berharap pihak kementerian akan menimbangkan untuk membesarkan atau membina jambatan-jambatan baru di beberapa tempat yang selalu berlaku kemalangan khususnya di Stesen Kereta Api Rembau iaitu di kawasan saya. Sebab di jambatan inilah yang tidak ada ruang untuk berjalan kaki dan juga untuk motosikal kerap berlaku kemalangan. Jambatan ini pun telah dibina lebih kurang lebih 40 tahun yang lalu, masa itu saya masih bersekolah lagi.

Yang keduanya, Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan Projek Baru. Saya juga berharap pihak kementerian dapat menimbangkan untuk menaik taraf jalan daripada Chengkau ke Asnaraja sepanjang enam kilometer. Jalan tersebut sekarang ini cuma 14 kaki sahaja dan tuan-tuan tanah di sekitar jalan itu yang ada lebih kurang 80 lot masih membayar cukai tanah walaupun jalan itu merupakan jalan awam. Jadi lebih cepat jalan ini dinaiktarafkan, saya rasa lebih cepat masalah yang berkaitan dengan pampasan akan dapat diselesaikan. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maran, selepas itu Batu Kawan.

8.21 mlm.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga mohon turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi P.33 – Kementerian Kerja Raya. Saya akan memfokuskan perbincangan kita kepada 00600 – Jalan-jalan Raya Baru, RM60,000 dan juga Butiran 70000 – Membaiki Jalan-jalan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah banyak dan terus membina jalan-jalan yang baru termasuk jalan-jalan di kawasan luar bandar dan juga jalan FELDA.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Kerja Raya khususnya, semasa pembinaan pembaikan jalan-jalan ini dibuat, kita perhatikan bahawa kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja ini nampaknya tidak terlalu bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Umpamanya jalan daripada Maran ke Temerloh di Bukit Genting Maran, di mana jalan berkenaan baru sahaja dibina tetapi dalam tempoh satu, dua minggu, jalan tersebut telah pun rosak dan berlubang-lubang.

Baru-baru ini satu insiden kemalangan berlaku, di mana seorang penunggang motosikal bersama isterinya telah terlanggar lubang yang terdapat di jalan yang baru dibina tersebut dan lantas isterinya jatuh daripada motosikal tersebut, lalu di gilis oleh sebuah kereta dan meninggal di tempat kejadian. Saya berharap kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan saya sudah maklumkan kepada Jurutera Daerah supaya tindakan segera diambil bagi membaiki jalan berkenaan dan kita harap supaya kontraktor-kontraktor yang dilantik ini lebih bertanggungjawab dan tidaklah semata-mata memikirkan kewangan yang mereka perolehi daripada pelaksanaan jalan tersebut. Ini bukan sahaja seperti yang sahabat saya katakan tadi merugikan kerajaan, bahkan akan merugikan masyarakat dan juga rakyat di sekitar.

Yang kedua, menyentuh tentang pembaikan jalan juga, sekarang selepas salah satu agensi wilayah iaitu DARA - Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ditutup, maka penyenggaraan jalan-jalan di seberang Chenor daripada Chenor ke Kuala Wau dan ke Pekan agak terlambat pengendaliannya. Oleh itu, saya berharap supaya kementerian dan Jabatan Kerja Raya memberikan perhatian serius kerana jalan di kawasan ini sering berlaku kerosakan dan telah beberapa kali kemalangan berlaku yang mengakibatkan kecederaan kepada pengguna. Jalan ini amat digunakan oleh penduduk tempatan terutama di kawasan luar bandar.

Jadi saya minta supaya pihak kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya memberikan perhatian kepada penyenggaraan jalan ini dan kalau dapat menyegerakan kerja-kerja pembinaan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup masa.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Kawan, selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab. Yang Berhormat ada satu lagi.

8.24 mlm.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh P.33, Butiran 30000 berhubung dengan Membina Jambatan-jambatan Baru.

Tuan Pengerusi, di antara banyak jambatan yang terdapat di Malaysia, saya rasa Jambatan Negeri Pulau Pinang adalah di antara yang paling cantik sekali. Saya rasa kerajaan memang sudah ambil kira dan buat segala kajian sebelum pembinaan jambatan tersebut tetapi pada masa kini memang masih ada kekurangan lagi walaupun ia merupakan jambatan yang cantik, indah dan ketiga terpanjang di Asia tetapi masalahnya sekarang setiap bulan memang ada orang yang membunuh diri di jambatan tersebut. Saya tidak tahu mereka terjunkah, jatuhkah atau lompat ke dalam laut.

Buat masa kini, tanggapan orang ramai khasnya di Pulau Pinang ialah kalau hendak membunuh diri pergilah ke Jambatan Pulau Pinang kerana tempatnya adalah yang paling sesuai. Saya cuma hendak memohon kalau boleh pihak JKR atau kerajaan supaya mengarahkan konsesi *holder* bagi Penang Bridge Sdn. Bhd. mendirikan pagar di sepanjang jambatan tersebut. Saya rasa tidak panjang cuma 13.5 kilometer sahaja supaya perkara sedemikian tidak akan berulang lagi.

Itu sahaja permintaan saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

8.26 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Kelana Jaya, Ipoh Timur, Ledang, Puchong, Ipoh Barat, Sekijang, Putrajaya, Rembau, Maran dan Batu Kawan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tambahan peruntukan ini adalah untuk menampung perbelanjaan yang telah dilakukan dalam tahun 2003 bagi membayar kemajuan projek-projek pembangunan, jalan raya, jambatan atau membayar pampasan bagi menurunkan tol. Saya akan cuba menjawab seboleh-bolehnya tetapi saya hendak memberitahu bahawa bilangan projek dalam belanjawan berlebihan RM922 juta ini adalah untuk 15 bilangan projek-projek dalam Butiran di Kertas Perintah 16A dari muka 8 hingga 13.

Kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, cadangan dari Yang Berhormat adalah baik dan tol di Yong Peng Selatan tidak akan dimansuhkan.

Kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya saya hendak jawab di sini, Yang Berhormat telah memberikan pandangan beliau yang panjang lebar mengenai satu sistem di mana kita menggunakan *central tolling system* ataupun *electronic toll card or toll centre* supaya memudahkan pengguna-pengguna lebuhraya di plaza-plaza tol. Oleh kerana itu kita menggunakan satu *electronic toll system*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Untuk menyeragamkan semua jalan-jalan konsesi, kita perlu ada satu sistem yang boleh diguna pakai di keseluruhan jalan raya bertol. Kita tahu juga ada berbagai-bagai sistem yang digunakan di negara-negara Barat ataupun di negara maju tetapi kita telah pun menggunakan *infrared* – bukan *microwave*. Kita ada keyakinan kepada *Smart TAG* dan *Touch 'n GO* kerana kita sudah ada pengalaman beberapa tahun kebelakangan ini dan kita tahu ini adalah sistem kad yang berkesan. Oleh sebab itu kita menggunakan *infrared* dan sistem *Touch 'n GO*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang bangun. Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi, terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apakah Kementerian Kerja Raya dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bermaksud sistem *infrared* itu lebih baik, lebih canggih dan lebih selamat daripada sistem yang lain dan lebih murah? Minta jelaskan, terima kasih.

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Pengerusi, saya tidak mengatakan ia adalah lebih baik dan lebih canggih tetapi saya mengatakan bahawa kita lebih yakin kepada sistem yang telah kita gunakan beberapa tahun kebelakangan ini. Itu sahaja jawapan saya.

Lain-lain pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya kita ambil maklum sebab kita tahu dalam sesuatu perjanjian kita perlu juga tengok *traffic volume*. Dalam perjanjian juga tol telah dijadualkan bila dan berapa tahun tol akan dinaikkan. Kalau kerajaan prihatin kepada pengguna dan rakyat dan tidak mahu tol dinaikkan, kita perlu membayar pampasan. Itulah pampasan yang kita perlukan tadi.

Begitu juga saya menjawab kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mengenai tol ini. Oleh kerana kerajaan telah memutuskan tidak akan menaikkan tol dengan kerap dalam beberapa tahun kita perlu membayar pampasan dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara kerajaan dengan pihak syarikat konsesi. Butir-butir lain yang diperlukan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur saya akan buat secara bertulis kerana saya tidak ada *details* di sini.

Kepada Yang Berhormat bagi Ledang, sebenarnya pengambilan balik tanah pampasan ini adalah dibuat oleh pihak Jabatan Penilaian di Pejabat Tanah dan harga semasa telah pun digunakan dan jikalau pihak pemilik tanah ini tidak berpuas hati mereka boleh juga membuat rayuan mahu pun melalui undang-undang.

Bagi Yang Berhormat bagi Puchong, mengenai persimpangan bertingkat dari Kinrara di PJ Selatan, sebenarnya ini adalah satu batang jalan di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Saya akan memajukan kehendak Yang Berhormat melalui kementerian kepada pihak kerajaan negeri.

Kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat – hari ini kita baik dengan Ipoh – Barat dan Timur semua datang – oleh kerana geografi dan lokasi jalan-jalan di Simpang Pulai, Lojing ke Gua Musang memang berbukit bukau dan untuk memelihara....

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong bangun.

Datuk Yong Khoon Seng: Nanti saya habiskan ini dahulu. Untuk memelihara alam sekitar dan lokasi yang di tanah tinggi, memanglah ada kesulitan untuk kita

membuat jalan di sana, oleh kerana itu ia mengambil masa sedikit. Bagi jalan-jalan lain saya akan meneliti permohonan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Boleh kembali – goston sedikit. Mengenai persimpangan bertingkat di Kinrara dan Sri Manja di sebelah PJS ataupun PJ Selatan itu memang kita telah berbincang dengan pihak kerajaan negeri dan kita telah memanjangkan banyak butiran dan sebagainya kepada kerajaan negeri. Tetapi masalahnya ialah kerajaan negeri dan juga majlis tempatan atau PBT, mereka telah menyatakan bahawa mereka tidak ada kos atau *budget* untuk pembinaan ini.

Ini adalah merupakan satu jambatan yang paling penting sekali untuk menghubungkan kedua-dua pihak ini, maka saya mintalah kalau boleh kementerian mendahului ataupun memberi keutamaan kepada permohonan saya. Kos pembinaan ini kalau tidak silap saya kurang daripada RM5 juta dan jaraknya kurang daripada 400 meter. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Yong Khoon Seng Lebih baik kalau Yang Berhormat bagi Puchong membuat sepucuk surat kepada kementerian dan kita akan memajukannya kepada pihak kerajaan negeri.

Tuan M. Kula Segaran: Minta penjelasan sedikit Tuan Pengerusi. Semasa saya bahas mengenai jalan raya di antara Simpang Pulai dan Cameron Highlands, yang khususnya saya ada bertanya apakah sebab-sebab kelewatan. Saya sedar bahawa logistik dan dengan izin, *alignment of the road has changed* bukan sekali, banyak kali tetapi bukan itu sahaja saya dengan khususnya ada bertanya adakah pampasan yang patut diberikan oleh kontraktor jalan tersebut telah diperolehi oleh kerajaan atau kerajaan yang telah membiayai semua penukaran atau *modification* yang telah dilanjutkan akibat *realignment of the road*, dengan izin, dalam perkara ini?

Datuk Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Sebenarnya saya pun tidak ada maklumat mengenai perkara ini dan saya memerlukan pegawai mengambil catatan supaya dapat menjawab mengenai perkara ini.

Yang Berhormat bagi Sekijang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Ledang bangun.

Datuk Yong Khoon Seng: Eh! *[Ketawa]* Saya sudah habis, Ledang pula. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lagi, ya?

Datuk Yong Khoon Seng: Ha! Saya sudah habis. Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Minta maaf Tuan Pengerusi. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya tadi menyebut tentang *Building By-law* (BBL)- sebab menurut Pejabat Tanah, Pejabat Tanah bersetuju supaya JKR membayar kos untuk membina rumah baru atau mengalihkan rumah yang sedia ada kepada tapak di tempat lain ataupun di bahagian belakang rumah. Maknanya rumah yang sudah ada dan berhampiran dengan jalan yang menyalahi BBL tadi boleh dibina baru semula dengan kos ditanggung oleh JKR. Pejabat Tanah bersetuju sebab Pejabat Tanah adalah yang mengadili kes ini tetapi JKR tidak bersetuju.

Jadi, masalahnya ialah apabila JKR tidak bersetuju, Pejabat Tanah tidak ada pilihan lain kecuali membuat keputusan bahawa tuan punya tanah kena bersetuju dengan keadaan yang sedia ada. Oleh yang demikian mereka tidak berpuas hati. Mereka mahu supaya rumah-rumah yang berhampiran dengan jalan dibayar ganti rugi untuk dibina semula di tempat lain. Itulah persoalan saya tadi itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya pun tidak dapat jawab dengan *detail*. Saya akan juga ambil perhatian dan akan terus majukan hal ini kepada pihak pegawai atau pihak JKR.

Yang Berhormat bagi Sekijang tadi ada mengatakan semasa kontraktor-kontraktor membuat jalan banyak masalah berlaku oleh kerana pihak pemaju atau kontraktor tidak bertanggungjawab. Tetapi saya ingat ini sentiasa kita menjaga memberi arahan kepada pihak kontraktor semasa jalan dibuat perlu kita adakan pengurusan jalan yang baik dan pengurusan trafik mesti dijaga dengan baik. Kalau ada *detail* bagikan saya.

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sememangnya kita faham memang pihak JKR ada mengarahkan pihak kontraktor yang terbabit. Tetapi malangnya arahan tinggal arahan sahaja dan penguatkuasaan tidak menampakkan hasil yang dibuat. Tetapi oleh kerana kalau kita kemalangan ringan ataupun kemalangan biasa, mungkin kenderaan-kenderaan tersebut boleh di *repair*

atau sebagainya. Tetapi kalau menyebabkan kemalangan nyawa, ia tidak ada tukar gantinya Tuan Pengerusi.

Saya minta kepada JKR pusat sebab kita pun sudah bercakap di dalam Mesyuarat Pembangunan tentang perkara yang sama ini kerana kalau tidak diambil tindakan yang tegas, kadang-kadang pihak JKR telah mengarahkan pihak kontraktor terbabit untuk meletakkan tanda-tanda. Tetapi kita lihat pekerja-pekerja yang bekerja itu, maklum sahaja pekerja-pekerja yang diambil daripada luar, misal kata pekerja-pekerja daripada Myanmar ataupun daripada mana-mana sekali pun. Dia tidak faham kadang-kadang yang sana letak GO, yang hujung pun letak GO.

Yang sini STOP, yang hujung pun dia letak STOP. Kadang-kadang dia pergi buang air, dia letak STOP berbaris kereta, kalau setengah jam, setengah jamlah kereta tunggu. Inilah yang menjadi masalah kepada pengguna-pengguna jalan raya dan sebab itu ada yang cuba memotong dan cuba hendak cepat dan sebagainya menyebabkan kemalangan-kemalangan yang sebegini berlaku. Saya mintalah kerjasama daripada JKR Pusat, kalau misal kata kontraktor yang buat ini degil sangat, kita tamatkan, kita tamatkan. Apa gunanya kita buat pembangunan? Apa gunanya kita bagi kemudahan, buat kemudahan tetapi tukaran dia adalah nyawa dan air mata. Kalau terkena dengan kita punya keluarga sendiri baru agaknya kita faham bahawa betapa sukar dan susahnyanya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya akan juga berbincang dengan pihak atasan di JKR supaya mengambil tindakan tegas kalau pihak kontraktor enggan menjalankan pengurusan trafik dengan baik dan juga Yang Berhormat ada kata pihak yang mengorek permukaan jalan yang telah siap, oleh kerana servis-servis lain ini telah pun ditukar, kita ada satu peraturan baru di mana kalau pihak yang membuatkan pertukaran dan alihan *service line* itu mereka perlu juga secepat mungkin membaik pulih permukaan jalan itu. Jikalau tidak, dalam satu tempoh pihak JKR akan buat dan akan caj kepada pihak kompeni yang bertanggungjawab ini.

Saudara saya Yang Berhormat bagi Putera Jaya ada menanyakan jalan perhubungan ke pusat pentadbiran baru di Jalan Matang, ini cuma satu jalan sahaja terus pergi ke pusat. Jalan-jalan ke kampung-kampung yang lain kemungkinan besar jalan ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kemungkinan, atau juga di

bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Saya akan meneliti, jika Yang Berhormat bagikan masa. Kita jiran sahaja senang.

Yang Berhormat bagi Rembau tentang - saya tahu tidak berapa puas hati jalan Seremban – Gemas, jalan itu oleh kerana tidak sampai kepada kapasitinya, kita belum dapat buat. Saya ingat ini akan juga kalau kapasiti trafiknya telah pun sampai ke suatu tahap ia akan dijalankan.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Maran ada juga mahukan kementerian menasihatkan kontraktor-kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan, lebih baik penyelenggaraan jalan terus berhati-hati.

Yang Berhormat bagi Batu Kawan, Penang Bridge ini hendak buat satu pagar atau *rail* kita cakap 13.5 kilometer panjang adalah sangat panjang ini, saya tidak tahu. Ini adalah di bawah pihak konsesi. Kita boleh juga bincang dengan mereka sebab sekarang kita dalam proses akan melebarkan jambatan itu. Kemungkinan belum dapat buat *rail* dahulu atau pagar dahulu. Kita akan menambah lebar satu lorong lagi iaitu satu bahu untuk motosikal tidak lama lagi. Ia kemungkinan menelan belanja RM500 juta. Saya tengoklah kita KIV ini dahulukah. Okey, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Huan Cheng Guan: Saya minta Yang Berhormat kalau boleh sila beri priority lah kepada permintaan ini kerana saya khuatir kalau perkara ini dilambatkan, setiap bulan ada tambah lagi orang mati di sana.

Dato' Yong Khoon Seng: Orang hendak mati kita tidak dapat larang mereka [*Dewan riuh*] Dia hendak pergi terbang, terjun sana tidak dapat kita *stop* dia orang. Ada pagar pun dia turun juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah Yang Berhormat. Jadilah Yang Berhormat.

Tuan Huan Cheng Guan: Saya minta kalau katakan kerajaan mencadangkan untuk melebarkan jambatan tersebut, masuklah sekali dengan *railing* itu sekali.

Dato' Yong Khoon Seng: Yes. Yes. Yes.

Tuan Huan Cheng Guan: Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa wang sebanyak RM33,797,700 untuk Maksud B.33 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua bagi Tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM33,797,700 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

**Maksud B. 34 [Jadual] -
Maksud P. 34 [Anggaran Pembangunan 2004] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ya, Ampang.

8.48 mlm.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyokong perbelanjaan pembangunan tambahan bagi Maksud P.34 Kementerian Kesihatan – Butiran 04000 untuk membiayai pembinaan 10 buah hospital termasuk Hospital Ampang. Tidak seperti namanya, sebenarnya hospital ini tidak terletak di kawasan Parlimen Ampang tetapi ia terletak di Parlimen Pandan.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan di atas keprihatinan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat yang mana hospital ini akan memudahkan lagi rakyat Ampang untuk mendapat perkhidmatan daripada hospital kerajaan kerana ia sangat berdekatan. Saya pasti hospital itu kelak yang bakal didirikan sudah semestinya lengkap dari segi peralatan tetapi diharap ia tidaklah hanya gah dari segi fizikal, ia haruslah diimbangi dengan mutu perkhidmatan yang tinggi.

Yang pertamanya ialah tempoh menunggu yang dijanjikan oleh pihak kementerian di mana ia dijanjikan untuk dipendekkan, kita mintalah supaya dikotakan. Saya percaya ini berkaitan dengan jumlah kakitangan dan sikap kakitangan itu sendiri.

Menyentuh tentang jumlah kakitangan itu, saya berpendirian bahawa kerajaan haruslah meneliti tentang kenaikan gaji para doktor dan juga jururawat kerana saya berpendapat bahawa pengambilan doktor-doktor asing tidak begitu banyak membantu dalam menahan atau memberhentikan pengaliran keluar doktor-doktor kerajaan ke sektor swasta di mana menurut Menteri Kesihatan adalah pada kadar seorang doktor sehari dan ini cukup membimbangkan. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah supaya mutu perkhidmatan hendaklah diseimbangi dengan perbelanjaan yang cukup

tinggi untuk menyediakan kemudahan fizikal. Sekian sahaja, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai.

8.52 mlm.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah lama menunggu. Saya memang terpanggil untuk menyatakan mengenai kesihatan penduduk luar bandar bagi seluruh negara dan terutamanya negeri Kelantan khususnya daerah Kuala Krai yang mempunyai empat Dewan Undangan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, di daerah Kuala Krai hanya terdapat sebuah hospital sahaja yang menjadi tempat bagi rakyat Kuala Krai mendapatkan rawatan iaitu Hospital Kuala Krai ini sahaja. Di Hospital Kuala Krai hanya terdapat tiga orang sahaja doktor pakar yang diundang dari sembilan orang, tiga orang sahaja yang datang yang ditetapkan. Manakala doktor biasa hanya seramai 11 orang daripada kuota 35 orang. Di Hospital ini juga terdapat bilik *OT (Operation Theatre)*, dengan izin, ataupun bilik bedah yang tidak beroperasi sejak beberapa tahun yang lalu.

Di samping itu, perkara yang menyedihkan lagi ialah di kawasan Dewan Undangan Negeri Dabong yang mana kira-kira 120 kilometer daripada Bandar Kuala Krai yang hanya terdapat sebuah klinik sahaja yang beroperasi dan terpaksa menampung penduduk kira-kira lebih 20,000 orang. Kawasan ini mempunyai keluasan kira-kira sama dengan negeri Perlis, terdapat hanya seorang doktor yang bertugas di sini. Ini pun jarang-jarang ada di hospital. Yang ada hanyalah pembantu sahaja, *HA (Hospital Assistant)*, dengan izin. Kemudahan infrastruktur termasuklah kemudahan telefon langsung tidak ada di sini. Bila ada kes-kes kritikal ataupun kecemasan, inilah yang dikatakan mati dahulu sebelum sampai ke hospital. Maklumlah kerana penduduk-penduduknya begitu miskin. Kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan pernah kata 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang,' tetapi di sini dia tiga kali kais – 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kais malam langsung tak boleh makan', kais sahaja.

Sehubungan dengan itu, kerana kawasan ini sentiasa tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti, lebih-lebih lagilah dia hendak tengok Yang Berhormat dia bercakap di Dewan pada kali ini. Saya sungguh terima kasihlah beri peluang ini kerana rakyat di

Dabong ternanti-nanti hendak tengok bagaimana Yang Berhormat dia pilih bersuara di Dewan yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu rakyat di kawasan DUN Dabong amat memerlukan sebuah hospital. Maklum sahajalah setelah merdeka 45 tahun, tambah-tambah pula ini menang dengan majoriti yang agak besar supaya segera didirikan, jangan mati dahulu sebelum sampai ke hospital.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian dah dengar itu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya. Ini kerana jarak untuk sampai ke Hospital Kuala Krai ke Kota Bharu mengambil masa kira-kira empat jam. Kalau datang ke Kuala Krai maklum sahajalah OT tak berjalan. Dia kata pergi ke Kota Bharu, terpaksa dua jam lagi, macam mana tak mati dahulu sebelum sampai. Ini yang ternyata Tuan Pengerusi.

Oleh yang demikian, saya berharap agar dapat ditempatkan sekurang-kurangnya dua orang doktor di Klinik Dabong ini. Jangan hanya ada satu, tiga hari tak ada, hanya dua hari ada di klinik ini. Dan diharapkan supaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengadakan bilik OT yang tidak beroperasi di Kuala Krai segera dilaksanakan. Begitu jugalah dari segi doktor pakar yang ada sembilan orang itu penuhkanlah kuota itu, begitu juga 35 orang yang seharusnya ada di Hospital Besar Kuala Krai ini harus ditempatkan, jangan hanya tinggal kuota tetapi doktornya ada 11 daripada 35 orang, *impossible*, dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya. Saya kalau boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, tiga minit.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Gulung. Timbalan Menteri ini yang ada daripada tadi lagi kita terima kasih banyak. Kalau boleh lawatkanlah, pantaukanlah seperti Timbalan Menteri Pelajaran tadi kata besok dia ke Kelantan. Saya harap Timbalan Menteri pun untuk meninjau perkara Yang Berhormat bagi Kuala Krai betul atau tidak, sila ke Kelantan besok. Insya-Allah, moga-moga perkara ini dapat dilaksanakan demi untuk kepentingan rakyat supaya jangan mati dahulu sebelum sampai ke hospital. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

8.57 mlm.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, pendek sahaja. Saya menyentuh di bawah Kepala P.34, 030600 – tentang Pembedahan Am.

Saya menarik perhatian ini supaya pihak kementerian memandang serius terhadap insiden yang berlaku baru-baru ini di mana perginya ke rahmatullah Adik Nur Atiqah Najwa Mohd. Shariff pada 14 Julai 2004 yang lalu kerana kita semua faham terdapat banyak karenah birokrasi yang telah melibatkan beberapa pesakit kronik yang lain khususnya kanak-kanak seperti Adik Sofia, Khairun Nisak, Adik Mohd. Nabil Hakim Muslimin dan lain-lainnya telah meninggal dunia sebelum sempat menerima rawatan.

Saya juga ingin menarik perhatian pihak Kementerian Kesihatan supaya hospital kerajaan ini dapat menyumbang dengan lebih baik, dengan lebih rasa kemanusiaan terhadap pesakit-pesakit kronik ini kerana peruntukan yang diberikan ini berjumlah RM578,862,000 yang saya mengharapkan insiden-insiden yang menyedihkan dan menyayat hati ini tidak akan berlaku lagi di mana selepas daripada ini saya mengharapkan supaya Kementerian Kesihatan memberikan satu janji kepada rakyat bahawa tidak akan berlaku lagi karenah birokrasi yang terpaksa, yang menyaksikan bahawa perginya pesakit-pesakit sebelum mereka mendapat rawatan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin. Semua boleh bercakap tetapi saya harap pendek-pendek sahaja.

8.59 mlm.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, saya punya pendek sahaja, berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Kita lihat bahawa Kementerian Kesihatan akan memperolehi perbelanjaan tambahan untuk sepuluh hospital baru. Di Jasin saya ucapkan terima kasih kepada kementerian yang mana kita sudah dapat hospital baru sudahlah siap dan juga satu pusat kesihatan yang agak canggih di Umbai pun sudah siap. Tetapi malangnya apabila hospital ini siap kita ingatkan ia akan buka pintu besar-besar untuk menggantikan hospital yang lama. Tetapi malangnya ditutup balik, alasan dia tidak cukup kakitangan.

Jadi, dalam perancangan Kementerian Kesihatan, kita mintalah jangan hanya merancang projek, kakitangan dan sumber manusia pun harus dirancang sekali. Kalau tidak cukup doktor kita ambil lebih ramai doktor, kalau kurang tempat untuk doktor belajar, kita buat lagi universiti supaya lebih ramai lagi kerana rakyat kita makin ramai. Orang Malaysia ini produktif, tiap-tiap tahun tambah, hospital bersalin ini – Yang Berhormat Menteri pun mengangguk saya cakap ini. Hospital Bersalin kadang-kadang penuh.

Tuan Pengerusi, saya berharap kepada Kementerian Kesihatan kena ambil kira ini semua. Dan juga tentang B.34 ini RM20 juta untuk kempen supaya berhenti merokok. Saya tengok, saya setuju, saya ini pun kaki merokok tetapi saya setuju kempen ini. Tetapi kita tengok kajian daripada apa yang *sign board* di tepi-tepi jalan, gambar rokok yang bengkok tunjuk 'Saya tak nak'. Budak-budak kata yang sudah bengkok itu siapa yang hendak. Jadi, tak berkesan. [*Ketawa*] dan tujuannya, ya bersetuju ya, Mambong pun setuju. Rokok yang bengkok macam ini tunjuk 'Saya tak nak.' Saya pun tak nak, yang kata dia orang.

Tujuan kita pula untuk nak menarik *teenagers* supaya jangan merokok. Selepas itu dia keluar pula iklan 'Merokok akan melemahkan syahwat' apa kata dia. Untuk yang lelaki mungkin kita fikir tetapi hari ini untuk maklumat Tuan Pengerusi, gadis-gadis muda-muda pun dah merokok. Kenapa dan bagaimana pula kita ini hendak mungkin lemah apa lagi itu. Mungkin Batu Gajah boleh tolong saya ini. Yang lelaki ini merokok melemahkan syahwat, yang untuk wanita ini macam mana, lemah apa? Ya sila.

Cik Fong Po Kuan: Kalau Yang Berhormat ada dengar Radio, dia ada kata kalau yang merokok itu wanita juga lawa. [*Ketawa*] Gigi itu ada warna kuning, tak lawa. Inilah *effect* kerana ramai yang berpendapat wanita ini semua hendak cantik dan lawa.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat, tetapi yang wanita hisap rokok, yang lelaki hisap rokok lawa tak lawa pun lebih kurang sahajalah, boleh juga walaupun gigi itu tak cantik, yang hendak pergi pun gigi tak berapa cantik juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita berharap biarlah kalau hendak buat iklan ini untuk hendak menyedarkan masyarakat, satu kajian harus dibuat, profesionallah sedikit. Hari ini kita banyak badan-badan profesional yang boleh

nasihatkan kerajaan bagaimana untuk kita menjalankan kempen bagi mencegah merokok ini. Sekian sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

9.03 mlm.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga akan menyentuh berkenaan dengan kempen anti merokok 'Tak Nak' ini yang telah dilancarkan pada bulan Februari yang lalu. Timbalan Menteri Kesihatan telah mengakui kegagalan kempen ini.

Jadi, saya ingin tahu apakah punca kegagalan kempen ini. Sebab dadah musuh negara yang utama, yang itu kempen juga gagal. Tetapi yang saya lihat kempen antimerokok 'Tak Nak' ini saya nampaknya ada pihak-pihak tertentu telah berjaya mengaut keuntungan yang begitu banyak ekoran kempen ini, macam untuk membantu pihak tertentu. Sebab kalau kita lihat papan iklan itu saya rasa pihak yang dapat tender itu akan membuat banyak keuntungan.

Satu lagi ialah papan tanda ini diletak merata-rata, itu bukan tak baik, baik. Tetapi tak ada tempat, bukan tempat yang sesuai. Saya nampak dia letak di jalan mati, tidak ada orang laluinya, atau jalan di mana dua tiga buah rumah sahaja. Macam telah buat satu *supply* yang terlalu banyak, jadi pacak di mana-mana sesuka hati. Jadi, saya pohonlah, saya hendak tahu juga berapa harga satu papan tanda ini, orang ramai hendak tahu.

Yang kedua, ialah mengapa saya nampak hanya dalam satu bahasa sahaja. Saya pohon berapa lama lagi kempen ini akan dijalankan. Kalau hendak jayakan, hendak pastikan remaja kita tidak menjadi penagih merokok ini, saya rasa penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan yang paling penting. Kita sudah ada undang-undang di mana yang membeli atau memiliki rokok di bawah 18 tahun adalah satu kesalahan. Tetapi kita nampak remaja kita tidak segan silu, mereka merokok begitu sahaja, dan pekedai juga mereka menjual begitu sahaja, selain penguatkuasaan undang-undang dan juga saya rasa pendidikan itu paling penting. Oleh itu saya pohon jawapan. Yang paling penting berapa harga papan iklan itu? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rembau.

9.05 mlm.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Butiran 00400 – Hospital Baru. Tadi kalau Yang Berhormat bagi Kuala Krai kata dia cuma ada satu hospital, di kawasan saya di daerah Rembau, langsung tidak ada hospital. Jadi, kalau orang sakit kena pergi hantar ke Hospital Besar Seremban.

Hospital Besar Seremban ini maklumlah sebagai hospital negeri sentiasa penuh. Jadi, saya berharap kepada kementerian berkenaan akan menimbang untuk membina sebuah hospital baru di daerah Rembau sebab saya difahamkan penduduk mestilah sekurang-kurangnya 70 ribu orang. Memang saya akui di Parlimen Rembau cuma ada 53 ribu pengundi, tetapi dengan adanya beberapa projek perumahan yang baru, insya-Allah, menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan, penduduk Rembau akan melebihi 70 ribu.

Yang keduanya, saya juga ingin memohon supaya diwujudkan sebuah pejabat kesihatan daerah di Rembau. Sekarang ini pun berkongsi dengan Tampin. Jadi, macam-macamlah masalah. Kadang-kadang doktor ada seorang sahaja di pusat kesihatan dan sebagainya.

Mungkin sebagai permulaan untuk hospital tadi, Pusat Kesihatan Rembau itu mungkin boleh dinaik taraf dengan mengadakan mungkin sepuluh katil dan sebagainya.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis. Selepas itu Yang Berhormat bagi Parit, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan selepas itu menteri menjawab.

9.06 mlm.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud P.34, Butiran Projek 00400 – Hospital Baru. Seperti di Rembau tadi, saya juga memohon sebuah hospital baru bagi daerah Lipis kerana hospital yang ada di Lipis sekarang ini adalah hospital tinggalan atau dibina pada zaman penjajah dahulu dan dalam serba kedaifan.

Jadi, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri telah melawat Hospital Lipis pada 15 Julai yang lalu dan saya percaya beliau dapat melihat sendiri keadaan kedaifan hospital tersebut.

Bagi Maksud B.34 tentang membiayai pinjaman pelaksanaan Sistem Saran Baru, apa yang saya harapkan sebarang bentuk Penilaian Tahap Kecekapan dalam Sistem Saran Baru ini hendaklah mengkhusus betul-betul kepada kecekapan yang hendak digunakan untuk pegawai-pegawai berkhidmat ataupun menjalankan kerjanya, bukan perkara-perkara yang lain yang kadang-kadang tidak ada kaitan kerana dengan menjurus atau mengkhusus kepada Penilaian Tahap Kecekapan yang betul-betul yang hendak digunakan boleh meningkatkan motivasi kepada pegawai awam kerana apa yang kita dapati peperiksaan atau Penilaian Tahap Kecekapan yang ada ini rata-rata telah menyebabkan pegawai-pegawai awam menjadi *demotivate* untuk bekerja.

Sekian, terima kasih.

9.08 mIm.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 00400 – Hospital Baru. Saya melihat di sini memang tidak ada hospital di tempat saya. Hospital Changkat Melintang, hospital ini sudah 30 tahun dibina, cuma ada 50 katil, Tuan Pengerusi, untuk memberi perkhidmatan kepada 100 ribu orang penduduk di daerah Perak Tengah.

Jadi, sudah sampai masanya pihak kementerian mencari peruntukan baru sekurang-kurangnya untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya dibina atau *diupgradakan* hospital ini. Kawasannya ada, Tuan Pengerusi, kawasannya luas, cuma perlukan peruntukan.

Perkara kedua yang saya hendak timbulkan seperti rakan-rakan tadi iaitu B.34 berkenaan dengan Kempen Anti Merokok. Saya bersetuju dengan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi, setakat ini kempen ini lebih menumpu kepada kita nampak ialah *billboard* di sana sini tetapi kurang berkesan. Saya mencadangkan supaya Kempen Anti Merokok ini dilaksanakan bersama-sama dengan Jabatan Pelajaran kerana apa yang kita dapat perhatikan ramai murid sekolah menghisap rokok secara “gelap-gelap” dan ini kalau dibiarkan akan menjadi lebih parah.

Saya rasa yang terbaik ialah pihak Kementerian Kesihatan melaksanakan Kempen Anti Merokok ini bersama-sama dengan Jabatan Pelajaran dan juga kalau di

kawasan bandar itu, dengan pihak berkuasa tempatan, majlis-majlis daerah dan majlis perbandaran supaya lebih berkesan. Itu yang saya rasa kita tumpukan sebab lebih baik menghalang ataupun mencegah daripada peringkat budak-budak ini sebelum sampai dia sudah menjadi ketagih.

Itu sahajalah perkara yang perlu saya bangkitkan, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

9.10 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 00400. Saya ingin tahu baru-baru ini Menteri berkenaan telah berkata bahawa kerajaan tidak akan membina hospital-hospital baru dan adakah hospital-hospital yang dinyatakan dalam Butiran 00400 terlibat? Apakah pelan jangka panjang ke hadapan, *forefront*, untuk proses pembinaan hospital-hospital baru kerana dalam statistik-statistik yang saya ada dan saya telah perolehi, nampaknya kekurangan pegawai-pegawai pakar dan doktor-doktor sangat teruk.

Di antara pegawai perubatan pakar yang kekurangan sekarang adalah sebanyak 875 orang. Kekurangan pegawai perubatan pentadbir sebanyak 670 orang dan kekurangan pegawai perubatan biasa sebanyak 1,476 orang. Kekurangan jururawat sebanyak 2,663 orang. Saya ingin tahu apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya ingat bagi peluang satu lagi, Yang Berhormat bagi Mambong, selepas itu Menteri menjawab. Dua minit, Yang Berhormat.

9.11 mlm.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh hanya Butiran 20240 – Pendidikan Kesihatan.

Tadi ramai rakan yang sudah berucap tentang perkara ini di mana RM20 juta untuk melaksanakan program Kempen Anti Merokok “Tak Nak” yang disasarkan kepada golongan remaja yang berumur 15 tahun hingga 18 tahun. Saya berpendapat bahawa iklan di TV tidak begitu meyakinkan dan juga *billboards* di tepi jalan dan di pekan-pekan yang menunjukkan rokok yang bengkok itu memang tidak berkesan.

Bagi saya yang penting adalah untuk menggambarkan bahawa kesan buruk merokok terhadap kesihatan. Berkaitan dengan ini, kita mesti menggambarkan bahawa satu sedutan rokok yang mengandungi beratus-ratus bahan *toxic*, ini yang membahayakan seperti *coal tar*. *Coal tar* di dalam asap rokok adalah amat *toxic* dan ia juga *carcinogenic*. Itulah sebabnya ramai perokok yang menghidapi *lung cancer* disebabkan *coal tar* ini yang ada dalam rokok.

Saya ingin bertanya apakah bentuk-bentuk kempen yang lain selain daripada iklan di dalam TV dan juga iklan di *billboard*? Itu sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian sila menjawab. Ya, Setiausaha Parlimen.

9.13 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sepuluh orang Yang Berhormat yang telah menyentuh atas permohonan Kementerian Kesihatan.

Untuk menjawab Yang Berhormat bagi Ampang berkaitan dengan kos pembinaan hospital dan juga tempoh menunggu yang kita cadang akan dipendekkan dan juga berkaitan dengan gaji doktor dinaikkan, Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa berkaitan dengan tempoh menunggu, kita akan mencari jalan bagaimana kita dapat memendekkan tempoh menunggu ini supaya kita dapat mempertingkatkan prestasi hospital-hospital dan juga klinik-klinik yang sedia ada dan dijangka kita dapat menjalankan dan menjayakan untuk memendekkan tempoh menunggu ini dan kita harap kalau boleh kita akan menjalankan semua syor dan juga cadangan yang kita terima pada masa yang singkat ini.

Berkaitan dengan gaji doktor dinaikkan, memang Kementerian Kesihatan selalu mengambil berat tentang gaji dan layanan kepada doktor-doktor kita. Sebenarnya bukan sahaja gaji untuk doktor tetapi kita sentiasa mengkaji berkaitan dengan layanan yang kita bagi kepada doktor-doktor dan juga untuk semua pegawai Kementerian Kesihatan kerana kalau cuma menaikkan gaji untuk doktor sahaja, itu pun tidak berapa betul kerana selalunya doktor itu tidak dapat berfungsi bersendirian. Dia selalunya kena berfungsi dengan semua kakitangan yang ada seperti jururawat dan sebagainya

dan untuk meningkatkan atau menaikkan gaji untuk kakitangan Kementerian Kesihatan sahaja itu pun tidak berapa betul kerana memang ada banyak *civil service* atau pegawai perkhidmatan awam yang lain juga kena meningkatkan gaji mereka dan jikalau kita hanya memihak kepada pegawai-pegawai kementerian kesihatan sahaja itu pun tidak berapa betul, tetapi Kementerian Kesihatan selalu mengkaji elaun-elaun yang kita akan bagi kepada pegawai-pegawai kita supaya bayaran dan juga kerja yang dijalankan adalah setimpal.

Bagi Yang Berhormat bagi Kuala Krai, Rembau, Lipis, Ipoh Barat dan juga Parit, berkaitan dengan kekurangan klinik juga hospital, Kementerian Kesihatan ingin menekankan bahawa kita sentiasa hendak seimbangkan hospital-hospital, klinik-klinik dengan sumber manusia yang kita ada. Di sini kita hendak menerangkan bahawa untuk menghasilkan seorang doktor dia akan ambil masa sekurang-kurang tujuh tahun dan untuk menghasilkan seorang pakar sekurang-kurang lebih daripada 10 tahun.

Ini selalunya bukan senang untuk membuat perancangan kerana kalau kita ada duit kita boleh bina infrastruktur yang kita hendak dalam masa yang singkat barangkali tiga tahun, tetapi untuk menghasilkan kakitangan dan sebagainya sumber manusia ini, dia memakan masa yang panjang. Kita memang mengambil berat berkaitan dengan keperluan semua kawasan-kawasan di Malaysia ini untuk dibekalkan dengan infrastruktur yang ada iaitu semua hospital yang canggih tetapi masalahnya kita kena seimbangkan juga dengan sumber manusia yang kita ada. Dari segi itu kita memang selalunya mengambil tindakan, tidak semestinya semua kawasan kita dapat membina hospital-hospital yang canggih tetapi kita mempunyai banyak klinik desa atau klinik kesihatan dan kita cuba sedaya upaya untuk menetapkan atau memberi pakar-pakar dan doktor-doktor supaya mereka dapat bertugas di klinik-klinik dan juga hospital ini.

Dan untuk mengatasi masalah yang kita hadapi iaitu kekurangan doktor tempatan, kita telah mengambil tindakan yang banyak seperti kita telah mengupah doktor-doktor dan juga pakar-pakar dari luar negeri supaya mereka dapat berkhidmat di kawasan desa. Kita juga telah mengambil tindakan untuk melanjutkan kontrak-kontrak untuk doktor-doktor dan juga pakar-pakar yang telah bersara. Di sini kita hendak mengatakan bahawa kita memang sentiasa menerima dengan hati terbuka berkaitan dengan semua cadangan dari semua pihak, adakah itu dari MMA, adakah

dari Yang Berhormat dan sebagainya. Kita memang sentiasa ambil beratlah berkaitan dengan perkara ini.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkaitan dengan adik Nur Atikah, itu saya hendak menekankan ini bukan satu kes birokrasi, ini adalah kerana kita mesti menjaga etika, etika yang kita ada, kita mesti menjaga penderma dan juga penerima. Ini adalah sesuatu etika yang diamalkan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia supaya kita kena jaga etika kedokteran ini.

Bagi Yang Berhormat dari Jasin, Batu Gajah, Parit dan Mambong berkaitan dengan projek ataupun program antimerokok ini, Tak Nak' ini, memang kita sentiasa membuka hati untuk menerima semua cadangan yang diketengahkan.

Tetapi di sini saya ingin mengatakan bahawa projek antimerokok ini sangat-sangat penting kerana jikalau kita tengok dalam Malaysia ini, kita mempunyai lebih kurang 4.4 juta rakyat yang ketagihan rokok dan tiap-tiap tahun kita mempunyai lebih kurang 10 ribu rakyat Malaysia yang meninggal kerana sakit yang berkaitan dengan merokok ini. Kita juga apabila menjalankan projek ini bukan sahaja tengok kesihatan seorang rakyat itu bukan sahaja menengok produktiviti yang hilang kerana kesakitan atau *absenteeism* dari kerja, tetapi kita juga tengok masalah penagihan dadah dunia juga masalah HIV/AIDS kerana mengikut statistik yang kita ada telah menunjukkan bahawa lebih kurang 99 peratus penagihan dadah ini adalah perokok. Apabila kita tengok HIV AIDS dan *sufferer* ini, kita dapati bahawa lebih kurang 75.6 peratus HIV AIDS ini adalah penagih dadah dan kita memang ada satu teori yang mengatakan dia memang ada satu ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon:biar saya habis dulu. Dia memang ada satu teori iaitu '*dead weight*' teori iaitu apabila kita merokok memang kita ada peluang bila kita akan jadi penagih dadah dan juga akan jadi pesakit HIV AIDS. Dari segi itulah mengapa Malaysia ini kita mementingkan kerajaan mementingkan kempen antimerokok ini. Kempen 'Tak Nak' ini telah dijalankan tidak lama sahaja iaitu dilancarkan pada bulan Februari tahun ini. Pada hari ini kita cuma ada empat bulan sahaja dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh bagi kita lebih banyak masa supaya kita dapat tengok kesannya kerana projek ini adalah satu projek berpanjangan untuk lima tahun yang akan datang dan jikalau seorang itu mengambil masa yang panjang untuk merokok saya harap Dewan yang mulia ini akan bagi satu

canlah kepada kempen ini supaya kita dapat bersama-sama untuk menangani masalah antimerokok ini, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Bera.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, ramai rakan-rakan tadi membangkitkan tentang tidak puas hati mengenai iklan merokok 'Tak Nak'. Saya difahamkan bahawa untuk menjalankan iklan tersebut sebuah syarikat sahaja yang monopoli iklan tersebut dan saya difahamkan kontrak oleh tersebut adalah selama lima tahun. Saya difahamkan RM20 juta setahun bermakna lima tahun RM100 juta dan dimonopoli oleh satu syarikat. Jadi kalau ada masalah, kalau kita pihak kementerian rasakan syarikat ini tidak mampu dan sebagainya adakah pihak kementerian boleh membatalkan ataupun menukarkan syarikat ini kepada syarikat lain.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin menerangkan bahawa kempen dana ini adalah berterusan untuk lima tahun yang akan datang dan kontrak-kontrak ini adalah dibaharui tiap-tiap tahun dan konsepnya kita tidak dapat memperbanyakkan kontraktor untuk menaikkan papan iklan ini kerana kita mesti ada satu fokus iaitu satu *blue print* di mana kita mesti menjalankan kempen ini dengan *coordinator*, kalau kita terlalu banyak kontraktor masalahnya akan timbul berkaitan dengan pelaksanaan program ini kerana masa yang diberikan adalah singkat untuk 12 bulan untuk tiap-tiap kontraktor dan sari segi itu tiap-tiap tahun kita akan kaji semula kontrak ini dan jikalau tidak berjaya untuk tahun yang lepas ini dia akan diberikan kepada kontraktor yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya kurang berpuas hati dengan jawapan Setiausaha Parlimen tadi untuk memantau dan melihat kerana bila mana kita dihubungi oleh rakyat nanti, jawapannya nanti ialah "Kita akan tengok". Sebab, ternyata umpamanya di Kuala Krai, daripada 35 orang doktor yang seharusnya datang ke Kuala Krai, yang datang hanya 11 orang, dan bagi doktor pakar pula, yang seharusnya datang ialah 9 orang tetapi yang datang hanya tiga orang iaitu satu, bagi Unit Sakit Puan (O&G), yang kedua, orthopedic dan yang ketiga, perubatan.

Dikatakan Hospital Kuala Krai dijadikan sebagai *pool*, tempat pakar. Ini semasa saya masih Yang Berhormat DUN dulu lagi, bererti sudah kira-kira lebih 10 tahun. Begitu juga dari segi OT – *operation theatre*, tidak boleh berjalan langsung sampai sekarang. Jadi, kalau jawapannya “Kita akan lihat, kita akan lihat”, bila rakyat akan berpuas hati mengenai perkara ini? Saya sebagai Yang Berhormat yang bertanggungjawab, yang mendapat majoriti yang besar, empat DUN, tidak pernah berlaku di Kelantan, empat DUN yang dimenangi dengan majoriti yang besar, jadi sudah 45 tahun kita merdeka, kalau dari Dabong memakan masa empat jam untuk sampai ke Kota Bharu, dan itulah yang kita katakan “mati dulu sebelum sampai ke hospital”. Jadi saya haraplah, pihak Kementerian Kesihatan mengambil tahu, umpamanya di Dabong ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bawa dia melawat Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya, Di Dabong, tidak ada. Kalau ada seorang doktor, bayangkan 30 pesakit yang rata-rata dari luar bandar, hendak sampai ke hospital pun ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: ...sudah tentu tidak dapat dan kadangkala ada, kadangkala tidak ada. Adakah pihak kementerian sedar perkara ini yang doktor tidak mahu datang ke luar bandar? Kalau ditugaskan, asyik cuti, asyik ke sana ke sini. Yang ada HA, bila datang, “Oh, tidak boleh buat”. Kena pergi Kota Bharu, empat jam untuk ke Kota Bharu. Inilah yang menyebabkan saya kata “mati dulu sebelum sampai hospital”. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang berkongsi *frustration* Yang Berhormat tetapi masalahnya, saya harap Yang Berhormat juga dapat fahami bahawa Kementerian Kesihatan ini memang bekerja di bawah satu suasana yang serba kekurangan. Bukan kita tidak hendak bagi, kalau kita ada pakar atau doktor, kita tidak bagi maka memang itu kesalahan kita tetapi kita cuba mencari jalan sedaya upaya supaya kita boleh dapat menempatkan seberapa banyak doktor dan pakar di semua klinik-klinik dan juga hospital-hospital yang kita ada.

Berkaitan dengan persoalan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai, jikalau memang mendesak sangat berkaitan dengan perkara ini seperti yang dikatakan, saya rasa kalau boleh, tolonglah beri saya satu surat atau kepada kementerian satu surat, di

mana kita akan mengambil berat tentang perkara ini, dan kita tengok bagaimana kita dapat “curi” doktor dari tempat lain supaya kita dapat tempatkan di tempat Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun, hendak bagi?

Tuan Lee Kah Choon: Okey, yang akhir sekalilah.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Berkenaan dengan iklan “Tak Nak” ini, saya berharap pada tahun-tahun yang akan datang kita minta supaya kementerian beri peluang kepada syarikat bumiputera, syarikat pengiklanan bumiputera kerana yang banyak menghisap rokok yang kita lihat kebanyakannya adalah orang Melayu, banyak orang bumiputera. Ini dimonopoli oleh satu syarikat, Lim Kok Wing yang saya dengar. Jadi dia tidak faham dan bila dia tidak faham dengan masyarakat yang sedang menghadapi penyakit merokok ini, itu yang bengkok ini keluar. Tetapi kalau bagi kepada syarikat bumiputera yang faham tentang budaya, tentang ragam orang Melayu, kemungkinan boleh digunakan cara lain yang lebih berkesan.

Jadi kita berharap supaya kementerian beri peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera di masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kontrak ini, saya rasa semua orang akan diberi peluang untuk tenderkan projek ini, tetapi di sini saya ingin menekankan bahawa untuk peringkat pertama, iaitu untuk tahun pertama kempen “Tak Nak” ini, adalah tertumpu kepada perang media atau menumpukan kepada *media persuasion*. Memang mereka jalankan projek mereka atau program mereka untuk tahun yang pertama ini mengikut apa yang tertulis di dalam kontrak yang telah dipersetujui sebelum pilihan raya. Akhir sekali berkaitan dengan Sistem Saraan Baru yang ...

Cik Fong Po Kuan: Mohon penjelasan.

Tuan Lee Kah Choon: Bagi saya habiskan dulu dan selepas itu saya beri. Berkaitan dengan Sistem Saraan Baru yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis, kita pasti mengkhususkan kecekapan yang betul-betul kepada keperluan kita. Perkara ini kita sudah mengkaji semula selepas kita mengadakan dialog dengan MMA (*Malaysian Medical Association*) berkaitan dengan perkara ini dan kita akan cuba

untuk mengatasi perkara yang telah dibangkitkan tadi. Sila Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak mengingatkan Setiausaha Parlimen berkenaan soalan saya, berapakah kos untuk setiap papan iklan “Tak Nak” ini. Saya hendak tahu berapakah kos bagi setiap satu termasuk kerja-kerja untuk memacak papan dan juga kain yang diletakkan pada papan, setiap satu.

Tuan Lee Kah Choon: Saya minta maaf, kerana ini adalah satu pertanyaan yang khusus, saya tidak tahu berapakah kos papan ini kerana saya diberitahu papan ini ada ukuran yang berbeza, saiznya adalah berlainan dan kempen ini bukan tertumpu kepada kerja untuk memacak iklan atau papan iklan sahaja tetapi kita akan meneruskan kempen media ini melalui televisyen, melalui media cetak dan sebagainya. Tadi ada ditimbulkan mengapa iklan tersebut tidak dibuat dalam bahasa-bahasa lain dan sebagainya, saya rasa ini adalah tidak berapa tepat kerana kalau kita meneliti surat khabar, kita boleh nampak semua bahasa digunakan. Kita memang mengadakan kempen media ini dalam semua bahasa. Saya harap kita akan bincang pada lain kali kerana ...

Cik Fong Po Kuan: Kalau boleh sedikit sahaja lagi.

Tuan Lee Kah Choon: Yang last sekali, okey last sekali.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya rasa tugas saya adalah *to check on the government so that there is no waste of public fund*, dengan izin. Saya ingin tahu sama ada Setiausaha Parlimen boleh memaklumkan kepada saya secara bertulis, kos untuk setiap papan iklan kerana saya nampak ada berlaku pembaziran, papan iklan itu dipacak di mana-mana, di mana mesej yang ingin kerajaan sampaikan tidak akan sampai. Tidak guna kita meluluskan wang yang banyak, nilai yang banyak untuk menunjukkan bahawa kerajaan begitu prihatin untuk menjayakan kempen ini tetapi mesej sebenarnya tidak sampai.

Sekarang ini saya hendak membantu kerajaan untuk menyebarkan mesej tanpa membazirkan wang rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon kalau boleh Setiausaha Parlimen yang saya hormati memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah jawab tadi Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara ini, kita memang mempunyai banyak cara *check and balance* dalam sistem kerajaan Malaysia. Kalau kita tidak berpuas hati berkaitan dengan bagaimana wang ini digunakan, di Parlimen ini kita ada PAC dan saya rasa bagi pihak pembangkang, kita juga ada ahli di dalamnya dan kita boleh minta mereka datang untuk menerangkan. Dalam semua perkara ini kita bersikap telus dan terbuka dan jikalau disyaki ada berlaku apa-apa penyalahgunaan, kita boleh pergi kepada ACA dan sebagainya. *Check and balance* itu memang ada tetapi kalau hendak diberikan satu persatu berkaitan dengan perkara ini, saya memang tidak ada pada masa ini tetapi kalau perlukan kos ini, bolehlah menulis kepada Kementerian Kesihatan dan kita akan tujukan kepada kontraktor supaya mereka boleh menerangkan kerana ini adalah kerja mereka sebagai sebuah konsesi untuk *listkan* semua harga bagi projek yang mereka laksanakan projek mereka..

Saya rasa saya sudah lebih kurang menjawab semua soalan yang telah dibentangkan, diketengahkan. Kalau jawapan saya tidak memuaskan atau tidak lengkap sangat, saya harap Yang Berhormat boleh menulis kepada kementerian supaya kita dapat menjelaskan melalui jawapan bertulis dengan lebih jelas lagi. Akhir sekali Kementerian Kesihatan berterima kasih di atas teguran dan juga cadangan yang telah diketengahkan untuk kebaikan kita semua. Segala cadangan dan teguran telah saya dan juga pegawai-pegawai kementerian saya telah catatkan dan semua cadangan ini akan dipertimbangkan dan tindakan-tindakan susulan sewajarnya akan dilaksanakan. Sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM528,862,200 untuk Maksud B. 34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM528,862,200 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM701,260,180 untuk Maksud P.34 yang disebutkan

dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM701,260,180 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

**Maksud B.35 [Jadual] –
Maksud P.35 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.35 dan Kepala Pembangunan P.35 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Mambong.

9.36 mlm.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah kementerian ini Butiran 02000 iaitu Emolumen Polis Diraja Malaysia.

Saya memang menyokong jumlah RM143,557,600 untuk emolumen Polis Diraja Malaysia. Tetapi mengikut statistik, saya ada satu kemusykilan. Yang pertama, bagi jawatan-jawatan yang tertentu - bagi kadet ASP, kalau kita lihat daripada Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Tahun 2003, permohonan diterima daripada awam lelaki ialah 2,618 dan hanya 181 dipanggil untuk temu duga, yang dilantik ialah 37. Begitu juga dengan jawatan-jawatan yang lain kerana permohonan yang diterima adalah amat besar tetapi untuk dipanggil temu duga adalah sangat kecil sekali dan apatah lagi yang telah pun dilantik.

Jadi ini kalau kita bandingkan dengan jumlah yang saya sebutkan tadi memanglah untuk membayar gaji pelantikan baru dan juga kenaikan pangkat. Oleh itu saya ingin bertanya pihak kementerian kenapa permohonan diterima begitu banyak tetapi dilantik hanya sedikit sahaja. Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya menyentuh tentang Butiran 20000 iaitu Alat Perhubungan Radio Polis Diraja Malaysia. Alat perhubungan radio Polis Diraja Malaysia sekarang boleh dikesan oleh alat-alat elektronik yang canggih. Kalau dua pasukan polis bercerita tentang apa-apa memang boleh dikesan. Ini adalah satu amalan yang sangat berbahaya.

Oleh yang demikian, saya menyarankan agar alat perhubungan polis haruslah lebih canggih lagi agar susah ataupun sulit dikesan oleh orang-orang awam. Begitu juga dengan alat-alat *speed trap*. Ini juga boleh dikesan oleh satu alat elektronik yang terdapat di pasaran. Saya ingin tahu adakah alat-alat elektronik yang ada di pasaran ini dibenarkan dijual di pasaran, kalau tidak memang alat-alat begini adalah diseludup ke dalam negara.

Oleh yang demikian, saya minta pihak Polis Diraja Malaysia untuk melihat perkara ini agar alat-alat begini yang boleh mengesan alat perhubungan radio di antara pasukan-pasukan polis yang sedang membuat tugas dan juga yang boleh mengesan *speed trap* haruslah diharamkan dan jika dijumpai oleh individu yang memiliki alat yang sebegini haruslah ditangkap kerana ini adalah satu amalan yang berbahaya bagi keselamatan negara kita.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah, selepas itu pihak kementerian pula menjawab.

9.40 mlm.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedang menunggu untuk berbahas dalam Maksud Bekalan B.35 Kementerian Dalam Negeri.

Saya tertarik dengan laporan baru-baru ini yang mengatakan bahawa anggota polis gemuk, beku naik pangkat. Saya hendak tahu apakah cadangan yang bakal diambil ini kerana pihak kementerian risaukan kesihatan polis-polis kita atau kerana berat badan mereka yang melebihi had ini telah menggugat kemampuan mereka untuk menjalankan tanggungjawab.

Pada masa yang sama, saya juga risau kalau mereka yang gemuk-gemuk ini, polis yang melebihi berat badan ini tidak dibenarkan untuk naik pangkat, ini mengurangkan satu insentif untuk mereka bekerja keras dan menjalankan tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi tidak boleh gemukkah?

Cik Fong Po Kuan: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak boleh gemuk?

Cik Fong Po Kuan: Inilah masalah yang ditimbulkan di mana dilaporkan yang gemuk dibekukan kenaikan pangkat sebab mereka akan gagal di dalam ujian lari 2.4

kilometer dalam satu tempoh masa. Jadi, saya hendak tanya apakah maklum balas dari polis-polis kita yang gemuk-gemuk ini terhadap tindakan yang akan diambil oleh kementerian. Perkara lain yang lebih serius yang akan saya bangkitkan adalah berkenaan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membanteras atau menyerang rasuah *and I will tell him the truth*, dengan izin.

Saya dengan mata sendiri telah menyaksikan satu insiden yang boleh saya katakan telah mengambil tempat rasuah berlaku. Perkara ini berlaku minggu lepas ketika saya berada di Muar, ini cerita benar. Saya percaya perkara ini masih *rampant*, dengan izin, berlaku yang mana saya begitu gembira bila saya nampak lebih tiga orang pegawai polis berjalan di tepi jalan, saya rasa bagus, nampaknya ada perubahan, ada polis *on beat*. Tetapi selepas itu saya nampak tiga orang polis berhenti di simpang jalan dan menunggu kereta yang melanggar undang-undang trafik.

Saya bukan menyokong mereka membuat pelanggaran undang-undang trafik tetapi yang saya kesalkan adalah kereta pertama yang diberhentikan Proton Saga. Dua orang polis ke hadapan, selepas itu saya tidak tahu apa berlaku sebab ia di seberang jalan, telah pergi. Selepas itu satu motosikal, dua orang lelaki Melayu. Salah seorang polis itu bercakap-cakap dengannya, dia senyum-senyum, lepas. Selepas itu datang sebuah kereta lagi, juga berbangsa Melayu, cakap-cakap, senyum-senyum, lepas. Selepas itu datang sebuah motosikal; dua orang wanita Cina dan telah diberhentikan di hadapan saya. Yang saya terkejut ialah pihak polis melintas ke jalan sebelah, minta IC dan lesen, balik ke sebelah jalan. Dua orang wanita itu berdiri di sebelah motosikal di hadapan saya. Selepas itu pihak polis melambai tangan, minta dia ke sebelah. Selepas itu, bila dia ke sebelah, dua orang wanita balik ambil motosikal. Saya tanya, polis ini ada bagi samankah? Dia kata, tidak, polis tidak bagi saman, dia hanya tulis nombor pendaftaran motosikal saya atas kertas putih sebab saya bagi dia RM10. Saya kata apa? RM6? Bukan, RM10.

Jadi, *I believe*, dengan izin, saya percaya ini masih *rampant* berlaku insiden yang sedemikian. Satu *selective*, tindakan yang memilih kasih; dan kedua, adalah rasuah. Saya harap apa yang diseru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyerang rasuah ini akan berjaya, saya akan menyokong. Sebab itu saya di dalam Dewan ini membangkitkan perkara ini.

Saya rasa begitu terharu, terkejut, serba salah, saya ingin bantu untuk membanteras rasuah tetapi nampaknya seruan itu tidak sampai ke bawah. Jadi.....

Ir Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam bangun.

Ir Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Dia kata, dia nampak dua orang perempuan itu tidak kena saman dan apabila ditanya sebabnya kerana bayar RM10. Sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dan yang menyokong Pak Lah dalam usaha memerangi rasuah, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat melaporkan perkara ini kepada BPR sebagai tanda kita menyokong Pak Lah memerangi rasuah ataupun apakah sebab kalau tidak berbuat demikian, kenapa Yang Berhormat tidak berbuat demikian? Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, jangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam di sini tanya saya. Saya rasa Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sendiri tahu jawapannya. Kalau.....

Beberapa Ahli: *[Dewan gamat seketika]*

Cik Fong Po Kuan: Dengar, dengar dulu. Bagi peluang jawab. Saya ada fikir. Saya memang fikir hendak pergi buat laporan polis. Tetapi satu, yang memberi itu bersalah, yang menerima itu pun bersalah...

Seorang Ahli: *Not responsible.....*

Cik Fong Po Kuan:hendak pastikan kes ini ke mahkamah atau Badan Pencegah Rasuah berjaya membawa mereka ini ke mahkamah kena ada kedua-dua pihak ini. Relakah mereka ke hadapan? Kita tahu proses juga memberi kenyataan kepada BPR. Jangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam datang sini mempersoalkan tanggungjawab saya. Saya percaya saya ke sini bangkitkan perkara ini, saya telah menjalankan tanggungjawab saya. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga banyak dengar cerita-cerita ini. Mungkin saya tidak mahu buang masa kerana perkara ini.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan slogan 'Mesra, Betul dan Cepat'. Saya rasa untuk memastikan imej polis ini diperbaiki, saya rasa perlulah polis memainkan peranan mereka dengan baik dan juga bukan dipandang seolah-olah kalau kita melanggar peraturan, kalau kita melanggar undang-undang, kita boleh selesaikan dengan begitu senang dengan pihak polis. Saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan kawasan saya Batu Gajah.

Penduduk-penduduk kampung baru di kawasan saya sekarang ini OCPD - Ketua Polis Daerah itu mengeluarkan saman-saman kepada orang-orang kampung ini yang tidak memakai topi keledar - satu, dan memotong lampu isyarat warna merah - dua, kenderaan yang undur belakang - tiga. Ketiga ini yang paling *rampant* sejak beberapa bulan ini. Saya bukan kata polis tidak patut buat itu.

Saya sokong polis membawa mereka yang salah itu, mereka harus didenda. Tapi persoalannya ialah caranya. Mereka terima saman pos ini. Saman pos tidak memakai topi keledar. Potong lampu - *rule 17*. Tidak pakai *safety helmet* - *rule 4*.- Lepas itu saya minta bagi gambar, tetapi tidak ada gambar. Ini adalah peraturan pematuhan di mana pihak polis nampak siapa langgar, dia boleh catat nombor pergi.....

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: [*Bangun*]

Cik Fong Po Kuan: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Semasa Yang Berhormat sebut mengenai dua orang perempuan Cina itu ya, saya berada di luar tadi, jadi saya masuk hendak bertanya. Orang Melayu yang ditahan mula-mula itu mengapa Yang Berhormat tidak pergi tanya mereka. Saya rasa mereka juga bayar itu...

Cik Fong Po Kuan: Sebab saya nampak.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:sebab saya hendak mengelak daripada yang dikatakan diskriminasi itu. Saya rasa yang Melayu itu pun bayar juga.

Cik Fong Po Kuan: Saya nampak dengan jelas sekali tidak ada bayaran. Saya nampak dengan jelas sekali tiada bayaran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, tak. Mengapa tidak tanya?

Cik Fong Po Kuan: Saya nampak.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kerana.....

Cik Fong Po Kuan: Saya nampak buat apa hendak tanya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:kerana kadangkala bayaran ini dia ada caranya.

Cik Fong Po Kuan: Kenderaan pertama pemandunya adalah.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kerana tidak adil, sebab you kena tanya semua. Sebab kalau tidak tanya inilah jadinya mungkin dikatakan polis dengan Melayu okey - boleh lepas. Dengan Cina buat. Kita kena tanya semua. Yang

Berhormat peguam tahu. Tidak boleh ambil tindakan terhadap dua Cina itu sahaja tetapi tidak tanya kepada Melayu yang dua orang itu. Saya rasa itu tidak adil. Sebagai peguam kita kena adil – semua, barulah kita boleh jadikan sebagai kenyataan di sini. Sebab saya rasa yang Melayu itu pun bayar juga.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri, kenderaan pertama yang dihentikan pemandunya adalah Cina. Saya tidak nampak sama ada bayar atau tidak bayar, sebab itu saya tidak kata sama ada bayar atau tidak bayar. Kenderaan kedua itu motosikal Melayu dia tidak bayar sebab di hadapan mata saya. Yang ketiga kenderaan Melayu itu tidak bayar sebab sekejap sahaja di hadapan mata saya. Yang pertama itu tidak di hadapan mata saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, saya hendak bertanya. Yang Berhormat ini sebab soal penting, mengapa yang dua Melayu itu Yang Berhormat boleh nampak tidak bayar, tetapi yang perempuan Cina dua orang itu Yang Berhormat hendak kena tanya. Kenapa? Saya rasa itu tidak adil. *Your have to be fair to all.*

Cik Fong Po Kuan: Sebab saya boleh nampak. Tadi saya telah ulangkan. Saya boleh nampak yang.....

Beberapa Ahli: *[Dewan gamat seketika]*

Cik Fong Po Kuan:kenderaan motosikal yang di hadapan saya itu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan:yang motosikal di hadapan saya itu, yang transaksi itu berlaku di sebelah jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup sudah.

Cik Fong Po Kuan: Ya, Tuan Pengerusi saya minta, haraplah jangan melihat saya mempunyai apa-apa motif

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan:berbau perkauman. Tuan Pengerusi saya hendak bangkitkan apa yang saya nampak dan saya percaya ini sebenarnya adalah apa yang sedang berlaku di luar. Saya percaya ada yang akan sokong saya.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu lagi apa.....

Cik Fong Po Kuan:tapi kurang beranilah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan:untuk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, masa cukup.

Cik Fong Po Kuan: Maaf ya Menteri, saya ingin beri penjelasan kalau

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Cik Fong Po Kuan:Tuan Pengerusi benarkan saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh Tuan Pengerusi satu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah saya minta duduklah Yang Berhormat Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Kalau boleh saya akhirkkan ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini perkara penting.....

Cik Fong Po Kuan:dengan perkara OCPD ini.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Berkenaan saman-saman untuk orang kampung ini. Gambar *approached* saya tidak boleh terima. Saya telah menulis 180 lebih saman sedemikian dari orang kampung. Jadi tidak boleh bersikap begitu angkuh sebab ada hari berjumpa orang ramai iaitu hari Khamis. Saya jumpa buat aduan, dia kata kalau tidak gembira pergi mahkamah saya rasa ini tidak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan:adillah. Saya harap *approach* mestilah baik di mana ada satu peluang untuk pembelaan. Menteri hendak penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk. Menteri jawab Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab.

9.44 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada dua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan peruntukan di bawah tajuk B.35, yang ada hubung kait dengan peruntukan tambahan sebanyak RM143,557,600 juta, yang mana dibelanjakan untuk menampung perbelanjaan emolument bagi gaji tambahan jawatan baru, penyelarasan gaji anggota polis dan bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebenarnya Tuan Pengerusi bahawa perbelanjaan-perbelanjaan ini telah dibelanjakan pada tahun lepas, iaitu sebelum Kementerian Keselamatan Dalam Negeri diwujudkan. Itulah sebabnya tajuk perbahasan ini di bawah Kementerian Dalam Negeri. Dalam perbahasan yang dibuat oleh dua Ahli Parlimen sebentar tadi, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Mambong.

Pertama adalah berkaitan dengan statistik permohonan kadet ASP oleh pemohon-pemohon, yang mana didapati ramai daripada yang dipanggil. Dalam proses pemilihan ada beberapa peringkat dibuat oleh pihak polis, yang mana pada peringkat pertamanya bahawa sebelum seseorang pemohon itu dipanggil, ada proses penapisan sama ada pemohon-pemohon itu layak untuk dipanggil. Mungkin ada di antara pemohon-pemohon yang tidak mencukupi syarat, iaitu syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Apabila telah dikenal pasti pemohon-pemohon yang mencukupi syarat, tapisan yang kedua akan dipanggil di mana pemohon-pemohon ini akan diuji daripada segi fizikal dan lain-lain seperti ujian berat badan, ujian ketinggian dan sebagainya. Dari situlah baru calon-calon yang benar-benar layak hanya dipanggil untuk ditemu duga oleh pihak polis. Itulah sebabnya kalau dilihat daripada angka yang dipanggil oleh pihak polis untuk ditemu duga adalah jauh lebih kurang daripada permohonan yang sebenarnya.

Berkaitan dengan alat yang dimusykilkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong. Alat-alat yang diperolehi oleh pihak polis, biasanya adalah alat-alat teknologi yang terkini. Jadi, apa yang diperolehi umpamanya seperti alat untuk mengesan *speed limits* ataupun *speed traps* bahawa itulah merupakan alat yang terkini yang diperolehi oleh pihak polis.

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tadi menyebut tentang alat-alat perhubungan polis termasuklah *speed traps* yang digunakan oleh polis boleh dikesankan oleh orang awam menggunakan satu alat elektronik yang canggih. Inilah persoalannya.

Jika, orang awam dapat memiliki satu alat elektronik yang canggih untuk mengesan alat perhubungan polis dan juga untuk mengesan di mana *speed traps* itu berada, maka saya rasa alat-alat yang digunakan oleh polis haruslah lebih canggih daripada alat-alat yang dimiliki oleh orang awam. Tetapi, pada pendirian saya, saya rasa memang alat-alat pengesan orang awam ini tidak harusnya berada ataupun tidak harusnya dimiliki oleh orang awam.

Mungkin alat-alat canggih elektronik ini di seludup ke dalam negara, inilah persoalannya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong, sebenarnya kalau ada alat-alat yang terkini yang dibuat, yang diperolehi oleh pihak polis untuk sesuatu tindakan, sudah tentu ada usaha-usaha untuk mendapatkan alat-alat yang lebih canggih lagi untuk mengatasi tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak polis.

Bagi alat-alat *electrical* yang dapat mengesan *speed traps*, sememangnya memang tidak benar dijual di pasaran. Jika, terdapat di gunakan oleh pihak-pihak yang tertentu mungkin sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi bahawa alat-alat itu dibawa masuk ke negara kita secara *smuggling*.

Berkaitan dengan isu yang

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin saya ini sudah rasa mengantuk mendengar cakap ini, kalau cakap macam ini tidak mengantuklah. Sebenarnya, dari semenjak dahulu lagi, kalau ada radio daripada polis boleh di *intercept* di mana-mana pihak yang berkehendakkan mengetahui apa mesej ataupun maklumat yang berkisar di antara satu seksyen ke satu seksyen polis. Tetapi polis juga mempunyai beberapa mekanisme untuk mengatasi masalah ini kerana kebiasaannya *messages* yang berlaku ataupun informasi yang berlaku ataupun informasi yang berlaku di antara satu seksyen ataupun satu *group* dengan satu *group* yang lain ini, biasanya ialah perkara-perkara biasa.

Tetapi jikalau perkara itu *secret*, sama ada dia hantar melalui mesej kod ataupun cara-cara dengan menggunakan *coding* ataupun *cypher* lain yang mana yang

tidak boleh di *cypher* mana-mana orang lain melainkan menggunakan alat-alat yang jauh lebih canggih lagi untuk di *cypher messages* yang berkenaan. Jadi, ini tidak menjadi satu masalah. Yang menjadi masalahnya ialah memang betul Yang Berhormat bagi Mambong, kalau Yang Berhormat melihat *amateur radio into zeos*, banyak menggunakan radio-radio yang diberi lesen oleh pihak-pihak yang tertentu, oleh jabatan-jabatan kerajaan ataupun agensi kerajaan.

Mereka ini, *amateur radio into zeos* ini mempunyai *well plan* yang boleh *intercept* mana-mana, apa benda pun. Jadi, kalau mereka ini yang memang *fix group of people*, dengan izin, mempunyai satu *coding* yang betul ataupun *decypher machine* yang tertentu, dia boleh *decypher* mana-mana pun. Jadi, sepatutnya kerajaan melihat juga perkara ini, perkara yang penting kerana kita tidak tahu, ada kadang-kadang yang berlaku benda yang kita hantar itu sepatutnya *secret* ataupun *confidential* di antara jabatan-jabatan tetapi diketahui oleh pihak ramai.

Siapa yang tidak bertanggungjawab dia akan mengeluarkan perkara ini kepada pihak yang lain. Jadi, kita punya rahsia yang sepatutnya disimpan sebagai rahsia diketahui umum. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan Yang Berhormat itu. Kita tidak boleh menafikan ada terdapatnya di mana alat-alat itu boleh *diintercepted* oleh pihak-pihak yang lain tetapi bagi pihak polis, polis sentiasa memastikan supaya alat-alat yang lebih canggih, di mana tidak dapat *interception* oleh pihak-pihak lain dapat diperolehi oleh pihak polis ini. Jadi, dari masa ke semasa pihak polis sentiasa mendapatkan teknologi yang baru untuk setakat ini, Yang Berhormat.

Kini saya menyentuh pula berkaitan dengan isu-isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Pertama, adalah berkaitan dengan anggota polis gemuk yang mana baru-baru ini tersebar dalam akhbar di mana pihak pegawai atasan polis telah menyatakan bahawa anggota-anggota polis yang gemuk ini tidak boleh naik pangkat.

Sebenarnya ini bukanlah satu dasar di mana anggota-anggota polis yang gemuk tidak boleh dinaikkan pangkat. Yang penting bahawa seseorang itu ataupun seseorang pegawai itu mestilah efisien dalam melaksanakan tugas mereka. Jadi, ini yang sebenarnya di mana pihak berkuasa akan menimbangkan bagi seseorang anggota untuk dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sebenarnya pada tahun 1974, 1975, 1976 kita mempunyai dasar yang sama. Yang mana sebelum seseorang itu dinaikkan pangkat, mesti berlari 6 kilometer dahulu dan bukan persoalan gemuk tetapi persoalannya, berapa laju dia boleh lari dan berapa sihat badannya dan berapa, ya, betullah kata Yang Berhormat itu, dia punya efisiensi berlandaskan *speed and movement*. Jadi, kalau itulah ukurannya, bukan soalan gemuk sebenarnya, soalan dia boleh lari, kalau tidak ada *commissioner*, suruhanjaya kita mungkin tidak boleh jadi suruhanjaya kalau dia gemuk sangat. Jadi patutlah juga polis ini macam Menteri, Yang Berhormat bagi Padang Rengas, kalau macam badan Yang Berhormat Menteri boleh tahanlah itu jadi Menteri. Macam Yang Berhormat sendiri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Apa yang saya katakan tadi bahawa seseorang itu hendaklah efisien. Efisien bukan sahaja daripada segi kecekapan dalam menjalankan tugas bahkan juga dalam segi fizikal mereka, sebagaimana yang telah Yang Berhormat nyatakan tadi, daripada segi kebolehan beliau, dalam segi fizikalnya boleh berlari dan sebagainya. Jadi, pokoknya bukan gemuk itu menjadi halangan untuk naik pangkat.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat berkenaan adakah terdapat galakan kepada polis-polis kita untuk sentiasa *fit*, dengan izin, macam mereka yang melebihi had berat badan ini diberi insentif sebaliknya jika mereka berjaya kurangkan berapa kilogram dalam berapa masa, mereka ditambah elaun atau bonus. Apakah galakan untuk mereka untuk *stay fit and healthy* pada masa yang sama?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat, kalau cadangan itu saya rasa ada negatifnya kerana mungkin ramai daripada anggota polis nanti makan banyak supaya dia gemuk kerana hendakkan insentif. Saya rasa cadangan Yang Berhormat itu tidak begitu praktikal.

Saya teruskan jawapan saya iaitu berkaitan dengan isu membanteras rasuah yang mana Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa Yang Berhormat telah melihat pegawai polis semasa menjalankan tugas menerima wang rasuah. Di sini saya ingin menyatakan dengan tegasnya bahawa bagi pihak polis tidak ada tolak ansur berkaitan dengan salah laku rasuah ini, malahan pihak polis mempunyai Unit Tatatertib yang

mana kesalahan-kesalahan termasuklah rasuah ini, pihak polis mengambil tindakan yang tegas sekiranya didapati berlaku pihak polis membuat salah laku ini.

Bagi pihak Yang Berhormat sebagai peguam, saya rasa ada dalam perundangan yang mana menyatakan sekiranya seseorang melihat seseorang itu melakukan kesalahan, maka adalah menjadi satu tanggungjawab mengikut undang-undang untuk melaporkan kepada pihak polis. Tetapi sebaliknya Yang Berhormat tidak berbuat demikian, mungkin ada sesuatu yang tersirat yang mana pihak Yang Berhormat tidak melaporkan perkara ini.

Jadi, bagi pihak polis merasakan sekiranya ada berlakunya sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi, seharusnya Yang Berhormat membuat laporan polis pada bila-bila masa kerana Yang Berhormat telah melihat satu kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh pegawai polis seperti yang dinyatakan itu.

Berkaitan dengan OCPD mengeluarkan saman di Batu Gajah iaitu di kawasan Yang Berhormat yang mana telah mengeluarkan satu notis untuk menyaman pesalah-pesalah berkaitan dengan perkara ini. Bagi pihak polis, saman ekor hanya dikeluarkan bagi kesalahan *speeding* atau langgar lampu isyarat merah yang mempunyai kamera yang dipasang di simpang-simpang lampu isyarat. Jika terdapat saman ekor untuk kesalahan-kesalahan seperti ini, Yang Berhormat boleh menulis kepada pihak polis di Bukit Aman.

Tetapi sekiranya saman itu bukan berbentuk saman ekor bahawa itu adalah peraturan yang dilaksanakan oleh polis dalam melaksanakan saman terhadap seseorang yang melakukan kesalahan yang boleh disaman. Jika pihak yang kena saman tidak bersetuju di atas cara atau amalan yang biasa digunakan oleh polis bahawa pihak yang kena saman itu bolehlah menuntut tidak bersalah semasa mereka dihadapkan di mahkamah.

Jadi, itu sahaja isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan juga Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Dengan itu saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat dan juga kepada Tuan Pengerusi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM143,557,600 untuk Maksud B.35 di

bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM143,557,600 untuk Maksud B.35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM42,531,940 untuk Maksud P.35 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM42,531,940 untuk Maksud P.35 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud P.36 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 2003] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.36 di bawah Kementerian Luar Negeri, oleh kerana P.36 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahaskan.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.36 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud P.37 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.37 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, oleh kerana P.37 juga hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahaskan.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.37 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud B.38 [Jadual] –

Maksud P.38 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.38 dan Kepala Pembangunan P.38 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahaskan. Santubong.

10.12 mlm.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja. Saya hendak tanya dengan kementerian di bawah Butiran (Projek) 12100 – Pejabat Baru, Kemudahan-kemudahan Pemeriksaan Penimbang. Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai permohonan sebanyak RM9,774,340, jadi persoalannya di manakah pemeriksaan alat penimbang ini hendak dibuat. Adakah salah satu daripadanya untuk digunakan di jalan raya di Sarawak kerana Sarawak pun banyak kerosakan jalan oleh kerana lori-lori atau trak yang besar-besar menggunakan jalan-jalan mendatangkan kerosakan dan *economic tools* kepada negeri Sarawak terutama sekali jalan-jalan Federal kerana *heavy vehicles*.

Alat penimbang ini adalah satu masalah yang besar yang kita tidak mempunyai stesen terutamanya di antara Sibu dan Miri. Jadi, adakah perancangan kementerian untuk mengadakannya dalam masa yang singkat? Walaupun tidak ada secara khususnya terlibat di sini, apa juga cadangan kementerian untuk menghantar pegawai teknikal ke Sarawak supaya keadaan di Sarawak itu tidak perlu dirujuk ke Semenanjung lagi yang memakan masa yang panjang yang mana untuk mengemaskinikan lagi *delivery system* kerajaan.

Berhubung kait dengan ini juga, Tuan Pengerusi, pertanyaan saya yang ketiga ialah persoalan kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya ini, Tuan Pengerusi, ialah sekarang ini kita masih menggunakan cara perhitungan iaitu kematian dihitung dengan berapa banyak kereta di jalan raya, tetapi mengikut penyelidikan yang dibuat oleh pakar mengatakan ini adalah cara yang tidak begitu tepat. Kata mereka ialah supaya kita menggunakan jumlah penduduk dalam negara itu dengan jumlah orang yang mati. Ini yang dikatakan lebih tepat lagi kerana dia kata kalau kematian itu melibatkan orang berjalan kaki, orang dalam bas, orang dalam lori, satu kemalangan melibatkan 10 ataupun 20 orang umpamanya. Maknanya kalau kita bandingkan nilai ini dengan kereta, ia tidak *reflect* yang sebenar. Perhitungan sepatutnya daripada orang mati dengan jumlah masyarakat.

Inilah pendapat seorang pakar bernama Theodore Modis, mengatakan jumlah ini sebenarnya lebih tepat daripada yang digunakan oleh kementerian sekarang.

Saya melihat juga mengikut hitungan, bahawa Malaysia kalau tidak tepat saya hendak minta penjelasan, kalau tidak salah saya ialah tiap-tiap 100,000 penduduk Malaysia, 24 orang mati di jalan raya tiap-tiap tahun.

Jadi di Amerika 23 mati tiap-tiap 100,000 setiap tahun dan negara yang berjaya menurunkan nisbah ini ialah United Kingdom, Sweden dan Jepun iaitu nisbahnya sampai 12 orang dalam 100,000. Jadi di mana *target* kita supaya mendapatkan nisbah yang jauh lebih rendah, yang lebih diterima oleh masyarakat untuk menurunkan bilangan ini, walaupun pendapat daripada pihak-pihak yang tertentu terutama sekali di Amerika, *to justify* mereka sendiri bahawa nisbah 23 adalah yang sesuai katanya, oleh kerana Amerika semenjak 65 tahun, semenjak tahun 1920 telah mendapat nisbah yang banyak iaitu 23 orang mati tiap-tiap 100,000 *population*.

Jadi di mana letak nisbah yang kita anggap daripada konsep *individualistic* punya pandangan, iaitu anggapan kita yang berpatutan dan yang mana tidak berpatutan, macam mana tindakan kita untuk mencapainya ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Langkawi.

10.16 mIm.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara 010400, 060500 di bawah Kementerian Pengangkutan. Terdapat kenderaan seperti feri-feri yang berulang-alik daripada daratan ke Langkawi dan juga termasuklah Pulau Pinang ke Langkawi, Kuala Kedah ke Langkawi dan Kuala Perlis ke Langkawi. Jadi terdapat lebih kurang 1.82 juta orang setahun melawat Langkawi dengan menggunakan feri. Kebanyakan yang menggunakan feri ialah lebih kurang 1.5 juta. Jadi saya hendak tahu adakah feri-feri berkenaan selamat digunakan dan juga selesa? Kerana baru-baru ini pengusaha feri telah meminta kerajaan ataupun memaklumkan kepada kerajaan negeri untuk menaikkan harga feri daripada RM15 hingga RM22 *one-way*, satu jalan dan daripada RM12 ke RM17 *one-way* ke Kuala Perlis.

Tuan Pengerusi, maka adillah kepada Langkawi kerana tanpa pelancong datang ke Langkawi kita tidak berapa sangat memerhati. Jadi Tuan Pengerusi, kalaulah pelancong tidak datang ke Langkawi maka sudah tentulah Langkawi akan terus mundur. Di sini saya akan tekankan sekali lagi, kalaulah sebagai seorang pelancong yang datang dari Kuala Lumpur misalnya ataupun dari Ipohkah atau Langkawi, dia telah membelanjakan lebih kurang RM30 untuk tiga hari *parking* kereta di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Seterusnya naik ke feri, sewa kereta lagi dantentulah pelancong tidak akan datang ke Langkawi. Keduanya berkaitan dengan keselesaan. Keselesaan itu bagi saya ialah satu perkara yang begitu amat penting sekali kerana Tuan Pengerusi, antara *seat* itu adalah begitu *cramp*, saya sebagai tentulah menghadapi masalah kerana terdapat jarak antara satu *seat* ke satu *seat* adalah begitu sempit hinggakan susah hendak berlunjur langsung.

Seterusnya dari segi membawa pesakit-pesakit daripada Langkawi ke Kuala Kedah ataupun Perlis, di mana tidak ada tempat yang lebih selesa ataupun tidak ada tempat langsung untuk memberi tempat kepada pesakit. Perkara ini adalah begitu memalukan kerana kalaulah ada orang yang hendak melahirkan anak terpaksa dibawa ke Kuala Perlis atau ke Alor Setar dan mereka itu ditempatkan di satu tempat di mana orang lalu-lalang dan ini menyebabkan kita sebagai pesakit merasa amat malu.

Seterusnya dari segi membawa mayat-mayat. Tidak ada bot ataupun tidak ada feri-feri yang mahu membawa mayat kerana mereka anggap itu sebagai sial.

Tetapi dahulunya kita ada feri LADA, kita boleh muatkan, tetapi sekarang tidak ada langsung yang boleh memuatkan mayat-mayat ini. Misalnya orang Langkawi ataupun pelancong datang ke Langkawi mati di Langkawi hendak dibawa ke Alor Setar ataupun daratan tentulah terpaksa menyewa feri-feri ataupun menyewa bot-bot yang lain, untuk membawakan mayat-mayat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, keadaan di Jeti di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. So, satu perkara yang begitu memalukan. Baru-baru ini saya terpaksa siasat sendiri mengenai perkara ini dan banyak kali mengalami, seperti hari Sabtu yang lepas, selepas saya balik *last bot*, *last feri* dari Kuala Kedah, di mana saya tersangkut di Kedah, sudahlah bot itu lambat, mati enjin pun satu, hanya satu enjin yang jalan. Jadi memakan masa dua jam untuk sampai ke Kedah, selepas itu sampai ke Kuala Kedah pula, disebabkan bot banyak ia diletakkan di hujungnya dan terpaksa saya berjalan dari satu feri ke satu feri, lima buah feri semuanya. Jadi begitulah, kalaulah pelancong datang, agak memalukan kita semua.

Tuan Pengerusi, saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali di pusat perdagangan dengan Yang Berhormat Menteri Besar. Jadi seperkara lagi ialah *pontoon* ataupun jeti Kuala Kedah dan Kuala Perlis amat mendukacitakan kerana tidak ada langsung, bila air surut Tuan Pengerusi bot yang datang ke jeti, tempat duduk dan seterusnya diletakkannya bangku ataupun tempat naik ke jeti terpaksa kita tunduk ke bawah. Bayangkan sebagai orang tua yang sakit tentulah akan memalukan. Inilah yang dilakukan sekarang ini dan kalau boleh adakan *pontoon* atau jabatan laut menggunakan *pontoon* untuk membolehkan macam dibuat di Langkawi sendiri.

Seterusnya saya berterima kasih pada pihak pengurusan feri, walaupun begitu mereka juga memberi perkhidmatan yang lebih baik sehinggalah lebih kurang 1.8 juta orang datang ke Langkawi dan saya haraplah Tuan Pengerusi supaya perkara ini dapat diperbaiki dan juga satu perkara lagi ialah jeti. Jeti itu tidak panjang sangat ke Kuala Perlis baik, Kuala Kedah pun baik, kerana dua bot *long size*, yang lain tidak boleh *long size*, jadi saya haraplah Timbalan Menteri dapat memberi maklum perkara ini dan buatlah apa yang perlu untuk memastikan kita dapat menarik lagi pelancong datang ke Langkawi.

Seterusnya seperkara lagi iaitu sungai-sungai yang cetek. Perkara ini berlaku di Kuala Perlis kerana kita nampak di Kuala Perlis itu ceteklah, walaupun bot tidak

sangkut, tapi amat memalukan, kita terpaksa tunggu dan seterusnya, kena tunggu air pasang barulah naik. Jadi dengan kata-kata itu saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan benarkan dua Ahli Yang Berhormat berucap sahaja. Ipoh Barat.

10.24 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin bahas mengenai *item* 060000 dan 060500. Tuan Pengerusi, ini adalah satu yang khusus iaitu mengenai lesen pembawa teksi iaitu yang dikendalikan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Tuan Pengerusi, lebih kurang 10 atau 15 tahun dahulu, satu syarikat bernama Makna 'Airray' Sdn Bhd di Lot 8701, Batu 16 ...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ayer Hitam bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, saya rasa LPKP dalam bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bukan dalam Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan M. Kula Segaran: Okey, mungkin. Terima kasih atas teguran, layak jadi Speakerlah. Tuan Pengerusi, selain dari itu saya ingin tahu apakah atas butiran yang saya rujuk itu adalah mengenai baru-baru ini satu arahan daripada Kementerian Pengangkutan bahawa bas-bas perlu dialih dari Medan Kidd ke Medan Gopeng. Semasa di peringkat Dasar dikatakan bahawa perkara ini akan dijawab semasa di *Committee Stage*. Saya harap satu jawapan yang tertentu diberi mengenai perkara ...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, bas juga di bawah Lembaga Pelesenan dan tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan M. Kula Segaran: Itu pandangan Yang Berhormatlah. Selain dari itu mengenai *double track* kereta api dari Kuala Lumpur ke Ipoh, saya difahamkan bahawa ada kelewatan-kelewatan yang tertentu. Ya, hendak tanya apa-apa Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa ada beberapa kelewatan yang akan timbul dalam menyiapkan *double tracking* dari Kuala

Lumpur ke Ipoh. Apakah usaha yang sedang dibuat supaya semua yang diperlukan agar kereta api *double track* ini akan disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditentukan sebelum ini dan bilakah ia akan berfungsi supaya apa yang dijanjikan bahawa ia akan siap sebelum pertengahan tahun hadapan, akan ditunaikan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Boleh, boleh.

Cik Fong Po Kuan: Sedarkah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bahawa syarikat pakej bagi pembinaan landasan dibahagi kepada dua. Dan pakej infrastruktur ini yang diuruskan oleh HICOM Berhad, mereka telah meminta lagi tambahan wang peruntukan untuk menyiapkan projek di bawah pakej mereka ini. Sedarkah Yang Berhormat berkenaan perkara ini? Tidakkah Yang Berhormat akan tanya berkenaan berapa tambahannya? Sekarang ini awal-awal lagi kita dimaklumkan lebih kurang RM4 bilion untuk projek landasan berkembar ini. Kalau ada tambahan, apa sebab tambahan kos ini?

Tuan M. Kula Segaran: Saya setuju 100% akan pandangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang dia sampaikan tadi?

Tuan M. Kula Segaran: Yang disampaikan mengenai kos yang lebih - HICOM dan sebagainya. Saya rasa ini satu *testing* bagi saya Tuan Pengerusi. *I can take on, no problem.* Tetapi satu perkara yang mustahak, saya harap pihak kerajaan akan menjawab mengenai perkara ini. Itu macam di surat khabar yang mana, "*Rail job unlikely to meet deadline*". Di mana beberapa perkara oleh sebab terlampau lambat, saya kata semua yang terkandung di sini semestinya Setiausaha Parlimen akan tahu, mungkin dia boleh jawab dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam, selepas itu Menteri boleh jawab.

Seorang Ahli: Alamak.

10.28 mlm.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, saya pergi terus mengenai peruntukan tambahan ini kepada Kementerian Pengangkutan. Saya dapati bahawa kita asyik membincangkan tentang hendak membangunkan sistem pengangkutan di negara ini tetapi perlu kita ingat bahawa kos kesesakan itu

merupakan satu faktor yang akan membantut pembangunan sekiranya kita sendiri tidak mengawal dengan baik.

Dalam konteks ini saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kita melihat semula, mengadakan satu *overhaul* terhadap sistem pengangkutan awam di bandar-bandar dan saya memang menyambut baik pendekatan yang digunakan oleh pihak kerajaan di mana kita akan menubuhkan satu Lembaga Pengangkutan Bandar.

Saya difahamkan ada sembilan kementerian yang terlibat. Maka tidak hairanlah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dia tidak tahu LPKP ini sebenarnya dalam kementerian lain kerana ada sembilan kementerian yang terlibat dalam sistem pengangkutan yang ada sekarang. Jadi kita perlu memperkasakan sistem pengangkutan awam di negara kita. Saya menyarankan agar kerajaan mengambil inisiatif dan memainkan satu peranan proaktif dan saya rasa kita perlu mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah yang telah dihadapi oleh pengguna-pengguna pengangkutan awam di bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Yang pertamanya kita dapati bahawa stesen-stesen, kita boleh membincangkan tentang landasan yang canggih dan kita ada sistem pengangkutan yang ini dan itu tetapi dari segi kita membuat pemilihan stesen, saya rasa itu adalah satu perkara yang memang mengelirukan dan juga menyedihkan kita kerana dari segi memilih stesen-stesen ini tidak strategik khususnya di Lembah Klang.

Saya dapati LRT tidak kira STAR ataupun PUTRA, ataupun KTM, kita tidak nampak sistem integrasi sistem pengangkutan itu. Saya rasa pemilihan stesen-stesen ini tidak termasuk Subang, Serdang dan Puchong. Perkara-perkara inilah saya rasa yang menyebabkan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini tidak efisien dan kita perlu mengkaji jangan semata-mata minta peruntukan tetapi kita kena lihat dari segi lokasinya adakah ianya strategik.

Kedua saya rasa daripada stesen-stesen yang dibina sekarang, nampaknya ianya kurang mesra pengguna dan saya berani mengatakan ini adalah kerana saya melihat di Jalan Pekeliling, Masjid India dan juga KL Central, saya melihat Putra LRT ataupun STAR LRT atau Monorel, mereka tidak disambungkan dari satu sistem ke

satu sistem yang lain. Saya lihat mereka yang turun dari STAR LRT terpaksa turun tangga, menyeberang, naik tangga balik untuk menaiki Monorel. Ini adalah satu sistem yang tidak *user friendly* dan kita perlu menggunakan satu pendekatan supaya ianya dapat diintegrasikan.

Dalam konteks ini saya mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengkaji semula bagaimana kita hendak mengintegrasikan sistem ini termasuk membina jejantas yang mana kita boleh mewujudkan ruang-ruang niaga di sebelahnya dan ini juga demi keselesaan pengguna.

Perkara kedua saya dapati adalah dari segi pelaksanaan sistem tiket bersepadu. Saya nampak semua syarikat masing-masing ada jualan tiket masing-masing dan ini juga membebaskan pengguna. Saya mencadangkan agar kita melaksanakan satu sistem tiket bersepadu yang boleh menggunakan Sistem *Touch 'n Go* dan *MEPS* tetapi tidak dikenakan bayaran yang tinggi.

Kedua, kita kena menyusun semula sistem pengangkutan bas dan *rail* di Lembah Klang dan bandar raya-bandar raya yang lain kalau ada dan saya dapati kerajaanlah perlu mengambil alih. Saya rasa beberapa negara di ASEAN pun mereka telah mulakan usaha ini dan inilah perkara-perkara yang perlu difikirkan oleh pihak kementerian.

Ketiga, saya dapati bahawa dari segi papan tanda bermaklumat. Memang orang datang ke stesen LRT di sini kita akan jadi sesat. Kita tidak tahu mana hendak pergi kerana sistemnya tidak betul. Saya mengambil contoh seorang pelancong daripada Jepun datang ke Kuala Lumpur menaiki KLIA Express. Bila sampai ke stesen, selepas itu bawa pula bagasinya dengan *hand luggagenya* terus turun dan mereka terpaksa turun ke tangga menyeberang dan sebagainya, ini adalah sesuatu yang tidak digemari oleh mana-mana pengguna. Saya rasa kita gunakan satu sistem di mana papan tanda bermaklumat itu perlulah jelas dan ia dihubungkan dari satu tempat ke satu tempat.

Di sini Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan bahawa pihak kementerian, kita perlu menyegerakan proses berbincang dengan sembilan kementerian sama-sama kita memperkasakan sistem pengangkutan di kawasan bandar. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, sila jawab.

Datuk Douglas Uggah Embas: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: Menteri jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua minit, dua minitlah. Bukit Mertajam.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, ...

Puan Chong Eng: Dua minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua minit, dua minit.

10.23 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin tahu mengenai penswastaaan perkhidmatan ujian undang-undang di JPJ. Mengapa ia perlu diswastakan dan ia diswastakan kepada siapa? Mengapa bayarannya telah meningkat setelah penswastaaan? Bukankah penswastaaan ialah untuk meningkatkan keberkesanan (*efficiency*) jabatan tetapi setelah penswastaaan, bayaran untuk Ujian Undang-undang Pemandu telah meningkat.

Juga Buku Panduan Undang-undang itu setiap orang mesti beli walaupun umpamanya kalau Tuan Pengerusi telah mengambil Ujian Undang-undang Pemandu semalam dan besoknya anak Speaker hendak mengambil ujian yang sama, buku yang sama itu tidak boleh diberikan kepada anak Speaker tetapi anak Speaker itu mesti beli satu buku lagi. walaupun buku itu hanya RM6 tetapi apakah rasionalnya? Mengapa perlu setiap orang yang mengambil ujian itu mesti beli buku itu? Dahulu buku itu boleh dibeli di mana-mana kedai dengan harga RM3 tetapi sekarang mesti dibeli melalui syarikat itu RM6. Apakah sebabnya? Itu soalan yang pertama.

Yang kedua ialah saya ingin mendapat laporan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kelab Sukan JPJ berhak menerima apa-apa bayaran melalui 'touch' JPJ kerana ini telah berlaku di JPJ Pulau Pinang dan saya telah pun mengemukakan masalah ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Mesyuarat Parlimen pada tahun lalu sampai ke hari ini belum dapat apa-apa laporan walaupun Yang Berhormat kata akan beri, akan beri. Jadi, saya mintalah dengan secara resmi hari ini, malam ini, harap boleh dapat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Semua pengangkutan darat yang laut tidak diusik, Tuan Pengerusi. Saya bincang yang laut. Dia orang cerita darat....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah. Nanti boleh mencelah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Boleh, ya?

10.36 mlm

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai perbelanjaan tambahan dari kementerian.

Yang pertama saya ingin menjawab soalan dari kawan saya Yang Berhormat bagi Santubong. Beliau bertanya sama ada peruntukan yang diadakan dalam perbelanjaan ini apakah senarainya. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, Sarawak tidak termasuk dalam ini adalah kerana satu perancangan yang untuk dibuat beberapa pusat-pusat JPJ yang sedang dibina. Walau bagaimanapun, kementerian sedar masalah alat timbang di negeri Sarawak yang pada masa ini hanya ada dua atau tiga alat timbang sepanjang dari Kuching hingga ke Lawas. Dengan demikian kementerian telah mengkaji dan mencari jalan bagaimana hendak menentukan bahawa alat timbang itu cukup untuk digunakan kerana tujuan alat timbang itu adalah untuk mengawal jalan kita supaya dia tidak rosak dan sebagainya. Jadi, dari segi ini kita akan mengambil tindakan dan saya minta Yang Berhormat memberi cadangan kalau ada cadangan kerana Yang Berhormat juga Pengerusi LPKP sedar bahawa perlunya jalan baik di negeri Sarawak.

Mengenai perkara yang kedua, yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi mengenai kedudukan pegawai teknikal di negeri Sarawak dan Sabah, setakat ini kita belum ada pegawai yang bertaraf engineer di kedua-dua negeri. Ada beberapa permohonan yang perlu dikaji oleh pegawai engineer itu dan perlu dihantar ke Kuala Lumpur. Sekarang ini kementerian juga sedang mengkaji bagaimana kita hendak menentukan seseorang pegawai akan diletakkan di kedua-dua negeri ini untuk membantu menyelesaikan masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang ketiga, perkara mengenai kemalangan jalan raya – memang sekarang kita menggunakan satu kaedah benchmark kedudukan jalan raya kita dengan negara-

negara lain dan kita menggunakan angka kematian bagi 10,000 kereta didaftar. Jadi, sekarang ini itulah benchmark yang kita gunakan tetapi sekarang kita telah memohon bahawa seorang juruperunding daripada Universiti Putera Malaysia untuk mencari mana kaedah yang lebih membantu kita dalam usaha kita hendak mengurangkan kadar kemalangan di negara kita ini. Sehingga satu kaedah baru kita dapat direka, kita masih menggunakan kadar kematian bagi 10,000 kereta berdaftar di negara kita.

Untuk maklumat Dewan ini juga kita ingin memaklumkan bahawa bagi tahun 2003 kadar kematian di negara kita adalah 4.9 : 10,000 kenderaan berdaftar. Jadi sasaran kita pada tahun 2010 kita dapat menurunkannya kepada 3 : 10,000 kenderaan berdaftar. Ini masih tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara maju di mana kadarnya di bawah 2 : 10,000 bagi kenderaan berdaftar. Walau bagaimanapun, di beberapa negeri, misalnya di Pulau Pinang kita dapat menurunkannya kepada 2.8 dan di Wilayah Persekutuan kurang daripada 1 : 10,000 bagi kenderaan yang berdaftar. Jadi, kita mempunyai satu target yang jelas dan kita berharap dengan usaha-usaha yang kita ambil dan kerjasama semua pihak kadar kemalangan di negara kita semakin hari semakin kurang.

Yang Berhormat bagi Langkawi menyentuh mengenai masalah feri. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa mengenai keadaan keselamatan feri adalah tanggungjawab Jabatan Laut dan kita akan mengambil tindakan seberapa yang boleh untuk menentukan bahawa feri itu selamat.

Perkara-perkara lain adalah berkaitan dengan kerajaan negeri dan kita akan sampaikan bagi pihak Yang Berhormat supaya perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi dapat dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan feri saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Melaka kita ada feri pergi ke Dumai ke Pekan Baru dan yang terakhir ini perkhidmatan Melaka ke Bengkalis. Dahulu kita ada orang tempatan menjalankan perkhidmatan feri di Melaka, dan ketiga-tiga perkhidmatan yang ada sekarang ini ke Pekan Baru, Dumai dan ke Bengkalis adalah melalui tiga syarikat feri yang dipunyai oleh orang-orang di Indonesia. Malangnya bagi kita, yang saya tidak faham, kementerian mengenakan satu peraturan yang amat ketat bagi feri tempatan. Ia tidak hendakkan feri yang diperbuat daripada

fiber dan besi kerana ini adalah international law, katanya. Tetapi, mengapa pula feri-feri daripada Indonesia yang masuk ke Malaysia semua yang menggunakan fiber boleh diterima? Ini yang kita pelik. Mengapakah yang orang kita tidak boleh tetapi yang Indonesia punya, boleh? Kalau hendak ikut dari segi keselamatan, kalau yang guna fiber ini tidak internationally safety kena kepada orang Malaysia kena juga kepada orang Indonesia.

Hari ini feri yang datang, yang berkhidmat dari Melaka ke Indonesia semuanya dimiliki oleh rakyat Indonesia tetapi yang kepunyaan Malaysia ini dikenakan syarat yang begitu ketat. Bila guna fiber minyaknya kurang, bila guna besi dia berat, minyaknya banyak. Jadi, feri yang dikelolakan oleh anak tempatan kita ini akhirnya rugi dan ditutup. Hari ini ia dimonopolikan semua oleh syarikat-syarikat daripada Indonesia. Adakah ini patut? Tidak patut.

Jadi, Tuan Pengerusi saya hendak mengambil kesempatan ini kerana pada hari ini kita banyak berbincang berkenaan dengan Butiran 03000, 36000, 06000, 07000, 89001 yang mana banyak melibatkan Jabatan Laut dan kita tahu pada hari ini begitu peruntukan yang besar kepada Jabatan Laut tetapi kita lihat Jabatan Laut kekurangan kakitangan. Peralatan Jabatan Laut macam saya sebutkan dalam ucapan saya yang sudah, amat menyedihkan sekali.

Kita sudah buat pelabuhan *barter trade* di Melaka. Di Kuala Linggi dan juga di Sungai Rambai sejak tahun 2001 dan kita minta supaya dengan kerjasama Jabatan Laut mengadakan *beckons* supaya menyenangkan pelayar-pelayar untuk masuk dalam pelabuhan ini. Janji atas janji tetapi kita tengok dalam peruntukan bajet ini, bukan main banyak lagi. Ini yang kita pelik.

Yang No. 2 pula – 36000 – Kerja-kerja Pengerukan Kuala-kuala Sungai Kecil di Pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Tuan Pengerusi dan uga Timbalan Menteri, saya sudah cakap dahulu, saya pengusaha *barter trade*. *I've been at the Malacca Port*, dengan izin *from* 1991 belum pernah lagi saya lihat kerja-kerja mengorek dijalankan di Pelabuhan Melaka. Dalam peruntukan - banyak. Kalau misalan kata Jabatan Laut tidak cukup kakitangan, tidak cukup peralatan, *why not* kita beli kerana kita hendak jadikan negara kita ini ialah *trading mission*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini satu yang terakhir Tuan Pengerusi. Satu lagi, saya pun hendak tanya kementerian kerana pelabuhan di Melaka ini, kita tidak

tahu. Kalau dahulu negara-negara berperang kerana berebutkan pelabuhan. Tetapi sebelum tahun 1990, Kerajaan Negeri Melaka telah menyerahkan pengurusan pelabuhan ke Pelabuhan Klang (LPK) dan yang menghairankan saya, Lembaga Pelabuhan Klang ini telah menswastakan kerja-kerja Pelabuhan Melaka kepada satu syarikat yang namanya SPPG.

Di dalam penswastaan itu, ada 14 peraturan ataupun jenis kerja yang hendak dijalankan oleh syarikat ini seperti menjaga kebersihan, mengorek dan sebagainya. Tetapi malangnya, syarikat ini hanya menjalankan hanya satu sahaja kerja dia, dengan izin, *collection of revenue* dan kita tidak tahu bagaimana LPK ini boleh bagi syarikat ini, projek penswastaan 20 tahun tanpa apa-apa kerja hanya satu sahaja *collection of revenue*. Ini yang saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, itu bukan minta penjelasan tetapi satu ucapan baru.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]*

Datuk Douglas Uggah Embas: Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan memberi maklum mengenai perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, khasnya tuduhan yang menyebutkan bahawa syarikat swasta yang diberikan tugas untuk menjalankan Pelabuhan Melaka tidak menjalankan tugas. Ini adalah satu tuduhan yang berat dan kita akan minta penjelasan dari pihak West Port dalam perkara ini.

Mengenai keadaan kapal yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di antara kapal dari Malaysia dan Indonesia, memang Jabatan Laut dengan menggunakan berbagai-bagai syarat untuk menentukan bahawa kapal kita adalah selamat untuk digunakan oleh penumpang-penumpang. Oleh yang demikian, mungkin keadaan syarat-syarat itu dianggap sebagai ketat. Tetapi malangnya kita tidak mempunyai kuasa untuk mensyaratkan kepada kapal-kapal yang diregisterkan di sebelah sana. Ini adalah satu isu yang boleh kita bincangkan bagaimana kita dapat menentukan bahawa peraturan-peraturan akan diatur supaya pengusaha-pengusaha kita tidak terjejas dalam mereka menjalankan tugas.

Mengenai komitmen kerajaan untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan, Kementerian Pengangkutan mempunyai komitmen yang tinggi untuk menentukan bahawa pelabuhan-pelabuhan kita adalah satu pelabuhan yang dapat bersaing dengan

pelabuhan-pelabuhan di tempat-tempat yang lain. Ini di antara usaha-usaha yang diambil ialah menentukan sungai-sungai itu dapat dilalui oleh kapal-kapal. Jadi, kalau Melaka telah dilupakan, saya akan bincang dengan pegawai dan bertanya mengapa Melaka dilupakan dan kita akan bagi kepada Yang Berhormat. Saya fikir kita boleh bincang di luar kerana masa sudah berjalan, saya minta mohon kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Satu lagi, last.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, segerakan. Segerakan.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu kementerian supaya pergi siasat satu benda lagi iaitu tentang *port charges* yang dikenakan oleh pengusaha feri di Melaka, yang mana seperti yang umum tahu tambang daripada Melaka ke Dumai *to and fro* RM150. Kadang-kadang dia bagi diskaun RM120. Tetapi dia caj lagi kepada *passanger* ataupun pelancong RM9 *port charges*.

Saya difahamkan yang RM9 *port charges* ini tidak sampai kepada tangan kerajaan (kepada kementerian). Di dalam poket pengusaha ataupun agen kepada feri Indonesia ini. Tetapi dia gunakan satu resit *port charges*. Apabila kita sudah tegur dia, sekarang dia kata *handling charges* pula, ada kad caj tambahan daripada tambang yang dikenakan. Jadi, saya minta kementerian siasat dan kalau boleh benda ini kita minta dibanteras kerana ini sedikit sebanyak akan menjatuhkan imej negeri Melaka. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat cukup fasih mengenai masalah *charges* ini *look like his insider trading*. Saya minta Yang Berhormat bagi *detail* yang lengkap supaya kita dapat mencari jalan bagaimana yang mengatasi masalah tersebut. Okey?

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi menyentuh tentang *double tracking*, projek landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh dijangka siap pada suku tahun pertama 2006. Dan kita telah mengambil.....

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi. Saya ingat benda yang saya bangkitkan tadi tidak terjawab pun, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan hal urusan kerajaan negeri. Tetapi saya menyangkal kerana ini adalah di bawah Jabatan Laut, yang feri-feri dan semua ini adalah di bawah Jabatan Laut. Saya ingat perkara ini kena beri perhatian lebih kerana baru-baru ini juga dinaikkan harga tambang. Adakah dibenarkan sesuka hati dinaikkan harga tambang tanpa merujuk kepada Kementerian Pengangkutan?

Saya kadang-kadang tidak mahu bercakap, tetapi perkara ini adalah begitu menyakit hati kerana sudahlah sempit, tidak selesa, Yang Berhormat minta pegawai pergilah. Jangan cakap begitu sahaja kerana saya tahu, saya sendiri naik kapal, naik feri, tiap-tiap minggu saya naik feri. Tiap-tiap minggu, hari Jumaat, Sabtu balik ataupun hari Jumaat pergi, patah balik hari Ahad. Itulah saya tahu benda ini berlaku dan naik naik apa? Bila air surut, bila air surut,..... orang Perlis tahulah. Bila air surut, feri ini akan turun bawah, jeti itu dekat atas, maka terpaksa merangkak naik ke atas.

Bayangkan Tuan Pengerusi, bayangkan bagaimana pelancong, pelancong orang tempatan dan orang luar seperti Perlis atau Johor pergi melancong ke Langkawi dengan membawa barang-barang yang dikepitnya. Saya ingat perkara ini janganlah kata hal-hal negeri.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, apa pula? Silakan.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan jeti sekarang ini. Kita kadang-kadang hendak menjemput banyak pelancong macam Langkawi, di Melaka pun sebut hendak tarik pelancong. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat dan kementerian, kalau kita lihat tentang jeti kita, jeti feri kita, pelabuhan kita, bukan kata *first world* punya standard, *third world* pun saya rasa mungkin *fourth world* agaknya. Jadi kenalah kita lihat sekarang ini keadaan jeti-jeti kita tentang *jetty passengers*, feri apa semua. Ini memainkan peranan. *We are talking about first world. We work infrastructure* dan sebagainya, tetapi keadaan jeti kita dekat Melaka itu

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Keadaan jeti kita dekat Melaka itu Yang Berhormat dengan begitu pesat pelancong masuk, betul-betul macam balai raya. Betul-betul macam balai raya. Lepas itu ada *company charge* pula. *Port chargers* RM9, kerusi tak ada, *air-cond* tak ada, apa tak ada. Saya minta kementerian semaklah balik.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okeylah Yang Berhormat, kita akan menyemak balik perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Kita berterima kasih kerana Yang Berhormat nampak begitu sensitif mengenai perkara ini, memang betul, tepat. Ia juga selari dengan kedudukan pendirian kementerian. Kita memang menentukan bahawa kemudahan-kemudahan pelabuhan termasuk jeti-jeti haruslah dibaiki dan sebagainya supaya pelancong dan pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang datang ke negara kita nampak bahawa kemudahan kita pun sesuai dengan keadaan negara kita yang membangun sekarang.

Mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Langkawi tadi, bagi kementerian memang dasar kita tidak membenarkan pengusaha-pengusaha feri yang di bawah tanggungjawab kementerian untuk menaikkan tambang sesuka hati. Tetapi kadang-kadang perkara ini di bawah pihak berkuasa negeri maka tidak ada apalah yang kita dapat buat untuk perkara tersebut. Walau bagaimanapun, kita akan sampaikan segala rintihan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kita juga bersimpati dengan beliau apabila perkara ini berlaku, beliau memanglah seorang yang selalu ditanya oleh penduduk-penduduk dan pengundi-pengundi Yang Berhormat.

Mengenai perkara yang disebut oleh Ipoh Barat tadi, langkah-langkah memang kita mengakui bahawa ada kelewatan dalam projek landasan berkembar Rawang-Ipoh ini. Kementerian telah mengambil langkah positif untuk menentukan bahawa projek ini akan berjalan seperti dirancang. Kita telah mengadakan satu *task force* untuk menangani masalah ini dan beberapa masalah, misalnya masalah setingan, masalah teknikal, masalah kontraktor dan sebagainya, dan kita akan terus memantau prestasi-prestasi subkontraktor supaya perkara ini tidak jadi masalah dan akan mentadbirkan projek ini. Setakat ini tidak ada tambahan kos berlaku lagi.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menyentuh mengenai perkara pengangkutan awam. Memang kerajaan sedar bahawa masalah pengangkutan awam ini adalah satu masalah yang kita harus tangani maka satu *task force* telah ditubuhkan dan kita juga mencari jalan bagaimana kita hendak menyelesaikan beberapa masalah yang disebut

oleh Yang Berhormat tadi termasuk mengkaji bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah tiket, masalah integrasikan sistem-sistem *transport*.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam dengan Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Langkawi dan juga daripada Jasin. Juga berlaku di Batang Lepar, Sadong dan sebagainya. Soalan feri ini, kadang-kadang feri memang betul daripada kerajaan negeri yang *operate* feri dan juga kadang-kadang *diprivatised*, diswastakan, syarikat swasta yang menjalankan operasinya.

Persoalannya, sejauh manakah kerajaan boleh, dengan izin, *give effect* kepada undang-undang yang mengatakan bahawa umpamanya Ahli Parlimen diberi keutamaan masuk feri. Tetapi kalau kita lihat *billboard* itu dia kata yang diberi keutamaan JKR, kontraktor JKR dan kereta kerajaan, Ahli Parlimen yang ada kad itu tidak ada. Jadi, macam mana, adakah undang-undang ini tidak pakaikah atau macam mana? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, ini perkara terperinci, saya minta izin untuk menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat supaya kita dapat jawapan yang lebih tepat. Okey, Yang Berhormat bagi Santubong.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Mengenai projek landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar, adakah ia akan dilaksanakan? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Setakat ini kita belum ada rancangan kita hendak menyiapkan yang disebutkan tadi. Jadi, isu-isu yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi adalah memang dalam rancangan kementerian untuk

mencari jalan bagaimana kita hendak meningkatkan mutu pengangkutan awam di bandar-bandar kita.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi bertanya berhubung dengan isu ujian memandu yang telah diswastakan. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa ujian memandu telah diswastakan. Apa yang berlaku adalah.....

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Douglas Uggah Embas: Tunggulah, saya selesaikan dahulu. Yang Berhormat ini tak sabar. Sebenarnya saya sudah menyediakan satu jawapan kepada Yang Berhormat kerana hari itu Yang Berhormat bertanya saya dan beliau berjanji tidak akan bangkitkan perkara ini di Parlimen tetapi *today you break your promise, so* kita tahulah.

Program *e-government* ini dilancarkan kerajaan serta melantik tiga konsortium untuk menjalankan, mengendalikan aktiviti yang melibatkan ujian memandu iaitu termasuk mengadakan tempat menjalankan ujian Bahagian Satu secara elektronik kepada calon-calon ujian memandu. Ujian ini dijalankan dengan menggunakan komputer di tempat ujian, *approved site* yang disetujui oleh JPJ. Walau bagaimanapun, soalan bagi ujian tersebut disediakan JPJ dan kelulusan ujian tersebut juga dikeluarkan JPJ, maka kita tidak menswastakan ujian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai buku yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kita akan meneliti perkara itu dan kita akan beritahu Ahli Yang Berhormat. Silakan.

Puan Chong Eng: Penjelasan. Tuan Pengerusi, yang pertama, yang dikatakan janji itu, orang yang membuat janji itu mesti mengotakan janji itu, barulah orang yang lain boleh mengotakan janji juga. Tetapi janji itu tidak dikotakan. Jadi, saya terpaksa membawa isu ini ke Dewan ini supaya secara rasmi memohon satu jawapan. Itu yang pertama.

Yang kedua, yang saya maksudkan ialah ujian undang-undang 'L'. Saya sudah berjumpa Pengarah JPJ di Pulau Pinang dan saya diberitahu bahawa itu telah diswastakan. Jadi, seolah-olahnya Timbalan Menteri dan Pengarah di negeri ada dua penjelasan, sama ada Timbalan Menteri tidak tahu apa yang berlaku di negeri ataupun di negeri telah menjalankan projek sendiri. Saya rasa bahawa Pengarah di negeri itu lebih tahu apa yang berlaku....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tanya apa?

Puan Chong Eng:di *grassroot*. Jadi, saya hendak tanya.....

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya faham apa yang ditanya oleh Yang Berhormat. Jadi, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa memang ujian memandu untuk meluluskan seseorang itu mendapat lesen memandu.....

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Duduk! Minta Yang Berhormat bersabar, dengar saya menjelaskan. Bahawa menyediakan soalan dan meluluskan sesuatu ujian adalah JPJ. Yang diswastakan adalah untuk menyediakan tempat menjalankan ujian dengan cara elektronik itu yang diswastakan. Jadi, itu ada bezanya kerana yang hanya layak untuk memberi kelulusan kepada satu ujian adalah pegawai JPJ. Jadi, saya rasa kita tidak ada perkara lain yang diminta penjelasan.....

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas:cuma satu lagi perkara yang disebut, ditanya oleh Yang Berhormat tadi mengenai buku JPJ.

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Mengenai buku JPJ kita akan *check* perkara itu dan mengenai yang ketiga Kelab Sukan JPJ, kita telah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: ...beritahu kepada *Sports Club*..... [*Disampuk*]
Sekarang sudah pukul berapa? Yang Berhormat dia tak faham, jadi tak perlu buang masa orang lain.

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Okay. Tuan Pengerusi, itu sahajalah saya jawab.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup!

Datuk Douglas Uggah Embas: kerana Yang Berhormat ini banyak bising, kita cuba hendak jawab, hendak jelas beliau tidak mahu mendengar, jadi apa-

apa perkara yang saya tidak jawab, saya tidak sentuh, kita akan ambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat!

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat!

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,193,700 untuk Maksud B.38 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM19,193,700 untuk Maksud B.35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM577,052,350 untuk Maksud P.38 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM577,052,350 untuk Maksud P.38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud P.39 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.39 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM60,000,010 untuk Maksud P.39

yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM60,000,010 untuk Maksud P.39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Maksud B.40 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bera.

11.06 mlm.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong perbelanjaan mengurus tambahan bagi Maksud B.40 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai Jabatan Perkhidmatan Masyarakat (KEMAS). Ada beberapa perkara dalam KEMAS yang nampaknya kurang kemas dan bagi memperkemaskan KEMAS saya ingin mengutarakan beberapa isu dan cadangan-cadangan.

- (i) isu Bangunan KEMAS yang kebanyakannya sudah begitu lapuk. Banyak sekolah-sekolah KEMAS terpaksa menumpang di balai-balai raya, surau-surau dan kadang-kadang terpaksa menyewa bangunan lain. Dengan itu dicadangkan supaya pihak kementerian mengeluarkan perbelanjaan untuk membina Bangunan-bangunan KEMAS yang baru;
- (ii) peralatan-peralatan KEMAS tidak mencukupi, untuk satu daerah, lebih kurang 3 atau 4 Tadika KEMAS sahaja yang akan menerima bantuan peralatan dalam setahun. Sedangkan *average* kelas-kelas Tadika KEMAS di dalam satu-satu daerah mempunyai 50 hingga 60 sekolah-sekolah ataupun kelas-kelas Tadika KEMAS;
- (iii) kekurangan guru – saya ingin memberi contoh di Bera misalnya, kawasan saya, kita masih menghadapi kekurangan empat orang guru, sehingga sekarang masih belum diisi. Walaupun polisi KEMAS membenarkan 15 orang murid boleh dibuat atau dibuka kelas KEMAS, tetapi kerana kekurangan guru, banyak kelas-

kelas KEMAS tidak dapat dibuka. Saya beri contoh di tempat saya juga di sebuah ladang, iaitu Ladang Bera Selatan 4, guru-guru KEMAS berhenti dan tidak diganti akhirnya anak-anak yang berumur lima tahun, enam tahun terpaksa dihantar ke satu kawasan yang letaknya 10 kilometer dan akhirnya semua kanak-kanak tersebut berhenti belajar kerana tidak tahan belajar di tempat yang jauh. Begitu juga di beberapa perkampungan Orang Asli, saya beri contoh, Kampung Bongkok misalnya, ada lebih 25 orang kanak-kanak yang boleh belajar, tetapi kerana kekurangan guru, kelas tidak dibuka, terpaksa dihantar ke tempat jauh dan akhirnya mereka berhenti.

Jadi, saya berharap guru-guru KEMAS, saya harap pihak kementerian boleh menambah guru-guru KEMAS tadi.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, saya ingin menambah apa yang disebutkan oleh sahabat saya tadi tentang KEMAS, saya kira sudah sampai masa dan ketikanya untuk kita memperkemaskan, *general overhaul* KEMAS ini kerana usaha-usaha kita yang lepas melalui KEMAS kita mengharapkan supaya dapat membangunkan usahawan-usahawan dari kalangan orang luar bandar, dari kampung.

Tuan Pengerusi, yang saya hairannya, saya lihat di kampung saya, kakak saya daripada sejak anak dara sehingga sudah ada cucu sekarang ini masih lagi diajar di KEMAS...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta penjelasan atau berucap?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan ini. *[Ketawa]* Penjelasan, Tuan Pengerusi. Masih diajar buat mee kuning. 20 tahun dahulu, 30 tahun dahulu buat mee kuning daripada mesin macam mesin getah itu, ia pakai tangan, hari ini pakai mesin yang elektrik, baguslah. Tetapi 30 tahun belajar buat mee kuning, bila dia hendak khatam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi setuju atau tidak tempat saya Yang Berhormat bagi Bera kerana kita kena lihat balik struktur KEMAS untuk membangunkan usahawan-usahawan di kalangan orang-orang luar bandar ini supaya jangan sekadar belajar sahaja. Kalau hendak ajar mereka ini biarlah sehingga mereka jadi pakar satu-satu barang ini, boleh mengeluarkan, boleh cari makan, boleh berniaga dan sebagainya. Itulah tujuannya. Kalau setakat belajar sahaja, sampai bila hendak khatam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, saya bersetuju. Masalah yang keempat yang dihadapi oleh Tadika-tadika KEMAS ialah kurang pembantu-pembantu kelas KEMAS, iaitu mereka yang membantu dalam menyediakan makanan kepada kanak-kanak di dalam kelas-kelas Tadika KEMAS. Saya difahamkan banyak sekolah-sekolah Tadika KEMAS yang tiada mempunyai pembantu, akhirnya terpaksa menggunakan wang daripada ibu bapa kanak-kanak tersebut untuk menggaji pembantu kelas KEMAS. Alasan daripada pihak kementerian, mereka tidak mempunyai bajet untuk mewujudkan pembantu-pembantu di kelas KEMAS tadi.

Yang akhirnya ialah masalah di Tadika KEMAS juga ialah kekurangan penyelia prasekolah KEMAS. Di satu kawasan Parlimen saya difahamkan hanya ada satu sahaja penyelia prasekolah, sedangkan mereka terpaksa memantau dan menjaga 50 hingga 60 tadika, jadi ini yang menyebabkan mereka tidak mampu untuk memantau begitu banyak kelas dalam satu masa.

Jadi, Tuan Pengerusi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Adakah Yang Berhormat berfikir bahawa mungkin lebih baik kelas Tadika KEMAS ini diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran kerana dia beruniform kerana sekarang pun kita ada dasar bahawa kita hendak wujudkan tadika di semua sekolah. Jadi, mungkin adalah lebih baik supaya tugas kedua-dua kementerian ini tidak bertindih dan lebih profesional dijalankan. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Saya kira selama ini Tadika KEMAS telah membuktikan kejayaan mereka. Cuma masalah-masalah yang disebutkan tadi adalah sedikit kekurangan dan jika masalah tadi diselesaikan, KEMAS akan mampu dan saya kira tidak perlu lagi bergabung dan sebagainya. Sekarang ini pun di sekolah-sekolah ada kelas prasekolah, cuma dasarnya mungkin berbeza dan sehingga kini KEMAS telah pun berjaya, dari dahulu sehingga sekarang berjaya. Cuma sedikit kekurangan tadi ialah mengenai kekurangan kewangan dan sebagainya. Jika pihak kementerian boleh menambahkan kewangan tadi untuk menyelesaikan masalah yang saya sebutkan, saya kira KEMAS boleh jadi kelas yang *perfect* untuk kanak-kanak sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah rendah.

Jadi, Tuan Pengerusi serta Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berharap perkara-perkara yang saya sebut tadi dapat diberikan perhatian kerana tentu sahaja kita tahu yang belajar di kelas KEMAS adalah anak-anak penduduk di luar bandar. Rata-rata mereka adalah anak-anak orang miskin dan mereka bergantung kepada kelas-kelas KEMAS ini sebelum mereka dihantar ke sekolah-sekolah rendah. Jika tiada pendedahan diberi kepada anak-anak orang kampung tadi, yang saya sebutkan tadi, mereka akan menghadapi masalah apabila mula belajar di sekolah-sekolah rendah. Jadi, saya harap perkara ini akan diberikan pertimbangan dan saya menyokong perbelanjaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ipoh Timor. Selepas itu Menteri menjawab.

11.17 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, Butiran 020000 mengenai tambahan sebanyak RM8 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran hasil prestasi 2003 dan isu pokok di hadapan kita ialah tahap prestasi, bukan sahaja KEMAS yang kita dengar tadi daripada Yang Berhormat bagi Bera, yang menyebabkan rakan beliau kata, bahawa perlulah satu *overhaul* KEMAS, tetapi nampaknya perlulah satu *overhaul* kementerian yang berkenaan.

Dalam perkara ini, dalam perbincangan pokok, dasar saya ada menimbulkan isu bagaimana Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli sudah gagal untuk menunaikan, menjalankan tugasnya untuk membela nasib Orang Asli dan saya ada tanya mengenai kes Orang Asli Lembah Linggiu di Kota Tinggi, di mana satu *adjustment* RM38 juta,

akhirnya RM16 juta nampaknya sudah hilang, di mana peguam lebih daripada RM10 juta dikatakan sudah dibelanjakan untuk bayaran guaman RM2.2 juta untuk *tout* dan Orang Asli yang sepatutnya menjadi jutawan, sudah menjadi papa di tanah air kita sendiri.

Apa yang dahsyat mengenai prestasi jabatan berkenaan ialah di mana, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan diberi satu jawapan yang tidak betul sehingga mengelirukan Dewan yang mulia ini, dan beliau ada beri satu jaminan bahawa kedudukan yang sebenar akan dilaporkan di dalam Parlimen dan masa ini ialah masa yang tepat untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri kementerian berkenaan memberi satu jawapan, satu laporan khasnya, apa kedudukan sekarang, bagaimana Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli boleh gagal dalam menjalankan tugas untuk membela nasib Orang Asli yang begitu mundur dan terkebelakang dalam negara kita dan sebab itu, saya harap kita boleh dapat satu laporan.

Saya diberitahu bahawa pada petang ini, pukul 3.30, Yang Berhormat Perdana Menteri dalam kementerian ini, dijadualkan untuk mengadakan satu *press conference* untuk memberi satu laporan mengenai perkara ini tetapi, tidak diteruskan, kenapa? Apakah sudah berlaku? Saya harap bahawa kita boleh dapat satu kenyataan mengenai perkara ini, oleh kerana kalau tidak, nampaknya Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli dan kementerian berkenaan sudah gagal bukan sahaja tahap prestasi yang tinggi, tetapi sudah gagal untuk melaporkan prinsip-prinsip *good governance*. Saya harap bahawa dalam perkara ini, kita ada satu jawapan yang tepat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

11.21 mlm.

Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jasin kerana menimbulkan dua isu yang agak pokok ke atas perjalanan KEMAS, dari segi mempunyai satu struktur yang membolehkan KEMAS untuk melaksanakan tugas-tugas terutamanya dari segi pendidikan awal

kanak-kanak, baik di peringkat tadika mahupun di peringkat taska yang dirasakan masih perlu banyak perubahan.

Saya sendiri Tuan Pengerusi, mempunyai pendapat yang tidak kurang berbezanya dengan pendapat-pendapat Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jasin, di mana perubahan perlu berlaku. Kalau betul-betul KEMAS ingin membantu warga luar bandar, khususnya anak-anak dari golongan yang kurang bernasib baik ini supaya mereka mempunyai peluang pendidikan awal untuk membolehkan mereka menjalankan pendidikan seterusnya dengan lebih berjaya dan mempunyai peluang yang lebih baik daripada peluang yang ada sekarang ini.

Malangnya Tuan Pengerusi, semuanya ini bergantung kepada kedudukan kewangan kerana kita sebenarnya mempunyai lebih 13,000 kakitangan KEMAS. Kita mempunyai lebih 8,000 kelas KEMAS tabika. Kita mempunyai warga kerja yang ramai dan ramai pula yang diambil secara kontrak. Umpamanya, kita mempunyai 2,500 orang yang digaji secara kontrak untuk menjalankan kelas-kelas untuk kanak-kanak, di samping 454 orang secara kontrak untuk menjalankan kursus-kursus kemahiran seperti kelas jahitan, masakan dan seterusnya.

Maka, saya yakin sekiranya peruntukan mencukupi dapat disediakan, maka bukan sahaja anak-anak kita akan mendapat kemudahan yang lebih baik dari segi kelas-kelas yang lebih sempurna, di samping guru-guru yang lebih bermutu, lebih berkeelayakan dan mungkin diadakan secara bergaji tetap, pengambilan secara tetap. Namun begitu, buat masa ini KEMAS sedang menjalankan perubahan struktur dan satu perubahan untuk meningkatkan lagi kemampuan KEMAS sebagai sebuah agensi, baik dari segi tahap profesional, profesionalisme kakitangannya mahupun dari segi kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Tetapi, ia akan memakan masa kerana *coverage* dengan izin, dari segi jumlah kakitangan dan juga dari segi jumlah kelas-kelas yang diwujudkan, ianya terlalu banyak. Soal sama ada ianya perlu diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran, ini adalah satu soal yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan. Namun, apa juga keputusan yang dibuat, yang pasti ialah peruntukan yang lebih besar adalah diperlukan. Kemudahan-kemudahan seperti ini yang melibatkan lebih 8,000 kelas umpamanya, mesti memerlukan perbelanjaan untuk mengubahsuai, untuk memperbaiki di samping menggaji guru-guru seperti mana yang diperlukan, sama ada di bawah KEMAS ataupun di bawah kementerian lain.

Jadi, saya merasakan bahawa buat masa ini apa yang cuba dilakukan oleh kerajaan ialah untuk memperbaiki keadaan secara *gradual*, memandangkan batasan-batasan yang ada kepada kita, dengan peruntukan-peruntukan yang agak terhad. Sekiranya peruntukan yang tidak terhad ataupun lebih besar dapat diperuntukkan, maka saya yakin ianya bukanlah merupakan satu masalah besar.

Keduanya, mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya agak bimbang sama ada perkara tersebut perlu dibincangkan di sini kerana ia sudah tentu di luar daripada peruntukan masa dan juga butir-butir yang perlu dibahaskan di peringkat Jawatankuasa. Namun kita mempunyai maklumat yang cukup untuk mempertahankan kedudukan agensi kita dan juga Jabatan Orang Asli.

Mungkin untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, barangkali mencukupi untuk saya menyatakan bahawa sebenarnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sememangnya terlibat dari awal lagi untuk membantu golongan Orang-orang Asli yang terlibat dalam pengambilan tanah mereka yang digunakan oleh mereka dan pampasan yang perlu diberikan kepada mereka. Bahkan sejak awal-awal lagi Jabatan Orang Asli merupakan satu jabatan yang cuba mencari penyelesaian dengan menganjurkan beberapa perbincangan, pertemuan sehingga satu jumlah yang dituntut pada masa itu yang jauh kurang daripada jumlah RM38 juta yang telah dipersetujui pada prinsipnya tetapi oleh sebab tindakan-tindakan susulan yang perlu dari segi penilaian dan sebagainya, sehinggalah kes ini terpaksa dibawa ke mahkamah oleh pihak-pihak tertentu sehingga ia menjadi kes mahkamah dan ditentukan oleh mahkamah.

Penentuan penting yang telah dibuat oleh mahkamah dalam memberi bayaran sebanyak RM38 juta, untuk makluman Yang Berhormat, ialah pembayarannya dibahagikan kepada dua. Satu, sejumlah RM22 juta dimasukkan ke dalam satu tabung *Trust Fund* untuk digunakan bagi pembiayaan keluarga ini secara bulanan bertahun-tahun selama yang perlu dan tabung ini telah dibentuk satu *trustee*, dengan izin, bukan *trustee* awam tetapi *trustee private (private trustee)* yang meliputi peguam-peguam yang terlibat, dan Ketua Pengarah Jabatan Orang Asli hanya merupakan satu *trustee* tambahan kepada jumlah RM22 juta ini.

Satu lagi jumlah yang ditentukan iaitu lebih kurang RM16.5 juta yang merupakan *interest* dan sebagainya, yang dibenarkan atau diperuntukkan oleh mahkamah, diputuskan oleh mahkamah untuk dimasukkan ke dalam akaun peguam

(*client's account*). Sebahagiannya digunakan untuk guaman dan sebahagian lagi akhir-akhirnya perlu digunakan untuk pembayaran pampasan kepada mereka yang menuntut pampasan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey.

Tuan Lim Kit Siang: [*Switch mikrofon lambat berfungsi*] RM16 juta itu ialah merupakan *interest*, itu silap. *Judgement* sebenarnya ialah RM26.5 juta, *interest* ialah RM11.5 juta. Jumlah RM16 juta bukan *interest*. *Interest* ialah pampasan yang asal ialah RM26.5 juta manakala *interest* ialah RM11.5 juta. Itu maklumat silap yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, tetapi ...

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi apa yang betul ialah satu *trust fund* ada ditubuhkan sebanyak RM20 juta, yang saki-baki sebanyak RM16 juta akan digunakan untuk bayaran guaman dan saki-baki itu untuk Orang-orang Asli yang berkenaan. Okey?

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey. Yang pasti saya rasa, yang penting di sini kerana hujah saya akan berkisar kepada jumlah RM22 juta. Soal pembahagian mungkin kita boleh teliti kembali, sama ada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur itu lebih menepati fakta daripada apa yang saya sebutkan. Tetapi yang pentingnya, jumlah RM22 juta ini dimasukkan ke dalam *trust fund* dan *trust fund* inilah yang melibatkan salah satu *trusteenya*, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, dan itu pun sebagai *trustee* tambahan, yang keempat. Jumlah RM22 juta ini masih ada. Soalnya jumlah yang lebih kurang RM16 itu yang dipersoalkan.

Sebenarnya Jabatan Orang Asli tidak tahu menahu tentang RM16 juta ini kerana ia bukan merupakan *trustee* kepada jumlah RM16 juta ini. Ia merupakan *trustee* kepada jumlah RM22 juta sahaja. Dan dalam hal itu kita mempunyai tanggungjawab, walaupun berbagai-bagai cara yang kita usahakan untuk memastikan wang ini digunakan dengan baik telah mendapat bantahan daripada peguam. Bahkan jumlah RM16 juta ini pihak peguam tidak langsung mahu kita campuri kerana katanya ia adalah keputusan mahkamah yang meletakkan wang itu di dalam *lawyer's account*, *client's account* bersama *lawyer*.

Jadi kita tidak boleh dipersalahkan kalaulah itu merupakan satu keputusan mahkamah yang meletakkan sejumlah RM16 juta itu di bawah satu akaun di luar daripada jagaan Ketua Pengarah, Jabatan Orang Asli. Maka manalah boleh kita mengatakan bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah tidak dapat mengawal dengan baik kerana ia di luar daripada jagaan pemegang amanah.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Switch mikrofon lambat berfungsi*] Dua bahagian di sini. Yang pertama ialah *trust* untuk jumlah RM22 juta di mana Ketua Pengarah JHEOA ialah seorang *trustee* keempat tetapi seorang *trustee*.

Bahagian yang kedua ialah bagi jumlah RM16 juta. Sekurang-kurangnya saya berterima kasih bahawa ada pengakuan bahawa maklumat yang pertama yang disampaikan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang kemungkinan ada di sini, adalah salah oleh sebab pada masa itu dikatakan pendirian JHEOA ialah "JHEOA tidak pernah terlibat dalam isu ini". Sekarang kita dengar bahawa pada awal-awal lagi JHEOA sudah terlibat. Betul, saya pun tahu.

Kedua, mengenai bahagian atau penyertaan JHEOA di dalam *Trust* RM22 juta ini, bukankah benar bahawa kenapa kita mendapat satu laporan bahawa JHEOA tidak terlibat langsung? Bukankah benar bahawa sungguhpun Ketua Pengarah JHEOA dinamakan sebagai seorang *trustee* tetapi dia tidak pernah mengambil apa-apa bahagian dalam Trust RM22 juta itu, kenapa? Itu bahagian pertama.

Bahagian kedua, sebanyak RM16 juta. Benar, jumlah itu luar daripada *trust* tetapi bukankah tanggungjawab JHEOA yang ditubuhkan oleh kerajaan dan diberi satu mandat untuk membela nasib Orang Asli yang mundur, yang perlu dibantu supaya mereka tidak menjadi mangsa buaya-buaya semua jenis, termasuk semua jenis guaman, bukankah ini tanggungjawab

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: tanggungjawab JHEOA? Akhirnya bagaimanakah JHEOA boleh kata yang mereka tidak bertanggungjawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, jangan panjang sangat fasal ini tidak termasuk Orang Asli.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya. Memang apa yang saya jelaskan JHEOA ada terlibat, dan memang JHEOA terlibat dari awal-awal lagi untuk menjaga

kepentingan Orang-orang Asli yang membuat tuntutan ini. Kita ada rekod perkara ini – ada perjumpaan daripada tahun berapa dan seterusnya. Soal sama ada JHEOA tidak terlibat langsung, itu saya tidak tahulah siapa yang membuat kenyataan itu. Mungkin pada masa itu Yang Berhormat yang membuat kenyataan tersebut tidak mendapat maklumat sepenuhnya.

Tuan Lim Kit Siang: Sepenuhnya.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Jadi ...

Tuan Lim Kit Siang: Maklumat saya betul, dalam rekod.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Jangan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang tidak betul ialah kerajaan.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Jangan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh *check*.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, tidak payahlah hendak bertempik-tempik. Kita hendak mencari satu penyelesaian, mencari keadaan sebenarnya. Tidak payah Yang Berhormat hendak bercakap kasar. Saya bersedia memberi maklumat ini walaupun sepatutnya tidak dibincangkan dalam masa ini. Jadi sepatutnya Yang Berhormat memberi sedikit terima kasih kepada saya. *[Ketawa]* Janganlah terlalu ghairah..... *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun hendak menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang penting di sini ialah yang mana yang diputuskan oleh mahkamah sebanyak RM22 juta yang dimasukkan di dalam *Trust Account* ini terpelihara. Yang RM16 juta diputuskan oleh mahkamah untuk dimasukkan terus ke dalam akaun Tetuan Khanna & Company, mana boleh lagi kita hendak kacau? *Lawyer* pun tidak bagi kita kacau. Ini keputusan mahkamah. Yang Berhormat menghormati keputusan mahkamah begitu juga dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, apa lagi yang hendak mahu? Jadi apa yang terjadi dengan RM16 juta di bawah jagaan syarikat guaman, kalau kita bertanggungjawab, Yang Berhormat pun bertanggungjawab. Kita rakyat yang prihatin, yang perlu.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit, sedikit, satu masalah.

Seorang Ahli: Cukuplah, cukuplah.

[Dewan gamat seketika]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Nanti dahulu, minta apa itu?

Tuan M. Kula Segaran: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Janganlah bising, kalau bising saya duduk, saya tutup.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran: Okay, boleh saya minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okay, minta elok-elok ya, okay.

Tuan M. Kula Segaran: Boleh saya pergi..

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Satu sahaja

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran: Boleh saya bagi pandangan saya?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak payah bagi pandangan, minta penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai pandangan undang-undang, mengenai RM16 juta itu, saya pohon agar kementerian ini mendapat pandangan dari peguam dalaman di mana boleh memfailkan satu *intervener* dalam proses mahkamah oleh kerana ada kepentingan untuk JHEOA, mereka boleh memfailkan satu *intervener* untuk mengambil tahu dan mendapat perintah mahkamah selanjutnya supaya RM16 juta yang telah dimasukkan ke akaun peguam itu adalah yang tidak berpatutan, mereka boleh memfailkan perkara itu.

Yang kedua, bayaran RM22 juta sebagai *Trust Account*, berapakah bayaran telah dibuat untuk setiap keluarga, dan dari bila?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okay, maklumat-maklumat itu ada tetapi tidak ada bersama saya sekarang kalau hendak tahu berapa bulan, sebanyak mana, itu ada. Pada masa yang sama kes ini sudah menjadi kes polis. Polis sedang membuat kajian terperinci. Jadi saya rasa eloklah kita serah dan lihat apa yang

ditemui nanti. Saya rasa tidak ada mana-mana pihak yang ingin menyekat ataupun menutup kes ini. Jadi sebanyak mana Yang Berhormat berminat untuk mengetahui apakah yang akan berlaku, begitu jugalah dengan kita kerana kita juga tidak mengetahui sebenarnya apa yang berlaku kepada RM16 juta itu. Jadi saya rasa kita bersabar sahaja.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kes ini sudah menjadi kes polis, kita biarkan sahaja. Yang Berhormat, duduklah sahaja Yang Berhormat, saya pun sudah terlalu lewat malam, jadi saya tidak bagi lagi dah.

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit sahaja, satu ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya tidak boleh bagi lagi Yang Berhormat, lepas ini kita boleh bercakap di luar, tetapi dekat sini sudah tidak boleh lagi.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya boleh belanja minum, kalau hendak, bercakap lagi dengan lebih teliti.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Okay, cukup, cukup Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak tutup, tutup.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, sudah ya. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas nasihat sahabat saya dari belakang ini dia kata terima kasih, saya pun hendak ucap terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dan saya juga harap Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga berasa berterima kasih kepada saya kerana memberi sedikit penjelasan walaupun tidak sepenuhnya. Semoga hubungan baik seperti ini dapat kita teruskan lagi di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,116,300 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,116,300 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ya, Bukit Mertajam, apa lagi?

11.39 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, banyak lagi Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 01001 - Pembinaan Pusat Harian Warga Tua.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah keperluan pusat harian warga tua, merupakan satu fenomena yang baru. Saya rasa adalah ada baiknya bahawa kementerian ini dapat *respond* kepada keperluan semasa ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tetapi saya tidak faham mengapa keperluan yang begitu lama iaitu pusat jagaan kanak-kanak tidak dapat diwujudkan. Apakah sebabnya? Mengapa kita jaga yang warga tua tetapi tidak jaga yang warga muda? Saya memang setuju hendak bayar duit ini untuk bayaran kemajuan kerja tetapi saya rasa, saya ingin dapat tahu di mana pusat harian warga tua kerana di kawasan Bukit Mertajam juga ada pusat harian warga tua, tempat untuk *senior citizen* di Kampung Berapit, tetapi tidak ada warga tua yang menggunakannya. Di sebelahnya di Pusat Bukit Mertajam, di mana tidak ada tempat untuk warga tua ini bersiar-siar ataupun duduk bersembang, tidak ada tempat. Mengapa ia dibina di tempat yang tidak perlu, tetapi tempat yang memerlukannya, ia tidak dibina. Apakah sebabnya? Ini adalah *mismatched*. Adakah ini adalah kerana permintaan ahli Barisan Nasional di sana, jadi walaupun tidak perlu diberikan juga. Di tempat yang perlu, kerana Barisan Nasional tidak minta, jadi tidak diberi.

Saya harap kementerian dapat membina satu tempat, ia tidak perlu berupa satu pusat tetapi satu taman atau satu tempat di mana warga tua di Bandar Bukit Mertajam boleh berkumpul. Ada satu tempat berkumpul untuk berjumpa kawan-kawan yang tua.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu tentang rumah kanak-kanak, Butiran 00104, adakah kita mempunyai rumah kanak-kanak yang secukupnya khasnya kanak-kanak yang kurang upaya, *disabled children* ataupun kita katakan kanak-kanak *special* ini kerana saya mendapati bahawa ramai keluarga yang mempunyai anak-anak kurang upaya ini, mereka sungguh sukar untuk menjaga anak seperti ini. Tetapi kerajaan tidak mempunyai pusat-pusat untuk kanak-kanak seperti ini, kadang-kadang mereka dibiarkan begitu sahaja atau pundikunci di rumah. Saya rasa kalau kita mengatakan bahawa masyarakat ataupun kerajaan ini penyayang, kita perlu menjaga golongan kanak-kanak seperti ini terlebih dahulu daripada yang lain.

Mungkin juga rumah kanak-kanak ini pada masa sekarang boleh memainkan peranan tambahan iaitu kepada keluarga yang termiskin ataupun keluarga ibu tunggal di mana mereka tidak mampu menghantar anak mereka ke pusat penjagaan kanak-kanak swasta, jadi mereka boleh menghantar anak mereka ke rumah kanak-kanak sebagai pusat harian untuk golongan kanak-kanak ini. Saya rasa rumah kanak-kanak pada masa ini pun tidak cukup. Ada ramai keluarga yang miskin, mereka tidak mampu menjaga anak mereka. Kalau anak-anak ini dibiarkan, tidak dijaga pada masa kecil, apabila mereka dewasa, mereka akan menjadi masalah kepada masyarakat. Pada waktu itu, mungkin kos untuk merawat adalah lebih banyak daripada membina pusat kanak-kanak ini.

Jadi saya ingin merayu supaya kerajaan mengambil keutamaan untuk kanak-kanak yang merupakan masa hadapan negara kita. Jadi saya memohon diberi satu laporan, mungkin Setiausaha Parlimen tidak boleh atau tidak sempat untuk menyediakan maklumat yang saya kehendaki, bolehkah ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang sudah pukul berapa?

Puan Chong Eng: Tidak apalah, boleh memberi jawapan secara bertulis, memberikan satu laporan bahawa berapa buah rumah kanak-kanak yang kita ada? Adakah ia mampu menampung semua kanak-kanak yang memerlukannya?

Adakah kementerian akan mengkaji supaya menjadikan rumah kanak-kanak juga sebagai pusat harian kanak-kanak, untuk kanak-kanak dari keluarga yang miskin. Yang terakhirnya saya ingin merayu supaya kementerian mendaftarkan kanak-kanak *autistic* sebagai golongan yang khas kerana keperluan golongan ini adalah tidak sama dengan mereka yang terencat akal ataupun *down syndrome*

children, mereka adalah tidak sama. Cara mereka dilatih adalah berlainan. Kalau kita tidak ada data berapa orang kanak-kanak *autistic* yang kita ada di dalam negara ini, bagaimana kita hendak menyediakan kemudahan pelajaran dan latihan untuk mereka. Jadi, saya rasa adalah penting kementerian ini boleh memainkan peranan yang begitu penting untuk golongan-golongan yang kurang bernasib baik. Kita mesti memberikan keutamaan, jadi saya sokong berilah tambahan peruntukan untuk golongan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab.

11.46 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang selalu berminat dalam perbahasan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada sejumlah 19 Pusat Jagaan Harian Warga Tua di bawah projek khas JKM Negara dan 12 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tua sekarang telah beroperasi dan masih ada tiga lagi belum dapat beroperasi. Ini menunjukkan kementerian ada cadangan untuk mewujudkan Pusat Jagaan Warga Tua yang secukupnya untuk menjaga warga tua.

Cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan pusat harian di Bukit Mertajam ini akan dipertimbangkan. Tadi, Yang Berhormat Bukit Mertajam ada menyebutkan, ada sebuah Pusat Jagaan Harian Warga Tua di Bukit Mertajam, tetapi dalam senarai kita memang tidak ada Pusat Jagaan Harian Warga Tua di Bukit Mertajam. Konsep ini baru dan memerlukan banyak promosi untuk menarik warga tua datang ke pusat ini. Oleh itu kalau ada keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi, kita juga memerlukan kerjasama dari Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam supaya mempromosikan pusat jagaan warga tua itu supaya lebih banyak warga tua boleh datang ke pusat yang berkenaan.

Mengenai pendaftaran kanak-kanak *autistic*, ini sememangnya telah didaftarkan di bawah JKM. Setakat ini JKM mempunyai enam buah Taman Sinar Harapan untuk melatih OKU, AKAR namun masih tidak mencukupi. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebuah lagi dicadangkan untuk dibina.

Mengenai bilangan rumah kanak-kanak, keperluannya akan dikaji dari masa ke semasa dan akan menambahkan dalam..

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chew Mei Fun: ..saya habiskan dahulu ya. .. menambahkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, mengikut jawapan yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa pada masa sekarang pendaftaran kanak-kanak *autistic* tidak spesifik. Ia hanya digolongkan sebagai umum, sebagai kanak-kanak yang kurang upaya. Yang saya cadangkan ialah supaya dia didaftarkan sebagai kanak-kanak *autistic* kerana keperluan mereka adalah tidak sama dan cara untuk melatih mereka adalah juga tidak sama. Jadi, saya berharap kementerian dapat melakukan pendaftaran secara khas untuk golongan ini, supaya peluang pelajaran golongan ini dapat dijaga. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Ya, cadangan Yang Berhormat ini saya akan bangkitkan di dalam mesyuarat kementerian dan mungkin akan diberikan pertimbangan. Pusat Jagaan Kanak-kanak atau TASKA dikendalikan oleh pengusaha-pengusaha swasta atau NGO, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM bertanggungjawab mendaftar TASKA atau Pusat Jagaan Kanak-kanak di bawah Akta Taman Asuhan 1983 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Saya rasa sudah menjawab hampir semua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM12,979,710 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Kedua bagi tahun 2003 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM12,979,710 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2003.

Ahli-ahli Yang Berhormat malam ini adalah malam dalam sejarah jadi ada Usul dan Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri dijemput.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat dan juga Usul yang telah diputuskan tadi saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang dan perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan juga Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2003 akan disambung pada hari esok”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.54 malam